Fiqh Aqalliyat
Fiqh Minoriti

Dr. Yusuf Qaradhawi

Alih Bahasa:
Ustadz Muhammad Haniff Hassan

Dengan nama Allah yang maha Pengasih dan maha Penyayang

PENDAHULUAN

Segala puji bagi Allah yang sentiasa berkata benar dan menunjukkan jalan yang lurus. Selawat dan salam ke atas nabi Muhammad serta ahli keluarga, para sahabatnya dan ke atas sesiapa sahaja yang mengikut jejak langkah mereka.

Pihak Sekretariat Umum pertubuhan *Rabitah Al-`Alam Al-Islami* telah meminta dari saya untuk menulis satu kajian mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan hukum Fiqh bagi golongan minoriti Muslim di Barat untuk dibentangkan di persidangan Islam antarabangsa yang akan dianjurkan oleh Rabitah di Mekah. Adapun yang dimaksudkan dengan masalah-masalah yang berkaitan dengan Fiqh ialah masalah-masalah yang menuntut huraian dan rawatan dari Fiqh Islam di bawah petunjuk syariat Islamiah.

Tidak syak lagi bahawa di sana terdapat pelbagai masalah yang dirasai oleh umat islam di pelbagai tempat, termasuk mereka yang berada di dalam negara Islam sendiri iaitu mereka yang hidup di tengah-tengah masyarakat Islam di dunia Islam. Sebahagian dari masalah-masalah ini bersifat masalah individu, sebahagiannya bersifat kekeluargaan, sebahagian bersifat kemasyarakatan dan sebahagian lain pula bersifat perekonomian. Oleh itu, tidaklah pelik jika golongam minoriti Muslim di negara-negara Barat juga mengadu apa yang diadu oleh golongan majoriti Muslim di negara-negara Islam sendiri.

Adapun pelbagai masalah yang menyelimuti umat Islam di pelbagai tempat, ia bukanlah bahan perbincangan kami di dalam kajian ini. Perbincangan kami di sini ialah di sekitar masalah-masalah yang khusus berkaitan dengan golongan minoriti Muslim. Penumpuanini adalah disebabkan persekitaran mereka yang khusus atau kerana masalah-masalah berkenaan lebih mendesak daripada jika ia berlaku di dalam negara-negara Islam.

Realiti berkenaan telah menjadikan umat Islam di negara-negara Barat, sejak mereka mula kembali kepada diri sendiri dan merasa akan identiti mereka, menganjurkan pelbagai sesi forum dan perbincangan untuk mengkaji penyelesaian-penyelesaian bagi masalah kehidupan mereka yang berkaitan dengan agama mengikut petunjuka syariat Islam.

Sejak beberapa dekad yang lalu, dua forum telah dianjurkan di Perancis. Kedua-dua forum itu telah diatur dan diselia oleh Persekutuan Pertubuhan-pertubuhan Islam di Perancis. Ia telah menjemput beberapa ulama yang perihatin mengenai golongan minoriti Muslim serta masalah-masalah mereka dari sudut Fiqh dan amalan[1].

Tajuk kedua-dua forum pada ketika itu terhad masalah-masalah fiqh yang dihadapi oleh minoriti Muslim di Barat secara umum dan di Perancis secara khusus seperti masalah menetap di negara-negara Barat, memperolehi kerakyatan negara-negara ini, perkahwinan dengan perempuan Eropah bukan Muslim untuk mendapatkan kerakyatan, perkahwinan dengan wanita lain mengikut tradisi yang menyalahi undang-undang, lelaki yang menceraikan isteri mengikut undang-undang sivil yang berkahwin dengan perempuan itu semata-mata kerana iangin mendapatkan bantuannya, mengambil .... dari negara.....

Forum-forum ini telah mengeluarkan beberapa fatwa dan keputusan yang penting setelah melakukan perbincangan yang mendalam. Malangnya, sepengetahuan saya, segala fatwa-fatwa dan keputusan-keputusan itu disebarkan sehingga kini.

[1] Di antara para ulama berkenaan ialah Ustaz Mustafa Az-Zarqa, Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, Dr. Sayyid Ad-Darsy, Sheikh Manna' Al-Qattan, Sheikh Abdullah b. Biyyah, Sheikh Muhammad Al-`Ajalan, Dr. Nasir Al-Maiman, Sheikh Faisal Mawlawi, Dr. `Isam Al-Basyir, beberapa sahabat yang berkerja di Barat serta penulis sendiri.

Faktor yang sama juga telah mendorong mereka yang perihatin akan hal ehwal Islam di negara-negara berkenaan seperti Persekutuan Pertubuhan-pertubuhan Islam di Eropah untuk menyeru pembentukan Majlis Fatwa dan Kajian Eropah. Fungsi utamanya ialah untuk mengkaji dan memberi perhatian terhadap persoalan Fiqh Minoriti Muslim serta segala masalah yang memerlukan huraian mengikut petunjuk syariat Islam, sejajar dengan Fiqh Islam yang kontemporari yang memerhatikan aspek masa, tempat, adat dan keadaan.

Majlis ini telah menganjurkan sebanyak 6 .... berkaitan dengan beberapa isu atau masalah-masalah yang dikemukakan kepadanya. Kajian-kajian telah dibentangkan di dalamnya. Ahli-ahlinya telah membincangkan isu-isu berkenaan secara bebas, terbuka dan mendalam. Pada kebanyakan pertemuan-pertemuan itu, ia mengeluarkan fatwa-fatwa dan ketetapan-ketetapan. Sebahagiannya dikeluarkan secara ijma' (sepakat) dan sebahagian yang lain secara majoriti sebagaimana yang biasa berlaku dalam majlis-majlis akademik yang lain dan sebagaimana juga yang berlaku dalam perkara-perkara yang bersifat ijtihadi yang sukar, bahkan mungkin tidak boleh, untuk sesiapa pun bersepakat kerana mereka berbeza dari segi kecenderungan untuk melihat apa yang tersurat atau apa yang tersirat dan dari segi kecenderungan untuk ketata atau memudahkan. Hakikatnya, tiada apa-apa masalah bagi manusia untuk berbeza dalam perkara berkenaan kerana umat yang lebih baik dari mereka iaitu para sahabat dan tabi`in telah berbeza pendapat juga. Namun, hati-hati metreka atidak berselisih walau pun pendapat-pendapat mereka berbeza. Mereka saling memberi ruang antara satu sama lain dan saling bersolat di belakang satu sama lain.

Beberapa sahabat di Amerika pada bulan November 1999 juga telah menganjurkan satu persidangan para ulama syariah di sana. Saya amat gembira dapat menyertainya. Beberapa isu telah dikemukakan di dalamnya dan beberapa fatwa penting dapat dihasilkan di dalamnya.

Kesemua ini menunjukkan bahawa umat Islam, walau pun mereka itu minoriti di sebahagian negara, namun mereka mula memperteguhkan identiti diri serta menonjolkannya dari segi kata-kata dan perbuatan, khususnya dari sudut kerja berorgansasi. Ini sememangnya merupakan berita gembira dan persiapan bagi hari esok yang lebih baik, insyaAllah.

Ia sejajar dengan berita-berita baik bagi umat Islam yang dapat diceduk dari Al-Quran, Sunnah, sejarah, realiti dan sunnah Allah taala sebagaimana firmanNya yang bermaksud

(At-Taubah : 32-33)

Saya amat mengalu-alukan usaha penulisan dalam isu ini kerana saya amat yakin akan kepentingannya. Saya sendiri amat sibuk dengan isu ini sejak dulu lagi. Iaitu sejak saya memulakan lawatan ke Eropah, Amerika dan negara-negara Timur Jauh sejak lebih kurang suku abad yang lalu. Di dalam pelbagai persidangan, forum dan pertemuan yang saya sertai atau setelah ceramah-ceramah yang saya sampaikan, saya telah dikemukakan pelbagai soalan. Soalan-soalan itu telah membuka mata saya akan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Muslim yang hidup di tengah-tengah masyarakat bukan Muslim sebagai golongan minoriti di pelbagai tempat.

Saya menjadi perihatin terhadap masalah ini melalui pelbagai bentuk dan cara.

Pertama kali masalah ini mula timbul dalam kitab saya *Al-Halal Wa Al-haram Fi Al-Islam (Halal dan Haram Dalam Islam)*. Para ulama kanan di Al-Azhar telah menugaskan saya untuk menulis buku ini bagi menjawab permintaan para pelajar Muslim di negara-negara Barat yang berkaitan 30 tajuk. Mereka meminta agar ia ditulis dalam bahasa yang sesuai dengan mereka dan mengambilkira keadaan mereka.

Ia juga timbul dalam kitab saya *Fatawa Mu`asirah (Fatwa-fatwa Kontenmporari)* yang sebanyak 3 jilid.

Ia juga timbul dalam program keagamaan saya di saluran tv, khususnya saluran *Asy-Syariah Wa Al-Hayah (Syariat dan Kehidupan)* yang di tayangkan melalui *Al-Jazeerah* di Qatr. Ia kemudiannya menjadi satu program yang amat popular dan mempunyai ramai penonton di merata dunia. Ia disiarkan pada setiap petang Ahad.

Begitu juga dengan program *Al-Muntada* yang kemudiannya dinamakan dengan *Al-Minbar* di saluran tv Abu Dhabi dan disiarkan pada setiap petang Sabtu.

Ia juga timbul dalam halaman Al-Qaradhawi di internet yang diselia oleh syarikat media *Afaq* di Qatr.

Kemudian di halaman web Islam antarabangsa yang unik *Islam Online* yang mempunyai sesi soal jawab bersama golongan minoriti Muslim di Barat dan di Timur.

Akhir sekali ia timbul dalam penglibatan saya di Majlis Kajian dan Fatwa Eropah yang mana para pengasasnya telah melantik saya sebagai pengerusai bagi majlis berkenaan. Tugas utama saya ialah untuk membangun keupayaan fiqh golongan minoriti Muslim, membimbing mereka, menjawab kemusykilan mereka dan berusaha untuk mewujudkan huraian-huraian bagi masalah-masalah mereka dalam bidang agama, kemasyarakatan, ekonomi, kebudayaan dan politik sejajar dengan petunjuk syariat Islam dan prinsip-prinsipnya.

Majlis berkenaan telah mengeluarkan beberapa fatwa yang baik dalam bidang-bidang yang penting. Ia telah menjawab banyak soalan-soalan yang dilontarkan di benua Eropah yang sejak lama dahulu menanti jawabannya.

Namun usaha ilmiah di sekitar persoalan golongan minoriti Muslim ini memerlukan tindakan yang mendasarkannya atas asas-asas syariat. Sehingga dengan itu, segala persoalan *furu'* (cabang) di kembalikan kepada prinsip-prinsipnya. Perlulah juga meletakkan prinsip-prinsip yang tetap sebagai kerangka ilmiah bagi fiqh ini agar dapat meluruskan dan mengatur perjalanannya sejajar dengan dasar-dasar dan tujuan-tujuan syariat yang mengatur segala persoalan *furu'* (cabang).

Oleh itu,permintaan *Rabitah Al-Alam Al-Islami* merupakan satu peluang bagi menjelaskan *manhaj* (bagi fiqh minoriti Muslim, pent.) dan kerangka ilmiah bagi *manhaj* berkenaan. Semoga ia dapat diterima oleh para ilmuwan dan pemikir atau dapat mematangkannya lagi dengan kajian dan perbincangan tambahan. Semoga kajian pertama ini dapat membuka pintu bagi sesiap yang berhasrat untuk mendalaminya atau meluaskan ufuknya sehingga dapat menambah lagi perkembangan dan sinarnya. Diharapankan juga usaha ini dapat memberi maklumbalas yang bermanfaat dan membina. Sesungguhnya tiada seorang pun yang boleh dikatakan sebagai ulung dalam persoalan ilmu kerana di atas setiap seorangyang berilmu ada yang lebih berilmu darinya.

Saya bermohon dari Allah taala agar menjadikan kita semua faham akan agama kita. Semoga Allah taala juga mengurniakan kita cahaya untuk kita berjalan di tengah kegelapan serta pembeza *(furqan)* yang membolehkan kita berhukum dalam perkara-perkara yang samar-samar. Semoga Allah taala juga menunjukkan kita semua apa yang benar itu sebagai satu kebenaran dan mengurniakan kekuatan untuk mengikutinya dan apa yang batil itu adalah kebatilan dan mengurniakan kekuatan untuk kita jauhi.

Segala puji bagi Allah taala Tuhan sekalian alam.

Doha, Rabiul Akhir 1422H – Julai 2001M.

Hamba yang fakir di sisi Tuhannya

Yusuf Al-Qaradhawi

MINORITI MUSLIM DAN MASALAH MEREKA DARI SUDUT HUKUM FIQH

Pengertian Istilah Minoriti

Apakah yang dimaksudkan dengan istilah ‘minoriti’ yang akan kami bincangkan di sini?

Perkataan ini luas digunakan di zaman ini disebabkan telah berlaku banyak penghijrahan manusia dan keadaan dunia yang semakin ‘dekat’.

Apa yang dimaksudkan dari perkataan ‘minoriti’ ialah sesuatu kelompok manusia di sebuah negara yang berbeza dari kebanyakan penduduk negara itu. Perbezaan itu mungkin dari sudut agama, ikutan mazhab, keturunan, bahasa dan lain-lain dari perkara-perkara asasi yang membezakan antara sekelompok manusia dengan kelompok yang lain.

Sebagai contoh ialah kaum minoriti Muslim yang berada di tengah masyarakat Kristian di Barat atau yang berada di tengah masyarakat Hindu di India atau di tengah masyarakat Buddhist di Cina. Mereka berbeza dari kelompok majoriti dari segi aqidah dan agama.

Contoh yang lain ialah kaum minoriti Kristian di Mesir, Syria, Iraq dan yang seumpamanya. Begitu juga kaum minoriti Yahudi di Moroko, Iran, Turki dan sebagainya. Juga kaum minoriti Katolik di kebanyakan negara di dunia.

Terdapat juga kaum minoriti disebabkan keturunan seperti kaum minoriti berketurunan Barbar di Algeria dan Moroko serta kaum minoriti berketurunan Kurdi di Iraq, Iran, Turki dan Syria.

Terdapat juga kaum minoriti disebabkan bahasa pertuturan seperti kaum minoriti yang bertutur dengan bahasa Perancis di Kanada (di Montreal dan sekitarannya).

Namun kaum minoriti yang paling terserlah di dunia ialah kaum minoriti yang bersebabkan agama. Di kalangan kelompok-kelompok inilah yang tercetus pelbagai masalah di sini-sana.

Di antara sifat umum kaum minoriti ialah selalunya, ia berada dalam posisi yang lemah di hadapan kaum majoriti. Umumnya jumlah yang banyak menunjukkan kekuatan dan jumlah yang sedikit menunjukkan kelemahan.

Al-Quran menyebut jumlah yang banyak sebagai satu pemberian, peringatan dan nikmat. Seperti yang dinyatakan melalui lidah Syu`aib a.s ketika dia berkata kepada kaumnya;

“Dan ingatlah pada ketika kamu dahulu sedikit lalu Dia menjadikan kamu ramai.” (Al-A`araf : 86)

Demikian juga firman Allah taala mengenai pemberiannya kepada orang-orang Muhajirin setelah Perang Badr;

“Dan ingatlah pada ketika kamu berjumlah sedikit dan tertindas di muka bumi (Mekah), kamu takut orang-orang (Mekah) akan menculik kamu, maka Allah memberi kamu tempat untuk menetap (Madinah) dan menjadikan kamu kuat dengan pertolonganNya.” (Al-Anfal : 26)

Seorang penyair Arab dahulu berkata

“Sesungguhnya kemuliaan itu untuk yang ramai.”

Amru b. Kalsom dengan penuh bangga pula bercakap mengenai kaumnya yang ramai;

“Kami memenuhi daratan sehingga ia menjadi sempit bagi kami
Dan laut kami penuhi berkapal-kapal.”

Samau`al pula berkata secara apologetik mengenai kaumnya yang sedikit;

“Ia menghina kami kerana jumlah kami yang sedikit
Lalu aku katakan kepadanya
‘Sesungguhnya orang-orang yang mulia
sememangnya amat sedikit’.”

Sering kali jumlah yang sedikit menyebabkan kaum minoriti menghadapi kezaliman dan penindasan dari kaum manoriti. Khususnya apabila kaum majoriti dikuasai sifat fanatik dan sombong terhadap orang-orang lain.

Oleh sebab itu, kita lihat orang-orang minoriti di pelbagai pelusuk dunia saling bersatu dan berganding bahu antara satu sama lain agar mereka dapat menjaga identiti mereka di hadapan kaum majoriti.

Namun, minoriti Muslim adalah kelompok manusia yang paling sedikit usahanya untuk bersatu dan berganding bahu. Sedangkan ajaran agama mereka menyuruh mereka untuk saling menyokong, menguatkan ikatan dan bantu-membantu antara sesama mereka dalam perkara kebaikan dan ketakwaan, bukan dalam perkara dosa dan permusuhan. Ini berdasarkan konsep persaudaraan Islam yang mengikat antara mereka serta aqidah Islam yang menjadikan mereka seperti tubuh yang satu.

Minoriti Muslim

Jika di lihat dari sudut negara yang dihuni, kaum muslimin terbahagi kepada dua kelompok.

Bahagian pertama ialah mereka yang hidup di negara yang dinamakan oleh ahli-ahli fiqh sebagai ‘Darul Islam’. Dalam ungkapan kita hari ini ialah di dalam masyarakat Islam atau negara-negara Islam.

Iaitu negara-negara yang majoriti penduduknya ialah orang-orang Islam yang mengumumkan keIslaman mereka. Paling kurang, melaksanakan syi`ar-syi`ar agama mereka seperti melaungkan azan, mendirikan solat, berpuasa, membaca Al-Quran, mendirikan masjid, mempunyai keizinan untuk menunaikan haji dan yang seumpamanya. Mereka boleh mengamalkan undang-undang peribadi seperti undang-undang perkahwinan, perceraian dan lain-lain mengikut hukum agama mereka.

Bahagian kedua ialah mereka yang hidup di luar ‘Darul Islam’ jauh dari masyarakat Islam atau dari dunia Islam. Bahagian ini pula terbahagi kepada dua jenis.

Jenis pertama ialah penduduk asal sebuah negara yang menganut Islam sejak dahulu tetapi mereka dianggap kaum minoriti jika dibandingkan dengan penduduk asal lain yang bukan Islam. Kadangkala minoriti Muslim yang seperti ini berjumlah amat besar seperti minoriti Muslim India yang mencapai jumlah 150 juta. Ada pula yang berjumlah kurang dari itu. Bahkan sebahagian minoriti Muslim tidak mencapai jumlah lebih dari beberapa ribu sahaja.

Termasuk dalam jenis pertama ini ialah beberapa juta minoriti Muslim di Amerika Utara yang berasal dari mereka yang di tawan dari Afrika dan diperhambakan.

Begitu juga minoriti Muslim yang berjumlah beberapa juta di Eropah Timur seperti di Bulgaria dan lain-lain.

Jenis kedua ialah kelompok yang datang dari negara-negara Islam tetapi berpindah ke negara-negara bukan Islam samada untuk bekerja di sana, berhijrah, belajar atau sebab-sebab lain yang dibenarkan oleh syara’. Mereka mendapat izin untuk menetap secara sah. Sebahagian dari

mereka pula mendapat kerakyatan lalu memperoleh hak menetap dan mengundi serta hak-hak lain yang diperuntukkan oleh perlembagaan negara-negara itu.

Minoriti Muslim Di Barat

Di Barat terdapat minoriti Muslim di Eropah Barat dan Timur. Sebahagian dari mereka ialah penduduk asal seperti sebahagian rakyat Turki, rakyat Albania, Bosnia Herzegovina, Kosovo dan Macedonia. Sepatutnya mereka ini tidak dianggap sebagai minoriti Muslim kerana negara mereka sebenarnya adalah negara Islam. Begitu juga orang-orang Islam di Crotia, Serbia, Gunung Hitam (Black Mountain), Bulgaria dan lain-lain. Mereka semua adalah penduduk asal.

Di sana juga terdapat kelompok dari kalangan penduduk Eropah Barat yang baru menganut Islam dan juga kelompok pendatang Moroko di Perancis.

Di Perancis terdapat kelompok pendatang beragama Islam yang terbesar. Mereka berjumlah sekitar 5 juta. Sebahagian dari mereka telah mendapat kerakyatan Perancis dan yang lain menetap dengan izin sah serta memiliki hak-hak tertentu.

Begitu juga kelompok pendatang beragama Islam di Jerman. Kebanyakan mereka dari orang-orang Turki. Mereka dianggarkan mencapai jumlah 3 juta orang dan dilahirkan di Jerman.

Di Britain terdapat pula kelompok pendatang beragama Islam di Britain yang kebanyakannya datang dari negara-negara Komonwel seperti India, Pakistan, Bangladesh dan lain-lain.

Terdapat juga orang-orang Islam di beberapa negara Eropah Barat – Belanda, Belgium, Austria, Itali, Sepanyol, negara-negara Skandinivia dan lain-lain.

Sejak beberapa ketika dahulu, orang-orang Islam di Eropah sudah mula merasa akan jati diri mereka. Kebangkitan Islam juga telah mula melanda mereka, sehingga mereka mewujudkan pelbagai institusi keagamaan, kebudayaan, kemasyarakatan dan ekonomi untuk memelihara identiti mereka. Sebagai contoh masjid-masjid bagi melakukan solat, sekolah-sekolah bagi pendidikan anak-anak mereka dan pelbagai kuliyah serta universiti bagi melahirkan golongan pakar dari kalangan mereka.

Di antara institusi yang disebut-sebut di kalangan pendatang Islam di Eropah ialah Kesatuan Pertubuhan-pertubuhan Islam (Federation of Islamic Organisations in Europe) dan Institut Eropah Bagi Pengajian Islam di Perancis - beberapa kumpulan telah lulus darinya - dan yang seumpamanya di Britain. Begitu juga Majlis Eropah Bagi Fatwa dan Kajian. Ia telah mengadakan sebanyak tujuh pertemuan dan mengeluarkan beberapa fatwa dan pesanan-pesanan yang penting untuk menghuraikan masalah-masalah orang-orang Islam mengikut panduan nas-nas dan tujuan-tujuan syara'.

Terdapat juga institusi-institusi seperti Yayasan Islam (Islamic Foundation) dan Dar Ar-Ri`ayah Al-Islamiyah di Britain, Pusat Islam di London dan beberapa pusat-pusat Islam di Paris, Rome, Dublin, Ireland, Munich, Aachen, Cologne di Jerman, di Geneva dan lain-lain tempat di Switzerland serta di beberapa negara Barat yang lain.

Di Amerika Utara dan Kanada juga terdapat orang-orang Islam. Jumlah mereka dianggarkan sekitar 7 juta orang. Kebanyakan mereka berasal dari Afrika. Mereka diculik dari negara-negara masing-masing dan dibawa dengan rantai perhambaan sedangkan mereka adalah manusia yang merdeka. Dahulu, mereka dikenakan pelbagai bentuk siksaan dan denda. Ramai diantara mereka terbunuh kerana penyakit atau siksaan.

Ramai di antara mereka kembali kepada asal-usul mereka setelah penghambaan dimansukhkan. Mereka kemudian mendapat tahu bahawa asalnya, mereka adalah orang-orang Islam anak kepada orang Islam. Pada awalnya, kebanyakan mereka mengamalkan Islam yang

menyeleweng dan terpesong. Namun Allah kemudian mengurniakan mereka dengan orang-orang baik yang membetulkan amalan agama mereka. Lalu mereka kembali mengamalkan Islam yang benar setelah terkeluar darinya. Mereka bergabung ke dalam kafilah Islam yang besar.

Kemudian datang pula para pendatang baru dari negara-negara Arab dan Islam yang bergabung dengan mereka setelah mendapat kerakyatan Amerika dan Kanada serta kelompok yang mendapat izin menetap di sana.

Mereka mempunyai pelbagai institusi keagamaan, pendidikan, kebudayaan, kemasyarakatan bahkan institusi politik yang sesuai dengan jumlah, aktiviti dan keperihatinan mereka.

Minoriti Muslim Di Timur

Antara yang tidak patut untuk kita lupakan mengenai persoalan minoriti dan pendatang Islam di seluruh dunia ialah minoriti Muslim di Timur. Sebahagian dari mereka merupakan kaum minoriti yang besar seperti minoriti Muslim di India yang dianggarkan berjumlah 150 juta umat Islam. Mereka mempunyai warisan sejarah, masjid-masjid, pusat-pusat pendidikan, kebudayaan dan keperibadian. Mereka terlibat langsung dalam pembinaan tamadun India. Bahkan kebanyakan kesan-kesan sejarah yang kerajaan India bergantung untuk menarik para pelancong dari seluruh dunia ialah kesan-kesan sejarah Islam. Begitu juga mereka mempunyai penglibatan yang kuat dan istimewa dalam perang kemerdekaan dan pertempuran pembebasan dari penjajahan Inggeris.

Terdapat juga negara-negara Islam tulen yang sedikit masa dahulu dianggap sebagai negara minoriti Muslim iaitu negara-negara republik Islam di Asia; Uzbekistan, Tajikistan, Kazakhstan, Azerbaijan dan lain-lain. Pada zaman kewujudan Soviet Union, saya telah berkata

“Sesungguhnya menganggap negara-negara republik ini sebagai minoriti Muslim adalah satu kezaliman yang nyata. Ia sebenarnya adalah republik Islam tulen. Ia telah digabungkan ke dalam Soviet Union secara kekerasan dan paksaan.”

Di Russia pula terdapat sekitar 20 juta orang Islam yang terdiri dari kaum Caucass, Tatar dan pelbagai kaum lain. Di antara mereka ialah orang Chechnya yang sekarang ini masih lagi memerangi Russia untuk mendapatkan kemerdekaan mereka. Mereka tidak merasa apa-apa hubungan dengan orang-orang Rusia, baik dari segi keturunan, bahasa, negara, sejarah atau agama.

Di China terdapat pula puluhan juta orang Islam. Para pegawai rasmi berusaha untuk mengurangkan jumlah mereka sedaya upaya. Dalam komentarnya yang masyhur terhadap buku ‘Dunia Islam Hari Ini’ yang diterjemahkan oleh Prof. Ajaj Nuwaihid, Syakib Arsalan telah menyebut bahawa jumlah orang Islam di zaman itu sejak 70 tahun yang lalu tidak lebih dari 50 juta. Tetapi jika kita hitung jumlah mereka sejajar dengan kadar pertumbuhan penduduk Islam di dunia sepanjang tahun-tahun itu, kita akan dapati bahawa jumlah mereka tidak kurang dari 150 juta orang.

Terdapat beberapa negara yang sebenarnya mempunyai majoriti umat Islam tetapi Barat tetap menganggap negara itu sebagai negara Kristian dan menjadikan orang-orang Islam sebagai minoriti, walau pun angka yang ada membohongi dakwaan mereka. Contoh yang jelas ialah Ethiopia, Eriteria dan Chad.

Terdapat juga minoriti Muslim yang signifikan di negara-negara Asia dan Afrika seperti di Thailand, Burma, Singapura, Sri Lanka, Tanzania, Uganda, Kenya, Ghana, Kongo, Nigeria dan Afrika Utara dan lain-lain.

Perkembangan Hubungan Minoriti Muslim Di Barat Dengan Islam

Hubungan minoriti Muslim dengan agama Islam dari sudut pemikiran, perasaan dan tingkah laku telah melalui beberapa tahap dan peringkat, khususnya bagi golongan pendatang yang berasal dari negara-negara Islam.

Pada peringkat pertama hubungan berkenaan boleh dikatakan sebagai hilang dan terputus. Tiada kesedaran dan keperihatinan yang mencukupi terhadap hubungan mereka dengan Islam dan identiti keIslaman.

Ini bermula setelah Perang Dunia Pertama. Iaitu pada ketika kerajaan khilafah Islam dikalahkan dan Pasukan Bersekutu menang. Dunia Barat ketika itu bersinar dengan tamadunnya. Sedangkan Dunia Islam terjerumus di bawah kekuasaan penjajahan yang sebelum ini belum pernah menjejakkan kaki ke negara itu.

Minoriti Muslim atau boleh kita katakan golongan yang dianggap sebagai minoriti Muslim pada ketika itu terbahagi kepada dua golongan :-

1. Penduduk asal sebuah negara.

2. Pendatang baru dari Dunia Islam.

Kebanyakan Minoriti Muslim yang dikatakan sebagai penduduk asal berada di Eropah Timur dan di dalam negara Russia di bawah kekuasaan tukul besi pemerintah Komunis. Antara mereka ialah penduduk Bosnia Herzegovina, Kosova, Macedonia, Albania, Bulgaria dan lain-lain.

Mereka ini telah menjauhkan diri dari Islam baik dari segi aqidah, syariah, akhlak dan kebudayaan sebagaimana mereka telah menjauhkan diri dari umat Islam keseluruhannya. Sehingga mereka menjadi satu bangsa yang jahil tentang Islam dari segi pemikiran dan jauh dari Islam dari segi kelakuan. Apa yang mengikat mereka dengan Islam hanyalah kalimah syahadah bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasulullah. Ia disampaikan oleh ibu-bapa kepada anak-anak mereka tanpa mereka memahami maksudnya dan tuntutan-tuntutan terhadap mereka yang mengucapkan kalimah itu dari pelbagai kewajiban yang perlu ditunaikan dan larangan yang perlu dijauhi.

Bersama dengan ucapan syahadah itu ialah perasaan keIslaman yang samar-samar terhadap agama Islam, Rasulullah s.a.w, Al-Quran Al-Karim. Mereka mengenali mushaf Al-Quran, namanya dan tulisannya tetapi mereka tidak tahu membacanya. Mereka tidak memperolehi mushaf ini kecuali dengan penuh kepayahan. Sesiapa di kalangan mereka yang memperolehinya dengan sesuatu cara, seolah-olah dia telah terjumpa dengan harta karun yang banyak.

Di zaman itu, minoriti Muslim di republik Islam di Asia yang berada di Soviet Union seperti Uzbekistan, Tajikistan, Kazakhstan, Azerbaijan dan lain-lain telah dikategorikan sebagai minoriti Muslim setelah kemasukan mereka secara paksa ke dalam Soviet Union lalu menjadi sebahagian entiti politiknya. Atas dasar itu, mereka dianggap sebagai golongan minoriti. Namun begitu, pada ketika itu saya berpendapat bahawa negara-negara ini adalah negara Islam. Sifat Islamnya tidak terlucut disebabkan kemasukannya ke dalam Soviet secara dengan kekerasan.

Demikianlah keadaan minoriti Muslim dari kelompok penduduk asal.

Adapun keadaan minoriti kelompok pendatang dari negara Arab dan Islam, dahulunya jumlah mereka adalah sedikit. Pada awalnya, golongan pendatang ini terdiri dari kalangan mereka yang tidak kuat pegangan agamanya. Mereka berhijrah kerana mencari rezeki dan kekayaan.

Sebelum itu, mereka tidak kenal akan dunia Barat. Mereka berpindah dari sebuah negara yang kedudukan Islam berada dalam keadaan yang lemah. Mereka merupakan satu realiti yang khusus. Maka realiti masyarakat yang umum dan keadaan dunia Barat yang berada di puncak kekuasaan dan kemenangan telah menjadikan kaum pendatang ini tidak memikirkan akan identiti

dan tuntutan agama mereka. Natijahnya, generasi pertama khususnya dan generasi kedua hilang serta cair sepenuhnya ke dalam masyarakat yang baru itu kerana ketiadaan aqidah dan kesedaran yang mendinding mereka dari kecairan. Ketika itu, tiada pula sesuatu yang dapat menjaga dan memelihara mereka.

Contoh yang jelas ialah pada para pendatang awal ke Australia. Mereka datang dari bangsa Afghan dan kebanyakan mereka adalah buta huruf. Generasi pertama mereka membina masjid-masjid tetapi mereka berkahwin dengan wanita-wanita Australia dan membesarkan anak-anak mereka mengikut agama ibu-ibu mereka. Setelah itu masjid-masjid yang dibina tinggal sebagai bangunan sahaja. Tiada sesiapa yang memakmurkannya dengan solat, ibadat dan majlis ilmu.

Demikian juga berlaku di Amerika Selatan khususnya di Argentina. Generasi pertama telah tenggelam ke dalam penduduk asal sehingga kita dapati ada di antara mereka yang menganut agama Kristian secara terang-terangan (seperti Carlos Mun`im[1]) dan lain-lain.

Kemudian para pendatang Muslim itu mula menghilangkan debu-debu kelalaian dari mata mereka. Mereka mula merasa cinta terhadap asal usul dan identiti keagamaan mereka; bahawa mereka dahulu mempunyai aqidah tersendiri dan risalah yang membezakan mereka dari yang lain. Mereka mula berhubungan dengan saudara-saudara seIslam mereka di Dunia Islam untuk memohon bantuan dalam mendirikan masjid-masjid dan menghantar para ulama dan pendakwah.

Kemungkinan kesedaran baru ini adalah buah dari anasir-anasir yang ada pada para pendatang yang lama. Anasir itu menghidupkan apa yang telah mati dalam diri mereka dan menggerakkan perasaan. Kemungkinan anasir itu ialah penindasan di negara asal mereka yang yang telah mendorong mereka untuk berhijrah. Mereka lalu berhijrah ke negara-negara berkenaan untuk menanam benih-benih baru yang Allah taala tumbuhkan darinya pelbagai jenis buah yang bermacam warna. *(Disebabkan niat mereka untuk behirjrah adalah baik, Allah hidupkan kembali semangat Islam dalam diri generasi kemudian. Pent.)*

Firman Allah taala

“Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik, seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit. Pohon itu memberikan buah pada setiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu beringat.” (Ibrahim : 24 – 25)

Dengan ini, bermulalah era baru bagi minoriti Muslim, khususnya di kalangan para pendatang. Zaman ini kemudiannya berkembang dari satu peringkat ke satu peringkat dan dari satu tahap ke satu tahap yang lebih kuat dan lebih teguh. Sehinggalah ia mencapai tahap yang dapat kita lihat dan alami di Eropah, dua Amerika, Australia, negara-negara Timur jauh dan Afrika hari ini. Iaitu suasana yang kita namakan sebagai zaman kebangkitan Islam.

Kebangkitan Islam yang baru ini juga menghinggapi orang-orang Islam penduduk asal. Mereka bangkit dari keadaan yang koma dan mula menyertai gerombolan Islam yang bergerak dengan penuh semangat, walaupun ianya berbeza dari satu negara ke satu negara.

Kita boleh membahagikan zaman baru bagi minoriti Muslim kepada peringkat-peringkat berikut;

1. Peringkat kesedaran terhadap identiti.
2. Peringkat kebangkitan.
3. Peringkat bergerak.
4. Peringkat berkumpul.

[1] Calon yang dipilih sebagai Ketua Negara Republik Argentina. Asal usul beliau adalah beragama Islam sebagaimana jelas dilihat dari namanya.

5. Peringkat pembinaan.
6. Peringkat pemantapan.
7. Peringkat interaksi.

Hari ini kita berada di peringkat interaksi yang positif bersama masyarakat. Tiada ruang di peringkat ini untuk beruzlah, merasa berpada untuk diri sendiri dan berhati-hati untuk bersemuka dengan orang lain. Minoriti Muslim telah menjadi teguh di bumi mereka, mempunyai keyakinan diri, bangga dengan diri sendiri, berupaya untuk menyatakan identitinya, mempertahan entitinya serta menonjolkan sifat-sifat khusus mereka. Mereka juga berupaya untuk menyampaikan risalah kemanusiaan dan ketamadunan yang mereka miliki.

Minoriti Muslim di peringkat sekarang ini berusaha untuk menyempurnakan institusi-institusi ilmu, pendidikan dan dakwah mereka. Suatu masa dahulu mereka terlalu mengambil berat tentang pembinaan masjid, dan sememangnya ia adalah penting kerana ia adalah institusi yang terutama dalam masyarakat Islam. Kemudian, mereka mula maju dan mengambil berat untuk mewujudkan sekolah-skeolah agar anak-anak Islam dapat belajar di dalamnya asas-asas agama mereka. Sebagaimana mereka dapat belajar kurikulum pendidikan yang telah ditetapkan untuk anak-anak sebaya mereka.

Kemudian mereka terus berkembang lebih maju. Mereka menubuhkan pula institut-institut pengajian tinggi dan universiti yang mengkhusus dalam pengajian Islam, bagi melahirkan para imam dan pendakwah yang kontemporari, tenaga-tenaga pengajar yang kompeten dan kontemporari dan orang-orang yang alim dalam bidang kontemprari syariat, yang menguasai ilmu-ilmu Islam yang tradisional dan hidup di zamannya, bersama dengan tren-tren, ilmu-ilmu, masalah-masalah dan perkembangannya. Mereka berusaha untuk mengambil dari syariat apa yang dapat menyelesaikan masalah semasa.

Masalah-masalah Fiqh Bagi Minoriti Muslim

Minoriti Muslim, samada dari golongan penduduk asal atau golongan pendatang, sentiasa mengadukan berbagai masalah.

Ada di antaranya adalah masalah dalam bidang politik dari berlakuanya ketidakadilan golongan majoriti ke atas hak-hak mereka dan tiada pemeliharaan terhadap keperluan-keperluan khusus keagamaan mereka.

Antara masalah itu juga ialah dalam bidang ekonomi di mana kebanyakan golongan minoriti itu terdiri dari golongan miskin yang mempunyai pengaruh yang terhad. Mereka dikuasai oleh golongan majoriti yang berpengaruh.

Antara masalah itu pula ialah dalam bidang kebudayaan yang timbul dari dominasi budaya golongan majoriti ke atas institusi pendidikan, media massa, pusat-pusat pendidikan awam dan kehidupan umum. Mereka itu jahil mengenai kebudayaan orang-orang Islam yang membezakan dan menyatakan kepercayaan, nilai dan identiti yang berbeza dari yang lain.

Kebanyakan masalah masyarakat Islam mempunyai elemen fiqh. Hal ini timbul dari keinginan minoriti Muslim di negara-negara berkenaan untuk terus berpegang dengan identiti keagamaan, akidah Islam, syiar-syiar ibadah, hukum-hukum syara' dalam perkahwinan, perceraian dan hal ehwal kekeluargaan. Mereka ingin mengetahui apa yang halal dan yang haram dalam persoalan makanan, minuman, pakaian, urusan perniagaan dan perhubungan dengan manusia, khususnya perhubungan dengan golongan bukan Islam. Adakah mereka menjauhi mereka atau berasimilasi dengan mereka? Pada kadar apa diharuskan asimilasi?

Saya selalu ingat bahawa sejak saya mula menziarahi kaum muslimin di Eropah, Amerika dan Timur Jauh dari sekitar suku kurun atau lebih, saya akan selalu dihujani dengan pelbagai soalan apabila saya mendatangi sebuah bandar atau daerah, atau menyampaikan ceramah atau

pelajaran. Kebanyakan soalan ini sama dan berulang-ulang, kerana kebanyakan mereka hidup dalam satu keadaan yang sama, memikul keprihatinan yang sama dan mengadukan masalah yang sama atau hampir sama.

Bagi golongan pendatang khususnya, mereka selalu bermula dengan persoalan kewujudan mereka di dunia Barat. Adakah sejajar dengan syariat atau tidak? Dengan kata lain; adakah harus menetap di negara orang-orang bukan Islam atau tidak? Apakah maksud hadits-hadits yang melarang sedemikian, seperti hadits

“Aku berlepas diri dari setiap Muslim yang menetap di tengah-tengah orang-orang musyrik.”

Dan hadits;

“Sesiapa yang bercampur gaul dengan orang musyrik, maka dia menyerupainya.”

Adakah hadits-hadits ini semuanya sahih?

Apakah pula hukum bagi seorang Muslim menetap di situ jika dia takutkan kesejahteraan agamanya atau agama anak-anaknya hasil dari kehidupan di persekitaran bukan Islam dan tidak bermoral?

Kemudian terdapat masalah yang lebih berat dari masalah menetap. Iaitu masalah mendapatkan kerakyatan dari negara-negara berkenaan, yang dapat memberi seorang Muslim kekuatan kebendaan dan psikologi. Ia memberikannya hak bermatautin seperti penduduk asal. Dengan itu, tiada sesiapa yang boleh membulinya sesuka hati. Dia mempunyai hak mengundi, menjadi calon dalam pilihanraya dan banyak lagi hak-hak lain yang penting.

Jika pertubuhan Islam jika bersatu dan saling memahami dan bekerjasama untuk menjadi sebuah badan lobi politik, pelbagai parti politik dan kelompok mula berbicara dengan mereka dan mencuba untuk menarik ke pihak mereka. Dalam keadaan seperti ini, orang-orang Islam pasti akan dapat memainkan peranan yang penting dalam memilih antara pelbagai parti dan di antara pelbagai calon yang ada. Mereka dapat memilih siapa yang paling dekat dengan nilai-nilai mereka, lebih memelihara maslahat dan hak-hak mereka atau apa yang berkaitan dengan isu-isu umat Islam yang lebih besar.

Namun kerakyatan ini kadangkala menatijahkan beberapa persoalan yang memerlukan penjelasan syariat iaitu lafaz sumpah yang perlu diucapkan oleh sesiapa yang menerima kerakyatan itu. Dalam lafaz itu, ia menyatakan penghormatannya terhadap perlembagaan atau undang-undang am. Adakah ini bercanggah dengan Islam atau tidak?

Ini juga mungkin akan mendedahkan seorang Muslim kepada rekrutmen wajib ke dalam pasukan tentera negara itu. Pada asalnya ia adalah harus, kecuali jika negara berkenaan mengumumkan perang ke atas sebuah negara Islam. Apakah pendirian seorang Muslim dalam keadaan sedemikian? Adakah dia mengingkari negaranya atau memerangi saudara-saudaranya seagama? Sedangkan setiap Muslim dengan Muslim yang lain, haram darah, harta dan kehormatannya?

Di antara soalan-soalan yang sering kali diajukan kepada orang alim yang menziarahi negara-negara itu ialah;

- Apakah hukum daging-daging yang dijual di pasar-pasar dan dihidangkan di restoran-restoran. Sedangkan dia adalah dari sembelihan masyarakat berkenaan yang kita tidak tahu telah mencukupi syarat atau tidak?

- Adakah wajib sembelihan-sembelihan ini memenuhi semua syarat sembelihan seorang Muslim atau diberi sedikit rukhsah pada sembelihan Ahli Kitab yang Allah taala telah haruskan makanan-makanan mereka untuk kita?

- Adakah wajib bagi kita untuk menyelidik, bertanya atau menyiasat mengenai sembelihan itu? Atau apa yang tidak kita ketahui, tidak perlu kita bertanya mengenainya. Kita sebutkan nama Allah taala ke atasnya dan kita makan?

- Apakah hukum makanan seperti *jelly* dan bukan makanan seperti sabun atau ubat gigi tertentu yang mungkin dibuat dari minyak babi asli tetapi telah berubah melalui proses kimia, seperti yang diungkapkan oleh para fuqaha ‘telah hilang sifat najisnya’. Adakah dikira bahan itu mengikut asalnya dari babi atau mengikut keadaannya yang telah berubah sekarang ini?

- Apakah hukum keju yang mengandungi bahan *rennet* yang diambil dari perut binatang, yang mungkin datang dari babi atau binatang lain? Apakah hukumnya, jika terdapat sangkaan yang kuat bahawa ia diambil dari babi?

- Jika kita simpulkan bahawa ia diambil dari babi, adakah ia najis atau tidak? Jika ia adalah najis, adakah kadarnya dalam pembuatan keju boleh digolongkan sebagai kadar yang tidak dapat dimaafkan atau termasuk pada kadar yang dimaafkan kerana jumlahnya yang sedikit.

- Apa pula hukum bekerja di restoran-restoran yang menghidangkan daging bagi dan arak? Apa pula hukum makan di dalamnya? Walau pun jika tidak minum arak atau memakan babi?

- Apa pula hukum pekerjaan seorang Muslim di tempat-tempat seperti kedai runcit dan supermarket yang menjual barang-barang yang kebanyakannya adalah halal tetapi terdapat di antaranya juga arak dan daging babi.

- Adakah boleh bagi orang-orang Islam untuk membuka kedai-kedai seperti ini jika undang-undang mewajibkan mereka untuk menjual barang-barang yang diharamkan, walaupun jumlahnya sedikit? Atau seorang Muslim diharamkan sama sekali dari perniagaan seperti ini?

- Apa hukumnya jika seorang Muslim dijemput ke majlis perkahwinan yang ada hidangan arak dan babi, walaupun makanan itu tidak dihidangkan kepadanya secara peribadi? Adakah dia memberi alasan untuk tidak menjawab jemputan dan hidup bersendirian dan terputus dari masyarakat sekelilingnya, sehingga ia menggambarkan imej yang negatif mengenai Islam? Atau pun dia menerimanya atas dasar berbudi bahasa dan berbaik-baik dalam kehidupan bersama.

- Apa hukum memberi salam / ucapan ke atas orang-orang bukan Islam? Apa hukum berbudi bahasa dalam menghadiri majlis perkahwinannya dan meraikan kegembiraannya yang diakui syara’? Apa hukum mengucapkan tahniah terhadap hari-hari perayaannya? Khususnya, jika dia mengucapkan tahniah kepada orang-orang Islam di hari perayaan mereka. Terutama pula hari-hari perayaan yang berkaitan dengan agama seperti Hari Krismas.

- Apa pula hukum perkahwinan yang dijalankan di negara-negara berkenaan melalui saluran rasmi? Adakah perkahwinan yang tidak dijalankan oleh seorang Muslim, sesuai dengan syara’ ? Atau mestikah ia diakadkan di masjid atau pusat Islam oleh salah seorang tokoh agama? Adakah yang seperti ini tidak memerlukan perakuan dari saluran rasmi?

- Apa pula hukum perceraian jika disempurnakan melalui saluran rasmi tetapi ditolak oleh suami kerana ia adalah perceraian dari hakim yang bukan Islam?

- Apa pula hukum seorang Muslim yang berkahwin dengan isteri kedua, secara adat, tetapi undang-undang tidak membenarkan sedemikian?

- Siapa pula yang menjamin hak-hak si isteri jika dia berselisih dengan suaminya? Bolehkah seorang imam di pusat Islam menyalahi undang-undang dan mengakadkan perkahwinan seperti ini?

- Bolehkah bagi seorang perempuan mengahwinkan dirinya sendiri tanpa wali jika keadaan yang susah menyebabkan dia terpaksa tinggal bersendirian di negara berkenaan? Atau mestikah ketua golongan pendatang atau imam pusat Islam yang menjadi wali baginya?

- Apakah pula hukum berkahwin dengan wanita Barat? Adakah orang Barat hari ini dianggap sebagai Ahli Kitab atau golongan yang tidak beragama? Adakah terdapat syarat-syarat bagi perkahwinan seperti ini?

- Apa pula hukum seorang wanita yang masuk Islam tetapi suaminya tidak menganut Islam bersamanya? Mestikah dipisahkan antara keduanya atau adakah huraian yang lain?

- Apa pula hukum seorang Muslim yang bapanya atau ibunya yang bukan beragama Islam mati meninggalkan harta warisan. Mengikut undang-undang, dia mempunyai hak samada secara keseluruhan atau sebahagian terhadapnya. Adakah dia meninggalkan harta ini sedangkan dia amat memerlukannya untuk dirinya, keluarganya, saudara-saudaranya atau untuk dakwah Islamiah, kerana seorang Muslim tidak boleh mewarisi orang bukan Islam sebagaimana seorang bukan Islam tidak boleh mewarisi seorang Islam? Atau di sana terdapat rukhsah bagi si Muslim ini untuk mewarisi harta dari bapa atau ibunya?

- Apa pula hukum berurusan dengan bank-bank riba' dan syarikat-syarikat insuran di negara-negara ini sedangkan tiada yang lain darinya?

- Adakah boleh kita menyimpan wang di dalamnya dalam keadaan terpaksa? Adakah boleh kita menyimpan wang kita dengan faedah bunga? Lalu kita ambil faedah bunganya untuk diberikan kepada fakir miskin atau badan-badan Islam tidak mendapat bantuan kewangan yang diperlukannya?

- Apa pula hukum membeli rumah-rumah melalui pinjaman bank yang mengandungi riba', bila seorang Muslim memerlukan rumah sendiri yang selesa keselesaan bagi keluarga dan tetamunya supaya dia tidak lagi dikuasai oleh pemilik rumah? Terutama sekali jika bayaran faedah bank dari faedah sama atau hampir sama dengan apa yang dia bayar dari sewa bulanan?

- Apa pula hukum menyertai aktiviti-aktiviti politik di negara berkenaan melalui proses pilihanraya atau pencalonan, jika dibenarkan oleh undang-undang, dengan menyokong parti-parti tertentu, atau menyertai dan menganggotainya atau menyokong sebahagian calon-calon yang lebih banyak manfaatnya bagi orang-orang Islam?

- Bolehkah orang Islam mewujudkan parti yang memperjuangkan tuntutan-tuntutan mereka?

- Apa pula hukum beramal secara jama`i di antara orang Islam untuk mendirikan masjid, sekolah-sekolah, kelab-kelab, institusi-institusi kemasyarakatan, kebudayaan dan ekonomi?

Dan banyak lagi soalan berkaitan pelbagai aspek kehidupan individu, keluarga, masyarakat, kebudayaan, ekonomi, politik dan kenegaraan yang ingin kita ketahui akan pendirian agama terhadapnya, serta pendirian seorang Muslim mengenainya, jika dia ingin beriltizam dengan hukum-hukum agamanya.

Soalan-soalan ini tidak seharusnya mengganggu atau menggoyah kita. Bahkan sebaliknya, ia membuktikan kepada kita bahawa Islam terus mempunyai kesan yang kuat ke atas tingkah laku seorang Muslim dan pemikirannya, walaupun dia berada di luar negara Islam. Terasingnnya dari negara Islam, tidak menyebabkan dia lupa akan agama, Tuhan dan syariatnya. Bahkan dia sentiasa prihatin agar Allah taala sentiasa meredhainya dan agar dia tidak terkeluar dari agamanya dan hukum-hukum syariatnya. Allah taala berfirman yang bermaksud;

“Dan bagi Allah, Timur dan Barat, ke mana pun dia berpaling, di situ terdapat wajah Allah.” (Al-Baqarah : 115)

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

“Bertakwalah kamu di mana pun kamu berada.”[2]

Ini adalah soalan-soalan yang dikemukakan oleh kumpulan minoriti dan pendatang Muslim di negara Barat dan yang seumpamanya. Ia menuntut jawapan dari para ulama syariat yang faham bahawa syariat sentiasa mencorak perbuatan orang-orang mukallaf di mana pun mereka berada - di Barat atau Timur, di negara Islam atau diluarnya.

Kebanyakan soalan-soalan ini telah dijawab oleh para ulama. Namun jawapan mereka berbeza mengikut mazhab yang mereka ikuti atau mengikut kecenderungan mereka, samada kecenderungan untuk meluaskan atau menyempitkan, memudahkan atau menyulitkan.

Di antara mereka ialah para ulama yang terkemuka, tetapi mereka kurang memahami realiti minoriti Muslim dan kesulitan mereka di tengah-tengah masyarakat bukan Islam. Sedangkan tidak memadai bagi sesuatu fatwa difatwakan hanya dengan membaca buku-buku, tanpa kefahaman terhadap realiti mereka dan kajian yang memadai terhadap keperluan-keperluan dharurat dan hajat mereka.

Oleh itu, perlulah bagi kita untuk mempunyai fiqh yang mendalam, *fiqh waqi’* (realiti) dan *fiqh mu`asir* (kontemporari) – satu bentuk fiqh yang bertolak dari nas-nas yang bersifat muhkamat dan kaedah-kaedah syara serta tujuan-tujuannya tetapi juga mengambilkira perubahan masa, tempat dan keadaan manusia.

Inilah yang saya cuba dalam lembaran-lembaran ini, untuk mengutarakan beberapa perspektif mengenainya.

Semoga Allah memberi taufiq dan pertolongan.

[2] Riwayat At-Turmuzi dari Abu Zar (1987). Dia berkata ‘Ini adalah hadits Hasan Sahih. Begitu juga diriwayatkanoleh Ahmad (5/153, 157, 177) dan Ad-Darimi.

FIQH MINORITI MUSLIM
OBJEKTIF, CIRI-CIRI KHUSUS DAN SUMBER-SUMBERNYA

Cetakan pertama buku saya yang bertajuk *Kedudukan Masyarakat Bukan Muslim Di Dalam Masyarakat Islam* bertujuan untuk menangani isu penduduk asal minoriti bukan Muslim yang hidup di dalam negara-negara Islam, di bawah petunjuk syariat dan tujuan-tujuannya.

Ia adalah satu isu yang cuba digunakan oleh pelbagai pihak luar untuk menghambat seruan kepada Islam, usaha mendaulatkan syariat Islam dan keberlangsungan hidup cara Islam yang sempurna. Mereka menganggap bahawa kewujudan golongan bukan Muslim sebagai satu alasan bagi menghambat tuntutan umat Islam untuk menegakkan Islam dan kembali memimpin masyarakat dan kehidupan dengannya.

Melalui buku itu, saya cuba menjawab soalan-soalan penting berkaitan kedudukan golongan bukan Muslim, sebagai golongan minoriti, di dalam masyarakat Islam dan di bawah pemerintahan Islam. Namun saya teringat sebahagian saudara-saudara saya di Barat berkata kepada saya:

"Kami telah membaca buku anda yang penting mengenai golongan bukan Muslim di dalam masyarakat Muslim. Kami telah mendapat manfaat darinya. Kami berhasrat untuk menterjemahkannya ke bahasa Inggeris. Namun, kami berharap agar anda menulis satu buku yang kami amat memeerlukan, iaitu mengenai umat Islam di dalam masyarakat bukan Muslim. Jika buku anda itu menangani persoalan fiqh bagi minoriti bukan Muslim di dalam masyarakat Islam, sesungguhnya kami pula amat memerlukan huraian bagi fiqh minoriti Muslim di dalam masyarakat bukan Muslim, iaitu yang berada di negara Barat dan negara-negara yang majoriti penduduknya bukan beragama Islam."

Minoriti Muslim yang berada di luar negara Islam dan jauh dari masyarakat Muslim, amat memerlukan fiqh khas yang berdiri di atas ijtihad yang benar. Ia juga mesti mengambil kira tempat, masa dan persekitaran mereka yang khas, iaitu mereka tidak mempunyai upaya untuk menerapkan hukum-hukum Islam ke atas masyarakat di mana mereka berada. Mereka terpaksa berurusan mengikut peraturan dan undang-undang masyarakat berkenaan. Sebahagian dari peraturan dan undang-undang itu pula bercanggah dengan Islam.

Mungkin keperluan dan pertimbangan inilah yang telah mendorong sebahagian saudara kita di Kesatuan Pertubuhan Islam Eropah, yang prihatin terhadap keadaan Islam, untuk berusaha menubuhkan satu institusi ilmiah dalam bidang fiqh Islam. Ia bertujuan untuk, mengisi kekosongan dan keperluan ini, serta menjawab persoalan masyarakat Islam di negara-negara berkenaan. Lalu ditubuhkanlah Majlis Eropah Bagi Fatwa dan Kajian. Para pengasasnya telah berkumpul di Britain dan memutuskan secara sebulat suara penubuhan majlis ini, dan telah pun dimaklumkan kelahirannya dan juga objektif, wasilah dan keanggotaannya.

Beberapa Realiti Di Sekitar Fiqh Minoriti

Di dalam perbicaraan mengenai Fiqh Minoriti Muslim, kami perlu ketengahkan beberapa realiti berikut:

1. Sebuah masyarakat Islam tidak hidup hanya dengan fiqh semata-mata.

Sebuah masyarakat Islam tidak hidup, menjadi kuat dan maju dengan fiqh semata-mata. Fiqh dalam penggunaan istilah yang lazim, merangkumi penerangan hukum kehidupan manusia yang zahir sahaja. Ia bukan sesuatu yang merangkumi asas-asas kehidupan batin; iaitu kehidupan kerohanian, keimanan dan akhlaq. Kesemua itu, dirangkumi oleh ilmu tingkah laku manusia, tasawuf dan pembersihan jiwa. Ilmu inilah yang sebenarnya menjadi asas kehidupan yang lurus dan bahagia di dunia. Ia juga merupakan asas bagi kejayaan dan untuk memperoleh keredhaan di Akhirat.

Imam Al-Ghazali dalam bukunya *Al-Ihya'* menganggap bahawa Ilmu Fiqh adalah dari golongan ilmu dunia dan bukan ilmu akhirat. Kerana ia adalah ilmu yang membawa seseorang kepada jawatan kehakiman, fatwa, penyeliaan harta-harta wakaf, pembentukan majlis bagi penyelesaian perbalahan dan khilaf, dan lain-lain pertimbangan. Oleh itu, Al-Ghazali mengeluarkan Ilmu Fiqh dari ilmu akhirat. Sehinggakan apabila ia membincangkan ibadat, ia mementingkan persoalan bentuk, bukan rohnya dan persoalan zahir, bukan batin dan inti ibadat itu.

Masyarakat Islam sememangnya amat memerlukan beberapa ahli Fiqh dan fatwa. Bahkan, mereka lebih memerlukan sejumlah ramai para pendakwah, pemberi petunjuk dan pendidik, yang dapat mengajar masyarakat *Al-Fiqh Al-Akbar* (fiqh yang lebih besar), membersihkan dan mengajar mereka Al-Quran dan Sunnah.

2. Minoriti Muslim adalah sebahagian dari umat Islam dan juga sebahagian dari masyarakat mereka.

Minoriti Muslim adalah sebahagian dari umat Islam yang meliputi semua Muslim di seluruh dunia, tanpa kira kerakyatan, warna, bahasa pertuturan, negara atau kelas. Namun mereka juga, dari sudut lain, adalah sebahagian dari masyarakat di mana mereka hidup dan mereka bergabung di dalamnya. Oleh itu, perlulah kedua sudut ini diperhatikan secara saksama, sehingga setiap satu tidak menjejas yang lain, dan yang satu tidak perlu berkembang dengan mengorbankan yang lain.

3. Fiqh Minoriti Muslim adalah fiqh khas di dalam Fiqh yang umum.

Fiqh Minoriti Muslim yang dikehendaki tidak terkeluar dari sifatnya sebagai sebahagian dari Fiqh yang umum. Namun ia adalah satu bidang Fiqh yang mempunyai kekhususan, daerah keprihatinan dan masalahnya sendiri. Para fuqaha dahulu tidak memberinya nama yang berbeza kerana, di zaman itu mereka tidak mengetahui lagi akan terjadinya percampuran di antara sesama umat, perpindahan antara mereka dan keadaan negara yang semakin 'dekat' antara satu dengan yang lain, sehingga seolah-olah menjadi satu negara seperti yang berlaku hari ini.

Hari ini kita ada sesuatu yang kita namakan sebagai *Fiqh Tibbi* (Kedoktoran) iaitu yang berkaitan dengan kesihatan, penyakit, perawatan penyakit dan masalah-masalah khusus berkaitan dengan ilmu perubatan dan perkembangannya. Kita juga mempunyai apa yang dinamakan sebagai *Fiqh Iqtisadi* (Perekonomian) iaitu yang berkaitan dengan persoalan harta, ekonomi, zakat, urus niaga, perbankan dan lain-lain – satu cabang fiqh yang berkembang luas hari ini dan pelbagai kajian mengenainya telah dijalankan.

Kita juga mempunyai apa yang kita namakan sebagai *Fiqh Siyasi* (Politik) iaitu yang berkaitan dengan pembangunan negara Islam, institusi-institusi legislatif, kehakiman, eksekutif dan ketenteraan, serta pendirian terhadap demokrasi, pluralisme, golongan bukan Muslim, perdamaian, peperangan dan sebagainya.

Jika kita pun telah ada pelbagai jenis fiqh hari ini, mengapakah kita tidak boleh mempunyai Fiqh Minoriti Muslim agar ia dapat fokus untuk menangani masalahnya dan menjawab persoalannya.

Walaupun berbagai jenis fiqh telah pun wujud di dalam Fiqh Islam yang lalu, tetapi kewujudannya dalam keadaan tidak tersusun, tidak terperinci, kurang dan tidak sempurna. Ia juga hanya sesuai bagi masa dan persekitarannya, kerana demikianlah tabiat fiqh. Sukar untuk dibayangkan fiqh masa lalu dapat menangani isu-isu semasa yang tidak timbul di zamannya dan tidak tergambar oleh umat di zaman itu.

4. Kewujudan Islam di Barat adalah satu kemestian.

Saya ingin menengahkan satu realiti penting yang tidak boleh dilalaikan oleh kita sebagai Muslim. Adalah menjadi kewajiban ke atas orang-orang Muslim selaku umat pembawa risalah

yang universal untuk mempunyai pengaruh di negara Barat. Ini adalah kerana Barat hari ini memimpin dunia dan mencorak politik, ekonomi dan budayanya. Ini satu hakikat yang tidak dapat kita nafikan atau ingkari.

Jika Islam tidak wujud di sana, wajib ke atas orang Islam untuk berusaha bersama untuk memastikan kewujudannya. Dengan kewujudan itu, dapat dipastikan

- pembelaan para penduduk asal beragama Islam,
- bantuan kebendaan dan moral,
- penjagaan kelompok yang menganut Islam dari kalangan mereka,
- layanan bagi para pendatang Islam, dan
- penyaluran sokongan yang diperlukan mereka dalam bidang dakwah dan ilmu.

Kewujudan ini menjadi lebih penting bagi tujuan penyebaran dakwah Islam di kalangan orang-orang bukan Muslim.

Tidak wajar bagi kita membiarkan Barat yang kuat ini dipengaruhi oleh kuasa Yahudi sahaja. Ia menggunakan dan mencorakkannya untuk tujuan dan kehendaknya. Ia mempengaruhi politik, kebudayaan dan falsafahnya. Barat dibiarkan di bawah penyeliaan Yahudi. Sedangkan kita orang-orang Islam mengasingkan diri dari semua itu. Kita terpisah dan hanya berada di negara-negara kita sendiri. Kita membiarkan medan bagi orang lain. Pada waktu yang sama, kita beriman secara teori bahawa risalah kita untuk manusia dan alam seluruhnya. Kita membaca dalam Al-Quran;

“Sesungguhnya Kami tidak mengutus kau (Muhammad) kecuali untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.” (Al-Anbiya’ : 107)

“Maha suci (Tuhan) yang menurunkan Al-Furqan ke atas hambaNya untuk menjadi peringatan bagi alam seluruhnya.” (Al-Furqan : 1)

Kita membaca dalam hadits nabi kita;

“Nabi dahulu diutus kepada kaumnya sahaja. Aku pula diutus kepada manusia seluruhnya.” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim dari Jabir)

Bertolak dari ini, tidak harus timbul soalan adakah boleh bagi Muslim menetap di bukan negara Islam atau di Darul Kufr sebagaimana yang diistilahkan oleh para fuqaha’. Jika kita melarang perkara ini sebagaimana perspektif sebahagian para ulama, bermakna kita menutup pintu dakwah dan penyebaran Islam di dunia. Jika begitu, Islam sejak zaman dahulu hanya terhad di Semenanjung Tanah Arab sahaja, dan tidak keluar darinya.

Jika kita membaca sejarah dan mengamatinya baik-baik, kita akan dapati penyebaran Islam di sebahagian negara-negara yang dinamakan dunia Arab atau dunia Islam hari ini, berpunca dari pengaruh individu-individu Islam yang berhijrah dari negara mereka ke negara-negara berkenaan di Asia dan Afrika, samada sebagai peniaga, sheikh-sheikh tarikat atau sebagainya.

Mereka bercampur dan berinteraksi dengan masyarakat di negara di mana mereka berhijrah. Orang ramai sukakan mereka kerana keindahan akhlaq dan keikhlasan mereka. Orang ramai suka kepada agama yang menanam sifat-sifat mulia yang ada pada diri mereka, lalu, orang ramai memasuki agama ini satu persatu atau berkelompok-kelompok.

Adapun negara-negara yang dimasuki oleh tentera-tentera Islam, tujuan sebenar penguasaan itu ialah untuk menghilangkan halangan yang merintangi penyebaran Islam. Dengan itu, dakwah dapat sampai kepada pelbagai umat untuk membolehkan mereka membuat keputusan sendiri. Umat-umat berkenaan kemudian memilih agama ini dengan redha dan sukarela. Disebabkan jumlah yang masuk Islam begitu ramai, pada satu ketika, para penguasa Bani Umayyah di Mesir

mewajibkan jizyah ke atas penduduk asal Mesir yang masuk Islam. Sehinggalah amalan itu dibatalkan oleh Umar b. Abdul Aziz. Dia berkata kepada gabenornya;

"Sesungguhnya Allah mengutus nabi Muhammad sebagai pembawa hidayah bukan sebagai pengutip cukai."

Objektif Fiqh Minoriti Muslim Yang Dikehendaki

Fiqh yang dikehendaki bagi minoriti Muslim di seluruh alam, khususnya di Barat, mempunyai objektif dan tujuan, di dalam kerangka syariat dan kaedah-kaedahnya, seperti berikut:

1. Menolong minoriti Muslim ini, samada individu, keluarga atau masyarakat, menjalani kehidupan dengan agama Islam dalam bentuk yang mudah – tidak menimbulkan kesulitan dalam urusan agama dan kegenjotan dalam urusan dunia.

2. Membantu memelihara inti pati keperibadian Islam yang teristimewa dengan akidah, syiar, nilai, akhlaq, adab dan kefahamannya. Sehingga solat, ibadah, kehidupan dan mati mereka kerana Allah taala semata-mata dan zuriat mereka dapat membesar seperti itu juga.

3. Mengupayakan kelompok umat Islam menunaikan kewajiban menyampaikan risalah Islam yang universal kepada mereka yang hidup di sekeliling mereka dengan bahasa yang difahami. Dengan keupayaan itu, umat Islam dapat menerangkan Islam kepada mereka, berdakwah kepada mereka dengan kejelasan dan berdialog dengan secara yang paling baik. Sebagaimana firman Allah taala;

   "Katakan inilah jalanku, aku seru kepada Allah atas kejelasan dan mereka yang mengikutku." (Yusuf : 108)

   Sesungguhnya sesiapa yang mengikut nabi Muhammad s.a.w, dia adalah pendakwah di jalan Allah taala dengan kejelasan, khususnya mereka yang hidup di tengah golongan bukan Muslim.

4. Membantu umat Islam mengamalkan keanjalan dan inklusifisme yang berdisiplin. Dengan itu mereka tidak rasa berkecamuk dalam diri dan tidak pula mengasingkan diri dari masyarakat. Bahkan mereka dapat berinteraksi dengan masyarakat itu secara positif. Mereka memberi yang terbaik dari apa yang ada pada diri mereka dan mengambil yang terbaik pula dari masyarakatnya berdasarkan ilmu dan kejelasan. Dengan sedemikian, kelompok Islam dapat mencapai keseimbangan – memelihara diri tanpa bersikap eksklusif, berintegrasi tanpa larut.

5. Menyumbang pada pembangunan ilmu dan keprihatinan umat Islam. Dengan itu, mereka dapat menjaga hak-hak mereka, juga kebebasan agama, budaya, sosial, ekonomi dan politik yang dijamin oleh perlembagaan. Mereka menikmati hak-hak ini tanpa tekanan dan kekurangan.

6. Membantu umat Islam menunaikan pelbagai kewajiban mereka, samada dari sudut agama, budaya, sosial dan lain-lain, tanpa penyelewengan, samada dalam bentuk pelampauan dalam agama atau berlebihan dalam urusan dunia, tanpa meremehkan apa yang telah Allah taala wajibkan atau melakukan apa yang telah Allah taala haramkan. Dengan ini, agama menjadi satu unsur pendorong dan dinamik bagi mereka. Ia menjadi petunjuk ditangan bukan belenggu di tengkok atau rantai di kaki mereka.

7. Menjawab pelbagai soalan yang diajukan. Ia juga harus menangani masalah baru yang timbul dalam masyarakat bukan Muslim dan dalam persekitaran yang mempunyai kepercayaan, nilai, kefahaman dan tradisi yang khusus. Kesemua ini dengan berpandukan ijtihad baru yang sejajar dengan syara', yang juga lahir dari masyarakat dan dari tempat berkenaan.

Ciri-ciri Khusus Fiqh Minoriti Muslim Yang Di Kehendaki

Fiqh Minoriti Muslim mempunyai ciri-ciri khusus yang perlu dipelihara sehingga ia dapat memberi hasil yang baik dan mencapai objektif-objektifnya. Ciri-ciri khususnya ialah :

1. Ia adalah fiqh yang melihat khazanah fiqh Islam dengan satu kanta mata dan melihat dengan kanta yang lain keadaan, tren dan masalah semasa. Ia tidak mengabaikan warisan yang telah dihasilkan oleh akal-akal agung sejak 14 kurun yang lalu. Namun ia juga tidak tenggelam dalam warisan berkenaan sehingga lupa akan zaman, tren dan hambatan-hambatan teori dan praktikal. Sekurang-kurangnya, ia hendaklah membuat kajian dan penelitian umum akan ilmu dan kecenderungan utama warisan berkenaan. Sesungguhnya satu kewajiban yang tidak boleh sempurna tanpa sesuatu perkara, maka perkara itu juga menjadi satu kewajiban.

2. Ia menghubungkan sifat universal Islam dengan realiti masyarakat yang ia ubati, mendiagnos penyakitnya dan memberi preskripsi ubat dari farmasi syariat. Kita lihat Rasulullah s.a.w sentiasa memelihara tabiat pelbagai kaum dan tradisi mereka. Beliau berkata;

   "Sesungguhnya orang-orang Ansar suka kepada hiburan."

   Sebagaimana juga beliau s.a.w mengizinkan orang-orang Habsyah untuk menari dengan tombak mereka di masjidnya.

3. Ia mengimbangkan nas-nas syariat yang *juz`ii* (cabang) dengan tujuan-tujuannya yang *kulli* (umum). Ia tidak mencuaikan satu sudut kerana yang lain. Ia tidak mengabaikan nas-nas yang *juz`ii* (?) dari Al-Quran dan Sunnah dengan alasan menjaga ruh Islam dan tujuan syariat. Ia tidak mengabaikan penelitian tujuan-tujuan umum kerana berpegang dan beramal dengan erti zahir nas semata-mata.

4. Ia mengembalikan perkara-perkara cabang kepada perkara usul. Ia menangani apa yang *juz'ii* di bawah petunjuk apa yang *kulli* dengan membuat pertimbangan di antara sesama maslahat, sesama mudarat atau antara maslahat dan mudarat, sekiranya yang satu bercanggah dengan yang lain, mengikut panduan fiqh *Muwazanah* (pertimbangan) dan fiqh *Awlawiyat* (keutamaan).

5. Ia mengambil kira apa yang telah diputuskan oleh para ulama iaitu, fatwa boleh berubah mengikut perubahan tempat, zaman, keadaan, adat dan lain-lain. Tidak terdapat perbezaan antara satu zaman dengan yang lain seumpama perbezaan zaman kita hari ini dengan zaman-zaman yang telah berlalu. Begitu juga, tidak terdapat perbezaan antara satu tempat dengan yang lain seumpama perbezaan antara negara di mana Islam telah mantap di dalamnya, utuh tunggak-tunggaknya, tegak syi`ar-syi`arnya dan berakar masyarakatnya dibandingkan dengan negara di mana Islam itu asing dari segi aqidah, kefahaman, nilai, syi'ar dan tradisi

6. Ia memelihara keseimbangan yang sukar dicapai – pemeliharaan ciri-ciri istimewa keperibadian Islam bagi individu dan masyarakat Islam, dan pada waktu yang sama, bersikap serius untuk berhubungan dengan masyarakat sekeliling, berintegrasi (or berinteraksi?) dengan mereka dan meninggalkan kesan keatas mereka melalui tingkah laku dan sumbangan.

Sumber-sumber Fiqh Ini

Kemungkinan ada yang akan bertanya *"Apakah sumber-sumber fiqh ini? Adakah ia mempunyai sumber yang lain dari sumber fiqh yang umum?"*

Saya ingin menjawab dengan segera bahawa sumber Fiqh Minoriti Muslim ialah sumber yang sama bagi fiqh yang umum. Namun Fiqh Minoriti Muslim perlu mempunyai pendirian yang mentajdid (pemafahaman, pent) sumber-sumber ini. Kami telah sebut beberapa contoh mengenai hal ini dalam bahagian pertama buku kami yang bertajuk *Taisir Al-Fiqh Li Al-Muslim Al-Mu`asir* (Memudahkan Fiqh Bagi Muslim Masa Kini).

Di antara pendirian-pendirian yang terpenting mengenai sumber-sumber berikut ialah:

1. Berpegang pada sumber pertama atau induk segala sumber, iaitu Al-Quran, bagi memastikan keaslian fiqh ini dan memacak asas-asasnya. Sehingga dengan itu, segala dasar atau sumber dikembalikan kepada Al-Quran. Hatta Sunnah Nabi sekali pun wajib difahami di bawah panduan Al-Quran, sebagaimana yang kami huraikan dalam buku kami *Kaifa Nata`amalu Ma`a As-Sunnah* (Bagaimana Kita Berinteraksi Dengan Sunnah Nabi).

Sesungguhnya Al-Quran adalah perlembagaan perundangan dan induk kepada semua undang-undang dan hukum. Oleh itu, ia lebih memberi perhatian kepada peneguhan dasar dan prinsip umum dari menangani perkara-perkara cabang dan terperinci. Ini berbeza dengan Sunnah yang menangani masalah-masalah pada waktunya, keadaan-keadaan individu dan perkara-perkara keduniaan yang kadangkala tidak ada kaitan dengan agama, sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadits riwayat Muslim dari Aisyah dan Anas r.a;

"Kamu lebih tahu mengenai urusan dunia kamu."

Atas dasar inilah, para ulama telah memutuskan bahawa sebahagian Sunnah menjadi syariat dan sebahagian pula tidak. Sunnah yang menjadi syariat pula ada yang bersifat umum dan ada pula yang bersifat khusus, ada yang bersifat kekal dan ada pula yang bersifat sementara. Di antara Sunnah itu pula ada yang lahir dari Rasulullah s.a.w sebagai fatwa hukum dan penerangan dari Allah taala, dan ada pula yang lahir dari beliau selaku seorang ketua negara. Ada pula yang terbit bagi menangani perkara-perkara *juz`ii* atau hal ehwal individu tertentu. Dalam hal ini, para ulama berkata;

"Sesungguhnya ia (Sunnah ini) hanya terbatas di tempatnya sahaja (bagi perkara atau individu berkenaan sahaja - pent) dan tidak menjadi hukum umum."

Di sini perlulah diperhatikan bahawa sebahagian hadits itu tidak tsabit kesahihannya. Walaupun telah disepakati oleh para ulama bahawa hadits *dha`if* tidak boleh diamalkan dalam persoalan hukum, namun ada yang masih membina hukum di atasnya.

Sebagai contoh ialah hadits;

"Aku berlepas diri dari setiap Muslim yang menetap di tengah-tengah orang-orang musyrik.[1]"

[1] Riwayat Abu Daud (2645) dari Jarir b. Abdillah. Uqbah berkata bahawa Hashim, Mu`ammar, Khalid Al-Wasati dan segolongan telah meriwayatkan ia tanpa menyebut Jarir. Al-Munziri berkata bahawa At-Turmuzi dan An-Nasa`ii telah meriwayatkannya. Abu Daud menyebut bahawa segolongan pula telah meriwayatkannya dalam keadaan *Mursal*. At-Turmuzi juga telah membawanya secara *Mursal* dan berkata bahawa ini yang paling sahih. Dia juga berkata bahawa kebanyakan teman-teman Ismail (Ibn Abi Khalid), tidak menyebut Jarir di dalam sanadnya. Al-Bukhari menyebut bahawa bahawa dia berkata *"Yang benar, ia adalah hadits Mursal dan An-Nasa`ii tidak membawa hadits itu kecuali dalam keadaan Mursal."* Lihat buku *Mukhtasar Sunan Abi Daud* oleh Al-Munziri (3/437-438) bernombor 2530 yang dicetak bersama buku *Ma`alim As-Sunan* oleh Al-Khitabi dan *Tahzib As-Sunan* oleh Ibn Al-Qayyim yang ditahqiq oleh Sheikh Syakir dan Al-Faqi. Al-Albani juga menyebutnya dalam *Sahih Sunan Ibn Da*ud bernombor 2304.

Dan hadits;

"Sesiapa yang bercampur gaul dengan orang Musyrik, maka dia menyerupainya.[2]"

Lagipun, hadits *"Aku berlepas diri dari...."* mempunyai penafsiran yang lain dari apa yang difahami secara zahir sahaja[3].

Perkataan Musyrik dalam istilah Al-Quran merujuk kepada penyembah berhala. Ahli Kitab tidak termasuk di dalamnya. Bagaimana mungkin Islam mengharamkan tinggal bersama seorang Ahli Kitab dalam satu rumah sedangkan ia mengharuskan bagi seorang Muslim mengahwini perempuan Ahli Kitab, untuk menjadi pengurus rumahnya?

Di sini terdapat beberapa hadits sahih tetapi ia perlu ditakwilkan kerana percanggahannya dengan erti zahir Al-Quran seperti hadits :

"Jangan kamu mulakan ucapan salam kepada orang Yahudi dan Nasrani. Jika kamu berjumpa dengan mereka di jalan raya, paksa mereka berjalan di celah-celah yang sempit.[4]"

Hadits ini bercanggah dengan ayat

"Hendaklah kamu berlaku baik dan adil terhadap mereka." (Al-Mumtahanah : 8)

Hadits berkenaan juga perlu ditakwilkan kerana pengertian umum dari firman Allah taala

"Jika kamu diberi ucapan salam, maka berikanlah ucapan yang lebih baik darinya atau yang seumpamanya." (An-Nisa' : 86)

Serta sabda Rasulullah s.a.w

"Sebarkanlah ucapan salam.[5]"

Oleh itu, wajiblah ditakwilkan hadits ini bahawa ia khusus bagi kafir *harbi* yang memusuhi kaum Muslimin dan bukan kepada orang-orang bukan Muslim yang mempunyai perjanjian damai.

Kita telah memperincikan pandangan mengenai hal ini di pelbagai tempat[6].

---

[2] Riwayat Abu Daud (2787) dari Samurah b. Jundub. Sheikh Al-Albani berkata dalam buku *Al-Irwa' "Sanadnya dha`if."* Ia mempunyai jalan sanad lain yang lebih dha`if yang dibawa oleh Al-Hakim (2/141, 142). Ia berkata "*Sahih mengikut syarat Al-Bukhari!"* dan Az-Zahabi bersetuju dengannya dalam buku *At- Talkhis* tetapi ia menyatakan *"Sahih mengikut syarat Al-Bukhari dan Muslim!".* Yang demikian itu adalah satu kelemahan bagi mereka berdua kerana di dalam sanad hadits terdapat Ishaq b. Idris. Dia adalah seorang yang dikatakan sebagai pembohong. Az-Zahabi sendiri menulis bibliografi yang sangat buruk mengenai beliau.

[3] Ia membawa erti bahawa Rasulullah s.a.w berlepas diri dari *diyah* (wang pampasan kerana kesalahan membunuh, pent)ke atas orang yang hidup di kalangan orang-orang musyrik yang memerangi Islam, jika dia dibunuh oleh orang Islam secara tidak sengaja Hukum ke atas dirinya sama dengan hukum ke atas orang-orang Musyrik. Jika dia dibunuh secara tidak sengaja, Rasulullah dan orang-orang Muslim tidak akan menanggung diyah ke atas dirinya.

[4] Riwayat Muslim (2167) dari Abu Hurairah.

[5] Hadits ini sahih melalui Abdullah b Al-Harits, Abu Hurairah, Abu Musa, Al-Barra', Abu Darda', Ibn Umar, Abdullah b Salam dan lain-lain. Lihat *kitab Sahih Al-Jami' As-Saghir*, hadits-hadits (1021) dan (1089).

Yang penting ialah, penafsiran Sunnah mestilah dikembalikan kepada Al-Quran dan pelbagai Sunnah perlu dirujukkan antara satu sama lain. Sunnah juga hendaklah difahami bersama apa yang tersirat dan tujuan-tujuannya. Hendaklah juga dibezakan antara tujuan yang tetap dan wasilah yang berubah-ubah.

2. Setelah Al-Quran dan Sunnah, terdapat pula Ijma' (sebagai sumber hukum, pent.). Perlulah diperingatkan bahawa kebanyakan yang dikatakan Ijma, sebenarnya bukan. Bahkan yang benar adalah sebaliknya. Para pengkaji mendapati bahawa sebenarnya terdapat khilaf di dalam perkara berkenaan. Sebahagian dari Ijma' pula dilaporkan berdiri atas maslahat sementara atau *`Urf* (adat) yang berubah-ubah. Maka sepatutnya berubahlah hukum Ijma' dengan berubahnya sebab hukum itu.

Bahkan jika Ijma' itu dibina atas nas, dan nas itu mengambil kira keadaan atau *`Urf* (adat), kalau berubah *`Urf* (adat) atau keadaan ini, maka perlulah hukum yang dibina di atasnya berubah.Sebagaimana yang telah kami nyatakan mengenai kewujudan dua nisab bagi zakat mata wang; nisab perak dan nisab emas. Sedangkan keduanya amat berbeza sekali.

3. Setelah Ijma', terdapat pula Qiyas (sebagai sumber hukum, pent.) dengan segala syarat dan peraturannya. Sesungguhnya syariat tidak membezakan antara dua benda yang sama sebagaimana ia tidak menyamakan dua benda yang berbeza. Seorang faqih dalam apa jua zaman pasti berhajat untuk menggunakan Qiyas jika jelas *`illah* (faktor persamaan hukum) baginya dan tiada sifat yang membezakan antara perkara cabang dan perkara yang asal.

4. Terdapat juga sumber-sumber atau dalil-dalil yang diperselisihkan iaitu *Istislah* (Beramal dengan maslahat)[7], *Istihsan, Sad Az-Zari`ah* (Menutup pintu kerosakan), *Syar`u Man Qablana* (Syariat umat sebelum kita), *`Urf* (Adat), *Istishab*, pendapat seorang sahabat dan lain-lain.

Seorang faqih di zaman kita wajib memanfaatkan segala prinsip dan dalil yang ada. Dia hendaklah meletakkan ke semua itu di tempat yang sesuai. Dia hendaklah mendahulukan apa yang lebih kuat daripada apa yang lemah di bawah petunjuk peraturan yang telah diketahui, berkaitan percanggahan dan pentarjihan dalil.

---

[6] Yang paling terserlah ialah dalam tulisan kami di bahagian *Al-Janib At-Tasyri`i Fi As-Sunnah (Sudut Perundangan Dalam Sunnah)* dari buku kami *As-Sunnah Masdaran Li Al-Ma`rifah Wa Al-Hadarah (Sunnah Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan dan Tamadun),* edaran Dar Asy-Syuruq, Kaherah.

[7] Lihat apa yang kami tulis mengenai *Al-Maslahat Al-Mursalah* dalam buku kami *As-Siyasah Asy-Syar`iah Baina Nusus Asy-Syari`ah Wa Maqasiduha (Siyasah Syar`iah : Antara Nas-nas Syara dan Tujuan-tujuannya)*, edaran Maktabah Wahbah, Kaherah.

TUNGGAK-TUNGGAK ASAS BAGI FIQH MINORITI

Fiqh moniriti yang dikehendaki berdiri di atas beberapa tunggak asas. Menjadi satu kewajiban untuk memelihara tunggak-tunggak ini lebih dari memeliharanya dalam bidang fiqh yang lain. Walau pun setiap jenis fiqh memerlukan pada tunggak-tunggak itu juga.

1. Tiada fiqh tanpa melakukan ijtihad kontemporari yang mantap

Bagi mencapai tujuan dan objektif yang dikaitkan dengan fiqh minoriti, tunggak pertama yang kita kehendaki ialah ia tidak akan tercapai kecuali melalui ijtihad yang betul yang lahir dari mereka yang pakar dalam bidangnya.

Sekiranya kita mencanangkan pandangan bahawa pintu ijtihad telah tertutup dan kita berfikir dengan menggunakan akal-akal mereka yang telah mati dari golongan yang terdahulu, dan kita tidak berfikir dengan akal kita sendiri, nescaya fiqh tidak akan menyelesaikan apa jua masalah.

Telah kita terangkan dalam apa yang telah kita tulis dahulu bahawa ijtihad adalah satu kewajiban dan kemestian. Ia adalah satu kewajiban yang diwajibkan oleh agama dan kemestian yang dimestikan oleh realiti semasa. Ijtihadlah yang menyerlahkan kesuburan syariat dan kesesuaiannya untuk dilaksanakan pada setiap zaman dan tempat. Dialah yang memelihara kehidupan umat dan penakatannya dalam keadaan berupaya untuk hidup dengan risalahnya dan untuk risalahnya.

Ijtihad yang kita kehendaki ada yang bersifat *tarjihi* dan *intiaqa'ii* dan ada yang bersifat *ibda`ii* dan *insya`ii*.

Adapun ijtihad *intiqa`ii* dan *tarjihi* ialah dengan memilih apa yang lebih berat pada neraca pertimbangan dan apa yang lebih menepati tujuan-tujuan syara dan maslahat-maslahat makhluk dari khazanah kita yang kaya, dari pelbagai pandangan dan pendapat para ulama. Apabila Ibn Qayyim menyebut sembilan pandangan mengenai perempuan yang memeluk Islam tetapi suaminya tidak memeluk Islam, maka ijtihad yang dituntut di sini ialah hendaklah kita memilih satu pandangan dari pandangan-pandangan ini yang kita dapati lebih mantap dan lebih menunjuk kepada jalan yang benar.

Bukan maksudnya kita memilih apa jua pandangan secara buta tuli kemudian kita katakan *"Ini apa yang kita pilih dan beratkan."* Bahkan perlulah kepada pertimbangan terhadap pandangan-pandangan itu dan dalil-dalilnya serta kesan-kesan dan implikasinya. Kemudian barulah kita memberatkannya dengan berpandukan prinsip-prinsip dan pertimbangan-pertimbangan syara, yang mana yang kuat dan mantap.

Adapun ijtihad *ibda`ii* dan *insya`ii*, ia adalah apa yang berkaitan dengan perkara-perkara baru dalam persoalan kehidupan, yang hari ini telah memenuhi kehidupan kita dalam jumlah yang ratusan bahkan ribuan, yang terdiri dari masalah-masalah baru yang kita tidak dapat jawaban baginya secara langsung dalam khazanah fiqh kita yang agung.

Sesunggunya ini adalah lumrah semulajadi kerana perkembangan yang berlaku di dunia kita hari ini adalah satu perkembangan yang amat hebat dari segi kuantiti dan kualiti. Ia adalah satu perkembangan yang tidak terlintas pada fikiran sesiapa pun dari kalangan para ulama dahulu, sehingga mereka dapat menggambarkan huraiannya.

Sesungguhnya kita telah melihat perbezaan di antara Abu Hanifah dan dua sahabatnya. Sering kali perbezaan itu ditafsirkan oleh para ulama mazhab Hanafi dengan kata-kata *"Ini adalah perbezaan masa dan zaman dan bukan perbezaan hujah dan dalil"*, walau pun jangka masa antara Abu Hanifah dan dua sahabatnya adalah pendek. Abu Hanifah meninggal pada tahun 150H. Abu Yusuf meninggal pada tahun 182H. Muhammad pula meninggal pada tahun 189H.

Selain itu, Asy-Syafi`ii pula berpindah mazhabnya dari mazhab *qadim* (lama) kepada mazhab *jadid* (baru), sedangkan dia tidak hidup lebih dari 54 tahun hijrah. Beliau lahir tahun 150H dan meninggal pada tahun 204H).

Jika kedua-dua jenis fiqh – *intiqa`ii* dan *insya`ii* - semuanya memerlukan kepada ijtihad, maka fiqh minoriti lebih lagi memerlukan kepada ijtihad disebabkan keadaan golongan minoriti yang hidup di tengah-tengah golongan majoriti yang berbeza dengan mereka dalam persoalan agama, begitu juga dalam banyak persoalan kefahaman, tingkah laku dan tradisi.

Ijtihad ini sebenarnya adalah sebahagian dari *tajdid* (reformasi) yang Nabi telah nyatakan kepada kita dalam haditsnya

"Sesungguhnya Allah akan membangkitkan bagi umat ini pada setiap seratus tahun, seorang yang akan mentajdid untuk mereka agama mereka.[1]*"*

Tajdid agama meliputi tajdid fiqh dalam agama, tajdid kefahaman terhadap agama, tajdid keimanan dengan agama, tajdid iltizam dengan ajarannya dan tajdid dakwah kepadanya dengan bahasa seuatu kaum dan bahasa sezaman sehingga menjadi jelas bagi mereka. Adapun fiqh dan kefahaman bagi agama ini, tidak akan dapat ditajdid kecuali dengan ijtihad kontemporari yang mantap[2].

2. Memelihara Kaedah-kaedah Fiqh yang umum

Antara yang perlu dipelihara bagi fiqh dan ijtihad ialah dengan merujuk dan bersandar kepada Kaedah-kaedah Fiqh yang telah diasaskan oleh para fuhaqa, yang diambil dari Al-Quran dan Sunnah. Dari kaedah-kaedah ini, hendaklah sesuatu dalil diambil dan sesuatu hukum dibina di atasnya. Kaedah-kaedah ini amat banyak. Ia pula mempunyai pelaksanaan yang berbagai-bagai dalam pelbagai perkara-perkara cabang dan ranting yang bersifat amali. Contoh Kaedah-kaedah ini ialah;

- Setiap perkara dinilai mengikut niat dan tujuannya.
- Adat adalah sumber hukum.
- Apabila satu kewajiban tidak sempurna kerana sesuatu perkara, maka perkara itu juga menjadi satu kewajiban.
- Tidak boleh memudharatkan diri dan tidak boleh memudharatkan orang lain.
- Mudharat itu dicegah seberapa yang mampu.
- Mudharat itu dihilangkan seberapa yang mampu.
- Mudharat tidak boleh dihilangkan dengan satu mudharat yang sama atau yang lebih besar.
- Mudharat yang khusus boleh ditanggung untuk menolak mudharat yang umum.
- Mudharat yang rendah boleh ditanggung untuk menolak mudharat yang lebih tinggi.
- Boleh menanggung mudharat yang lebih ringan dari dua mudharat yang ada.
- Menolak kerosakan lebih utama dari mengambil manfaat.
- Kerosakan yang sedikit dimaafkan demi untuk mengambil maslahat yang besar.
- Ditinggalkan maslahat yang lebih rendah dari dua maslahat yang ada.
- Kesulitan akan mendatangkan kemudahan.
- Jika sesuatu perkara menjadi sempit, ia sendiri akan menjadi luas.
- Harus bagi yang mengikut apa yang tidak harus bagi yang asal.

---

[1] Riwayat Abu Daud, Hakim dan Al-Baihaqi dari Abu Hurairah dalam buku *Al-Ma`rifah* dan disahihkan oleh ramai para ulama.

[2] Lihat petunjuk-petunjuk mengenai ijtihad ini dalam buku kami *'Al-Ijtihad Fi Asy-Syariah Al-Islamiah' (Ijtihad Dalam Syariat Islam)* dan kitab *'Al-Ijtihad Al-Mu`asir Baina Al-Indibat Wa Al-Infirat' (Ijtihad Kontemporari Antara Ketelitian Dan Kecuaian).*

- Harus bagi sesuatu yang kekal dan berakhir apa yang tidak harus bagi sesuatu yang bermula.
- Asal bagi segala sesuatu adalah harus.
- Asal bagi segala persoalan kebiasaan dan muamalat, ialah melihat pada sebab dan maslahat.
- Seseorang itu memikul tanggungjawab sendiri atas harta yang perlu dibayar olehnya sebagaimana dia berhak penuh atas harta yang diperolehinya.
- Orang Islam terikat dengan syarat-syarat yang dipersetujui bersama.
- Sesuatu yang telah diketahui secara adat adalah ibarat sesuatu yang telah disyaratkan sebagai satu syarat.
- Tiada pertimbangan hukum bagi sesuatu yang jarang-jarang berlaku.
- Sesuatu yang majoriti, mengambil hukum umum.
- Hak-hak Allah dibina atas prinsip tolak ansur. Hak-hak manusia dibina atas prinsip berkira.
- Hak umat didahulukan dari hak individu.
- Fardhu `Ain didahulukan dari Fardhu Kifayah.
- Fardhu Kifayah yang belum dilaksanakan oleh sesiapa diutamakan atas Fardhu Kifayah yang telah dilaksanakan oleh sebahagian manusia.
- Tidak diterima amal sunat kecuali telah ditunaikan amal yang fardhu.
- Orang yang ketat / tegar, Allah akan bersifat ketat dengannya.
- Penilaian itu ialah berdasarkan pada akhir-akhir satu perkara.
- Amal hati lebih afdhal dari amal tubuh.
- Kemunkaran tidak boleh dihilangkan dengan kemunkaran yang lebih besar.
- Islam menghapuskan apa yang sebelumnya dan taubat menghapuskan juga apa yang sebelumnya.
- Apa yang hampir sama dengan sesuatu perkara, maka diambil hukumnya.
- Apa yang diasaskan atas kebatilan, maka ia juga adalah satu kebatilan.
- Tiada dosa lagi setelah kekufuran.
- Bid`ah lebih buruk dari maksiat.
- Sesuatu yang *zanni* tidak boleh mengatasi ap ayang *qat`ii*, apatah lagi untuk mendahulukannya.
- Sesuatu yang telah diyakini, tidak dihilangkan kerana keraguan.

Dan lain-lain lagi dari kaedah-kaedah yang amat diperlukan oleh seorang mufti, hakim atau pengkaji dalam ilmu-ilmu syara'.

3. Memberi perhatian terhadap fiqh *waqi'* (kefahaman terhadap realiti) yang ia berada di dalamnya.

Ijtihad kontemporari yang diharapkan ini tidak akan mampu menunaikan tugasnya dan mencapai matlamatnya serta memberi buahnya kecuali jika kefahaman terhadap realiti bergabung dalam fiqh *nusus* dan dalil (kefahaman terhadap nas dan dalil).

Seorang faqih adalah seperti seorang doktor. Ia tidak boleh membuat preskripsi ubat bagi pesakit kecuali jika ia melihat, memeriksa, bertanya dan mengetahui sejarah penyakitnya, tindak balas dan kadarnya. Dengan itu ia mampu untuk mendiagnos penyakit itu dan memberi preskripsi ubat yang sesuai.

Dalam hal berkenaan, Imam Ibn Qayyim telaah berkata dalam bukunya *'I`ilam Al-Muwaqqi`in'*;

"Seorang mufti dan hakim tidak akan mampu untuk memberi fatwa atau hukum dengan benar kecuali dengan dua bentuk kefahaman. Salah satunya ialah memahami realiti dan hukum fiqh bagi realiti itu. Lalu menghasilkan pengetahuan mengenai hakikat yang sejajar dengan tanda-tanda dan petunjuk-petunjuk yang ada, sehingga pengetahuan itu meliputi perkara berkenaan. Bentuk yang kedua ialah memahami kewajiban dalam berhadapan dengan realiti iaitu memahami

hukum Allah yang ditetapkan dalam kitabNya atau melalui lidah RasulNya dalam realiti berkenaan, kemudian menerapkan salah satu (Al-Quran / Sunnah) pada yang lain. Sesiapa yang mengerahkan usaha dan upayanya yang sedemikian itu, tidak akan hilang darinya dua pahala atau satu pahala."

Seorang alim ialah seorang yang dapat mengetahui hukum Allah dan RasulNya dengan mengetahui dan faham realiti sebagaimana saksi Yusuf a.s mengetahui kesucian dan kebenaran Yusuf melalui pakaian yang koyak di belakang, sebagaimana juga Sulaiman a.s mengetahui ibu sebenar bagi seorang anak dengan kata-katanya

"Berikan aku sebilah pisau agar aku belah dua anak ini untuk kamu berdua. [3]*"*

Di tempat lain, Ibn Qayyim mengatakan bahawa seorang faqih yang sebenar ialah yang mengahwinkan antara kewajiban dan realiti. Dia tidak hidup dengan apa yang wajib semata-mata tetapi juga hidup dengan realitinya. Dengan itu, ia mengetahui apa yang realiti semasa menentukan hukum-hukum. Sering kali dia menurunkan dirinya dari sesuatu yang ideal kepada realiti.

Inilah yang menjadikan Ibn Qayyim menetapkan kewajiban perubahan fatwa dengan perubahan masa, tempat, adat dan keadaan.

Sebelum itu, Imam Syihabuddin Al-Qarafi yang bermazhab Maliki telah pun menetapkan sedemikian.

Sesudah mereka berdua, Ibn `Abidin penulis buku yang masyhur *'Rad Al-Muhtar `Ala Ad-Dur Al-Mukhtar'*, salah seorang ulama terkemudian dari mazhab Hanafi.

Sesungguhnya kewajiban seorang faqih ialah untuk mempelajari realiti secara ilmiyah dan objektif. Realiti yang meliputi segala aspek, unsur-unsur, pengaruh-pengaruh, apa yang positif, apa yang negatif, hak bagi realiti itu dan kewajiban ke atasnya.

Yang kita kehendaki dari kajian terhadap realiti ialah kajian ke atas tabi`atnya bukan kajian atas kertas sahaja, tanpa sikap menakut-nakutkan dan tanpa sikap meringan-ringankan. Sesuatu yang amat besar dalam mempengaruhi kesejahteraan dalam penelitian ilmiyah ialah kecenderungan pada cara yang berlebih-lebihan dan membesar-besarkan sesuatu, sehingga menjadikan sesuatu sebesar biji menjadi seperti satu kubah, atau yang sekecil kucing menjadi seperti sebesar unta. Begitu juga cara yang sebaliknya, iaitu kecenderungan untuk memperkecilkan sesuatu atau meremehkannya, dan usaha untuk mengurangkan kepentingan sesuatu perkara, walau pun terdapat bahaya mengenainya. Yang sedemikian itu adalah sebagaimana yang kami tunjukkan dalam pendirian kami terhadap pemerintahan zionis Israel dan pendirian kami terhadap peradaban Barat.

Kadang kala, kita membina sesuatu hukum fiqh atas pengetahuan kita terhadap realiti. Jika seorang faqih ingin memberi fatwa dalam masalah merokok, ia hendaklah membina fatwanya atas pandangan doktor dan analisa penganalisa. Jika seorang doktor berkata bahawa merokok itu satu mudharat bagi kesihatan dan berbahaya baginya, maka tidak harus bagi seorang faqih kecuali berkata bahawa ia adalah haram kerana tidak harus bagi seorang muslim untuk memudharatkan dirinya secara sengaja - tidak boleh melakukan mudharat (atas diri sendiri) dan menyebabkan mudharat (atas orang lain). Kemudharatan itu didapati melalui pandangan doktor, maka wajiblah memberi fatwa terhadap pengharaman rokok.

Begitulah juga jika para pakar ilmu kemasyarakatan dan ekonomi berkata bahawa pemilikan rumah bagi tujuan tempat tinggal bagi keluarga Islam di Barat dianggap sebagai satu hajat yang

[3] *I`ilam Al-Muwaqqi`iin* (1/77, 78), cetakan *As-Sa`aadah*.

penting bagi individu dan masyarakat. Namun tidak ada jalan untuk memiliki rumah-rumah ini bagi kebanyakan orang-orang Islam kecuali dengan membeli melalui bank. Dalam hal ini, tidak harus bagi seorang faqih yang muslim kecuali memberi fatwa akan keharusannya kerana hajat yang telah pun mengambil tempat dharurat. Penentuan hajat di sini bukan bagi para fuqaha' tetapi bagi para pakar.

Di antara kewajiban fiqh realiti ini atau ijtihad kontemporari, ialah mengetahui hakikat sebenar minoriti muslim yang untuk mereka dia memberi. Ini adalah kerana, minoriti muslim bertingkat-tingkat antara satu dengan yang lain dengan perbezaan tingkatan yang luas.

Kaum minoriti yang kebanyakannya terdiri dari golongan pengungsi yang berhijrah, tidak sama dengan minoriti yang kebanyakannya terdiri dari pribumi dan penduduk asal.

Kaum minoriti yang tertindas tidak sama dengan kaum minoriti yang berkemampuan, yang mempunyai harta, kemulian dan kedudukan kuasa.

Kaum minoriti yang jumlahnya terhad tidak sama dengan kaum minoriti yang besar seperti kaum minoriti muslim di India (lebih dari 150 juta).

Kaum minoriti yang baru wujud tidak sama dengan kaum minoriti yang telah berakar dan mempunyai sejarah ratusan tahun.

Kaum minoriti di negara-negara yang liberal yang menikmati kebebasan dan hak-hak asasi manusia, tidak sama dengan kaum minoriti di negara bersistem diktator, yang tidak mengiktiraf bagi manusia hak dan kebebasan dan tidak memelihara bagi seorang mukmin hubungan kerabat dan perjanjian.

Kaum minoriti yang bertebaran dan berselerak antara mereka, yang berbeza sesama mereka dari segi keturunan, keagamaan dan ideologi tidak sama dengan kaum minoriti yang utuh dan tersusun yang mempunyai kepimpinan dan institusi-institusi keagamaan, sosial, kebudayaan dan politik.

Wajib bagi seorang faqih yang menghadapi realiti di bawah bimbingan syariat, untuk memelihara realiti yang berubah-ubah / berbeza-beza. Sesungguhnya bagi setiap realiti ada hukumnya.

4. Memberi tumpuan kepada fiqh bagi orang ramai bukan hanya fiqh bagi individu

Di antara perkara yang memberi sumbangan bagi mengarah fiqh minoriti ialah penumpuan terhadap kelompok minoriti atas pertimbangan mereka sebagai satu kelompok manusia yang unik, yang mempunyai identiti, matlamat dan keperibadiannya yang tidak boleh bagi mereka untuk mengabaikannya. Hendaklah bagi ahli-ahli fiqh untuk melihat kepada entiti berkelompok ini serta segala keperluan-keperluannya. Demikian juga segala apa yang bersifat dharurat dan hajat bagi kelompok ini. Kemudian bagaimana pula kelompok ini boleh hidup dengan agama Islam dalam keadaan kuat, teguh pegangan dan percaya pada pluralisme yang berasas atas kerangka kesatuan, dalam satu masyarakat bukan Islam.

Saya dapati bahawa ahli-ahli fiqh biasanya apabila membicarakan mengenai perkara-perkara dharurat yang menghalalkan apa yang dilarang, dan mengenai perkara-perkara hajat yang mengambil kedudukan dharurat, mereka akan menumpukan pada dharurat dan hajat bagi seorang individu muslim tanpa memberi perhatian yang banyak terhadap dharurat dan hajat dalam konteks masyarakat Islam.

Saya berkeyakinan bahawa di antara yang penting dan wajib bagi seorang faqih ialah mementingkan aspek kelompok dan segala perkara yang bersifat dharurat dan hajat dari segi kebendaan dan kerohanian, di hari ini atau masa hadapan agar dengan itu fatwanya berdasarkan kejelasan. Hendaklah dia tidak mengabaikan kesan segala dharurat dan hajat ini terhadap

kehidupan kelompok, kekuatan ekonominya, keutuhan sosialnya, budi pekertinya, kemajuan ilmu dan kebudayaannya dan sebelum dari itu semua ialah identiti keimanannya.

Al-Quran dan Sunnah amat mengambil berat terhadap kehidupan berkelompok. Oleh sebab itu, perutusan Al-Quran mengenai hukum-hukum Allah taala adalah perutusan kepada kelompok *"Wahai orang-orang yang beriman",* samada berkaitan dengan taklif dalam beribadat;

"Wahai orang-orangyang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa." (Al-Baqarah : 183)

atau yang berkaitan dengan mu`amalat;

"Wahai orang-orang yang beriman jika kamu berhutang k esatu tempoh yang tertentu, hendaklah kamu menulisnya." (Al-Baqarah : 282)

atau yang berkaitan dengan urusan kekeluargaan;

"Dan jika kamu menceraikan perempuan-perempuan, lalu mereka mendekati akhir iddahnya, maka rujukilah mereka dengan cara yang makruf atau ceraikanlah dengan cara yang makruf (pula). Janganlah kamu rujuki mereka untuk memberi kemudharatan." (Al-Baqarah : 231)

atau yang berkaitan dengan hukuman atau undang-undang jenayah;

"Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu qisas dalam pembunuhan." (Al-Baqarah : 178)

Bahkan apabila Al-Quran berbicara mengenai apa (tugas-tugas) yang dilakukan oleh para pemimpin dan ketua-ketua seperti penguatkuasaan perjanjian dengan musuh, penegakan hudud ke atas penjenayah, ia berbicara kepada kelompok atau umat keseluruhannya seperti firman Allah taala;

"Kecuali mereka yang kamu mempunyai perjanjian dari kalangan orang-orang musyrik." (At-Taubah : 4)

firman Allah taala;

"Dan pencuri lelaki dan pencuri perempuan, potonglah tangan kedua-duanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah." (Al-Maidah : 38)

Nas-nas ini dan yang selain darinya menguatkan akan kepentingan berkelompok dan tanggungjawab bersama dalam menegakkan syariat Allah dan melaksanakan hukum-hukumnya di dunia.

Hadits-hadits Nabi banyak yang menyokong arah tuju ini dan menguatkannya lagi. Rasulullah s.a.w bersabda;

"Tangan Allah bersama jemaah. Siapa yang mengasingkan diri, dia mengasingkan diri dalam neraka."

Fiqh Islam juga memberkati kecenderungan ini dengan banyak hukum-hukum. Sebahagian darinya berkaitan dengan sudut kemasyarakatan, sebahagian pula berkaitan dengan sudut ekonomi dan sebahagian yang lain berkaitan dengan sudut politik.

Cukuplah bagi kita (untuk memahami) bahawa hak kelompok diutamakan dari hak individu yang khusus. Sehingga apabila musuh menyerang sebuah kawasan, seluruk kelompok masyarakat dikerahkan untuk menentang. Anak keluar berperang tanpa izin dari ibu bapanya, isteri keluar tanpa izin suaminya, pengikut keluar tanpa izin ketuanya kerana tiada ketaatan kepada makhluk

dalam melakukan maksiat kepada si Pencipta dan tiada hak bagi individu apabila berhadapan dengan kesucian kehormatan umat.

Imam Al-Ghazali menyebutkan satu masalah mengenai ‘perisai manusia’ iaitu masalah musuh yang berperang menjadikan beberapa orang-orang Islam sebagai perisai bagi melindungi mereka dan meletakkan orang-orang Islam bagi menghadapi bahaya. Imam Al-Ghazali dan ramai para fuqaha’ selain darinya mengharuskan untuk mengorbankan mereka yang dijadikan sebagai perisai, jika dengan membiarkan yang sedemikian itu akan membahayakan masyarakat umumnya kerana kewujudan keseluruhan masyarakat lebih penting dari kewujudan sebahagian darinya.

Oleh itu, fiqh yang dikehendaki di sini mestilah memelihara maslahat masyarakat Islam dan tidak menjadikan seluruh perhatiannya tertumpu pada maslahat-maslahat individu. Sesungguhnya individu itu adalah sedikit jika bersendiri dan ramai jika berkumpulan.

Di antara hak masyarakat Islam di negara-negara Barat dan yang seumpamanya, hendaklah ada satu kumpulan yang kuat, utuh, mampu untuk memainkan peranannya, berpegang pada agamanya, memelihara identitinya, membina anak-anaknya dengan didikan Islam yang benar dan menyampaikan risalahnya kepada sesiapa yang berada di sekitarnya dengan bahasa zamannya.

5. Penggunaan manhaj yang memudahkan

Di antara ciri-ciri khusus fiqh minoriti ialah penggunaan manhaj yang memudahkan selama mana di sana ada jalan sebagai mengikuti petunjuk dari Nabi ketika dia mengutus Abu Musa dan Mu`az ke Yaman. Beliau s.a.w berpesan kepada mereka berdua dengan pesanan;

“Permudahkanlah dan jangan persulitkan. Berikan berita gembira dan jangan menyebabkan orang lari.[4]”

Anas meriwayatkan dari Nabi s.a.w;

“Permudahkanlah dan jangan persulitkan. Berikan berita gembira dan jangan menyebabkan orang lari.[5]”

Tidak syak bahawa sesungguhnya, manusia itu berbeza-beza tabiat mereka. Ada di antara mereka yang mudah secara tabi`ii dan ada pula yang tegar. Setiap pemudah adalah kerana apa yang dia itu diciptakan. Sesungguhnya warisan kita telah mengenali sifat tegar Ibn Umar dan juga sifat mudah Ibn `Abbas.

Sesungguhnya para sahabat telah dikenali secara umum sebagai golongan yang sangat memudahkan kepada murid-murid mereka dari kalangan para tabi`in. Sebagaimana para tabi`in adalah golongan yang memudahkan kepada golongan sesudah mereka.

Para fuqaha’ di zaman sahabat dan selepas mereka, amat cenderung kepada mengambil yang paling mudah. Mereka yang datang sesudah merekalah yang cenderung untuk mengambil yang paling selamat. Setiap kali datang satu zaman ke zaman yang lain, semakin bertambah nilai apa yang lebih selamat. Jika yang lebih selamat semakin bertambah dan meningkat, ia akan membentuk pula beban dan belenggu. Sedangkan Nabi s.a.w diutuskan untuk melepaskan manusia dari itu semua. Allah taala berfirman;

---

[4] Riwayat Al-Bukhari & Muslim dari Abu Musa sebagaimana dalam buku *‘Al-Lu’lu Wa Al-Marjan Fi Ma Ittafaqa `Alaihi Asy-Syaikhan’*, hadits 1130.

[5] Riwayat Al-Bukhari & Muslim. Ibid, hadits 1131.

“Dan membuang dari mereka segala beban dan belenggu yang ada pada mereka.” (Al-A`araf : 157)

Para sahabat memilih manhaj yang memudahkan dan meringankan kerana mereka mendapati ia adalah manhaj Al-Quran dan manhaj agama ini. Manhaj yang mensyariatkan *rukhsah* (keringanan) pada ketika sakit dan perlayaran. Ia mengharuskan memakan yang diharamkan ketika kelaparan dan dharurat. Ia mengharuskan tayammum bagi sesiapa yang tidak mendapati air dan banyak lagi dari hukum-hukum yang mengandungi keringanan sedemikian. Maka sebab itu sejurus ayat mengenai bersuci, Al-Quran mendatangkan firman Allah taala;

“Allah tidak hendak menyulitkan kamu tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmatNya bagimu, supaya kamu bersyukur.” (Al-Maidah : 6)

Sejurus ayat mengenai puasa, Al-Quran mendatangkan firman Allah taala;

“Allah mahukan bagi kamu kemudahan dan tidak mahukan bagi kamu kesulitan.” (Al-Baqarah : 185)

Sejurus ayat mengenai nikah, Al-Quran mendatangkan firman Allah taala;

“Dan Allah memberikan keringanan bagi kamu dan manusia itu dijadikan lemah.” (An-Nisa’ : 28)

Sebagaimana juga mereka dapati bahawa Rasul s.a.w adalah manusia yang paling memudahkan dan paling keras melawan pelampauan dan berlebih-lebihan dalam agama. Ibn Mas`ud meriwayatkan darinya s.a.w;

“Binasalah mereka yang berlebih-lebihan.[6]” Dia katakan sebanyak tiga kali.

Ibn `Abbas pula meriwayatkan darinya s.a.w;

“Hendaklah kamu jauhi pelampauan dalam agama. Sesungguhnya kaum sebelum kamu telah musnah disebabkan pelampauan dalam agama.[7]”

Rasulullah membantah sesiapa yang cenderung kepada pelampauan dalam beribadat kerana mengikut cara kependetaan orang-orang Nasrani dan yang selainnya. Sebagaimana yang dia lakukan terhadap Abdullah b. `Amru b. Al-`As dan para pelampau, yang mana salah seorang dari mereka berkata *“Saya akan berpuasa dan tidak akan berbuka.”* Yang kedua pula berkata *“Saya akan bangun malam dan tidak akan tidur.”* Yang ketiga pula berkata *“Saya akan menjauhi perempuan dan tidak akan berkahwin selama-lamanya*.[8]”

Beliau s.a.w membantah Utsman b Maz`un yang ingin membujang[9]. Beliau s.a.w membantah ke atas Mu`az b. Jabal kerana memanjangkan solat bersama orang ramai. Beliau s.a.w bersabda;

---

[6] Riwayat Ahmad, Muslim dan Abu Daud dari Ibn Mas`ud. Hadits Sahih dari *Al-Jami` As-Saghir*.

[7] Riwayat Ahmad, An-Nasa`ii, Ibn Majah dan Hakim dari Ibn Abbas. Hadits Sahih dari *Al-Jami’ As-Saghir.*

[8] Rasulullah s.a.w berkata kepada mereka

“Sesungguhnya badan kamu mempunyai hak ke atas kamu, mata kamu mempunyai hak ke atasa kamu dan keluarga kamu mempunyai hak atas kamu.”

Hadits riwayat Al-Bukhari dan Muslim sebagaimana dalam *Al-Lu’lu’ Wa Al-Marjan*, hadits 885.

[9] Riwayat Al-Bukhari dan Muslim. Ibid, hadits 886.

"Adakah kau ingin menimbulkan fitnah, hai Mu`az?[10]", tiga kali.

Beliau s.a.w memarahi Ubai B. Ka`ab dengan kemarahan yang amat sangat ketika sampai kepadanya cerita bahawa Ubai memanjangkan solatnya bersama orang ramai. Beliau s.a.w bersabada;

"Sesungguhnya ada di antara kamu yang menjadikan orang ramai lari. Sesiapa yang mengimamkan orang ramai, hendaklah bersederhana.[11]"

Beliau s.a.w membantah sebahagian para sahabat yang memberi fatwa mengenai seorang lelaki yang mempunyai luka, sedangkan ia berjunub, agar bermandi hadats. Lalu lelaki itu mati kerananya. Rasulullah s.a.w lalu bersabda;

"Mereka telah membunuhnya, nescaya Allah akan membunuh mereka. Mengapakah mereka tidak bertanya, jika tidak tahu. Sesungguhnya penawar bagi kejahilan ialah bertanya. Sesungguhnya cukup bagi dia hanya bertayammum sahaja.[12]"

Dari sini, para sahabat belajar akan sifat mempermudahkan. Mereka timba dari petunjuk Nabi s.a.w.

Eloklah kita mendengar kata-kata Imam Sufyan b Sa`id Ats-Tsauri r.a;

"Sesungguhnya fiqh yang mendalam ialah memberi rukhsah (keringanan) oleh seorang yang tsiqah. Adapun berkeras / tegar, semua orang boleh melakukannya.[13]"

Ini adalah kata-kata seseorang yang diberikan gelaran Imam dalam tiga bidang;

- fiqh, yang mana dia mempunyai mazhab yang diikuti pada satu tempoh dahulu.
- hadits, yang mana dia digelar sebagai Amirul Mukminin dalam bidang hadits.
- wara' dan zuhud, yang mana dia adalah di antara tokoh yang terawal dalam bidang ini.

Elok juga bagi kita menyebutkan di sini apa yang para fuqaha zaman terkemudian sebut ketika mentarjihkan sesuatu pandangan dari yang lain, mereka berkata *"Ini adalah pendapat yang lebih lunak bagi orang ramai."*

6. Memelihara kaedah 'perubahan fatwa disebabkan perubahan sebab, faktor dan motif berkaitan fatwa itu'

Di antara sebesar-besar tuntutan keringanan dan mempermudahkan ialah, pada ketika orang yang meminta fatwa berada dalam keadaan lemah, keadaanya yang sedemikian diambil kira dan diringankan untuknya sekadar yang diperlukan. Maka sebab itu diringankan bagi orang yang sakit apa yang tidak diringankan bagi orang yang sihat, diringankan bagi orang yang bermusafir

---

[10] Riwayat Al-Bukhari dan yang lain.

[11] Riwayat Al-Bukhari dan yang lain.

[12] Riwayat Abu Daud dari Jabir. Riwayat Ahmad, Abu Daud dan Hakim dari Ibn `Abbas. Hadits Sahih dari *Al-Jami' As-Saghir*, hadits 4362, 4363.

[13] Riwayat Abu Nu`aim dalam *Al-Hulliyyah* (6 / 367), Ibn Abdil Bar dalam *Jami' Bayan Al-`Ilm* (jld 2, ms 26), Ibn Tahir dalam *As-Sama'*, ms 90 dan An-Nawawi dalam *Muqaddimah Al-Majmu'* (1 / 42)

apa yang tidak diringankan bagi orang yang menetap, diringankan bagi orang yang menghadapi kesulitan apa yang tidak diringankan orang yang senang, diringankan orang yang terpaksa apa yang tidak diringankan orang yang bebas memilih, diringankan orang yang mempunyai hajat apa yang tidak diringankan bagi orang yang tidak berhajat, diringankan orang yang cacat (buta dan pincang) apa yang tidak diringankan bagi orang yang sejahtera tubuhnya.

Kesemua ini mempunyai nas-nas dari syara' dan kaedah-kaedahnya.

Seorang muslim di dalam masyarakat bukan Islam pastinya lebih lemah dari seorang muslim di dalam masyarakat Islam. Maka sebab itu, ia memerlukan kepada keringanan dan kemudahan yang lebih banyak dari yang lain.

Saya mempunyai tanggapan bahawa apa yang tidak berbeza antara kedua-dua muslim itu ialah bahawa fatwa berubah dengan perubahan tempat, masa dan adat. Ini adalah sebagaimana yang telah dikatakkan oleh Imam Ibn Qayyim Al-Hanbali dan diterangkan sebelumnya oleh Imam Al-Qarafi Al-Maliki dan dipertegaskan oleh Ibn `Abidin, seorang alim bermazhab Hanafi zaman kemudian dalam risalahnya *"Nasyr Al-`Arf Fi Bayan Anna Min Al-Ahkam Ma Buniya `Ala Al-`Urf".*

Di antaranya juga ialah apa yang diriwayatkan bahawa Umar b. Abdul Aziz mengadili hanya dengan seorang saksi berserta sumpah. Apabila beliau berada di Syam, beliau tidak menerima kecuali dua orang saksi, kerana beliau melihat perbezaan manusia di sana dari apa yang beliau dapati dari para penduduk Madinah.

Beliau lah yang berkata dengan kata-kata yang masyhur;

"Lakukan peradilan bagi manusia mengikut kadar apa yang mereka lakukan dari kejahatan."

Di antara yang seperti itu juga ialah apa yang dinyatakan bahawa Abu Hanifah pernah mengharuskan pengadilan di zamannya berdasarkan seorang saksi yang tidak diketahui keadaannya, iaitu zaman tabi' tabi`in. Beliau berasa cukup dengan sifat adil yang zahir sahaja. Namun di zaman kedua-dua sahabatnya, Abu Yusuf dan Muhammad, mereka melarang yang sedemikian itu kerana berleluasanya cakap bohong antara orang ramai.

Ulama mazhab Hanafi berkata dalam persoalan khilaf seperti ini antara Imam Abu Hanifah dan dua sahabatnya; *"Sesunnguhnya ia (perbezaan ini) adalah (kerana) perbezaan masa dan zaman, bukan perbezaan hujah dan dalil."*

Ramai para ulama yang terkemudian dari ulama mazhab Hanafi yang berbeza pandangan dalam pelbagai masalah dari apa yang telah ditetapkan oleh imam-imam mereka dan mereka yang terdahulu kerana perubahan zaman dan keadaan. Sheikh Ibn `Abidin, seorang alim bermazhab Hanafi, telah mengarang dalam persoalan ini satu risalah yang masyhur bertajuk *"Nasyr Al-`Arf"*. Beliau menyebutkan dalam risalah ini;

"Bahawa kebanyakan dari hukum-hukum berbeza di sebabkan perbezaan zaman kerana perubahan adat manusia di zaman itu atau kerana wujudnya dharurat yang baru atau kerana kerosakan masyarakat zaman itu. Sehingga, jika sesuatu hukum itu kekal seperti yang awal, ia pasti akan menimbulkan kesusahan dan kemudharatan bagi manusia dan akan pasti juga menyalahi kaedah-kaedah syariat yang dibina atas prinsip keringanan dan mempermudahkan, menolak kemudharatan dan kerosakan. Maka sebab itu, kita lihat ramai tokoh-tokokh pelbagai mazhab yang berbeza pandangan dengan apa yang telah ditetapkan oleh imam mazhab mereka dalam banyak persoalan yang dibina atas apa yang ada pada zamannya dan kerana mereka mengetahui bahawa sekiranya para imam itu hidup di zaman mereka, nescaya mereka akan berpandangan yang sama kerana berpegang pada kaedah mazhab imam itu.[14]"

[14] *Majmu`ah Rasail*, Ibn `Abidin, jld 2, ms 125.

Di dalam mazhab Maliki, kita dapati Imam Syihabuddin Al-Qarafi dalam kitabnya *'Al-Furuq'* dan kitab *'Al-Ihkam Fi Tamyiz Al-Fatawa Min Al-Ahkam'* mengingatkan akan wajibnya perubahan hukum jika ia dibina atas adat yang telah berubah atau tradisi yang tidak lagi berdiri.

Dan di antara contoh-contoh yang disebut di sini ialah apa yang diceritakan dari Imam Abu Muhammad b. Abu Zaid Al-Qairawani (wafat tahun 386H), penulis *'Ar-Risalah'* yang masyhur dalam mazhab Maliki yang disyarahkan oleh ramai para ulama mazhab itu.

Mereka telah meriwayatkan bahawa sebuah dinding telah roboh dari rumah beliau. Beliau ketika itu merasa takut dengan ancaman beberapa kelompok terhadap dirinya. Beliau lalu mengambil seekor anjing untuk tujuan berjaga. Beliau mengikat anjing itu di rumahnya. Apabila dikatakan kepadanya *"Sesungguhnya Imam Malik membenci perbuatan ini."* Beliau berkata kepada orang yang bercakap kepadanya *"Kalau Malik berjumpa dengan zaman kamu, nescaya di akan mengambil singa yang garang.*[15]*"*

Kita akan dapati contoh seperti ini pada setiap mazhab, walau pun terdapat perbezaan tingkatan antara satu sama yang lain, yang mana ini menunjukkan kadar keluasan dan keanjalan yang Allah telah letakkan dalam syariat ini. Dengan itu, Dia telah menjadikan syariat ini sesuai bagi setiap zaman dan tempat.

Tidak dipertikaikan lagi bahawa antara perkara besar yang menyebabkan perubahan tempat ialah perbezaan antara negara Islam dan negara bukan Islam. Ini adalah satu perbezaan yang amat dalam dan luas seperti perbezaan sebuah bandar dengan sebuah kampung, atau antara sebuah masyarakat bandar dengan masyarakat pedalaman, atau antara penduduk di utara dengan penduduk di selatan.

Sebuah negara Islam walau pun mempunyai kekurangan dan juga penyelewengan, ia membantu seorang muslim untuk menunaikan kewajiban-kewajaiban Islam dan meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan. Maka sebab itu, para fuqaha berpendapat bahawa kejahilan mengenai hukum dalam negara Islam tidak dianggap sebagai keuzuran bagi seseorang sebagai keringanan baginya kerana mudah untuk mempelajarinya di negara Islam bagi sesiapa yang mahu. Hal ini berbeza dengan kejahilan hukum di negara bukan Islam. Ia berkemungkinan menjadi keuzuran bagi sesiapa yang tidak tahu.

7. Berperingkat-peringkat

Fiqh minoriti hendaklah berdiri atas aturan berperingkat-peringkat kerana meraikan keadaan mereka dan pengasingan mereka dari masyarakat Islam. Sebagaimana yang kita tahu, berperingkat-peringkat adalah aturan alam ini dan juga aturan syariat.

Meninjau berperingkat-peringkat sebagai aturan alam, sesungguhnya Allah taala telah mencipta manusia dari tanah. Kemudian Dia menjadikannya dalam bentuk mani di tempat yang utuh. Kemudian Dia menjadikan mani dalam bentuk segumpal darah. Kemudian Dia menjadikan segumpal darah dalam bentuk seketul daging. Kemudia Dia menjadikan seketul daging dalam bentuk yang bertulang. Kemudian Dia membungkus tulang-tulang itu dengan daging. Kemudian Dia mencipta satu makhluk yang lain. Ini adalah dalam hal membicarakan peringkat janin. Apabila ia dilahirkan, maka ia merupakan seorang bayi. Kemudian dia menjadi kanak-kanak. Kemudian dia menjadi budak. Kemudian menjadi seorang remaja. Kemudian dia menjadi seorang yang baligh. Kemudian dia menjadi belia. Kemudian dia menjadi orang dewasa. Kemudian dia menjadi seorang tua.

---

[15] Lihat Syarah Al-`Allamah Zauraq terhadap 'Ar-Risalah', jld 2, ms 414, *Matba`ah Al-Jamaliyah*, Mesir.

Ini juga berlaku dalam alam flora dan fauna.

Sebagaimana Allah taala juga mencipta langit dan bumi dalam tempoh enam hari, hanya Allah sahaja yang mengetahui akan hakikat sebenarnya. Dia tidak mencipta langit dan bumi sekelip mata, sebagai petunjuk akan aturan berperingkat-peringkat.

Meninjau berperingkat-peringkat sebagai aturan syariat, sesungguhnya Allah taala mensyariatkan dalam Islam asas-asas aqidah dan dasar-dasar akhlak yang terpuji. Kemudian, Dia mensyariatkan ibadat-ibadat secara berperingkat-peringkat. Dia mensyariatkan solat pada awalnya dua rakaat-dua rakaat. Dia kemudian mengekalkan dua rakaat pada waktu musafir dan menambah pada waktu menetap, sebagaimana Aisyah r.a meriwayatkan mengenainya.

Puasa pada mulanya disyariatkan sebagai satu pilihan. Allah taala berfirman;

“Dan wajib bagi orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu) memberi makan seorang miskin. Barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui.” (Al-Baqarah : 184)

Kemudian datang pula perintah mewajibkan puasa. Allah taala berfirman;

“Barangsiapa di antara kamu yang melihat anak bulan, maka hendaklah berpuasa.” (Al-Baqarah : 185)

Banyak perkara-perkara yang haram diharamkan secara berperingkat-peringkat.

Oleh itu, tiada halangan bagi kita untuk bertahap-tahap dalam interaksi kita dengan orang-orang Islam jika mereka mempunyai keadaan-keadaan yang tidak membantu.

Elok untuk kita mengemukakan satu contoh di sini mengenai Umar b Abdul Aziz, Khulafa’ Rasyidin yang kelima. Dia adalah di antara mereka yang menjaga aturan ini dan mengambil berat mengenainya.

Khalifah Umar telah muncul setelah berlaku penyelewengan pemerintahan, berleluasanya kezaliman dan apabila pelbagai keadaan yang merosakkan menjadi ikutan yang berterusan dan aturan yang kekal.

Umar, selaku pemimpin yang beriman harus menghadapi kerosakan ini dengan melakukan pembaikan, dan menghadapi kerosakan dengan pelurusan semula, serta mengembalikan segala perkara kepada keadaan semasa pemerintahan Khulafa’ Rasyidin.

Umar lantas terus mula menolak kezaliman dan menghapuskan kerosakan. Dia tidak takut pada celaan sesiapa pun kerana Allah tetapi dia melakukannya dengan strategi yang cerdik, jiwa yang tenang dan pemeringkatan yang bijaksana. Mungkin sahaja sesiapa yang bersemangat kuat atau yang ingin bersegera, menganggap perbuatannya sebagai satu bentuk bermudah-mudah dan meringan-ringankan dalam membersihkan negara dari kotoran kerosakan. Bahkan inilah yang berlaku kepada orang yang paling dekat dengan Umar sendiri, iaitu anaknya Abdul Malik b. Umar. Dia adalah seorang pemuda yang bertakwa dan soleh. Gelora mudanya dan kepanasan takwa dalam diri tidak membolehkannya untuk melihat dari sudut pandangan bapanya. Ibn Al-Jauzi menceritakan kepada kita akan dialog antara si anak dan si bapa. Si anak tidak mahu tidur sehingga siapa yang dizalimi diberikan haknya. Pada ketika itu pula terlalu ramai orang yang telah dizalimi.

Atas sebab itu, dia membangunkan bapanya dari tidur siang dan berkata kepadanya *"Apakah yang menyebabkan bapa berasa tenang dalam tidur sedangkan telah banyak kes-kes kezaliman yang tidak bapa hukumkan hak Allah di dalamnya."*

Si bapa menjawab sambil berkata "*Wahai anakku, sesungguhnya jiwaku adalah ibarat kenderaanku. Jika aku tidak berlembut kepadanya, dia tidak akan membawaku ke tempat yang hendak dituju. Jika aku memenatkan diriku dan pembantu-pembantuku, aku tidak akan menjadi seperti itu kecuali sedikit sahaja. Aku gugur dan mereka juga akan gugur. Aku mengharapkan dari tidurku pahala sebagaimana yang aku harapkan pahala dari waktu aku berjaga. Sesungguhnya Allah taala, jika Dia mahu turunkan Al-Quran sekali gus, Dia akan lakukannya. Namun Dia menurunkannya satu ayat dan dua ayat sehingga iman menjadi mantap dalam diri mereka.*[16]"

Alangkah indahnya jawaban itu yang lahir dari kefahaman yang mendalam dan luas terhadap manhaj Islam.

Imam Asy-Syatibi menyebutkan dalam buku *'Al-Muwafaqat'* satu situasi yang sama, iaitu apabila si anak berkata pada satu hari kepada bapanya *"Mengapakah bapa tidak laksanakan pelbagai tugas. Demi Allah, aku tidak peduli jika periuk akan bernyala untuk saya dan bapa demi kebenaran!"* Umar berkata *"Janganlah kau gopoh, wahai anakku. Sesungguhnya Allah mencela arak dua kali, kemudian baru mengharamkannya pada kali ketiga. Aku takut kalau aku bebankan kebenaran ke atas manusia sekali gus, sehingga menyebabkan mereka menolak kesemuanya sekali gus sehingga berlaku pula fitnah."*

Sesungguhnya Umar mempunyai strategi yang bijaksana dalam melaksanakan apa yang dia hendak capai dari pengukuhan nilai-nilai agama. Umar berkata *"Demi Allah, aku tidak dapat mengemukakan sesuatu kepada mereka dari agama kecuali diiring bersamanya sedikit dari dunia ini, agar aku dapat melembutkan hati mereka, kerana aku takut sebahagian dari mereka akan mengganyang aku dengan sesuatu yang tidak mampu untuk aku menanggungnya.*[17]"

8. Mengakui akan keperluan dan hajat manusia

Di antara noktah bagi fiqh minoriti, ialah ia berdiri di atas perspektif yang bersifat realistik dalam menangani masalah manusia, bukan perspektif yang bersifat idealistik yang terawang-awang di angkasa dan manusia tidak mampu untuk mencapainya. Perspektif ini sesuai dengan karakteristik syariat ini. Tidak syak lagi bahawa syariat ini adalah syariat yang realistik.

Di antara contoh, sifat realistik syariat ini ialah pengakuannya terhadap dharurat yang datang dalam kehidupan manusia, samada dharurat bagi individu atau masyarakat. Lalu ia menjadikan hukum-hukum tertentu bagi setiap dharurat ini. Ia mengharuskan apa yang dilarang dari pelbagai makanan-makanan, minuman-minuman, pakaian-pakaian, kontrak dan muamalah pada situasi bukan terpaksa. Bahkan, dia membolehkan keperluan yang bersifat hajiyat mengambil hukum keperluan yang bersifat dharurat sebagai kemudahan bagi umat dan bagi menolak kesulitan dari mereka.

Yang sedemikian itu, dasarnya ialah apa yang Al-Quran datangkan di empat tempat sejurus setelah menyebut makana-makanan yang diharamkan. Dalam ayat itu, Allah mengangkat dosa dari sesiapa yang memakan makanan itu kerana terpaksa dan dengan tidak berniat derhaka dan berlebihan. Allah taala berfirman;

---

[16] *Sirah Umar b. Abdul Aziz*, Ibn Al-Jauzi, ms 106.

[17] *Al-Fawakih Al-`Adidah Fi Al-Masail Al-`Adidah*, jld 2, ms 183. Lihat buku kami *Madkhal Li Dirasat Asy-Syari`ah Al-Islamiah*, ms 123 – 125.

“Dan barangsiapa dalam keadaan yang terpaksa (memakannya), sedangkan dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tiadalah baginya dosa. Sesungguhnya Allah maha Pengampun dan maha Penyayang.” (Al-Baqarah : 173)

Di dalam Sunnah juga terdapat pengiktirafan terhadap keperluan hajiyat dan keringanan sesuatu hukum di sebabkan keperluan itu. Ini adalah sebagaimana yang terdapat dalam sebuah hadits sahih bahawa selepas pengharaman memakai sutera ke atas orang-orang lelaki, Abdul Rahman b `Auf dan Az-Zubair b. Awwam telah mengadu kepada Nabi s.a.w mengenai penyakit gatal-gatal pada kulit mereka, beliau lalu mengizinkan mereka untuk memakainya kerana mengambil kira akan keperluan ini.

Di antara bukti sifat realistik syariat ini ialah ia mengakui perlantikan pemimpin yang kurang afdhal (elok) pada ketika wujud seorang pemimpin yang lebih afdhal (elok) kerana mengelakkan dari suasana yang porak peranda dan bagi memelihara maslahat umat.

Syariat juga memerintahkan agar pemimpin ditaati walau pun ada padanya pelbagai kelemahan, demi untuk menjaga kesatuan umat dari dirobek dan untuk memelihara dari pertumpahan darah yang tidak diperlukan; *‘kecuali jika kamu melihat di sisi kamu kekufuran yang nyata dalam dirinya dengan bukti dari (syariat) Allah’*. Tidak harus pula untuk keluar melakukan penentangan bersenjata ke atas pemimpin yang jahat atau fasiq, jika ia akan mencetus fitnah yang lebih besar. Harus pula mengekalkannya kerana menanggung mudharat yang lebih ringan dan menjauhi kerosakan yang lebih besar.

Dengan itu, syariat membolehkan meninggalkan usaha untuk menghilangkan satu kemunkaran, jika berusaha untuk menghilangkannya akan menatijahkan kemunkaran yang lebih besar. Dalil yang menunjukkan pada yang sedemikian ialah hadits Aisyah r.a yang sahih dari Nabi s.a.w;

“Jika tidak kerana kaum kau masih baru meninggalkan kepercayaan jahiliyah, nescaya aku akan bangunkan Ka`bah di atas binaan Ibrahim.”

Rasulullah s.a.w telah mengambil kira keadaan penduduk Mekah yang baru masuk Islam dan masih dekat dengan kesyirikan. Beliau bimbang kalau mereka akan lari (dari Islam), jika dia meruntuhkankan Ka`bah dan membinanya semula. Atas tujuan itu, beliau meninggalkan perkara itu. Termasuk dalam persoalan ini ialah pengakuan para fuqaha akan keharusan kepimpinan yang dipaksakan atas rakyat, walau pun pada asalnya kepimpinan hendaklah di atas keredaan dan pemilihan melalui syura dan bai`ah.

Di antara pendapat Ibn Qayyim dalam bukunya *‘I`lam Al-Muwaqqi`iin’*

“Jika seorang sultan tidak mendapat seseorang yang boleh dilantik sebagai hakim kecuali seorang yang kurang memenuhi syarat, hendaklah dia tidak membiarkan negara berjalan tanpa seorang hakim. Oleh itu, hendaklah dia melantik yang paling sesuai dan yang seterusnya.”

Kes yang seumpama ini *ialah*

“Dalam keadaan kefasiqan telah berleluasa di kalangan para penduduk sebuah negara, jika kesaksian sebahagian mereka terhadap yang lain dan kesaksian mereka terhadap diri sendiri tidak diterima, maka pasti akan terabai hak-hak manusia. Oleh itu, diterima kesaksian saksi yang paling elok dan yang seterusnya.”

Kes lain yang seumpama juga ialah

“Jika sebahagian kaum wanita telah menjadi saksi bagi yang lain dalam hak-hak tertentu yang berkaitan dengan diri, harta dan kehormatan. Mereka semua pula bersendirian sesama mereka, tanpa kewujudan orang lelaki seperti di bilik mandi awam atau majlis perkahwinan, maka diterima kesaksian yang paling sesuai dari kalangan mereka dan yang seterusnya.”

Allah dan RasulNya tidak akan sama sekali mengabaikan hak orang yang dizalimi dan menggenjotkan penegakan agama dalam situasi-situasi seperti ini. Bahkan Allah taala mengingatkan akan keharusan menerima kesaksian orang-orang kafir ke atas orang-orang Islam dalam persoalan wasiat semasa pelayaran, di akhir surah yang diturunkan. Sedangkan tiada sesuatu apa pun yang memansukhkannya.

Hukum ini tidak dimansukhkan oleh Al-Quran dan Sunnah dan di sana tiada pula ijma' terhadap hukum yang berlawanan.

Tiada yang paling sesuai bagi syariat selain hukum berkenaan. Sesungguhnya syariat didatangkan untuk memelihara maslahat manusia seberapa mungkin. Apakah maslahat bagi mereka (terpelihara), jika hak-hak mereka diabaikan, jika pada ketika melakukan aqad, dua orang saksi lelaki yang merdeka tidak menyaksikannya? Bahkan jika kamu berpendapat bahawa kami menerima kesaksian orang-orang perempuan, jika tiada orang lelaki, dan dilaksanakan hukuman seorang yang fasiq, jika zaman itu tiada hakim yang adil dan alim, bagaimana mungkin kesaksian orang-orang kafir sesama mereka tidak diterima jika tiada bersama mereka seorang muslim?

9. Bebas dari beriltizam dengan satu mazhab

Di antara yang dharuri bagi fiqh minoriti khususnya dan fiqh kontemporari umumnya ialah seorang mufti tidak menyempitkan ke atas manusia dengan beriltizam terhadap satu mazhab tertentu. Dia tidak mahu keluar dari mazhab itu dalam apa jua keadaan. Walau pun pada yang sedemikian itu terdapat kesempitan terhadap manusia. Pada hal mungkin sahaja, sumber pandangannya lemah dan dalilnya tidak disukai apabila diperiksa.

Yang lebih utama bagi mufti zaman kini ialah untuk mengeluarkan manusia dari penjara bermazhab yang sempit kepada lapangan syariat yang luas. Syariat yang di dalamnya terdapat pelbagai mazhab yang diikuti dan mazhab yang tidak lagi diikuti, serta pandangan para ulama yang tidak dikenali sebagai satu mazhab yang diikuti. Jumlah mereka amat ramai sekali. Bahkan mengatasi pandangan-pandangan mereka itu, ialah pandangan para ulama di kalangan para sahabat, yang mana mereka adalah lampu kegelapan dan imam-imam bagi petunjuk. Mereka adalah tokoh-tokoh bagi semua, tanpa ada yang mempertikaikan. Mereka telah keluar dari madrasah Nabi dan dididik di bilik darjah beliau s.a.w bersama fitrah yang murni dan jiwa-jiwa yang suci serta hati-hati yang bersinar dengan keimanan. Mereka amat fasih dengan bahasa Arab. Maka tidak ragu lagi bahawa mereka lebih dekat pada yang benar dari golongan yang selepas mereka. Walau pun mereka bukanlah ma`sum kerana tiada yang ma`sum kecuali Rasulullah s.a.w.

Kita telah melihat beberapa mazhab yang amat ketat dalam sesuatu masalah. Pada waktu yang sama, satu mazhab lain atau beberapa mazhab lain memberi keringanan pula. Sebahagian mazhab menyempitkan dalam satu masalah dengan begitu sempit sekali. Namun yang lain pula memberi keluasan pula dengan seluas-luasnya. Ini memberi kita peluang bagi melakukan pertimbangan dan tarjih dan memilih apa yang lebih menunjukkan ke jalan yang benar dan lebih kuat dalilnya.

Di antara dalil-dalil yang muktabar ialah, hendaklah sesuatu pendapat atau mazhab itu lebih dekat dalam mencapai tujuan syara' dan maslahat manusia kerana syariat tidak berdiri kecuali untuk mencapai maslahat hamba di dunia dan di akhirat.

Maka di sini, seorang faqih atau mufti atau pengkaji syariat mestilah menggali fiqh sedalam-dalamnya yang meliputi pelbagai sekolah dan sumber pemikiran. Dia hendaklah tidak berhenti pada pandangan yang masyhur dan popular sahaja. Berapa banyak pandangan yang bernas tetapi tertimbus di buku-buku fiqh yang tidak diketahui kecuali sedikit manusia sahaja? Mungkinkah juga ia tidak diketahui kecuali melalui kajian dan penggalian? Berapa banyak pandangan yang ditinggalkan tetapi lebih layak untuk dipopularkan dan pandangan yang

dahulunya lemah di zamannya tetapi layak diperkuatkan hari ini? Berapa banyak pandangan yang telah tertanam kerana tiada siapa yang menyokongnya atau mempertahankannya dahulu atau kerana pandangan itu mendahului zamannya sehingga ia tidak sesuai bagi zamannya tetapi sesuai bagi zaman kita?

Contoh yang paling tertonjol ialah pandangan-pandangan Sheikhul Islam Ibn Taimiyah dalam persoalan talaq dan yang seumpamanya. Kebanyakan ulama di zamannya telah menolak pandangannya dan disebabkan itu mereka menuduhnya dengan pelbagai tuduhan. Ulama di zamannya telah menjatuhkan hukuman ke atasnya dan beliau telah masuk ke penjara lebih dari sekali kerana pandangan-pandangannya.

Hari ini kita dapati ulama zaman ini ramai yang memfatwakan dengan pandangan-pandangan itu kerana mereka melihat di dalam pandangan-pandangan itu apa yang boleh menyelamatkan keluarga Islam dari keruntuhan, disebabkan banyaknya berlaku talaq, walau pun kedua suami isteri amat menginginkan kekal berkeluarga.

Jika saya mahu kemukakan contoh dalam tajuk ini, akan dapati contoh yang amat banyak.

Di antaranya ialah apa yang berlaku kepada mereka yang mendapat hidayah untuk masuk Islam, lalu mereka menganut Islam dari kalangan lelaki dan perempuan. Kemudian, ibu bapa mereka meninggal dan meninggalkan harta-harta warisan yang sering kali berjumlah yang sangat besar. Adakah boleh bagi seorang muslim atau muslimah mewarisi harta dari bapanya dan ibunya? Undang-undang pula memberi dia hak untuk mendapat warisan. Dia dan keluarganya pula berhajatkan kepada harta berkenaan. Saudara-saudaranya dari kalangan orang-orang Islam di sekitarnya juga berhajat pada harta berkenaan.

Mereka yang berpada dengan pandangan mazhab yang empat yang masyhur di sisi Ahli Sunnah, bahkan mereka yang membaca pandangan mazhab yang tujuh atau lapan (dengan tambahan mazhab Ja`fariyah, Zaidiyah, Ibadhiyyah dan Zahiriyah) akan dapat bahawa perbezaan agama adalah satu halangan dari pelbagai halangan yang masyhur dalam pewarisan harta. Mereka bersandarkan pada hadits yang masyhur;

“Tidak boleh seorang muslim mewarisi seorang kafir dan tidak boleh seorang kafir mewarisi seorang muslim.[18]”

Dan hadits lain;

“Tidak boleh saling mewarisi penganut dua agama.[19]”

Tetapi sesiapa yang mengkaji di luar mazhab-mazhab empat, akan dapati satu pandangan yang muktabar mengenai keharusan seorang muslim mewarisi orang kafir. Ia adalah pandangan yang dipegang oleh sebahagian para sahabat dan tabi`in. Telah diriwayatkan dari Mu`az b Jabal, Mu`awiyah b. Abi Sufyan dari kalangan sahabat, sebagaimana di riwayatkan dari Muhammad b. Al-Hanafiah, Muhammad b. Ali. B. Al-Hasan, Sa`id b. Al-Musayyab, Masruq b. Al-Ajda’, Abdullah b. Al-Mughaffal, Yahya b. Ya’mur dan Ishaq Rahawaih.

Sheikhul Islam Ibn Taimiyah dan muridnya Ibn Qayyim – semoga Allah merahmati mereka berdua - telah mentarjihkan pandangan ini. Ia adalah pentarjihan yang mempunyai nilai dan signifikan bagi zaman kita kini[20].

---

[18] Riwayat Jemaah Ahli Hadits dari Usamah. Sebagaimana yang terdapat dalam kita *Sahih Al-Jami’ As-Saghir*, hadits 7685.

[19] Riwayat At-Turmuzi dari Jabir. Riwayat An-Nasa’ii dan Hakim dari Usamah. Ibid.

[20] Lihat buku *Ahkam Ahl Az-Zimmah*, tahqiq Dr. Subhi Saleh, terbitan Universiti Damsyiq, jld 1.

Mereka yang berpegang dengan pandangan ini telah mentakwilkan erti seorang kafir dalam dalam hadits 'Tidak boleh seorang muslim mewarisi seorang kafir' dengan maksud 'kafir harbi' sebagaimana sekumpulan ulama membawa hadits 'Tidak dihukum bunuh seorang muslim kerana membunuh seorang kafir.' Dengan erti 'kafir harbi'. Berkata Ibn Qayyim memaknakannya dengan erti 'kafir harbi' adalah lebih utama dan lebih dekat pada kebenaran.

Kita dapati tiga mazhab amat ketat dalam persoalan najisnya anjing. Namun, Imam Malik meringankan dalam persoalan itu. Dia berpendapat bahawa setiap yang hidup adalah suci, sehinggakan anjing dan babi pun. Imam Malik mengambil dalil mengenai kesucian anjing dengan dalil bahawa Allah mengharuskan memakan buruannya sebagaimana dalam firman Allah taala;

"Dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang buas yang kamu telah ajar dengan melatihnya untuk berburu, maka makanlah apa yang ditangkapnya untukmu. " (Al-Maidah : 4)

Di negara Barat, masyarakat Islam di kelilingi oleh anjing di setiap sudut. Maka menghukumkan anjing sebagai najis akan menyusahkan mereka dalam beragama dan menyempitkan kehidupan di dunia.

Kita dapati tiga mazhab mensyaratkan wali bagi perkahwinan dan menganggap perkahwinan terbatal tanpa wali. Namun Abu Hanifah berpendapat bahawa di antara hak seorang perempuan yang telah baligh dan matang ialah untuk mengahwinkan dirinya sendiri dengan syarat perkahwinan itu kufu' (secocok) baginya. Yang seperti ini sering kali amat diperlukan di negara-negara Barat.

Telah berkata Imam Ibn Qudamah dalam buku *'Al-Mughni'* setelah dia menguatkan syarat wali dalam pernikahan "Sekiranya seorang hakim menghukumkah aqad ini sah atau yang melakukan aqad pernikahan ini adalah seorang hakim, tidak harus membatalkannya kerana ia adalah satu masalah yang diikhtilafkan yang berlaku padanya ijtihad. Oleh itu, tidak harus membatalkan keputusan hakim sebagaimana jika dia menghukumkan hak syuf`ah bagi seorang jiran."[21]

Satu contoh juga ialah jika seorang isteri yang beragama Ahli Kitab seperti perempuan Kristian di negara Barat memeluk Islam tetapi suaminya tidak, maka pendapat yang dominan dalam buku-buku rujukan fiqh bagi mazhab yang empat bahkan mazhab yang lapan sekali pun, ialah wajib memisahkan antara perempuan itu dengan suaminya samada serta merta atau setelah tamat tempoh iddah atau setelah ditawarkan Islam kepada suaminya tetapi dia tidak mahu.

Inilah juga yang difatwakan oleh kebanyakan ulama zaman kita di Eropah dan yang selain darinya. Tidak syak lagi bahawa ia mencetus masalah jika perempuan itu amat bergantung dengan suaminya, dia pula tidak melayannya dengan buruk dan tidak pula merasa keberatan dengan keIslamannya. Khususnya jika dia mempunyai anak dan zuriat bersama suaminya.

Jika kita keluar dari daerah mazhab-mazhab yang diikuti dan kita rujuk pada fiqh yang umum dan kepada peninggalan para sahabat dan para tabi`in, kami dapati keluasan bagi masalah ini yang kita dahulu tidak dapat menggambarkannya. Ibn Qayyim telah menyebut sembilan pendapat dalam masalah ini yang didapati dari para ulama dari kalangan para sahabat dan tabi`in yang dinyatakan dalam sumber-sumber yang dipercayai seperti Musannaf Abdul Razak. Musannaf Ibn Abi Syaibah, Syarh Al-Atsar oleh At-Tahawi, Sunan Al-Baihaqi dan yang seumpamanya.

Antara pandangan itu ialah yang memberikan si isteri hak untuk tinggal bersama suaminya tetapi dia tidak boleh menggaulinya. Ini adalah pilihan Ibn Taimiyah dan muridnya Imam Ibn Qayyim.

[21] Lihat kitab *Al-Mughni* oleh Ibn Qudamah, jld 9, ms 346-347, ditahqiq oleh Dr. Abdullah b. Abdul Hasan At-Turki dan Dr. Muhammad Al-Fattah Muhammad Al-Hilw.

Antara pandangan itu ialah yang memberi si isteri pilihan samada untuk meninggalkan suaminya atau tinggal bersamanya.

Antara pandangan itu ialah yang membenarkan si isteri untuk kekal bersama suaminya selama mana si isteri tidak keluar dari negerinya.

Antara pandangan itu juga ialah pernikahan mereka berdua kekal seperti sedia ada sehingga penguasa memisahkan antara mereka berdua[22].

Dalam semua pandangan-pandangan ini keluasan bagi seorang faqih di zaman ini untuk memilih apa yang paling rajih, paling hampir dengan petunjuk dan paling dekat pada menyukakan wanita-wanita yang telah berkahwin untuk menganut Islam tanpa rasa takut untuk berpisah dengan suami-suami mereka. Begitu juga mereka tidak perlu merasa takut akan anak-anaknya berpecah belah setelah perpisahan antara si ibu dan si bapa.

Kesemua ini mengandungi kemudahan. Oleh itu, mengapakah kita menyusahkan apa yang dipermudahkan oleh Allah taala ke atas kita dan kita menyempitkan atas diri kita sendiri dengan beriltizam dengan satu mazhab atau mazhab-mazhab tertentu sahaja. Allah telah meluaskan untuk kita dan Dia mahukan kemudahan bagi kita dan tidak mahukan kesukaran.

Yang sebenar ialah tidak wajib atas kita sesuatu kecuali apa yang Allah taala dan RasulNya mewajibkan ke atas kita. Keduanya tidak mewajibkan ke atas kita mengikut si Fulan ini atau si Fulan itu dari kalangan manusia, walau pun amat besar kedudukannya dalam ilmu dan ijtihad.

Segala puji bagi Allah yang mana dengan nikmatnya, sempurnalah segala kebaikan.

Artikel ini diterjemah oleh Muhammad Haniff Hassan dari buku *Fi Fiqh Al-Aqalliyat Al-Muslimah; Hayat Al-Muslimin Wast Al-Mujtama`at Al-Ukhra (Mengenai Fiqh Minoriti Muslim; Kehidupan Orang-orang Islam Di Tengah Masyarakat Lain)*, bab 3 – *Rakaiz Fiqh Al-Aqalliyat*, Dar Asy-Syuruq, 2001.

[22] Lihat *Ahkam Ahl Az-Zimmah* oleh Ibn Qayyim, jld 1, ms 317 dan yang sesudahnya.

CONTOH-CONTOH PENERAPAN FIQH MINORITI DALAM PERSOALAN AQIDAH DAN IBADAH

ADAKAH USAHA MENDEKATKAN ANTARA AGAMA DIBOLEHKAN?

Sejauh manakah usaha mendekatkan antara agama (contohnya antara Islam dan Kristian) dibolehkan? Adakah berdakwah dengan cara seperti ini diharuskan? Kami dengar sebahagian sheikh di Al-Azhar melibatkan diri di dalamnya.

Dari S. F. Abdul Rahman (melalui e-mel).

Jawapan : Alhamdulillah.

Mendekatkan antara agama adalah satu ungkapan yang mempunyai banyak makna atau maksud. Ada di antara makna itu tertolak atau wajib ditolak. Sebahagiannya pula boleh diterima.

Pengertian Yang Tertolak

Makna atau maksud bagi usaha mendekatkan agama yang tertolak ialah jika ia dimaksudkan dengan melarutkan atau menghilangkan segala perbezaan dasar antara pelbagai agama, seperti perbezaan antara

- aqidah *Tauhid* (mengesakan Allah taala) yang ada dalam Islam dengan *Triniti* (Isa, Tuhan Bapa dan Ruh Al-Quds adalah satu) yang ada dalam Kristian

- aqidah *Tanzih* (mensucikan Allah taala dari segala persamaan dengan yang lain) dalam Islam dan *Tasybih* (menyerupakan Tuhan dengan makhluk) dalam agama Yahudi.

Hasil dari perbezaan itu ialah perbezaan pandangan terhadap Al-Masih a.s antara orang-orang Muslim dan orang-orang Kristian. Orang-orang Kristian menganggap bahawa Al-Masih adalah tuhan atau anak tuhan atau sepertiga dari tuhan atau sebahagian dari tiga elemen yang berkongsi sifat ketuhanan; bapa, anak dan Ruh Al-Quds, walaupun mereka mempunyai mazhab dan kumpulan yang berbeza.

Orang-orang Muslim pula melihat Al-Masih sebagai seorang Rasul dari kumpulan *Ulul `Azmi*. Allah taala turunkan kepadanya Injil yang mengandungi petunjuk, cahaya dan peringatan bagi orang-orang yang bertakwa. Allah taala kurniakan dia keterangan-keterangan dan membantunya dengan Ruh Al-Quds. Allah taala mengajar dia kitab dan hikmah dan memberinya pelbagai petanda dan mukjizat yang tidak diberikan kepada rasul yang lain. Sebahagian dari petanda itu disebutkan dalam Al-Quran tetapi tidak disebutkan dalam Injil, seperti perbuatan mencipta sesuatu berbentuk burung dari tanah. Dia meniupkan ruh padanya lalu menjadi seekor burung sebenar dengan izin Allah taala. Begitu juga dengan hidangan yang diturunkan dari langit, sehingga dengannya dinamakan surah *Al-Maidah*.

Walaupun begitu , Al-Masih tetap seorang manusia, hamba dan juga Rasul. Ia menyeru manusia untuk beribadah kepada Allah taala bukan kepada dirinya sendiri.

Sebagaimana firman Allah taala yang bermaksud;

"Al-Masih sekali-kali tidak angkuh/keberatan menjadi hamba bagi Allah dan begitu juga malaikat-malaikat yang terdekat (kepada Allah)." (An-Nisa : 172)

Firman Allah taala juga yang bermaksud

“Al-Masih putra Maryam hanyalah seorang Rasul; sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa Rasul, dan ibunya seorang yang sangat benar dan kedua-duanya memakan makanan.” (Al-Maidah : 75).

Di antara kemestian dalam memakan makanan ialah pembuangan sisa makanan. Bagaimanakah sesuatu seumpama itu boleh menjadi tuhan?

Atas dasar itu, Al-Quran berbicara kepada orang-orang Kristian dengan firmanNya yang bermaksud

“Wahai Ahli Kitab, janganlah kamu melampaui batas dalam agama kamu, dan janganlah kamu berkata terhadap Allah kecuali benar. Sesungguhnya Al-Masih, Isa putra Maryam adalah Rasulullah dan (yang diciptakan dengan) kalimahnya yang disampikan kepada Maryam, dan (dengan tiupan) ruh darinya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya dan janganlah kamu mengatakan ‘(Tuhan) itu tiga’, berhentilah (dari ucapan itu). (Itu) lebih baik bagimu. Sesungguhnya Allah Tuhan yang Maha Esa, Maha Suci Allah dari mempunyai anak, segala yang di langit dan di bumi adalah miliknya. Cukuplah Allah sebagai pemelihara.” (An-Nisa’ : 171)

Sebagaimana juga perbezaan dasar antara orang-orang Muslim dan Ahli Kitab, bahawa kitab orang-orang Muslim (Al-Quran) terpelihara dari perubahan dan pengubahsuaian dengan jaminan dari Allah taala dan janjiNya yang tidak akan diingkari. Allah taala berfirman yang bermaksud;

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya.” (Al-Hijr : 9)

Maka tidak hairan jika puluhan ribu dari orang-orang Muslim di Timur dan Barat menghafal Al-Quran. Bahkan ramai orang-orang Muslim bukan Arab menghafal Al-Quran dan menyebut hurufnya sedangkan kebanyakan mereka tidak mengetahui erti kalimat yang mereka hafal itu.

Berbeza dengan Taurat dan Injil, pelbagai dalil telah ditegakkan mengenai perubahan di dalamnya, samada peubahan dengan cara membuang, menambah atau mengubah isinya. Bukan sahaja para ulama dari kalangan umat Islam yang mengatakannya, bahkan ramai dari kalangan cerdik pandai Barat sendiri pada hari ini, yang terdiri dari orang-orang Yahudi dan Kristian dari pelbagai aliran.

Penyelewengan ini telah menatijahkan perubahan sifat ketuhanan di dalam Taurat yang diimani oleh semua orang Yahudi dan Kristian. Mereka menyifatkan tuhan dengan apa yang tidak sesuai dengan kesempurnaannya seperti sifat bodoh, lemah, hasad dan kecewa, sebagaimana yang jelas di dalam kitab Penciptaan *(Book of Creation),* salah satu dari lima kitab di dalam Taurat. Ini adalah perbezaan dasar antara kita dan kaum Yahudi dan Kristian. Kita menyifatkan Allah taala dengan segala yang sempurna dan menyucikannya dari segala kekurangan. Sedangkan mereka tidak peduli untuk menyifatkan Allah taala dengan segala sifat kekurangan manusia.

Penyelewengan ini juga mendorong kepada perubahan surah Kenabian Yang Memberi Petunjuk. Mereka menyifatkan para Anbiya’ yang mulia dan para rasul yang agung dengan sesuatu yang tidak sesuai dengan sifat kemanusiaan mereka yang sempurna, bahawa Allah taala telah menyediakan mereka untuk memikul risalahNya kepada manusia. Allah taala berfirman yang bermaksud

“Apabila datang sesuatu ayat kepada mereka, mereka berkata: "Kami tidak akan beriman sehingga diberikan kepada kami yang serupa dengan apa yang telah diberikan kepada utusan-utusan Allah". Allah lebih mengetahui di mana Dia menempatkan tugas kerasulan. Orang-orang yang berdosa, kelak akan ditimpa kehinaan di sisi Allah, dan siksa yang keras disebabkan mereka selalu membuat tipu daya. “(Al-An`am : 124)

Maka sebab itulah kita orang-orang Muslim beriman dengan sifat maksum para Anbiya' dari segala kesalahan dan sifat-sifat keji yang menafikan sifat tanggungjawab untuk memberi petunjuk kepada manusia, menjauhkan manusia dari mereka dan mendedahkan mereka kepada kritikan. Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Mengapa kamu suruh orang lain (mengerjakan) kebajikan, sedang kamu melupakan diri (kewajipan) mu sendiri....?" (Al-Baqarah : 44)

Tidak boleh mendekatkan antara agama dengan melakukan usaha untuk melarutkan atau menghilangkan perbezaan dasar antara setiap agama. Kita tidak dapat menerima ini sebagaimana mereka juga tidak akan menerimanya juga.

Oleh itu, kami berpendapat bahawa apa jua seruan yang berdiri atas dasar kompromi terhadap perkara-perkara dasar dalam agama adalah seruan yang tertolak, samada dalam persoalan-persoalan aqidah atau ibadah atau dalam perkara halal atau haram dan apa jua perkara-perkara asas syariat bagi individu, keluarga atau masyarakat.

Makna Yang Diterima

Adapun makna bagi usaha mendekatkan antara agama yang diterima, khususnya antara agama-agama samawi, ialah jika meliputi perkara-perkara berikut;

1. Dialog Dengan Cara Yang Terbaik.

Kita, umat Islam, diperintah oleh Tuhan kita dan nas Al-Quran untuk berdebat dengan golongan lawan dengan cara yang terbaik. Debat atau dialog dengan cara yang terbaik ialah salah satu dari wasilah-wasilah dakwah yang diperintahkan oleh Al-Quran dalam firmanNya yang bermaksud;

"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik." (An-Nahl : 125)

Golongan yang bersepakat dengan kita dalam persoalan agama, kita seru mereka dengan hikmah dan bimbingan yang baik, iaitu dengan cara yang memuaskan akal dan menyentuh hati dan perasaan.

Maksud berdebat dengan lawan secara yang terbaik ialah, jika ada dua jalan untuk berdialog; satu jalan adalah baik dan satu lagi lebih baik dan elok, maka seorang Muslim diperintahkan untuk menggunakan jalan yang lebih baik dan elok. Terhadap golongan yang bersepakat bersama kita, Al-Quran berpada dengan cara bimbingan yang baik. Namun terhadap golongan lawan, ia tidak redha kecuali debat dilakukan dengan cara yang terbaik.

Al-Quran telah meletakkan nas untuk perkara itu, khususnya terhadap Ahli Kitab. Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang zalim di antara mereka." (Al-`Ankabut : 46)

Oleh itu, lebih utama jika dinamakan dakwah ini dengan Dialog Antara Agama bukan Mendekatkan Antara Agama kerana ia boleh disalah fahami dan hanya menumpu pada aspek-aspek persamaan sahaja.

2. Menumpu Pada Aspek-aspek Persamaan.

Hendaklah penumpuan diberikan pada aspek-aspek persamaan antara kita dan Ahli Kitab. Maka sebab itulah di akhir ayat mengenai debat dengan Ahli Kitab yang dinyatakan tadi, Allah taala berfirman yang bermaksud;

“...dan katakanlah "Kami telah beriman kepada (kitab-kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu; Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu; dan hanya kepadaNya kami berserah diri". (Al-`Ankabut : 46)

Dalam usaha mendekatkan dan berdialog dengan cara yang terbaik, hendaklah menyatakan noktah-noktah persetujuan, bukan noktah-noktah perbezaan dan perselisihan.

Terdapat segolongan umat Islam yang mendakwa bahawa tiada satu pun titik pertemuan dan persamaan antara kita dan Yahudi serta Kristian, yakni selama mana kita menghukum mereka sebagai orang-orang kafir dan mereka menyeleweng dan mengubah firman Allah taala.

Ini adalah satu fahaman yang salah mengenai pendirian Islam terhadap kaum Yahudi dan Kristian. Mengapakah Allah taala mengharuskan makanan mereka dan bersemenda dengan mereka? Bagaimana pula Islam boleh mengharuskan seorang Muslim menjadikan wanita Ahli Kitab sebagai isteri, pengurus rumahtangganya dan ibu kepada anak-anaknya? Natijahnya pula anak-anak mereka mempunyai datuk, nenek, pakcik, makcik dan sekalian dari keturunan mereka semua dari kalangan Ahli Kitab? Mereka semua ini pula mempunyai hak golongan yang mempunyai hubungan silaturrahim dan keluarga dekat.

Mengapa pula umat Islam dahulu bersedih ketika orang-orang Parsi, penganut agama Majusi yang menyembah api, menang ke atas orang-orang Rom yang beragama Kristian dan Ahli Kitab. Sehingga Al-Quran kemudiannya diturunkan untuk memberi berita gembira bahawa orang-orang Rom dalam tempoh yang dekat akan menang. Allah taala berfirman yang bermaksud;

“Dan di hari (kemenangan bangsa Rumawi) itu bergembiralah orang-orang yang beriman. Kerana pertolongan Allah.” (Ar-Rum : 4-5)

Sebagaimana yang dinyatakan dalam awal surah Ar-Rum.

Ini menunjukkan bahawa Ahli Kitab lebih dekat kepada umat Islam dari umat yang ingkar dan penyembah berhala yang lain, walaupun mereka kufur dengan risalah Muhammad s.a.w.

3. Bekerjasama menghadapi atheisme dan permisifisme *(permissivism).*

Hendaklah kita bersama dalam menghadapi mereka yang memusuhi keimanan yang berteraskan agama, penyeru-penyeru seruan atheisme dalam persoalan aqidah dan permisifisme dalam tingkah laku dari kalangan pendokong-pendokong Materialisme, penyeru-penyeru budaya telanjang, seks bebas, pengguguran janin, penyelewengan seks, perkahwinan sesama lelaki dan sesama perempuan.

Tiada halangan untuk kita berdiri bersama Ahli Kitab di satu garis hadapan yang sama untuk melawan mereka yang mahu memusnahkan kemanusiaan dengan seruan-seruan mereka dan tingkah laku yang menyesatkan. Dengan seruan dan tingkah laku itu, mereka mahu menjatuhkan kemanusiaan ke darjat haiwan. Allah taala berfirman yang bermaksud;

“Terangkanlah kepadaku tentang orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya. Maka apakah kamu dapat menjadi pemelihara ke atasnya? Atau apakah kamu mengira bahwa kebanyakan mereka itu mendengar atau memahami? Mereka itu tidak lain, hanyalah seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat jalannya (dari binatang ternak itu).” (Al-Furqan : 43 – 44)

Kita telah melihat Al-Azhar, Liga Dunia Islam *(Rabitah Al-`Alam Al-Islami)* dan Vatikan berdiri di satu barisan dalam Persidangan Penduduk di Kaherah pada tahun 1994 dan Persidangan Wanita di Beijing pada tahun 1995 bagi menghadapi para penyeru permisifisme.

4. Memperjuangkan isu-isu keadilan dan kaum tertindas.

Hendaklah kita bersama dalam memperjuangkan isu-isu keadilan dan sokongan bagi kaum yang tertindas dan dizalimi seperti isu Palestin, Bosnia Herzegovina, Kosovo, isu penindasan kaum kulit hitam dan kaum lain yang bukan berkulit putih di Amerika, dan lain-lain. Juga isu bantuan bagi kaum-kaum yang tertekan bagi melawan golongan-golongan yang zalim dan angkuh, yang mahu hamba-hamba Allah menjadi hamba-hamba mereka.

Islam sentiasa menentang kezaliman dan memperjuangkan nasib golongan yang dizalimi, tanpa mengira kaum, kerakyatan dan agama.

Rasulullah s.a.w pernah menyebut mengenai *Pakatan Al-Fudhul* yang ia sertai semasa remaja sewaktu zaman jahiliyah. Ia merupakan satu pakatan bagi membantu golongan yang dizalimi dan menuntut untuk mendapatkan hak mereka, walaupun berhadapan dengan golongan bangsawan dari kaumnya.

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

"Jika aku dipanggil untuk menyertai pakatan seperti ini dalam zaman Islam, nescaya aku akan menyahutnya.[1]"

5. Menyebar luaskan semangat toleransi, bukan taksub.

Seruan (dialog antara agama) ini hendaklah mengandungi usaha menyebar luaskan semangat toleransi, rahmat dan lemah-lembut dalam interaksi antara agama bukan semangat taksub, kasar dan kekerasan.

Allah taala telah berkata kepada RasulNya Muhammad dengan firmanNya yang bermaksud;

"Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam." (Al-Anbiya' : 107)

Rasulullah s.a.w juga berkata mengenai dirinya yang bermaksud;

"Sesungguhnya aku adalah rahmat dan perlindungan.[2]"

Allah taala telah mencela Bani Israil dengan firmanNya yang bermaksud;

---

[1] Ibn Ishak meriwayatkannya dalam buku *As-Sirah* sebagaimana terdapat dalam buku Ibn Hisyam (1/29), cetakan Al-Jamaliyah. Ibn Zaid b Al-Muhajir Qunfuz At-Taimi telah berkata bahawa ia mendengar Talhah b Abdullah b `Auf Az-Zuhri berkata *' Telah berkata Rasulullah.. ia lalu menyebutkannya.'* Saya berkata *'Ini adalah sanad yang Sahih, walau pun ia adalah Mursal tetapi ia mempunyai bukti-bukti yang menguatkannya'.* Al-Hamidi tekah meriwayatkannya dengan sanad yang lain secara *Mursal* juga sebagaimana yang terdapat dalam *Al-Bidayah* (2/29). Imam Ahmad meriwayatkannya (no. 1655, 1676) dari hadits Abdul Rahman b `Auf secara *Marfu'* tanpa sabda *"Jika aku dipanggil di zaman Islam, nescaya akau akan menyahutnya."* Sanadnya adalah *Sahih*.

[2] Riwayat Al-Hakim dari Abu Hurairah 1/35. Al-Hakim telah mensahihkannya. Az-Zahabi bersetuju dengannya. *Tafsir Ibn Katsir* 3/102, 202.

“(Tetapi) karena mereka melanggar janjinya, Kami kutuk mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras membatu.” (Al-Maidah : 13)

Di tempat lain, Dia berfirman dalam perbicaraan dengan mereka (yang bermaksud);

“Kemudian setelah itu hatimu menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi.” (Al-Baqarah : 74)

Rasulullah s.a.w bersabda kepada isterinya Aisyah yang bermaksud;

“Sesungguhnya Allah suka kepada lemah-lembut dalam segala perkara.[3]”

“Tidaklah lemah-lembut bersama dalam satu perkara kecuali ia akan mengindahkannya dan tidak pula satu perkara dicabut darinya kecuali, ia akan menghodohkannya.[4]”

1. Bukanlah bermakna semangat toleransi, rahmat dan lemah lembut dalam berinteraksi dengan Ahli Kitab menafikan kekufuran mereka terhadap Islam dan bahawa mereka berada atas kesesatan, tetapi di sana ada elemen-elemen lain yang menjadi pertimbangan dalam pemikiran Muslim dan hatinya mengenai isu ini, (iaitu).Seorang Muslim beriman bahawa perbezaan manusia dalam beragama berlaku dengan kehendak Allah taala dan dalam lingkungan kebijaksanaanNya. Sebagaimana Allah taala berfirman yang bermaksud

   ” Jika Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka senantiasa berselisih pendapat. Kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu.” (Hud : 118-119)

   Ertinya Allah taala mencipta mereka untuk berselisih selama mana Dia mengurniakan mereka akal dan kebebasan berkehendak.

2. Perhitungan mengenai kesesatan golongan yang sesat dan kekufuran orang-orang kafir bukan di dunia ini, tetapi di Akhirat. Ia bukan pula diserahkan kepada kita tetapi hukum yang adil ialah dari Allah taala, Yang Maha Lembut dan Maha Mengetahui.

   ” Maka kerana itu serulah (mereka kepada agama itu) dan tetaplah sebagaimana diperintahkan kepadamu dan janganlah ikut hawa nafsu mereka, dan katakanlah: "Aku beriman kepada semua Kitab yang diturunkan Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah-lah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal-amal kami dan bagi kamu amal-amal kamu. Tidak ada pertengkaran antara kami dan kamu, Allah mengumpulkan kita dan kepada-Nya lah kembali (kita)" (Asy-Syura : 15)

3. Seorang Muslim percaya akan kemuliaan seseorang manusia. Dalam hal ini, Al-Bukhari telah meriwayatkan dari Jabir bahawa sekelompok orang telah menyungsung jenazah di hadapan Nabi s.a.w . Beliau lalu berdiri untuknya. Para sahabat berkata *“Wahai Rasulullah s.a.w! Sesungguhnya ia adalah jenazah seorang Yahudi.”* Rasulullah s.a.w berkata *“Tidakkah ia merupakan satu jiwa (manusia)!”*

   Tepatlah! Alangkah agungnya pendirian itu dan alangkah indahnya alasan berkenaan.

4. Seorang Muslim beriman bahawa keadilan Allah taala meliputi seluruh hamba-hambaNya, samada dari kalangan orang Muslim atau bukan Muslim, sebagaimana Allah taala berfirman yang bermaksud;

---

[3] Riwayat Al-Bukhari & Muslim, buku *Al-Lulu’ wa Al-Marjan* dari Aisyah (1400).

[4] Riwayat Ad-Darimi, dari Abdullah b Mughaffal (2796)

" Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa." (Al-Maidah : 8)

Dengan ini, seorang Muslim tidak menunaikan hak kepada siapa yang ia suka sahaja dan menafikannya dari sesiapa yang ia benci. Bahkan ia menunaikan hak kepada yang berhak, samada Muslim atau bukan Muslim, kawan atau musuh.

SOLAT JUMAAT SEBELUM TERGELINCIR MATAHARI DAN SESUDAH ASAR

Apakah hukum solat Jumaat sebelum tergelincir matahari atau sesudah masuk waktu Asar disebabkan kesempitan masa untuk melakukan khutbah dan solat pada waktu Zohor di sebahagian negeri di musim sejuk khususnya, atau disebabkan tiada peluang menunaikan solat Jumaat disebabkan urusan pengajian atau kerja kecuali pada waktu lebih awal dari waktu Zohor atau lebih lewat darinya?

Jawapan

Jumhur fuqaha' berpendapat bahawa waktu solat Jumaat ialah pada waktu Zohor, iaitu dari tergelincir matahari hingga bayang-bayang satu benda menjadi sama saiz dengan benda itu selain bayang-bayang waktu tergelincir. Tidak boleh mempercepatkan atau melambatkan dari waktu ini.

Mazhab Hanbali Memperluaskan Awal Waktu Solat

Tetapi mazhab Hanbali telah memperluaskan waktu solat dari segi awal dan mula waktunya. Sebahagian dari mereka telah menjadikan waktu solat Jumaat ialah waktu solat `Id, iaitu dari terbit matahari sekitar 10 minit atau suku jam hingga ke waktu zohor. Sebahagian mereka pula menjadikan waktunya bermula dari 'Jam Keenam' iaitu waktu yang mendahului waktu tergelincir. Mereka mempunyai beberapa dalil dari hadits Nabi dan perbuatan para sahabat dalam perkara ini.

Telah berkata dalam buku *Al-Mubdi'* bahawa awal waktunya ialah waktu solat `Id. Telah menyatakannya (Imam Ahmad) dan berkata juga Al-Qadhi dan sahabat-sahabatnya sedemikian. Ini adalah bersandarkan kata-kata Abdullah b Sidan *"Aku telah menyaksikan solat Jumaat bersama Abu Bakar. Adapun khutbah dan solatnya sebelum setengah pagi hari. Kemudian aku menyaksikan solat Jumaat dengan Umar. Adapun khutbah dan solatnya boleh aku katakan telah setengah pagi hari. Aku menyaksikan solat Jumaat bersama Utsman. Adapun solat dan khutbahnya, boleh aku katakan, telah tergelincir pagi hari. Aku tidak melihat seseorang pun mencela semua itu atau mengingkarinya."* (Riwayat Ad-Daruqutni dan Ahmad. Ia telah behujjah dengannya[5])

Imam Ibn Qudamah telah berkata dalam kitab *Al-Mughni* dalam mensyarahkan pandangan Al-Khurqi *"Jika mereka solat Jumaat sebelum tergelincir matahari pada Jam Keenam, maka telah memadai."*

(Jam Keenam ialah satu jam sebelum tergelincir matahari. Jika waktu Zohor bermula pada jam 12.00 tengahari, maka Waktu Keenam bermula dari jam 11.00 pagi)

[5] *Al-Mubdi' Fi Syarh Al-Muqni' Li Ibn Muflih*, j 2/147-148. Al-Hafiz telah berkata mengenai hadits Ibn Sidan dalam kitab Al-Fath (2/321) *'Perawinya adalah tsiqah kecuali Abdullah b Sidan. Ia adalah seorang Tabi`ii besar tetapi tidak dikenali sebagai adil.'* Berkata Ibn `Adiy *'Ia seumpama seorang yang Majhul.'* Berkata Al-Bukhari *'Haditsnya tidak dimutaba`ah bahkan telah menyanggahinya apa yang lebih kuat darinya.'*

Ibn Qudamah berkata “Dalam beberapa kitab, pada ‘Jam Kelima’. Tetapi yang Sahih ialah pada Jam Keenam. Mengikut apa yang zahir dari kata-kata Al-Khurqi bahawa tidak boleh solat Jumaat sebelum Jam Keenam. Diriwayatkan dari Ibn Mas`ud, Jabir, Sa`id dan Muawiyah bahawa mereka solat Jumaat sebelum tergelincir matahari. Al-Qadhi dan sahabat-sahabatnya berkata *“Harus melakukannya pada waktu solat `Id.”* Yang sedemikian itu juga diriwayatkan dari Abdullah (anak Imam Ahmad) dari bapanya berkata “*Kita berpendapat bahawa ia (solat Jumaat) seperti solat `Id.”*

Mujahid berkata *“Tidak ada `Id bagi manusia kecuali pada awal waktu pagi.”*

Atho’ berkata “*Semua (solat) `Id ialah ketika waktu Dhuha; samada (solat) Jumaat, `Id Al-Adha atau `Id Al-Fitri kerana apa yang diriwayatkan dari Ibn Mas`ud bahawa ia berkata “Tidak berlaku `Id kecuali pada awal waktu pagi. Rasulullah s.a.w melakukan solat Jumaat bersama kami di (bawah) bayang-bayang Al-Hatim*[6]*.”* Riwayat Al-Bukhturi dalam kitab *Amaali* dengan sanadnya.

Diriwayatkan dari Ibn Mas`ud dan Muawiyah bahawa mereka berdua solat Jumaat pada waktu Dhuha. Kedua mereka berkata *“Kami percepatkan kerana takut cuaca panas ke atas kamu.”*

Al-Atsran juga meriwayatkan hadits Ibn Mas`ud di atas.Oleh kerana hari Jumaat adalah `Id (bagi umat Islam), maka harus (solat) pada waktu (solat) `Id seperti `Idulfitri dan `Id Al-Adha.

Dalil bahawa Jumaat adalah hari `Id ialah sabda Nabi s.a.w yang bermaksud

“Sesungguhnya hari ini adalah hari yang Allah jadikan sebagai `Id bagi orang-orang Muslim.[7]*”*

Sabdanya lagi yang bermaksud

“Telah berkumpul bagi kamu di hari ini dua `Id.[8]*”*

Kebanyakan ulama telah berkata bahawa waktu solat Jumaat adalah waktu Zohor tetapi dibolehkan mempercepatkannya pada awal waktu kerana kata-kata Salamah b Al-Akwa’ *“Kami dahulu melakukan solat Jumaat jika telah tergelincir matahari kemudian kami kembali ....” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)*

Anas berkata bahawa Rasulullah s.a.w melakukan solat Jumaat ketika telah condong matahari. Al-Bukhari meriwayatkan (ini adalah) kerana keduanya adalah dua solat yang sama waktu. Waktu keduanya adalah satu. Ia seperti solat Qasr dan solat sempurna kerana salah satu darinya menggantikan yang lain dan berdiri di tempat yang lain. Maka keduanya menyerupai dasar yang dinyatakan tadi. Oleh kerana akhir waktu keduanya adalah satu, maka awal waktunya juga adalah satu seperti solat pada waktu menetap dan solat pada waktu musafir.

Ibn Qudamah berkata “Kami berpendapat keharusannya pada ‘Jam Keenam’ adalah satu Sunnah dan Ijma’. Ada pun ia sebagai Sunnah Nabi ialah berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Jabir b Abdullah bahawa ia berkata *“Rasulullah s.a.w dahulu melakukan solat, yakni Jumaat, kemudian kami semua pergi ke unta-unta kami untuk merihatkannya sehingga tergelincir matahari.” (Riwayat Muslim)*

---

[6] *Al-Hatim* terletak di Mekah,iaitu kawasan di antara Maqam Ibrahim hingga ke pintu Ka`bah atau kawasan antara rukun Ka’bah,Maqam Ibrahim, perigi Zamzam dan Hijr Ismail. *Mu`jam Al-Buldan*, 2/290.

[7] Ibn Majah meriwayatkan dalam bab *Apa Yang Diriwayatkan Mengenai Berhias Di Hari Jumaat*, dari kitab *Mendirikan Solat, Sunan Ibn Majah*, 1/349.

[8] Abu Daud meriwayatkannya dalam kitab Solat dari Abu Hurairah (1073) dan Ibn Majah (1311).

Dari Sahl b Sa`ad, ia berkata *"Di zaman Rasulullah s.a.w dahulu, kami tidak melakukan Qailulah (tidur sekejap sebelum Zohor) dan tidak makan tengahari kecuali setelah menunaikan solat Jumaat." (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)*

Dari Salamah, ia berkata "*Kami dahulu melakukan solat Jumaat bersama Rasulullah s.a.w kemudian kami beredar sedangkan dinding-dinding tidak berbayang yang dapat kami berteduh di bawahnya." (Riwayat Abu Daud)*

Adapun berdasarkan Ijma', Imam Ahmad telah meriwayatkan dari Waki' dari Jakfar b Barqan *"... dan ia menyebutkan hadits Abdullah b Sidan yang kami sebutkan."* Di dalamnya terdapat *"Aku tidak melihat seseorang pun mencela semua itu atau mengingkarinya."* Ia berkata *"Begitulah yang diriwayatkan dari Ibn Mas`ud, Jabir, Sa`id dan Muawiyah bahawa mereka solat sebelum tergelincir matahari. Segala hadits-hadits mereka menunjukkan bahawa Nabi s.a.w melakukannya sebelum tergelincir matahari dalam banyak masa dan tiada khilaf mengenai keharusannya. (Solat Jumaat pada waktu Zohor) adalah afdhal dan lebih utama. Namun hadits-hadits kami menunjukkan keharusan melakukannya sebelum tergelincir matahari. Tiada percanggahan antara keduanya."*

Adapun melakukan solat Jumaat pada awal waktu pagi, yang *Sahih* ialah tidak harus kerana apa yang dinyatakan oleh para ulama dan kerana penentuan waktu tidak boleh ditetapkan kecuali dengan adanya dalil, samada dari nas atau apa yang berdiri ditempat nas. Tidak tsabit dari Nabi s.a.w dan dari khalifah-khalifahnya bahawa mereka solat pada awal waktu. Dalil telah menentukan bahawa waktu solat Jumaat ialah pada waktu Zohor. Hanya harus mempercepatkannya berdasarkan dalil yang telah kita nyatakan, dan hanya khusus pada Jam Keenam. Tidak harus mempercepatkannya lebih dari masa itu." *Wallahu A`alam.*

Kerana kalau dilakukan solat pada awal waktu pagi, ramai yang akan tidak dapat menyertainya kerana biasanya mereka berkumpul untuk solat Jumaat pada waktu tergelincir. Sedangkan yang datang untuk solat Jumaat pada waktu Dhuha hanyalah beberapa orang dan jumlah yang sedikit dari manusia. Sebagaimana telah diriwayatkan dari Ibn Mas`ud bahawa ia mendatangi solat Jumaat dan mendapati empat orang telah mendahulunya. Lalu ia berkata "*Yang keempat dari empat. Tidaklah yang keempat dari empat itu jauh sangat."*[9]

Namun pandangan ini disanggah. Bahawasanya jika waktu solat Jumaat telah disepakati di mana-mana negara dan telah dimaklumkan mengenainya, tidaklah sesiapa akan terlepas darinya dan tidak akan menyusahkan sesiapa kerana mereka akan berusaha untuk menunaikannya pada waktu yang sesuai.

Namun kami juga tidak mengharuskan menunaikan solat Jumaat pada awal waktu pagi kecuali kerana dharurat atau hajat yang menduduki tempat dharurat. Maka ia menjadi harus hanya pada ketika itu dan dan pada kadar keperluannya sahaja.

Mazhab Maliki Memperluaskan Akhir Waktu

Adapun mazhab Maliki, ia telah memperluaskan pada waktu solat Jumaat dari segi waktu akhir dan penghabisannya. Sebahagian dari mereka telah mengharuskan waktunya berterusan hingga waktu terbenam matahari atau sedikit waktu sebelum terbenam. Mereka telah berselisih mengenai batasnya.

Ibn Al-Qasim berkata *"Selama mana belum terbenam matahari. Walaupun jika tidak dapat melakukan sebahagian dari solat Asar kecuali setelah terbenam."*

[9] Lihat *Al-Mughni* oleh Ibn Qudamah dengan tahqiq Dr. Abdullah At-Turki dan Dr. Abdul Fattah Al-Hilw.

Di sisi Sahnun pula *“Sebelum terbenam matahari sekadar tempoh khutbah dan solat dan sedikit dari solat Asar.”* Sebahagian mereka berkata *“Sehingga matahari menjadi kekuningan.”*

Di bawah petunjuk ini, bolehlah kita mengambil faedah dari rukhsah dalam dua mazhab Hanbali dan Maliki, jika kita dapati umat Islam berhajat kepadanya. Ini supaya, solat Jumaat tidak hilang dari umat Islam di luar negara Islam. Ia adalah di antara perkara penting yang wajib umat Islam mengambil berat dan berpegang dengannya, kerana padanya terdapat sesuatu yang menguatkan ikatan, mengikat hubungan antara agama dan syi`arnya, mengingatkan umat Islam jika mereka lupa, menguatkan mereka jika lemah, mematri identiti mereka dan mengukuhkan persaudaraan antara mereka.

Jika kita boleh memastikan umat Islam melakukan solat Jumaat pada waktu yang disepakati iaitu setelah tergelincir matahari hingga ke waktu Asar, ia adalah suatu yang lebih utama dan selamat. Wajib ke atas pemimpin umat Islam yang berfikir dan bekerja untuk sentiasa mengambil berat untuk keluar dari apa yang diikhtilafkan kepada apa yang disepakati, selama mana ada jalan ke arah itu.

Tetapi jika yang sedemikian itu bercanggah dengan keadaan umat Islam di beberapa negara atau pada beberapa ketika, atau dalam beberapa keadaan, tidaklah salah untuk berpegang dengan mazhab Hanbali untuk mengawalkan waktu, walaupun pada waktu solat `Id ketika dharurat kerana pada ketika dharurat terdapat hukum-hukumnya.

Begitulah juga boleh berpegang dengan mazhab Maliki yang mengharuskan melewatkan solat ke waktu setelah Asar kerana hajat dan bagi mencapai maslahat agama.

Hendaklah yang demikian itu dimaklumkan kepada semua umat Islam. Mereka patut mengetahui dan bersepakat mengenainya sehingga mereka dapat berkumpul bagi menunaikan kewajipan mingguan mereka, sebagaimana telah perintahkan Allah dan RasulNya.

MENJAMA’ SOLAT MAGHRIB DAN ISYA’ DI MUSIM PANAS

Apakah hukum menjama’ solat Maghrib dan Isya’ di musim panas kerana terlalu lewat waktu Isya’ di sebahagian negara sehingga mencapai tengah malam atau melampauinya atau disebabkan tiada tanda bagi waktu Isya’ sebagaimana yang dinyatakan oleh syara’?

Jawapan

Solat adalah satu kewajiban yang mempunyai waktu-waktu tertentu, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah taala yang bermaksud;

“Sesungguhnya salat itu adalah kewajiban yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman.” (An-Nisa : 103)

Waktu-waktu solat yang lima telah diketahui melalui Sunnah Nabi yang berbentuk perbuatan. Ia telah *Mutawatir* (diriwayatkan oleh ramai, pent) di kalangan umat Islam di Timur dan Barat.

Setiap solat, dan solat yang lima mempunyai waktu tertentu dan tidak boleh menunaikannya sebelum masuk waktu. Tidak boleh pula melewatkan solat dari waktunya kecuali kerana keuzuran. Sesiapa yang melewatkannya (sehingga berlalu waktu solat, pent) adalah berdosa.

Namun di antara kemudahan dan sifat realistik agama ini ialah ia mensyariatkan jama’ antara dua solat; antara Zohor dan Asar, serta antara Maghrib dan Isya’. Ini dilakukan samada secara *Taqdim* (mendahulukan solat yang kemudian) atau *Takhir* (menangguhkan solat ke waktu terkemudian) kerana pelbagai sebab antaranya ialah musafir, sebagaimana yang telah tsabit dari Sunnah Nabi s.a.w.

Antara sebabnya juga ialah menjama' solat kerana hujan, atau seperti lecak atau yang lebih buruk ialah salji, begitu juga angin yang kuat dan pelbagai halangan cuaca dan tabi'i yang menimbulkan kesulitan dan kepayahan untuk menunaikan solat pada waktunya.

Antara sebabnya juga ialah menjama' solat kerana keperluan atau keuzuran, bukan pada waktu bermusafir, bukan kerana takut dan bukan pula kerana hujan tetapi hanya kerana menghilangkan kesulitan dan kepayahan dari umat Islam, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadits Ibn Abbas yang akan datang.

Dari petanda mukjizat agama ini ialah seorang Muslim boleh mendapati nas-nas yang boleh meliputi pelbagai keadaan dan perkembangan masa yang dahulunya tidak diketahui manusia atau tidak dijangka akan berlaku di zaman mereka.

Kami dapati perkara ini dalam apa yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Ibn Abbas r.a bahawa ia berkata*"Rasulullah s.a.w telah solat Zohor dan Asar secara jama' dan Maghrib dan Isya' juga secara jama' bukan kerana takut atau bermusafir."*

Dalam satu riwayat dinyatakan *"Rasulullah s.a.w telah menjama'kan Zohor dan Asar serta Maghrib dan Isya' di Madinah tanpa ada takut atau hujan. Lalu dikatakan kepada Ibn Abbas "Apakah yang beliau kehendaki dari itu?" Ibn Abbas berkata "Dia mahukan agar tidak menyulitkan umatnya."*

Dalam riwayat Abdullah b Syafiq, ia berkata *"Pada satu hari, Ibn Abbas telah menyampaikan khutbah kepada kami setelah waktu Asar, sehingga terbenam matahari dan timbul bintang-bintang. Orang ramai mula berkata "Solat! Solat!" Ibn Abbas lalu berkata "Adakah kamu mahu mengajar aku apa itu Sunnah? Tiada kebaikan bagi kamu!" Dia kemudian berkata "Aku melihat Rasulullah s.a.w telah menjama'kan antara Zohor dan Asar serta Maghrib dan Isya'." Abdullah b Syafiq berkata "Hatiku merasa tidak selesa dari pernyataan itu. Aku lalu mendatangi Abu Hurairah dan bertanya kepadanya. Beliau membenarkan kata-kata Ibn Abbas.*[10]*"*

Ini adalah *ta'lil* (penetapan sebab) dari Ibn Abbas, iaitu Rasulullah s.a.w mahu memberi keluasan bagi dan kemudahan bagi umat Islam. Dia tidak mahu meletakkan mereka dalam kepayahan dan kesempitan. Sedangkan Allah taala tidak menjadikan kesusahan dalam agama ini. Bahkan Allah taala mahukan kemudahan bagi hamba-hambaNya. Dia tidak mahu kesulitan ke atas mereka.

Hadits itu amat jelas dan terang akan pensyariatan jama' kerana keperluan. Abu Daud, An-Nasa`i dan At-Turmuzi telah meriwayatkannya juga dalam kitab *Sunan* mereka.

Imam Abu Sulaiman Al-Khitabi dalam kitab *Ma`alim As-Sunan* berkata *"Tidak ramai para fuqaha berpegang dengan hadits ini...."*

Ibn Al-Munzir pernah berkata[11] bukan hanya seorang dari ahli-ahli hadits yang menceritakan mengenainya (hadits ini). Aku mendengar Abu Bakar Al-Qaffal menceritakannya dari Abu Ishaq Al-Maruzi.

---

[10] Lihat Sahih Muslim, kitab *Solat Orang-orang Yang Bermusafir*, bab *Jama' Antara Dua Solat Ketika Tidak Bermusafir*, hadits (705) dengan riwayat-riwayatnya; 49, 50, 51, 54, 56, 57.

[11] Saya berpendapat ada perkataan yang gugur di sini, iaitu perkataan 'dengannya', sebagaimana konteks ayat itu menunjukkan dan sikap Ibn Munzir yang mempertahankan hadits berkenaan.

Berkata Ibn Al-Munzir *"Tiada ertinya mengaitkan perkara itu (jama' solat) dilakukan kerana sesuatu keuzuran kerana Ibn Abbas telah memberitahu `illah (sebab) hukumnya, iaitu kata-kata beliau "Dia mahu agar umatnya tidak berasa kepayahan."*

Ibn Sirrin menceritakan bahawa ia tidak merasakan apa-apa kesalahan untuk menjama' dua solat, jika ada hajat atau sesuatu, selama mana ia tidak menjadi kebiasaan[12].

Ibn Qudamah juga menukil dalam kitab *Al-Mughni* dari Ibn Syabramah bahawa dia berkata sama seperti apa yang Ibn Sirrin katakan[13].

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata dalam kitab *Al-Fath "Sekumpulan imam telah berpegang dengan zahir hadits. Mereka mengharuskan jama' pada ketika tidak bermusafir semata-mata kerana ada hajat dengan syarat bahawa ia tidak menjadi kebiasaan. Antara yang berpendapat sedemikian ialan Ibn Sirrin, Rabi`ah, Asyhab, Ibn Al-Munzir dan Al-Qaffal Al-Kabir. Al-Khitabi pula menceritakannya dari sekumpulan ahli hadits.[14]"*

Walau bagaimana pun, di sisi kita ialah hadits *Sahih* yang tidak dikritik akan kesahihannya. Ibn Abbas telah meriwayatkannya dan Abu Hurairah pula mengakuinya. Bahkan Ibn Abbas mengamalkannya secara praktikal. Dia telah menjadikan hadits ini sebagai hujjah ke atas mereka yang mengingkari tindakannya mentakhir solat Maghrib. Dia menta'lil (menetapkan sebab bagi) perbuatan itu dengan apa yang ia telah nyatakan. Kesemua ini memberi faedah kepada kami dalam menjawab soalan yang dikemukakan. Iaitu harus menjama' solat Maghrib dan Isya' di Eropah di musim panas ketika waktu Isya' amat lewat sehingga ke pertengahan malam atau selepas tengah malam, sedangkan orang ramai dikehendaki untuk pergi bekerja pada awal pagi. Bagaimana mungkin kita membebankan mereka untuk berjaga malam bagi menunaikan solat Isya' pada waktunya? Yang sedemikian itu merupakan kepayahan dan kesulitan bagi mereka. Sedangkan segala kepayahan telah diangkat dari umat ini dengan nas Al-Quran dan dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Abbas r.a, perawi hadits jama' solat semasa bukan bermusafir.

Bahkan harus juga menjama' solat di negara-negara berkenaan di musim sejuk kerana waktu pagi yang amat pendek dan kesukaran menunaikan solat pada waktunya bagi mereka yang bekerja di pelbagai perbadanan dan syarikat. Ia tidak didapat dilakukan kecuali dengan kepayahan dan kesempitan, sedangkan segala itu telah diangkat dari umat ini.

PEMBINAAN PUSAT-PUSAT ISLAM DENGAN HARTA ZAKAT

Kepada yang dihormati
As-Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi
Semoga berada di bawah peliharaan Allah taala.

Assalamualaikum wr. wb.

Kami berharap dari tuan untuk memberi fatwa kepada kami mengenai satu perkara yang amat penting bagi kami dan bagi keseluruhan umat Islam di Amerika dan di negara-negara Barat umumnya. Ia menyentuh isu pembinaan pusat-pusat Islam dan masjid-masjid di Barat yang memainkan peranan langsung dalam kehidupan umat Islam.

---

[12] Lihat *Mukhtasar Sunan Abu Daud* oleh Al-Munziri bersama *Ma`alim As-Sunan* oleh Al-Khitabi serta *Tahzib As-Sunan* oleh Ibn Al-Qayyim, j 2/55, cetakan As-Sunnah Al-Muhammadiyah, Kaherah.

[13] Lihat *Al-Mughni* 3/137. Saya bimbang bahawa perkataan Ibn Syabramah telah ditukar dari Ibn Sirrin.

[14] Lihat *Fath Al-Bari'* dan *Tuhfah Al-Ahwuzi*, 1/558. syarah hadits (187).

Para pendatang Muslim yang menetap di Barat dan para pelajar yang menuntut di sana sementara waktu amat memerlukan pusat-pusat Islam di bandar mereka. Kewujudan pusat-pusat ini adalah satu perkara yang amat diperlukan sangat dan ia mempunyai peranan yang besar dalam memelihara agama para pendatang dan para pelajar ini.

Soalan penting yang sering dilontarkan ketika melakukan usaha pengumpulan dana, sumber utama bagi membiayai projek-projek berkenaan ialah;

Adakah harus membayar wang zakat bagi pembinaan pusat Islam di negara Barat?

Hal ini adalah kerana ramai dari para penderma mensyaratkan perkara ini untuk menderma. Manakala mereka yang bertanggungjawab atas projek berkenaan berkeberatan untuk menerima harta zakat kerana tidak yakin akan keharusan membayar zakar bagi pembiayaan seperti ini.

Adakah tuan berpendapat bahawa pembiayaan seperti ini termasuk dalam pembiayaan bagi harta zakat? Sebagaimana maklum, pusat Islam juga mengandungi masjid, ruang untuk solat. Kadangkala ia mengandungi juga perpustakaan, ruang solat Muslimah, tempat tinggal imam yang bertugas dan beberapa kemudahan yang lain. Untuk pengetahuan juga, mengikut undang-undang, pemilik sah bagi kebanyakan pusat-pusat ini ialah Pengamanah Islam Amerika Utara *(North America Islamic Trust)* yang bernaung di bawah Pertubuhan Islam Amerika Utara *(Islamic Society Of North America).* Keduanya adalah badan-badan Islam yang dipercayai dari segi amanah dan kemampuannya.

Kami berharap dari tuan untuk memberi respon terhadap permintaan fatwa dari kami ini, Khususnya kami sekarang ini sedang dalam usaha mengumpul dana bagi pusat kami. Kami mesti mengumpulkan jumlah dana yang besar bagi memulakan pembinaan. Jika tidak, kami akan kerugian keizinan negeri dan bersamanya pula kerugian jumlah wang yang banyak dan usaha yang mahal bagi menjayakan projek ini.

Semoga Allah taala memberi tuan taufiq dan memelihara tuan. Semoga kami dapat manfaat dari tuan,

Wassalamualaikum wr. wb.

H. A
Pengerusi Pusat Islam

Jawapan

Assalamualaikum wr. wb.

Surat saudara mengenai pembinaan pusat Islam di bandar Tucson di Amerika dan mengenai keharusan membiayainya dari wang zakat telah sampai kepada saya.

Memandangkan kepentingan persoalan ini dan keadaan yang genting di bandar saudara khususnya, saya segera menulis kepada saudara, walaupun saya kesempitan waktu dan banyak tugas.

Saya suka menerangkan di sini bahawa antara perbelanjaan harta zakat yang dinaskan oleh Al-Quran ialah perbelanjaan bagi *‘fi sabilillah’.*

Para fuqaha’ telah berselisih dalam mentafsir erti *fi sabilillah*. Ada di antara mereka yang menghadkannya kepada jihad kerana ia adalah makna yang sering kali diberikan kepadanya. Ini adalah pandangan jumhur ulama.

Di antara mereka, ada yang menjadikan maknanya meliputi segala amal ketaatan atau apa jua yang mengandungi maslahat bagi umat Islam. Maka termasuklah di dalamnya pebinaan masjid, sekolah, jembatan-jembatan, mengkafan mayat orang-orang fakir dan apa sahaja yang merupakan amal taqarrub dan bermaslahat.

Saya berpendapat bahawa perbelanjaan *fi sabilillah*, berdasarkan kedua pendapat tadi, luas meliputi biaya bagi pembinaan pusat-pusat Islam untuk tujuan dakwah, bimbingan dan *ta'lim* di negara-negara yang mana kewujudan umat Islam diancam oleh serangan agama Kristian, Komunisme, Sekularisme dan lain-lain agama dan kefahaman. Segalanya berusaha untuk mencabut umat Islam dari aqidah mereka serta menyesatkan mereka dari hakikat agama mereka yang sebenar. Yang demikian itu seperti keadaan umat Islam di luar dunia Islam. Mereka merupakan kaum minoriti yang mempunyai keupayaan yang terhad dalam menghadapi kelompok yang mempunyai keupayaan operasi, kuasa dan harta.

Tidak syak bahawa berdasarkan pendapat yang lain tadi bahawa pembinaan pusat-pusat Islam ini adalah satu bentuk jihad di zaman kita sekarang. Ia adalah jihad dengan lidah, pen, dakwah dan tarbiyah. Ia adalah satu jihad yang amat diperlukan hari ini bagi melawan serangan yang hebat dari kelompok yang memusuhi Islam.

Sebagaimana seorang yang berperang untuk meninggikan kalimah Allah taala itu berada di jalan Allah, begitulah juga sesiapa yang berdakwah dan memberi bimbingan untuk meninggikan kalimah Allah taala. Mereka juga berada di jalan Allah.

Pusat Islam hari ini ibarat sebuah kubu bagi mempertahankan Islam. Sesungguhnya bagi setiap seseorang apa yang diniatkan. Hakikat ini menjadi lebih genting khususnya di Tucson kerana di sana terdapat pusat bagi Rashad Khalifah yang mengingkari sebahagian ayat-ayat Al-Quran dan mengingkari Sunnah Nabi keseluruhannya. Ini melibatkan pula pengingkaran terhadap solat yang telah dimaklumi kewajibannya dalam agama. Dia telah menganggap solat ini sebagai solat yang sia-sia dan menamakannya sebagai solat orang-orang Musyrik.

Dia kemudian mengakhiri kesesatan ini dengan pembohongan yang terbesar iaitu dakwaan bahawa dia adalah utusan Allah.

Maka mestilah ada satu pusat bagi kebenaran untuk melawan kebatilan. Mestilah ada sebuah kubu bagi Islam untuk melawan kekufuran yang disokong dari luar dan dalam. Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Ingatlah, kamu ini orang-orang yang diajak untuk menafkahkan (hartamu) pada jalan Allah. Maka di antara kamu ada orang yang kikir, dan siapa yang kikir sesungguhnya dia hanyalah kikir terhadap dirinya sendiri. Dan Allah-lah yang Maha Kaya sedangkan kamulah orang-orang yang membutuhkan (Nya); dan jika kamu berpaling niscaya Dia akan mengganti (kamu) dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan seperti kamu (ini)." (Muhammad : 38)

Semoga Allah taala menetapkan perancangan saudara, membantu saudara untuk menegakkan kebenaran dan mengalahkan kebatilan walaupun orang-orang jahat tidak menyukai.

Wassalamualaikum wr. wb.

MENANAM JENAZAH MUSLIM DI PERKUBURAN ORANG-ORANG KRISTIAN

Apa hukum menanam jenazah Muslim di perkuburan orang-orang Kristian kerana ketiadaan kubur bagi orang-orang Muslim atau ada perkuburan orang-orang Muslim tetapi ia terletak jauh dari keluarga si mati sehingga tidak mudah bagi mereka untuk menziarahi si mati jika mereka mahu?

Jawapan

Terdapat hukum-hukum syara' berkaitan dengan seorang Muslim jika ia meninggal dunia seperti memandikan, mengkafan dan solat ke atasnya. Di antaranya juga ialah menanamnya di perkuburan orang-orang Muslim. Yang demikian itu adalah kerana bagi orang-orang Muslim, cara tersendiri dalam menanam mayat dan menjadikan tanah sebagai tempat perkuburan dari segi saiz, arah yang menghadap kiblat, jauh dari menyerupai orang-orang Musyrik, orang-orang yang membazir dan yang seumpamanya.

Telah diketahui umum bahawa setiap penganut agama mempunyai tanah perkuburan mereka yang tersendiri. Orang-orang Yahudi mempunyai tanah perkuburan mereka. Orang-orang Kristian mempunyai tanah perkuburan. Para penyembah berhala juga mempunyai tanah perkuburan. Maka bukan satu perkara yang pelik untuk orang-orang Muslim mempunyai tanah perkuburan mereka sendiri. Menjadi kewajiban setiap kelompok umat Islam di negara-negara bukan Islam untuk berusaha melalui kerjasama sesama mereka untuk mengadakan tanah perkuburan khas dan terpisah bagi umat Islam. Selagi ada jalan, mereka hendaklah berusaha untuk meyakinkan pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Jika umat Islam tidak mampu untuk mendapatkan tanah perkuburan khas dan tersendiri, paling kurang ialah mendapatkan sebahagian tanah di satu sudut dari tanah perkuburan orang-orang Kristian untuk menanam jenazah-jenazah mereka.

Jika kesemua itu tidak boleh diperolehi, lalu meninggal seorang dari mereka, hendaklah mereka berusaha untuk memindahkan jenazah itu, jika boleh, ke bandar lain yang terdapat perkuburan orang-orang Muslim. Jika tidak boleh juga, maka tanamkanlah jenazah itu di perkuburan orang-orang Kristian, mengikut apa yang mereka mampu dan sejajar dengan hukum dharurat. Sesungguhnya Allah taala tidak mentaklif seseorang kecuali sekadar keupayaannya. Seorang Muslim soleh yang mati, tidak akan termudharat jika ditanam di perkuburan bukan Muslim dalam keadaan seperti ini. Apa yang memanfaatkan seorang Muslim di Akhiratnya ialah usaha dan amal solehnya, bukan tempat perkuburannya. Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Dan bahwasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya." (An-Najm : 39)

Akhir sekali, saya ingin katakan kepada saudara yang bertanya bahawa jarak jauh perkuburan si mati bukan alasan bagi membolehkan jenazah di tanah di perkuburan orang bukan Muslim. Sesungguhnya menanam seorang Muslim di perkuburan orang Muslim adalah satu kewajiban sebagaimana yang jelas dari Ijma' para ulama. Manakala menziarah si mati adalah sunat. Oleh itu, tidak boleh meninggalkan kewajiban kerana sesuatu yang sunat.

Saya juga ingin menerangkan bahawa pada dasarnya menziarah kubur disyariatkan untuk maslahat orang yang berziarah, agar dia mengambil iktibar dan pengajaran, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadits yang bermaksud;

"Aku dahulu melarang kamu menziarah kubur. Ziarahilah ia. Sesungguhnya ia melembutkan hati, menjadikan mata menangis dan mengingatkan Akhirat.[15]*"*

Seorang Muslim boleh mendoakan dan memohon keampunan bagi si mati. Dengan kelebihan dari Allah taala, pahala akan tetap sampai kepada si mati walau di mana sekali pun orang yang berdoa dan memohon keampunan itu berada.

MENINGGALKAN IBADAH KORBAN DI EROPAH KERANA WABAK YANG MENIMPA HAIWAN LEMBU DAN KAMBING

Kepada yang dimuliakan

[15] Riwayat Ahmad dan Al-Hakim dari Anas, *Sahih Al-Jami' As-Saghir* (4583)

Sheikh Al-Qaradhawi
Semoga berada di bawah peliharaan Allah taala.

Pastinya tuan telah mengetahui apa yang dilaporkan oleh agensi-agensi dan telah menjadi pengetahuan umum dan khusus, mengenai merebaknya wabak pemusnah yang menimpa binatang ternakan di Eropah dari penyakit lembu gila dan sakit kuku dan mulut ke atas kambing-kambing dan lain-lain. Kesemua itu telah menjadikan ramai pihak berhati-hati untuk memakan daging-daging ini. Bersempena dengan kedatangan `Id Al-Adha, mereka menasihati orang-orang Muslim agar menjauhi ibadah korban pada tahun ini kerana takut terkena penyakit.

Adakah boleh bagi kami, orang-orang Muslim di Eropah, meninggalkan syi`ar atau Sunnah ini? Atau apakah nasihat tuan yang dapat kami lakukan di saat krisis ini, supaya kami tidak terlepas kelebihan berkorban.

Semoga Allah taala memberi balasan yang baik kepada tuan.

Saudara-saudara dari Britain

Jawapan

Islam mensyariatkan ibadah korban di hari `Id untuk manusia memewahkan diri sendiri, kaum keluarga, jiran-jiran, orang-orang fakir dan yang memerlukan di kalangan mereka. Namun jika telah pasti bahawa haiwan-haiwan yang akan dikorbankan terdapat penyakit yang boleh memudharatkan manusia apabila memakannya, atau wabak akan menjangkiti mereka atau mudharat-mudharat lain, samada yang zahir atau tersembunyi, pada waktu sekarang atau akan datang, sesungguhnya kaedah syara' yang telah ditetapkan oleh Ijma' ialah *tidak boleh memudharatkan diri dan tidak boleh memudharatkan orang lain*. Ia adalah kaedah yang *qat`ii* kerana ia diambil dari Al-Quran dan Sunnah.

Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu." (An-Nisa : 29)

FirmanNya lagi yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan." (Al-Baqarah : 195)

Maka sebab itu, Islam mensyariatkan pelbagai rukhsah dan keringanan bagi menjaga keselamatan manusia dan kesihatan tubuhnya. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

"Sesungguhnya tubuh kamu ada hak ke atas kamu." (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Atas dasar itu, para ulama telah mengharamkan umat Islam segala yang memudharatkan jika diambil oleh manusia, samada berbentuk makanan, minuman, pakaian atau lain-lain. Ia bertujuan untuk memelihara nyawa manusia serta menjaga kehidupan dan kesejahteraannya. Ini adalah lima dharuriyat (kemestian) yang telah disepakati oleh semua agama untuk menjaganya.

Dari itu, kami mengatakan bahawa jika telah pasti dengan memakan daging lembu atau unta atau kambing akan menyebabkan kemudharatan atas manusia, maka haramlah memakannya, samada ianya daging korban atau yang lain kerana nyawa dan kehidupannya adalah amanah Allah kepadanya. Tidak boleh baginya mencuaikan hak-haknya atau memudharatkannya secara tidak sah.

Maka meninggalkan ibadah korban lebih wajib lagi kerana daging itu akan diberikan kepada orang lain dari kalangan jiran, kaum kerabat, orang-orang fakir dan miskin. Kemudharatan bukan

hanya terhad atas dirinya tetapi akan menimpa juga yang lain. Oleh itu, hukum haram menjadi lebih kuat.

Yang demikian itu, jika telah pasti bahawa daging-daging itu akan memudharatkan manusia. Hakikat ini hendaklah dirujukkan kepada ilmuan dan pakar dalam perkara ini sebagaimana firman Allah taala yang bermaksud;

“Maka tanyakanlah (tentang Allah) kepada yang lebih mengetahui (Muhammad) tentang Dia.” (Al-Furqan : 59)

FirmanNya lagi yang bermaksud;

“Tidak ada yang dapat memberikan keterangan kepadamu sebagai yang diberikan oleh Yang Maha Mengetahui.” (Fatir : 14)

Ramai pakar telah berkata bahawa penyakit kuku dan mulut memusnahkan binatang tetapi tidak memudharatkan manusia.

Jika telah pasti kemudharatan daging sesuatu jenis binatang korban, bolehlah bagi Muslim untuk berpindah pada jenis binatang yang lain. Jika telah pasti kemudharatan pada lembu, maka berkorbanlah dengan kambing atau unta, jika boleh. Jika di negeri tertentu telah pasti kemudharatan pada semua jenis binatang korban, seorang Muslim boleh menunaikan syi`ar ini di mana-mana negara dengan membayar harga binatang berkenaan dan mewakilkan orang untuk menyembelih bagi dirinya, sebagaimana yang dilakukan oleh pelbagai badan kebajikan di pelbagai negara. Bahkan seorang Muslim boleh membeli beberapa binatang korban di sebahagian negara yang miskin dengan harga seekor binatang di negaranya sendiri. Ini memberi faedah yang besar bagi umat Islam di negara berkenaan dan ia adalah sebaik-baik alternatif.

Wallahu A`alam

CONTOH-CONTOH PENERAPAN FIQH MINORITI DALAM FIQH KEKELUARGAAN

TERBATAL PERKAHWINAN SEORANG MUSLIMAH DENGAN SEORANG LELAKI KOMUNIS

Soalan

Seorang pemuda yang dikenali latarbelakangnya sebagai seorang komunis dan masih kekal dengan sifat komunisnya telah meminang anak perempuan saya. Adakah harus di sisi syara bagi saya untuk mengahwinkan dia dengan anak perempuan saya memandang bahawa dia secara rasmi beragama Islam dan keluarganya adalah keluarga yang beragama Islam. Dia juga mempunyai nama Islam. Atau wajib ke atas saya untuk menolak pinangannya kerana aqidahnya yang rosak? Harap tuan dapatlah memberi fatwa kepada kami dalam perkara ini. Terima kasih.

A. L

Jawapan

Sebelum kami menjawab soalan ini, wajiblah ke atas kami untuk mengemukakan penerangan yang ringkas mengenai kedudukan Komunisme di sisi agama agar dengan itu, si penanya berada dalam kejelasan mengenai kedudukan perkara.

Komunisme adalah satu fahaman bersifat kebendaan. Ia tidak mengiktiraf kecuali perkara yang bersifat kebendaan dan dapat dirasa oleh indera semata-mata. Ia mengingkari segala yang bukan benda. Maka ia tidak beriman dengan Allah taala. Ia tidak percaya akan kewujudan ruh. Ia tidak beriman dengan wahyu dan Akhirat. Ia juga tidak percaya dengan segala yang ghaib. Maka sebab itu ia mengingkari segala bentuk agama. Ia menganggap segala agama hanyalah khurafat, saki baki kebodohon, kemunduran dan kongkongan. Oleh itu, pengasas Komunisme, Karl Marx, berkata dengan kata-katanya yang terkenal *“Agama adalah candu masyarakat.”* Ia mengingkari mereka yang berkata *“Allah taala telah mencipta alam.”* Bahkan ia berkata dengan apa yang dikatakan oleh golongan berfahaman kebendaan dan atheis sejak dulu “*Sesungguhnya Allah tidak mencipta manusia tetapi sebaliknya, manusialah yang mencipta Allah. Itulah yang betul.”* Iaitu mereka mereka-reka kewujudan Allah melalui sangkaan dan khayalan.

Lenin berkata *“Sesungguhnya parti revolusi kita tidak boleh mempunyai pendirian positif terhadap agama. Agama adalah khurafat dan kebodohan.”*

Stalin berkata *“Kami adalah kaum atheis. Kami beriman bahawa Allah adalah khurafat belaka. Kami percaya bahawa beriman dengan agama menghambat kemajuan kita. Kami tidak mahu menjadikan agama menguasai kami kerana kami tidak mahu menjadi orang-orang yang mabuk.”*

Inilah pandangan Komunisme dan paa pemimpinnya. Maka sebab itu, tidak hairan jika kita lihat perlembagaan parti komunis dan perlembagaan Komunisme Antarabangsa mewajibkan setiap anggota pergerakan komunis hendaklah atheis dan melakukan propaganda menentang agama. Parti berkenaan akan menolak keanggotaan mana-mana individu yang mengamalkan agama. Maka sebab itu, negara komunis menghentikan khidmat semua pegawai negeri yang mempunyai kecenderungan sedemikian.

Jika pun benar hujah yang mengatakan bahawa ada seorang komunis yang hanya mengambil sudut sosial dan ekonomi dari fahaman berkenaan sahaja tanpa melibatkan asas-asas pemikiran dan aqidah sebagaimana yang dikhayalkan oleh sebahagian orang, sedangkan ia tidak berlaku dan tidak logik. Hakikatnya menerima fahaman sudut sosial dan ekonomi dari Komunisme sahaja cukup untuk menyebabkan seseorang terkeluar dari agama. Hal ini adalah kerana Islam mempunyai pelbagai ajaran yang jelas dalam mengurus kehidupan sosial dan ekonomi yang diingkari oleh fahaman Komunisme secara jelas seperti konsep milik peribadi, harta warisan, zakat, hubungan lelaki dan perempuan dan lain-lain. Segala hukum-hukum ini telah diketahui

secara *dharuri* bahawa ia adalah sebahagian dari agama Islam. Mengingkarinya boleh membawa kepada kekufuran mengikut Ijma' umat Islam.

Selain itu, fahaman Komunisme adalah famahan yang saling berkait. Ia tidak boleh dipisahkan antara aspek amali dan aspek kepercayaan dan falsafahnya.

Jika Islam tidak membolehkan seorang Muslimah untuk berkahwin dengan lelaki Ahli Kitab, samada beragama Kristian atau Yahudi, sedangkan seorang Ahli Kitab beriman dengan Allah, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan hari Akhirat secara umum, bagaimana mungkin ia membolehkan seorang Muslimah berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak percaya kepada ketuhanan, kenabian, hari Kiamat dan perhitungan.

Seorang komunis yang telah diketahui akan sifat komunisnya dianggap sebagai seorang yang telah terkeluar dari agama. Maka tidak boleh dalam apa jua keadaan bagi seorang bapa Muslim untuk menerima perkahwinan seorang komunis dengan anak perempuannya dan tidak boleh pula seorang pemudi Muslimah menerima perkahwinannya dengan seorang lelaki komunis, dalam keadaan dia redha Allah sebagai Tuhannya, Islam sebagai agamanya, Muhammad sebagai Rasul dan Al-Quran sebagai pemimpinnya.

Jika seorang lelaki komunis berkahwin dengan seorang Muslimah, maka wajiblah dipisahkan antara keduanya dan antara dia dan anak-anaknya agar dia tidak menyesatkan dan merosakkan agama mereka.

Jika dia mati dalam keadaan dia masih kekal dengan fahamannya, tidak boleh dia dimandikan, disembahyangkan atau ditanam di tanah pekuburan orang Muslim.

Kesimpulannya, wajib seorang lelaki komunis diperlakukan di dunia ini dengan hukum orang-orang murtad dan zindiq dalam syariat Islam. Apa yang menanti dia dari siksaan Allah di Akhirat lebih pedih dan hina. Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup. Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya." (Al-Baqarah : 217)

PERKAHWINAN SEORANG MUSLIM DENGAN WANITA BUKAN MUSLIMAH

Soalan

Saya berharap tuan beroleh kelapangan masa untuk menghuraikan tajuk perkahwinan dengan wanita bukan Muslimah. Secara khususnya yang saya maksudkan ialah dengan wanita Ahli Kitab, samada beragama Kristian atau Yahudi, golongan yang kita namakan sebagai Ahli Kitab yang mempunyia hukum khas yang membezakan mereka dengan penyembah berhala dan yang seumpamanya.

Saya dan ramai yang lain telah melihat pelbagai kerosakan di sebalik perkahwinan ini, khususnya ke atas anak-anak dari isteri-isteri sedemikian. Seringkali mereka mencorakkan rumah dengan corak yang dikehendakinya. Mereka mendidik anak-anak mengikut cara mereka. Sedangkan si suami tidak memainkan peranan. Si suami di rumah ibarat untuk melepas dahaga sahaja, sebagaimana yang dikatakan oleh orang ramai.

Saya telah bertanya sebahagian ulama dalam persoalan ini. Mereka berkata bahawa Al-Quran telah menghalalkan pernikahan dengan wanita Ahli Kitab. Bukan hak kita untuk mengharamkan apa yang Allah telah halalkan.

Oleh kerana saya berkepercayaan bahawa Islam tidak akan mengharuskan apa yang mengandungi kemudharatan dan kerosakan, saya menulis kepada tuan untuk memohon pandangan tuan mengenai persoalan ini kerana saya ketahui akan pandangan tuan yang bersifat menyeluruh dalam persoalan seperti ini. Saya tahu tuan akan sentiasa menanganinya di bawah petunjuk nas-nas yang asli bagi syariat serta mengikut tujuan-tujuan syariat, dasar-dasar umumnya dan prinsip-prinsipnya yang kulli.

Saya berharap tuan tidak akan lengah untuk menjawab surat ini, walau pun saya maklum akan kesibukan tuan. Semoga Allah bersama tuan dan menjadikan langkah-langkah tuan tepat.

M.S

Jawapan

Segala puji bagi Allah. Selawat dan salam ke atas Rasulullah dan ke atas kaum keluarganya, para sahabatnya dan mereka yang mengikut jalan petunjuknya.

Saya telah berupaya untuk menziarahi beberapa negara Eropah dan Amerika Utara dan bertemu dengan beberapa anak-anak orang Muslim yang belajar dan mengajar di sana serta menetap di sana secara sementara atau kekal.

Antara perkara yang banyak ditanya oleh ramai ialah hukum perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita bukan Muslimah, khususnya yang beragama Kristian dan Yahudi. Islam mengiktiraf asal usul agamanya dan menamakan mereka yang beriman dengan agama berkenaan sebagai Ahli Kitab serta menetapkan bagi mereka beberapa hak dan batas-batas yang tidak ada bagi orang lain.

Untuk menerangkan hukum syara' dalam perkara ini, perlulah bagi kami untuk menerangkan jenis-jenis wanita bukan Muslimah dan pendirian syariat terhadap setiap dari mereka. Di sana terdapat wanita musyrik, atheis, murtad dan Ahli Kitab.

Pengharaman Perkahwinan Dengan Wanita Musyrik

Yang dimaksudkan dengan wanita Musyrik ialah ialah wanita penyembah berhala *(pagan).* Perkahwinan dengan mereka adalah haram kerana nas Al-Quran. Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu nikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya wanita budak yang mukmin lebih baik dari wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu." (Al-Baqarah : 221)

Allah taala juga berfirman yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu tetap berpegang pada tali (perkahwinan) dengan perempuan-perempuan kafir" (Al-Mumtahanah : 10)

Keseluruhan konteks ayat dan surah Al-Mumtahanah dan sebab turun ayat menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan *"berpegang pada tali (perka*h*winan) dengan perempuan-perempuan kafir"* ialah wanita-wanita musyrik iaitu wanita penyembah berhala.

Adapun hikmah di sebalik pengharaman ini jelas iaitu Islam dan agama penyembahan berhala tidak dapat bertemu. Aqidah Tauhid yang murni bercanggah dengan aqidah yang berteraskan syirik semata-mata. Agama penyembahan berhala pula tidak mempunyai kitab suci yang diakui dan tiada pula nabi yang diiktiraf. Ia dan Islam berada di dua hujung yang berlainan sama sekali. Maka sebab itu Al-Quran telah men*ta'lil* (menetapkan sebab) bagi larangan menikahi wanita musyrik dan mengahwinkan lelaki musyrik dengan firmanNya yang bermaksud;

“Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan ampunan dengan izin-Nya.” (Al-Baqarah : 221)

Tidak akan bertemu mereka yang menyeru ke neraka dan mereka yang menyeru ke syurga.

Wahai orang yang menikahkan Soraya dengan Suhail
Demi Allah bagaimana mungkin mereka boleh bertemu?
Dia seorang wanita Syam
Sedangkan Suhail pula seorang lelaki Yaman

Hukum larangan perkahwinan dengan wanita musyrik penyembah berhala telah tsabit dengan nas dan juga Ijma’. Para ulama umat ini telah sepakat akan pengharaman ini, sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Rusyd dalam kitab *Bidayah Al-Mujtahid* dan lain-lain.

Terbatalnya Perkahwinan Dengan Wanita Mulhid (Atheis)

Yang saya maksud dengan wanita mulhid ialah yang tidak beriman dengan mana-mana agama. Dia tidak mengakui ketuhanan, kenabian, kitab dan Akhirat. Sesungguhnya pengharaman ke atasnya lebih utama dari pengharaman ke atas wanita musyrik kerana wanita musyrik beriman dengan kewujudan Allah, walau pun ia mensyirikkanNya dengan pelbagai perkara atau dengan tuhan lain. Ia hanya mengambil mereka sebagai syafaat yang mendekatkan dirinya kepada Allah sebagaimana yang mereka dakwa.

Al-Quran telah menceritakan mengenai golongan yang musyrik dalam banyak ayat seperti firman Allah taala yang bermaksud;

“Dan sesungguhnya jika kamu tanyakan kepada mereka: ‘Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?’ Tentu mereka akan menjawab: ‘Allah’.” (Luqman : 25)

“Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain Allah (berkata): ‘Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya’.” (Az-Zumar : 3)

Jika wanita penyembah berhala yang mengakui Allah secara umum telah diharamkan menikahinya sama sekali, bagaimana pula dengan wanita yang berfahaman Materialisme dan mengingkari tuhan, yang mengingkari segala yang lain dari benda dan alam tabi’ii yang dapat dirasa serta tidak beriman dengan Allah, hari Akhirat, malaikat, kitab suci dan para nabi?

Sesungguhnya perkahwinan dengan wanita ini adalah batal secara yakin.

Contoh wanita berkenaan yang paling nyata ialah wanita berfahaman Komunisme yang beriman dengan falsafah Materialisme. Fahaman yang mendakwa bahawa agama adalah candu masyarakat. Ia mentafsirkan kemunculan agama dengan tafsiran Materialisme. Bahawa agama meminggirkan masyarakat dan terbit dari kesan-kesan faktor ekonomi dan pengeluaran.

Saya maksudkan dengan wanita komunis ialah yang tetap dengan fahaman Komunisme kerana sebahagian orang-orang Muslim ada yang menganut fahaman Materialisme ini, tanpa mengetahui selok beloknya atau mengenali hakikatnya. Kemungkinan mereka telah tertipu ketika para penyeru fahaman berkenaan mengajukannya bahawa ia adalah usaha pembaharuan ekonomi yang tidak memunyai kaitan dengan aqidah dan agama dan seterusnya. Mereka yang seperti itu hendaklah dihilangkan kekeliruan dan syubhat, ditegakkan hujah dan diterangkan pula jalan sehingga menjadi jelas perbezaan antara iman dan kekufuran, kegelapan dan cahaya. Setelah itu, sesiapa yang terus kekal dengan fahaman Komunisme, maka ia telah menjadi kafir, terkeluar dari agama dan tiada kemuliaan baginya. Wajiblah diperlakukan hukum-hukum orang-orang kafir ke atasnya semasa hidup dan mati.

Wanita Yang Murtad

Yang seumpama dengan wanita atheis ialah wanita yang murtad dari agama, *Wal`iyazu billah*. Kami maksudkan dengan wanita yang murtad ialah wanita yang menjadi kafir dengan melakukan perbuatan kufur yang mengeluarkan seseorang dari agama setelah beriman, samada dengan menganut agama lain atau tidak menganut apa-apa agama sekali pun, sama agama yang ia berpindah kepadanya itu agama Ahli Kitab atau bukan.

Maka termasuk dalam erti orang murtad ialah meninggalkan Islam dengan menganut Komunisme, Materialisme, Kristian, Yahudi, Buddhisme, Bahai atau agama-agama dan falsafah-falsafah lain. Begitu juga jika dia keluar dari Islam tetapi tidak menganut apa-apa. Ia kekal merayau ke mana-mana tanpa agama dan fahaman.

Sesungguhnya Islam tidak memaksa sesiapa untuk masuk ke dalamnya. Sehinggakan ia tidak mengakui iman seorang yang dipaksa dan tidak menerimanya tetapi sesiapa yang masuk ke dalam Islam dengan kehendaknya yang bebas, tidak boleh baginya untuk keluar dari Islam.

Perbuatan murtad mempunyai hukum-hukum. Sebahagiannya berkaitan dengan hari Akhirat dan sebahagiannya pula berkaitan dengan dunia.

Yang berkaitan dengan Akhirat ialah sesiapa yang mati sebagai murtad, termusnahlah segala apa yang telah ia lakukan dari amal soleh dan layak untuk kekal dalam neraka. Allah taala berfirman yang bermaksud;

“Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.” (Al-Baqarah : 217)

Di antara hukum-hukum di dunia ialah seorang yang murtad tidak berhak untuk mendapat apa jua bantuan dan pembelaan dari masyarakat Islam. Tidak boleh wujud kehidupan suami isteri antara seorang lelaki Muslim dan wanita yang murtad atau antara lelaki yang murtad dan wanita Muslimah. Sesiapa yang menikahi wanita yang murtad, maka nikahnya terbatal. Jika seorang wanita murtad setelah berkahwin, hendaklah dipisahkan antara keduanya. Ini adalah hukum yang disepakati oleh para fuqaha’, samada yang berpendapat dengan menghukum seorang yang murtad lelaki atau wanita dengan hukum bunuh, ia adalah pendapat jumhur atau golongan yang berpendapat bahawa hukum bagi wanita yang murtad ialah dipenjara bukan dibunuh, iaitu golongan bermazhab Hanafi.

Perlu diperingatkan di sini bahawa menghukum seseorang Muslim dengan murtad dan kufur adalah seberat-berat hukuman. Oleh itu, wajiblah berhati-hati mengenainya dan menjauhinya selama mana ada jalan kerana meraikan keadaan seorang Muslim yang pada asalnya suka kepada kesolehan dan kerana berbaik sangka dengannya. Asalnya ia adalah seorang Muslim. Ia tidak keluar dari Islam kecuali dengan bukti yang *qat’ii* dan keyakinan yang tidak boleh dihilangkan dengan keraguan.

Terbatalnya Pernikahan Dengan Wanita Bahai

Perkahwinan dengan wanita Bahai adalah terbatal kerana wanita Bahai samada;

- asalnya seorang Muslimah kemudian dia meninggalkan agama Allah yang lurus kepada agama rekaan ini. Dalam keadaan seperti ini, dia adalah seorang wanita yang murtad secara yakin. Kita telah ketahui akan hukum perkahwinan dengan wanita yang murtad.

- dia telah murtad sendiri atau murtad kerana mengikut keluarganya atau menjadi murtad kerana mewarisi dari bapanya, sesungguhnya hukum murtad tidak berpisah darinya.

- ia memang asalnya bukan seorang Muslimah, contohnya dia asalnya beragama Kristian atau Yahudi atau penyembah berhala atau lain-lain. Dalam hal ini, hukum ke atas dia ialah seperti wanita musyrik.

Sesungguhnya Islam tidak mengakui asal usul agamanya dan kitab sucinya bukan berasal dari langit kerana telah dimaklumi bahawa semua kenabian setelah Muhammad s.a.w tertolak dan semua kitab suci setelah Al-Quran adalah batil. Sesiapa sahaja yang mendakwa bahawa ia pembawa agama baru setelah Islam, ia adalah Dajjal yang berbohong ke atas Allah taala. Sesungguhnya Allah taala telah menutup kenabian, menyempurnakan agama ini dan menyempurnakan nikmatNya. Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Barang siapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi." (Ali Imran : 85)

Jika perkahwinan dengan wanita Bahai adalah terbatal tanpa keraguan, maka perkahwinan seorang Muslimah dengan lelaki Bahai lebih utama lagi untuk terbatal kerana syariat tidak mengharuskan seorang Muslimah untuk berkahwin dengan lelaki Ahli Kitab, bagaimana pula boleh berkahwin dengan seorang yang tidak berkitab?

Oleh itu, tidak boleh wujud kehidupan suami isteri antara seorang Muslim dan wanita Bahai atau antara seorang Muslimah dan lelaki Bahai. Ia adalah perkahwinan yang batil dan wajib dipisahkan antara keduanya.

Demikianlah yang berlaku di mahkamah-mahkamah syariah di mesir dalam banyak kes.

Profesor Ali Ali Mansor mempunyai hukuman dalam kes seperti ini. Ia memutuskan dengan memisahkan antara keduanya berdasarkan pada pertimbangan-pertimbangan syara dan fiqh yang berwibawa. Hukuman berkenaan telah diedarkan dalam satu risalah yang tersendiri. Semoga Allah taala memberi ganjaran kebaikan kepadanya.

Pendapat Jumhur Mengenai Keharusan Perkahwinan Dengan Wanita Ahli Kitab

Pada asalnya perkahwinan dnegan wanita-wanita Ahli Kitab adalah harus di sisi kebanyakan para ulama. Allah taala telah menghalalkan penganut agama Islam makanan dan persemendaan Ahli Kitab dalam satu ayat dari surah Al-Maidah. Ia adalah antara ayat-ayat terakhir yang diturunkan dari Al-Quran. Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Al Kitab itu halal bagimu, dan makanan kamu halal pula bagi mereka. (Dan dihalalkan mengawini) wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Al Kitab sebelum kamu, bila kamu telah membayar maskawin mereka dengan maksud menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikannya gundik-gundik." (Al-Maidah : 5)

Pendapat Ibn Umar Dan Sebahagian Para Mujtahid

Dari kalangan para sahabat, Ibn Umar r.a mempunyai perbezaan pendapat dalam perkara berkenaan. Dia tidak berpendapat bahawa perkahwinan dengan wanita Ahli Kitab sebagai harus. Al-Bukhari telah meriwayatkan darinya bahawa dia ditanya mengenai nikah dengan wanita Kristian dan Yahudi. Dia berkata *"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan bagi orang-orang beriman pernikahan dengan perempuan-perempuan musyrik (dia maksudkan firman Allah taala yang bermaksud 'Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik sehingga mereka*

beriman'). Saya tidak ketahui perbuatan syirik yang lebih besar dari kata-kata kau bahawa tuhan dia (wanita itu, pent) adalah Isa, sedangkan dia hanyalah hamba dari hamba-hamba Allah."

Sebahagian ulama mentafsirkan pendapat Ibn Umar sebagai hukum makruh berkahwin dengan Ahli Kitab, bukan haram, tetapi riwayat yang diriwayatkan darinya menunjukkan sesuatu yang lebih dari hukum makruh.

Sekumpulan dari Syi`ah Imamiah telah berpegang dengan pandangan Ibn Umar dengan berdalilkan erti umum dari firman Allah taala dalam surah Al-Baqarah yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik sehingga mereka beriman." (Al-Baqarah : 221)

Juga dengan berdasarkan firman Allah taala yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu tetap berpegang pada tali (perkawinan) dengan perempuan-perempuan kafir." (Al-Mumtahanah : 10)

Mentarjih (Menguatkan) Pendapat Jumhur

Yang sebenar, pendapat Jumhurlah yang betul kerana kejelasan ayat surah Al-Maidah dalam menunjukkan keharusan perkahwinan dengan wanita Ahli Kitab dan ia antara apa yang terakhir diturunkan, sebagaimana yang terdapat dalam hadits.

Adapun firman Allah taala yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik sehingga mereka beriman." (Al-Baqarah : 221)

Dan firmanNya yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu tetap berpegang pada tali (perkawinan) dengan perempuan-perempuan kafir." (Al-Mumtahanah : 10)

Samada dikatakan bahawa ia adalah umum yang telah dikhususkan oleh oleh surah Al-Maidah atau dikatakan bahawa perkataan *Musyrikat* tidak meliputi Ahli Kitab mengikut asal bahasa Al-Quran. Maka sebab itu salah satu dari kedua tadi menjadi *ma'tuf* kepada yang lain sebagaimana dalam firman Allah taala yang bermaksud;

"Orang-orang kafir yakni ahli kitab dan orang-orang musyrik (mengatakan bahwa mereka) tidak akan meninggalkan (agamanya)...." (Al-Bayyinah : 1)

"Sesungguhnya orang-orang kafir yakni ahli Kitab dan orang-orang musyrik (akan masuk) ke neraka Jahanam; mereka kekal di dalamnya. Mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk." (Al-Bayyinah : 6)

Dalam surah Al-Haj pula Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Sesungguhnya orang-orang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Shaabi-iin, orang-orang Nasrani, orang-orang Majusi dan orang-orang musyrik, Allah akan memberi keputusan di antara mereka pada hari kiamat." (Al-Haj : 17)

Allah telah menjadikan mereka yang musyrik satu jenis tersendiri dan jenis-jenis yang lain. Yang maksudkan dengan orang-orang musyrik ialah penyembah berhala. Yang dimaksudkan dengan perkataan *'Al-Kawafir'* dalam ayat surah Al-Mumtahanah ialah wanita-wanita musyrik, sebagaimana yang ditunjukkan oleh konteks ayat berkenaan.

Beberapa Pra-syarat Yang Wajib Dipelihara Ketika Berkahwin Dengan Wanita Ahli Kitab

Walau pun yang *rajih* (kuat) ialah asalnya harus bagi seorang Muslim berkahwin dengan wanita Ahli Kitab, sebagaimana yang telah kami terangkan, bagi menarik hatinya kepada Islam, mendekatkan antara orang-orang Muslim dan Ahli Kitab dan meluaskan daerah toleransi, kasih sayang, perhubungan yang baik antara kedua pihak, tetapi hukum asal ini dikaitkan dengan beberapa pra-syarat yang wajib ke atas kita untuk tidak mengabaikannya;

Pra-syarat Pertama

Meyakini akan sifatnya sebagai 'Ahli Kitab'. Ertinya dia benar-benar beriman dengan agama yang berasal dari langit seperti Yahudi dan Kristian. Dengan itu, dia dikira beriman secara umum dengan Allah, risalahNya dan hari Akhirat. Dia bukanlah seowang wanita yang atheis atau murtad dan tidak beriman pula dengan apa jua agama yang mempunyai susur galur yang diketahui dari langit.

Telah diketahui di Barat hari ini bahawa bukan semua pemudi yang dilahirkan dari ibu bapa yang beragama Kristian turut menganut agama Kristian dan bukan semua orang yang hidup dalam persekitaran Kristian mesti pula menjadi seorang Kristian. Ia mungkin menjadi seorang komunis yang berfahaman Materialisme atau mungkin menganut agama yang ditolak oleh Islam pada dasarnya seperti Bahaisme dan yang seumpamanya.

Pra-syarat Kedua

Hendaklah wanita itu seorang yang suci dan terpelihara kehormatannya. Sesungguhnya Allah taala tidak mengharuskan semua wanita Ahli Kitab tetapi mensifatkan dirinya dengan sifat *muhson* (suci dan terpelihara kehormatan). Allah taala berfirman yang bermaksud *"dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Al-Kitab...."* Ibn Katsir berkata *"Pada zahirnya, yang dimaksudkan dengan wanita-wanita yang muhson ialah yang suci dari zina, sebagaimana dalam ayat lain (An-Nisa : 25). Inilah pandangan yang saya pilih. Tidak boleh bagi seorang Muslim dalam apa jua keadaan untuk berkahwin dengan pemudi yang menyerahkan dirinya kepada mana-mana lelaki. Wajiblah bagi wanita itu untuk bersifat lurus bersih dan jauh dari syubhat."*

Ini adalah pandangan yang dipilih oleh Ibn Katsir. Beliau nyatakan bahawa ia adalah pandangan Jumhur. Dia berkata *"Ia adalah pandangan yang lebih tepat. Dengan itu tidak bercampur dalam wanita itu sifat seorang zimmi dan sifat tidak suci. Maka kedaannya menjadi rosak sama sekali dan suaminya hanya mendapat sebagaimana yang dikatakan dalam perumpamaan...."*

Terdapat riwayat dari Imam Hasan Al-Basri bahawa seorang lelaki bertanya *"Adakah boleh seorang lelaki mengahwini wanita dari kalangan Ahli Kitab?"* Beliau berkata *"Apakah faedah baginya dan Ahli Kitab, sedangkan Allah telah meramaikan wanita Muslimah?" Jika ia mesti melakukannya, hendaklah ia pilih seorang yang suci dan tidak jahat."* Lelaki tu berkata *"Apakah maksud tidak jahat?"* Dia berkata *"Seorang wanita yang jika seorang lelaki mengerlingkan matanya, dia akan mengikutnya."*

Tidak syak lagi, jenis wanita yang suci seperti ini boleh dianggap sebagai amat jarang didapati di dalam masyarakat Barat masa kini sebagaimana yang ditunjukkan oleh penulisan-penulisan orang-orang Barat, laporan-laporan dan statistik mereka sendiri. Apa yang kita namakan dengan keperawanan, kesucian, kemuliaan diri dan yang seumpamanya tidak mempunyai nilai sosial di sisi mereka. Seorang pemudi yang tidak mempunyai teman lelaki dipandang aib oleh adik beradiknya bahkan oleh kaum keluarga dan orang-orang terdekat dengannya.

Pra-syarat Ketiga

Dia hendaklah bukan dari kaum yang memusuhi dan memerangi orang-orang Muslim. Maka sebab itu, sebahagian fuqaha' membezakan antara wanita *zimmi* dan *harbi*. Mereka mengharuskan perkahwinan dengan yang pertama dan melarang yang kedua. Perkara ini diriwayatkan dari Ibn Abbas bahawa dia berkata *"Ada di antara wanita-wanita Ahli Kitab yang halal bagi kita dan ada pula yang tidak halal. Kemudian dia membaca (At-Taubah : 29). Sesiapa yang membayar kepada kami jizyah, maka haruslah bagi kami mengahwini wanitanya. Sesiapa yang tidak membayar jizyah, tidak harus bagi kami wanita-wanita mereka."*

Pendapat ini telah disebutkan kepada Ibrahim An-Nakha`ii, salah seorang fuqaha' dan imam bandar Kufah dan ia merasa kagum dengan pandangan ini[1]. Dalam kitab *Musannaf Abdul Razak* dari Qatadah, dia berkata *"Jangan kamu berkahwin dengan wanita dari Ahli Kitab kecuali jika dia dalam ikatan perjanjian (damai)."* Diriwayatkan juga pendapat yang seumpama itu dari Ali r.a.

Dari Ibn Juraij, bahawa dia telah berkata *"Telah sampai kepadaku bahawa wanita dari kalangan Ahli Kitab tidak boleh dinikahi kecuali dia berada dalam ikatan perjanjian (damai)."*

Dalam kitab *Majmu' Imam Zaid b Ali* bahawa dia memakruhkan pernikahan dengan wanita *harbi*. Seorang penghurai dalam kitab *Ar-Raudh An-Nadhir* berkata *"Yang dimaksudkan dengan makruh di sini ialah haram kerana mereka bukan dari orang-orang yang berada di bawah perlindungan orang-orang Muslim (zimmi)."* Sebahagian pihak pula berkata hukumnya makruh dan tidak mengharamkannya kerana umumnya ayat yang bermaksud;

"...dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Al-Kitab" (Al-Maidah : 5).

Maka mereka mengutamakan sifat Ahli Kitab dari kedudukan tempat tinggalnya[2], iaitu negara Islam. Seorang Ahli Kitab dari penduduk negara Islam pastinya berbeza dengan yang selainnya.

Sesiapa yang meneliti, pasti tidak merasa syak bahawa pada pendapat Ibn Abbas mempunyai ketepatan dan kekuatan. Allah taala telah menjadikan persemendaan di antara ikatan yang kuat antara manusia. Ia datang setelah hubungan nasab dan darah. Oleh kerana itu, Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Dan Dia (pula) yang menciptakan manusia dari air, lalu Dia jadikan manusia itu (punya) keturunan dan mushaharah dan adalah Tuhanmu Maha Kuasa." (Al-Furqan : 54).

Bagaimana mungkin dapat dicapai hubungan seperti ini di antara orang-orang Islam dan kaum yang memusuhi dan memerangi mereka? Bagaimana mungkin seorang Muslim bersemenda dengan mereka, sehingga sebahagian dari mereka menjadi datuk-datuk, nenek-nenek, emak saudara dan bapa saudara bagi anak-anaknya? Lebih-lebih lagi menjadi isteri, pengurus rumah dan ibu kepada anak-anak mereka? Bagaimana dia boleh mempercayai dia, yang setelah mengetahui hal ehwal orang-orang Muslim, memberitahu kaumnya pula?

Maka tidak hairanlah jika kami dapati Al-`Allamah Abu Bakr Ar-Razi Al-Hanafi cenderung untuk menyokong pendapat Ibn Abbas, berhujahkan dengan firman Allah taala yang bermaksud;

"Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya.." (Al-Mujadilah : 22)

Sedangkan perkahwinan mewajibkan wujud rasa kasih sayang;

---

[1] *Tafsir Al-Qurtubi*, jld 9, ms 788 ditahqiq oleh Syakir.

[2] *Ar-Raudh An-Nadhir,* (4/270-274)

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang.” (Ar-Rum : 21)

Dia berkata *“Maka wajarlah pernikahan dengan wanita harbi itu dilarang kerana firman Allah taala yang bermaksud “....saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya..”. Sesungguhnya ayat ini kena pada kafir harbi kerana mereka berada di kawasan yang bukan kawasan kita.*[3]*”*

Yang demikian itu disokong pula oleh firman Allah taala yang bermaksud;

“Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan barang siapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.” (Al-Mumtahanah : 9)

Adakah di sana terdapat bencana yang lebih banyak bagi mereka dari mengahwini wanita *harbi*? Perkahwinan itu menjadikan salah seorang dari wanita kafir *harbi* menjadi sebahagian dari keluarganya bahkan menjadi tunggak keluarganya?

Atas dasar itu, tidak harus bagi Muslim hari ini untuk mengahwini wanita Yahudi selama mana peperangan antara kita dan Israel masih berlaku. Tiada pertimbangan yang boleh diberikan pada pandangan yang membezakan antara seorang wanita Yahudi dan seorang wanita zionis.

Hakikatnya setiap seorang Yahudi adalah zionis kerana isi kandung zionisme dari segi intelek dan psikologi bersumberkan Taurat disamping segala kitab sampingan, huraiannya dan juga Talmud. Setiap wanita Yahudi sesungguhnya adalah seorang tentera dalam pasukan bersenjata Israel.

Pra-syarat Keempat

Hendaklah perkahwinan dengan wanita Ahli Kitab tidak membawa fitnah dan mudharat yang pasti. Sesungguhnya melakukan semua perkara yang harus tertakluk pada syarat tidak menimbulkan mudharat. Sekiranya jelas di dapati bahawa melakukan yang harus akan menyebabkan mudharat kepada umum, maka ia dilarang secara kepada umum. Jika ia menyebabkan mudharat yang khusus, maka ia dilarang secara khusus. Semakin besar mudharat, semakin kuat pengharamannya. Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud;

“Tidak boleh memudharatkan diri sendiri dan tidak boleh memudharat orang lain.”

Hadits ini menggambarkan kaedah *qat’ii* syara dari sekian banyak kaedah yang ada kerana, walau pun lafaznya berasal dari hadits Ahad, tetapi pengertiannya diambil dari nas-nas dan pelbagai hukum-hukum cabang dari Al-Quran dan Sunnah yang memberi status *qat’ii* dan yakin.

Di sinilah terletak kuasa para penguasa di sisi syara’ untuk membataskan sebahagian perkara yang harus, jika ia takut melakukannya akan menimbulkan mudharat tertentu.

Kemudharatan yang ditakuti dari perkahwinan dengan wanita bukan Muslimah boleh berlaku dalam banyak bentuk, antaranya ialah;

1. Berleluasa perkahwinan dengan wanita bukan Muslimah akan memberi kesan kepada Muslimah-muslimah yang solehah untuk berkahwin kerana jumlah wanita, biasanya, sama dengan jumlah lelaki atau lebih ramai dari lelaki. Jumlah wanita solehah yang boleh berkahwin lebih besar dari jumlah lelaki yang berkemampuan untuk memikul tangungjawab rumahtangga.

[3] *Ahkam Al-Quran* (2, ms 397, 398)

Jika perkahwinan dengan wanita Muslimah menjadi fenomena sosial yang diterima, pastilah sejumlah anak-anak perempuan orang-orang Muslim akan terhalang dari berumahtangga. Apatah lagi amalan poligami di zaman ini telah menjadi satu amalan yang jarang berlaku. Telah dimaklumi pula, wanita Muslimah tidak halal berkahwin kecuali dengan lelaki Muslim. Oleh itu, tiada huraian bagi persoalan ini kecuali menutup pintu perkahwinan dengan wanita bukan Muslimah, jika bimbang akan maslahat wanita Muslimah.

Jika orang-orang Muslim di sesuatu negara merupakan kelompok minoriti, seperti sebahagian kaum pendatang di Eropah, Amerika dan sebahagian minoriti di Asia dan Afrika, maka berdasarkan logik dan ruh syariat, patutlah diharamkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Muslimah. Jika tidak, natijahnya ialah anak-anak perempuan orang-orang Islam atau sejumlah besar dari mereka akan tidak mempunyai calon lelaki Muslim bagi berkahwin dengan mereka. Pada ketika itu, wanita Muslimah terdedah kepada salah satu dari tiga perkara berikut;

a. Berkahwin dengan lelaki bukan Muslim.
b. Menyeleweng dan terpesong ke jalan yang keji. Ini adalah antara dosa besar.
c. Menghadapi hambatan kekal dari kehidupan rumahtangga dan keibuan.

Ke semua ini tidak diredhai oleh Islam. Ia adalah natijah langsung dari perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita bukan Muslimah dan halangan ke atas wanita Muslimah dari berkahwin dengan lelaki bukan Muslim.

Mudharat yang kami telah nyatakan ada perkata yang ditakuti oleh Amirul Mukminin Umar b. Khattab, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muhammad b Hasan dalam kitabnya *Al-Atsaar*, ketika Umar mengetahui bahawa seorang sahabat yang bernama Huzaifah b Al-Yaman telah berkahwin dengan wanita Yahudi, di bandar Madain. Umar telah menulis kepadanya sekali lagi;

“Aku pertegaskan kepada kau agar kau tinggalkan wanita Ahli Kitab ini dan bebaskan dia. Sesungguhnya aku bimbang orang-orang Muslim akan mencontohi kau, sehingga mereka memilih wanita-wanita zimmi kerana kecantikan mereka. Yang demikian itu akan menjadi fitnah bagi wanita-wanita orang-orang Muslim.[4]”

2. Imam Sa`d b Mansur telah menyebut dalam kitab *Sunan*nya kisah perkahwinan Huzaifah ini tetapi ia menyebutkan *ta’lil* (sebab) lain bagi larangan Umar terhadap Huzaifah. Setelah dia menafikan pengharaman perkahwinan ini, Umar berkata *“Tetapi aku bimbang (orang-orang Muslim) akan mengambil wanita jalang di antara mereka (wanita bukan Muslimah).[5]”*

Tidak ada halangan bahawa kedua *`illah* (sebab) yang dinyatakan di atas adalah maksud yang dikehendaki oleh Umar.

Dari satu segi, dia bimbang menurunnya minat terhadap wanita-wanita Muslimah atau bimbang akan jumlah mereka yang ramai. Yang demikian itu adalah fitnah bagi segala fitnah.

---

[4] Lihat kitab kami, *Syariat Al-Islam : Khuluduha wa solahuha li tatbiq fi kulli zaman wa makan (Syariat Islam : Kekelan dan kesesuaiannya untuk dilaksanakan pada setiap zaman dan tempat),* ms 39, cetakan pertama.

[5] Ibid, ms 40. At-Tabari juga menyebutkannya, jld 4. ms 366, 367, cetakan Al-Maarif. Ibn Katsir bercakap mengenainya, jld 1, ms 257 dan dia mensahihkan sanadnya. Di sana terdapat *`illah* (sebab) ketiga yang dinyatakan oleh Abdul Razak dalam kitab *Al-Musannaf*, dari Sa`id b. Al-Musyyib dari Umar bahawa dia berazam untuk memisahkannya kerana takut orang ramai akan mengqiyaskan wanita Majusi dengan Ahli Kitab. Mereka mengahwini wanita Majusi kerana mencontohi Huzaifah dalam keadaan jahil akan keringanan yang Allah berikan hanya khusus bagi wanita Ahli Kitab sahaja. Lihat *Al-Musannaf*, jld 7, ms 178.

Dari satu segi pula, dia takut sebahagian orang ramai akan mengambil mudah akan syarat ‘kesucian’ yang Al-Quran telah kaitkan dengan hukum halal perkahwinan dengan mereka, sehingga mereka mengambil wanita-wanita jalang dan jahat.

Kedua-dua tadi adalah kemudharatan yang patut dihalang sebelum ia berlaku, sebagaimana amalan kaedah *sadduz zari`ah* (menutup pintu kerosakan). Kemungkinan, atas sebab ini juga Umar bertegas ke atas Talhah b Ubaidillah kecuali jika dia menceraikan wanita Ahli Kitab yang dia kahwini, sedangkan wanita itu adalah anak seorang pembesar Yahudi. Kisah ini terdapat dalam *Musannaf* Abdul Razak.

3. Perkahwinan dengan wanita bukan Muslimah yang asing dari tanahair, bahasa, budaya dan tradisi (si lelaki, pent) seperti perkahwinan lelaki Arab atau Timur dengan wanita Eropah dan Amerika beragama Kristian boleh menimbulkan satu bahaya lain yang dapat dirasakan oleh sesiapa pun yang mengkaji fenomena ini secara mendalam. Bahkan bahaya ini dapat dilihat oleh mata kepala sendiri.

Ramai anak lelaki Muslim Arab pergi ke Eropah dan Amerika untuk belajar di universiti-universitinya. Kadangkala tempohnya berlanjutan sehingga beberapa tahun kemudian ada di antara mereka yang kembali dengan ditemani oleh isteri berbangsa asing. Agama, bahasa, kerakyatan, tradisi dan kefahamannya berbeza dengan agama, bahasa, kerakyatan, tradisi dana kefahaman suaminya. Paling kurang, dia berbeza dengan tradisi kaum kerabat si suami dan kefahaman mereka. Jika dia redha untuk tinggal bersama di negara suaminya, sering kali dia tidak redha, lalu ditakdirkan salah seorang dari ibu bapa, adik beradik atau kerabat si suami menziarahi rumahnya, mereka akan merasa ganjil. Segalanya yang ada dalam rumah itu, baik dari segi kebendaan atau semangat, bertabiatkan Amerika dan Eropah. Ia adalah rumah seorang *Madam* bukan rumah teman kita yang berbangsa Arab dan beragama Islam. Si isteri menjadi pemimpin ke atas si suami buakn sebaliknya. Keluarga si lelaki kembali ke kampung dan kota mereka dengan rasa kecewa dan pengalamn yang pahit. Mereka merasakan bahawa mereka telah hilang seorang anak pada ketika dia masih hidup lagi.

Musibah menjadi semakin besar apabila lahir anak-anak dari mereka berdua. Biasanya mereka membesar mengikut apa yang dikehendaki oleh si ibu, bukan mengikut kemahuan si bapa, itu pun kalau si bapa ada kemahuan. Mereka menjadi lebih condong, rapat lepada si ibu dan lebih terpengaruh dengannya. Khususnya, jika anak-anak itu dilahirkan di tanahair dan di dalam masyarakat si ibu. Di situ, anak-anak itu membesar mengikut agama ibunya dan dibesarkan untuk menghormati nilai-nilai, kefahaman dan tradisi si ibu. Jika pun mereka kekal dalam agama bapa mereka, ia hanya pada nama dan rupa sahaja, bukan secara hakiki dan amali. Ini bermakna, kalau pun kita tidak kerugian dengan bapa-bapa mereka, namun kita kerugian dengan remaja-remaja itu dari segi agama dan perkauman.

Walaupun begitu, jenis ini lebih rendah keburukannya jika dibandingkan dengan jenis yang lain. Iaitu seorang lelaki berkahwin dengan wanita bukan Muslimah. Dia kemudian kekal dan menetap dengan si isteri di tanahair dan bersama kaumnya. Dia kemudian berasimilasi dengan mereka sedikit demi sedikit, sehingga dia hampir tidak ingat akan agama, keluarga asal, tanahair dan umatnya. Adapun anak-anaknya, mereka membesar sebagai orang Amerika dan Eropah. Walau pun nama dan rupa mereka tidak seperti orang Amerika dan Eropah, tetapi akhlaq, tingkah laku, bahkan mungkin juga akidah sudah berubah. Bahkan ada pula yang berubah nama dan rupa. Sehingga tiada lagi yang kekal untuk mengingat bahawa mereka berasal dari salasilah berbangsa Arab dan beragama Islam.

Disebabkan kerosakan ini, kami lihat banyak negara yang tidak membenarkan anggota diplomat dan pegawai tenteranya berkahwin dengan wanita asing bagi menjaga maslahat dan pertimbangan negara dan kaum mereka.

Noktah Penting

Bagi menutup perbahasan ini dan setelah mempertimbangkan segala keadaan dengan berdasarkan kaedah bahawa fatwa berubah dengan perubahan keadaan berkenaan, saya rasa wajib untuk menarik perhatian terhadap beberapa noktah penting berkaitan persoalan ini, iaitu;

Apabila Islam memberi rukhsah bagi mengahwini wanita Ahli Kitab, ia mengambil kira dua perkara;

1. Bahawa wanita Ahli Kitab pada asalnya menganut agama yang berasal dari langit. Dia berkongsi dengan lelaki Muslim dalam persoalan iman, risalah, hari Akhirat, nilai-nilai akhlaq dan kerohanian yang diwarisi dari kenabian. Kesemua ini dipandang dari segi iman yang umum bukan yang terperinci. Ini menjadikan jarak antara wanita itu dan Islam menjadi dekat kerana Islam mengiktiraf asal usul agamanya dan mengakui dasar-dasarnya secara umum. Bahkan Islam menambah dan menyempurnakan wanita itu dengan segala kebaikan dan ajaran baru yang terkandung padanya.

2. Bahawa wanita Ahli Kitab, sepatutnya, jika hidup dibawah suaminya yang Muslim dan beriltizam dengan Islam dan juga berada di bawah pengaruh masyarakat Islam yang berpegang dengan syariatnya berperanan sebagai seorang yang dipengaruhi dan penerima bukan mempengaruhi. Yang diharapkan ialah dia akan memeluk Islam tanpa paksaan, baik dari segi aqidah atau paksaan. Dia masuk ke dalam agama Islam dari segi tradisi dan tingkah laku sosial. Ertinya dari segi tingkah laku, dia larut ke dalam masyarakat Islam, kalau pun tidak dari segi aqidah.

Dengan ini, tidak ditakuti dia akan mempengaruhi suami atau anak-anaknya kerana pengaruh masyarakat Islam yang mengelilinginya lebih kuat dan besar dari usahanya untuk mempengaruhi mereka, jika ada.

Di zaman lalu, umumnya kerana kekuatan suami, cemburunya terhadap agama, rasa mulia dengan agamanya yang tidak terhad, keperihatinan terhadap pertumbuhan anak-anaknya yang baik dan kesejahteraan aqidah mereka, isteri hilang pengaruh keupayaan untuk mempengaruhi anak-anak dengan pengaruh yang bercanggah dengan Islam.

Adapun zaman kini, kita mesti akui dengan berani dan terang bahawa kuasa lelaki ke atas wanita yang berpelajaran telah menjadi lemah, keperibadian wanita telah menjadi kuat, khususnya wanita Barat sebagaimana yang telah kami terangkan.

Di mana pula pengaruh masyarakat Islam? Masyarakat Islam yang sebenar yang menjadikan Islam sebagai aqidah dan syariat, kefahaman dan tradisi, akhlaq dan tamadun secara syumul, tidak ada pada hari ini.

Jika masyarakat Islam tidak wujud dalam bentuk yang diharapkan, wajiblah keluarga Islam kekal kewujudannya. Semoga dengan itu ia dapat menggantikan beberapa kekurangan akibat dari ketiadaan sebuah masyarakat Islam.

Jika dalam persoalan pembinaan keluarga Muslim pun kita menjadi cuai, sehingga ia terdiri dari si ibu yang bukan Muslimah dan bapa yang tidak peduli apa yang dilakukan oleh anak lelaki dan perempuannya, begitu juga apa yang dilakukan oleh isterinya, maka katakan kepada Islam dan penganutnya “Selamat!”

Dari sini kita ketahui bahawa perkahwinan dengan wanita bukan Muslimah di zaman ini hendaklah dilarang bagi menutup pintu dari pelbagai bentuk kerosakan dan kemudharatan. Sesungguhnya menolak kerosakan itu didahulukan dari mengambil manfaat. Tidak wajar berpendapat untuk mengharusukannya secuali kerana dharurat yang amat mendesak atau hajat yang amat diperlukan. Yang demikian itu mestilah dibataskan mengikut keperluan sahaja.

Walaupun ada pihak yang memberi *rukhsah* untuk berkahwin dengan wanita bukan Muslimah, namun kami tidak lupa untuk nyatakan,satu perkara yang tidak ada khilaf di dalamnya ialah perkahwinan dengan wanita Muslimah lebih utama di lihat dari pelbagai sudut. Tidak syak, bahawa persamaan agama antara suami isteri lebih membantu untuk mencapai kehidupan yang bahagia. Lebih baik lagi jika mereka berdua bersepakat dari segi pemikiran dan mazhab.

Lebih dari itu, tidak memadai bagi Islam untuk mengahwini mana-mana wanita Muslimah. Ia menganjurkan perkahwinan dengan wanita Muslimah yang beragama kerana dia lebih perihatin dengan keredhaan Allah taala, lebih memelihara hak seorang suami dan lebih berupaya utuk menjaga dirin, harta dan anaknya. Maka sebab itulah, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

“Berkahwinlah dengan wanita yang beragama, nescaya diri kau akan selamat.”

ADAKAH DIPISAHKAN ANTARA DUA PASANGAN SUAMI ISTERI APABILA ISLAM MEMELUK ISLAM TANPA DIIKUTI OLEH SUAMINYA?

Soalan

Pengamatan di Barat menunjukkan bahawa kaum wanita lebih tertarik untuk memeluk agama Islam dari kaum lelaki. Ia adalah satu fenomena yang diketahui. Jika wanita itu belum berkahwin, ma atiada masalah yang timbul kecuali pada keperluan dia untuk berkahwin dengan seorang lelaki Muslim.

Namun, masalah timbul jika wanita itu telah berkahwin. Dia memeluk Islam sebelum suaminya atau tanpa diikuti oleh suaminya. Dia mencintai suaminya dan suaminya juga mencintainya. Antara keduanya mempunyai kehidupan yang baik dan lama. Bahkan mungkin telah lahir dari mereka zuriat. Apakah yang perlu dilakukan oleh wanita ini. Dia amat menyukai Islam dan pada waktu yang sama juga mengasihi suami dan anak-anaknya.

Pada umumnya, para Mufti memfatwakan wajib dipisahkan wanita itu dari suaminya semata-mata dengan keIslamannya atau setelah iddahnya selesai, mengikut pendapat yang lebih ramai. Pastinya amata sukar bagi wanita yang baru masuk Islam untuk melakukannya. Dia harus mengorbankan suami dan keluarganya.

Sebahagian mereka suka untuk memeluk Islam tetapi perpisahan dengan suami menjadi hambatan di pertengahan jalan.

Adakah terdapat huraian mengikut syara’ bagi masalah ini yang berpandukan Al-Quran dan Sunnah serta tujuan-tujuan syariat? Berikanlah faedaj kepada kami dalam hal ini, nescaya Allah memberi faedah kepada tuan juga dan semoga Allah taala memberi ganjaran yang baik kepada tuan.

Jawapan

Segala puji bagi Allah. Selawat dan salam ke atas imam, kekasih dan contoh tauladan kita, Rasulullah dan sekalian keluarga, sahabat dan mereka yang mentaatinya.

Telah beberapa tahun saya memfatwakan sebagaimana yang telah difatwakan oleh para ulama yang dinyatakan oleh si penanya dalam soalannya. Iaitu wanita apabila memeluk Islam, wajib dipisahkan dari suaminya dengan segera atau setelah tamat iddahnya kerana Islam telah memisahkan antara mereka berdua. Tidak boleh seorang wanita Muslimah kekal dibawah ikatan suami yang kafir. Sebagaimana sejak dari mula, tidak harus bagi wanita Muslimah berkahwin dengan lelaki bukan Muslim, begitulah juga tidak harus untuk dia kekal bersamanya.

Ini adalah pandangan yang dominan, masyhur dan dipelajari oleh orang ramai umumnya dan para ulama khususnya.

Saya teringat di sini sekitar seperempat kurun yang lalu, saya berada di Amerika di Persidangan Kesatuan Pelajar Muslim di sana. Persoalan seperti ini dikemukakan. Pada ketika itu, Dr. Hasan At-Turabi hadir dan berpendapat bahawa tiada salah bagi wanita untuk kekal bersama suaminya, jika dia memeluk Islam sedangkan suaminya tidak. Ramai yang kecoh. Beberapa orang yang hadir dari kalangan para ilmuan syariat menyanggahnya. Saya adalah sebahagian dari mereka. Hujjah utama mereka yang menyanggah ialah beliau telah keluar dari Ijma' yang telah diputuskan dan amalan umat Islam keseluruhannya.

Sembilan Pendapat Disebutkan Oleh Ibn Qayyim Dalam Masalah Ini

Oleh kerana seorang Muslim sentiasa menggali ilmu pengetahuan, dari buaian hingga ke liang lahad dan dia juga pasti tidak menguasai seluruh ilmu, sebagaimana firman Allah taala yang bermaksud;

"dan katakanlah: "Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan." (Taha : 114)

"dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit." (Al-Isra' : 85)

Maka tidak hairan, jika saya kemudiannya bertemu dengan apa yang disebutkan oleh Ibn Al-Qayyim dalam masalah yang penting ini dalam kitabnya *Ahkam Ahl Az-Zimmah*. Beliau (semoga Allah merahmatinya) telah menyebut sembilan pendapat dalam masalah ini yang diambil darai para sahabat dan para ulama yang muktabar. Dia menyebutnya semua sekali dan memeilih pendapat yang keenam, iaitu pilihan gurunya Sheikh Ibn Taimiyah juga.

Ibn Al-Qayyim menyebutkan masalah ini kemudia berkata bahawa para ulama *Salaf* dan *Khalaf* telah berbeza dalam persoalan ini dengan perbezaan yang banyak sekali.

Pendapat Pertama : Nikah Terfasakh Dengan Memeluk Islam Semata-mata

Segolongan telah berkata bahawa apabila seorang wanita memeluk Islam, terfasakhlah nikah dengan suaminya, samada wanita itu seorang Ahli Kitab atau bukan, samada suaminya kemudian memeluk Islam selepasnya, walau pun pada padar sekelip mata atau lebih. Tiada jalan kecuali keduanya memeluk Islam serentak dalam satu waktu. Jika si suami memeluk Islam sebelum isterinya, terfasakhlah nikah pada saat dia memeluk Islam, walau pun si wanita itu kemudian memeluk Islam selepasnya pada tempoh sekelip mata[6].

Ini adalah pendapat sekumpulan dari Tabi`in dan sekumpulan dari mazhab Zahiri. Abu Muhammad b. Hazam menceritakannya dari Umar b Al-Khattab, Jabir b. Abdullah, Abdullah b. Abbas, Hammad b. Zaid, Al-Hakam b. `Uyainah, Sa`id b. Jubair, Umar b. Abdul Aziz, `Adiy b. `Adiy, Qatadah dan Asy-Sya'bi.

Ibn Al-Qayyim berkata "Saya berpendapat bahawa cerita sedemikian mengenai Umar atau riwayat sedemikian yang diambil darinya adalah kesilapannya (Abu Muhammad b. Hazm, pent.). Kami akan sebutkan beberapa riwayat dari Umar r.a yang menyelahi apa yang dinyatakan oleh Abu Muhammad dan lain-lain.

Ini adalah satu pandangan.

---

[6] Ini membicarakan mengenai wanita yang musyrik sebagaimana keadaan penduduk Mekah di Semenanjung Tanah Arab ketika munculnya Islam. Adapun jika si isteri seorang Ahli Kitab, maka keIslaman si suami tidak akan memudharatkan nikah dengannya. Jika memang telah sejak mula mereka berkahwin berkedaan sedemikian, maka tidak apa untuk si isteri kekal bersama si suami.

Pendapat Kedua : Terfasakh Nikah Jika Suami Tidak Mahu Memeluk Islam

Abu Hanifah berkata bahawa jika berada di negara Islam, yang mana satu memeluk Islam dahulu sebelum yang lain, maka hendaklah yang lain itu ditawarkan untuk memeluk Islam. Jika dia memeluk Islam, maka kekallah mereka berdua dalam pernikahan. Jika dia tidak mahu, maka berlakulah pemisahan. Tiada iddah dalam persoalan ini.

Ini adalah pandangan kedua.

Pendapat Ketiga : Terfasakh Nikah Ketika Berkahir Iddah Isteri Yang Telah Digauli

Malik berkata bahawa jika si wanita memeluk Islam tanppa diikuti oleh suaminya, jika ia terjadi sebelum persetubuhan, maka berlakulah pemisahan. Jika ia berlaku setelah persetubuhan, maka jika si suami memeluk Islam pada waktu iddah, kekallah keduanya dalama pernikahan. Jika si suami tidak memeluk Islam sehingga tamat iddah, maka berlakulah perpisahan secara *bain* (tidak boleh rujuk kecuali dengan pernikahan semula, pent.).

Jika si suami memeluk Islam tanpa diikuti oleh si isteri, maka ditawarkan kepada si isteri untuk memeluk Islam. Jika dia menerima, maka kekallah mereka dalam pernikahan. Jika dia tidak mahu, maka terfasakhlah nikah pada waktu dia menolak tawaran itu, samada sebelum atau setelah persetubuhan.

Ini adalah pandangan yang ketiga.

Pendapat Keempat : Lawan Pendapat Yang Ketiga

Ibn Syabramah berkata sebaliknya iaitu jika si wanita memeluk Islam sebelum si suami, berlakulah pemisahan serta merta. Jika si suami memeluk Islam dahulu, lalu si isteri memeluk Islam pada waktu iddah, maka kekallah dia sebagai isteri. Jika tidak, berlaku pemisahan apabila iddah berakhir.

Ini adalah pandangan yang keempat.

Pendapat Kelima : Berlaku Iddah Dalam Semua Keadaan

Al-Auza`ii, Az-Zuhri, Al-Laits, Imam Ahmad, Asy-Syafi`ii dan Ishak berkata bahawa jika salah seorang mendahului yang lain dalam memeluk Islam, jika ia berlaku sebelum persetubuhan, maka terfasakhlah nikah. Jika ia berlaku setelah persetubuhan, lalu yang lain itu memeluk Islam semasa iddah, maka mereka kekal dalam pernikahan. Jika telah tamat iddah sebelum yang lain memeluk Islam, maka terfasakhlah nikah.

Ini adalah pandangan yang kelima.

Pendapat Keenam : Wanita Menunggu Dan Menahan Diri Dari Berkahwin lagi, Walaupun Ia Berkeadaan Sedemikian Bertahun-tahun, Jika Dia Memilih Yang Seperti Itu

Hammad b. Salamah telah berkata dari Ayub As-Sukhtiyani dan Qatadah. Keduanya pula meriwayatkan dari Muhammad b. Sirin dari Abdullah b. Yazid Al-Khatmi bahawa seorang isteri lelaki Kristian telah memeluk Islam, Umar r.a lalu memberinya pilihan; jika dia mahu, dia boleh memisahkan suaminya, jika dia mahu juga, dia boleh, tinggal bersamanya. (Abdullah b. Yazid Al-Khatmi mempunyai status seorang sahabat).

Ibn Al-Qayyim berkata bahawa ini tidak bermakna si isteri kekal bersama si suami dalam keadaan dia beragama Kristian tetapi dia hendaklah menunggu dan menahan diri dari berkahwin.

Bila si suami memeluk Islam, maka si isteri kembali menjadi isterinya seperti biasa. Walau pun mengambil masa bertahun-tahun.

Ini adalah pandangan yang keenam. Dia adalah pandangan yang paling *Sahih* dalam masalah ini. Sunnah nabi telah menunjukkan sedemikian, sebagaimana yang akan diterangkan nanti. Ia adalah pilihan Sheikh Al-Islam Ibn Taimiyah.

Pendapat Ketujuh : Si Suami Lebih Berhak Ke Atas Isterinya Selama Mana Dia Tidak Keluar Dari Kampung Halamannya

Hammad b. Salamah telah berkata dari Qatadah, dari Sa`id b. Al-Musayyib bahawa sesungguhnya Ali b. Abi Talib r.a telah berkata mengenai pasangan suami isteri yang kafir, lalu salah seorang dari mereka memeluk Islam bahawa si suami lebih berhak ke atas isterinya selama mana si isteri kekal di negerinya. Sufyan b. `Uyainah telah berkata dari Mutrif b. Tarif, dari Asy-Sya'bi, dari Ali bahawa si suami lebih berhak ke atas isterinya selama mana si isteri tidak keluar dari kampung halamnnya.

Ini adalah pandangan yang ketujuh.

Pendapat Yang Kelapan : Keduanya Kekal Dalam Pernikahan Selama Mana Penguasa Tidak Memisahkan Mereka

Ibn Abi Syaibah berkata bahawa Mu'tamir b. Sulaiman telah menceritakan kepada kami dari Mu`ammar, dari Az-Zuhri bahawa jika si isteri memeluk Islam sedangkan suaminya tidak, maka keduanya kekal dalam pernikahan selama mana penguasa yang ada tidak memeisahkan mereka.

Ini adalah pandangan yang kelapan.

Pendapat Yang Kesembilan : Si Isteri Kekal Bersama Suaminya Tetapi Persetubuhan Dilarang

Daud b. Ali berkata, jika isteri seorang lelaki *zimmi* memeluk Islam sedangkan suaminya tidak, maka dia boleh kekal bersama suaminya tetapi si suami dilarang menyetubuhi isterinya. Syu'bah berkata bahawa Hammad b. Abi Sulaiman telah menceritakan kepada kami dari Ibrahim An-Nakha`ii mengenai seorang wanita *zimmi* yang memeluk Islam sedangkan dia berada di bawah pernikahan dengan seorang lelaki *zimmi*, maka dia berkata bahawa si isteri itu kekal bersama suaminya. Hammad b. Abu Sulaiman juga berfatwa dengan pendapat ini.

Saya (Ibn Al-Qayyim) berkata *"Maksud mereka ialah ikatan pernikahan tetap kekal. Wajib bagi isterinya menerima nafkah dan tempat tinggal tetapi tidak boleh bagi suami bersetubuh dengannya, sebagaimana yang dikatakan oleh Jumhur mengenai hamba perempuan lelaki zimmi yang melahirkan untuknya anak, jika dia memeluk Islam."*

Ini adalan pandangan yang kesembilan.

Tahqiq (Komentar) Ibn Al-Qayyim Dalam Masalah Ini

Ibn Al-Qayyim berkata "Kami nyatakan sumber-sumber sekalian mazhab ini dan apa yang terdapat pada sumber-sumber itu, dari segi kekuatan dan kelemahannya dan mana yang lebih dekat pada kebenaran.

Adapun mereka yang berpegang pada pandangan pertama, iaitu yang memberlakukan pemisahan semata-mata dengan memeluk Islam, kami sesuungguhnya tidak mengetahui seseorang pun dari sahabat yang berpandangan sedemikian. Apa yang diceritakan oleh Abu Muhammad b. Hazm dari Umar dan Jabir dan Ibn Abbas, setakat apa yang saya faham dari

pelbagai riwayat yang diriwayatkan dari mereka umumnya (adalah satu kesilapan, pent). Kami ingin nyatakan riwayat-riwayat itu;

Syu'bah berkata Abu Ishak Asy-Syaibani telah berkata *"Saya mendengar Yazid b. `Alqamah berkata bahawa datuk dan neneknya dahulunya beragama Kristian. Lalu neneknya memeluk Islam, Umar kemudian memisahkan antara keduanya."*

Namun ini tidak menunjukkan bahawa Umar menyegerakan pemisahan semata-mata kerana memeluk Islam. Mungkin, si suami belum bersetubuh dengan isterinya. Mungkin juga, Umar memisahkan mereka setelah tamat iddah. Mungkin juga, si isteri memilih untuk difasakhkan nikah tanpa menunggu keIslaman suaminya. Bahkan mungkin juga ia adalah pendapat mereka yang menyatakan bahawa nikah kekal sehingga dipisahkan oleh penguasa.

Telah diriwayatkan dari Umar dalam persoalan ini beberapa riwayat yang dianggap sebagai saling bercanggah, sedangkan sebenarnya tidak. Bahkan kesemuanya, bertepatan dengan Sunnah. Antaranya ialah yang dinyatakan di atas dan antaranya pula ialah apa yang telah diceritakan dahulu mengenai dia memberi pilihan kepada si isteri iaitu jika dia mahu, dia boleh tinggal dengan suaminya dan jika dia mahu juga, dia boleh berpisah dari suaminya.

Antara riwayat-riwayat itu juga ialah apa yang diriwayatkan oleg Ibn Abi Syaibah dari `Abbad b. Al-`Awwam dari Abi Ishak Asy-Syaibani dari Yazid b. `Alqamah bahawa `Ubadah b. An-Nu'man At-Taghlibi pernah bernikah seorang wanita Bani Tamim. Wanita itu kemudian memeluk Islam. Umar r.a lalu berkata kepadanya *"Samada kamu memeluk Islam atau kami mengambilnya dari kamu (memisahkannya, pent.)"*. Dia enggan memeluk Islam. Maka Umar r.a pun memisahkannya. Riwayat ini telah dipegang oleh mereka yang berpendapat wajib menawarkan Islam kepada pasangan yang lain, jika enggan hendaklah dipisahkan antara keduanya. (Ia adalah pendapat yang kedua, iaitu pendapat Abu Hanifah).

Ibn Al-Qayyim telah berkata "Riwayat-riwayat dari Amir Al-Mukminin ini tidak saling bercanggah. Sesungguhnya hubungan nikah menjadi harus setelah pada awalnya merupakan wajib. Oleh itu, harus bagi penguasa untuk menyegerakan pemisahan, harus juga untuk menawarkan Islam kepada yang lain, harus juga mengekalkan keduanya sehingga tamat iddah, harus juga bagi wanita untuk menahan diri sehingga suaminya memeluk Islam, walau pun selama bertahun-tahun. Kesemua ini adalah harus dan tidak dilarang. Nikah dalam keadaan ini menjadi tiga keadaan;

1. keadaan wajib.

2. keadaan haram maka wajib fasakh seperti seorang yang memeluk Islam dan mempunyai ikatan nikah dengan dengan seorang yang tidah diharuskan oleh Islam sejak mula lagi (e.g bernikah dengan anak saudaranya, pent).

3. keadaan harus dan tawaquf. Ia berada di antara dua keadaan di atas. Pernikahan tidak dihukumkan sebagai wajib kekal atau wajib putus secara mutlak. Dalam keadaan ini, si isteri berada dalam keadaan ba`in dari satu segi tetapi tidak dari segi lain. Apabila Abu Al`As b. Ar-Rabi' datang ke Madinah pada tempoh perjanjian Hudaibiyah, sedangkan dia adalah seorang musyrik. Isterinya Zainab bertanya Rasulullah s.a.w adakah boleh dia tinggal di rumahnya. Rasulullah s.a.w bersabda *"Dia adalah suami kau hanya dia tidak mendatangi kau."*

Nikah dalam tempoh ini tidak dihukumkan terbatal dan tidak pula dihukumkan kekal dari segala sudut. Maka sebab itu, Umar kadangkala memberi pilihan kepada si isteri, kadangkala memisahkan mereka dan kadangkala pula menawarkan Islam kepada si suami dan memisahkan, jika dia tidak mahu menerimanya. Pada asalnya, Rasulullah s.a.w tidak pernah memisahkan antara lelaki dan isterinya, jika salah seorang memeluk Islam sebalum yang lain. Beliau s.a.w tidak pernah melakukannya dalam satu situasi pun.

Malik berkata bahawa Ibn Shihab telah berkata bahawa jarak antara Islamnya Safwan b. Umayyah dan isterinya, iaitu anak perempuan Al-Walid b. Al-Mughirah ialah sebulan. Si isteri memeluk Islam pada hari pembukaan Mekah. Sedangkan Safwan kekal sebagai musyrik sehingga dia menyertai Perang Hunain dan Taif sebagai seorang kafir. Dia kemudian memeluk Islam. Rasulullah s.aw tidak memisahkan antara mereka berdua. Isterinya kekal bersamanya dengan nikah berkenaan.

Ibn Abdil Bir berkata bahawa kemasyhuran hadits ini lebih kuat dari sanadnya.

Az-Zuhri berkata bahawa Ummu Hakim memeluk Islam pada hari penaklukan Mekah. Suaminya, `Ikrimah telah lari sehingga sampai ke Yaman. Dia kemudian pergi mendapatkannya di yaman. Dia mengajaknya untuk memeluk Islam sehingga suaminya menerimanya. Dia pulang ke Mekah dan berbai`ah kepada Nabi s.a.w. Keduanya kekal dengan nikah mereka yang awal.

Ibn Syabramah berkata bahawa di zaman Rasulullah, di kalangan orang rawai ada lelaki yang memeluk Islam sebelum isterinya dan isteri memeluk Islam sebelum suaminya. Yang mana satu memeluk Islam sebelum tamat `iddah, maka kekallah si wanita sebagai isteri. Jika salah seorang memeluk Islam selepas `iddah, maka tiada lagi ikatan pernikahan antara mereka berdua.

Abu Sufian memeluk Islam pada Tahun Penaklukan sebelum Rasulullah s.a.w menguasai Mekah. Sedanagkan isterinya Hindun tidak memeluk Islam sehingga Nabi s.a.w menakluk Mekah. Keduanya kekal dengan nikah mereka yang awal.

Abu Sufian b. Al-Harits dan Abdullah b. Umayyah telah keluar dan bertemu Nabi s.a.w di Abwa' pada Tahun Penaklukan. Mereka berdua kemudian memeluk Islam sebelum kedua isteri masing-masing.

Telah tsabit bahawa Rasulullah s.a.w telah mengembalikan Zainab, anak perempuannya kepada Abu Al-`As (suaminya yang lewat memeluk Islam) berdasarkan nikah mereka yang pertama dulu setelah enam tahun. Abu Daud berkata bahawa Abdullah b. Muhammad An-Nafili telah meriwayatkan kepada kami dari Muhammad b. Salamah dari Muhammad b. Ishak dari Daud b. Al-Husain dari `Ikrimah dari Ibn Abbas bahawa Rasulullah s.a.w mengembalikan Zainab kepada Abi Al-`As berdasarkan nikah yang pertama dulu. Dia tidak cakap apa-apa. Ada riwayat darinya yang menyatakan setelah enam tahun dan ada riwayat lain pula setelah dua tahun.

Sheikh Al-Islam Ibn Taimiyah berkata bahawa inilah yang tsabit di sisi ulama hadits. Yang meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w memperbaharui nikah adalah *dha`if*.

Begitulah juga contoh Ummu Al-Fadl, isteri Abbas b. Abdul Mutalib. Dia telah memeluk Islam sebelum Abbas dalam tempoh tertentu. Berkata Abdullah b. Abbas *"Ibu dan bapaku adalah antara mereka yang mendapat keuzuran dari Allah taala dengan firmannya yang bermaksud "kecuali mereka yang tertindas baik laki-laki atau wanita atau pun anak-anak yang tidak mampu berdaya upaya dan tidak mengetahui jalan (untuk hijrah)" (An-Nisa : 98)."*

Apabila Nabi s.a.w menakluk Mekah, ramai wanita-wanita golongan *Tulaqa'* (penduduk Mekah yang dibebaskan) telah memeluk Islam. Sejumlah yang ramai dari mereka telah lewat dalam memeluk Islam seperti Safwan b. Umayyah, `Ikrimah b. Abi Jahl dan selain mereka berdua pada kadar dua, tiga bulan dan lebih. Tidak disebukan bahawa Nabi s.a.w membezakan antara kes sebelum atau sesudah tamat iddah. Ali b Abi Talib r.a telah memfatwakan bahawa si isteri dikembalikan kepada si suami walau pun telah berlalu masa yang lama. `Ikrimah b Abi Jahl datang kepada Nabi s.a.w di madinah setelah beliau s.a.w pulang dari mengepungi Taif dan membahagikan harta rampasan Perang Hunain di bulan Zulkaedah. Penaklukan Mekah berlaku di bulan Ramadhan. Ertinya telah berlalu tempoh tiga bulan yang mana iddah mungkin telah tamat dan mungkin belum. Rasulullah s.a.w mengekalkan mereka mengikut nikah yang dulu dan dia tidak bertanya *"Adakah iddah kamu telah tamat atau belum?"* Bahkan dia tidak bertanya kepada seorang wanita pun, sedangkan ramai dari mereka yang telah berlalu satu tempoh

bahawa iddah mereka telah tamat. Safwan b. Umayyah telah menyertai Perang Hunain bersama Nabi s.a.w dalam keadaan musyrik. Dia juga menyertai Perang Taif sehingga waktu Rasulullah s.a.w membahagikan harta rampasan Perang Hunain, iaitu hampir dua bulan setelah penaklukan Mekah. Jika Mekah ditakluk pada 10 hari terakhir dari Ramadhan, harta rampasan Perang Hunain pula di bahagikan pada bulan Zulkaedah, maka haruslah iddah tamat dalam tempoh sedemikian.

Kesimpulannya, jika batas mengembalikan isteri kepada suaminya ialah dengan tamatnya iddah adalah syariat yang di bawa oleh Rasulullah s.a.w, pastilah menjadi wajib bagi beliau s.a.w untuk menerangkan kepada orang ramai ketika itu. Sesungguhnya mereka mereka lebih memerlukan penerangan darinya s.a.w. Sedangkan di sana ada hadits Zainab yang menunjukkan bawah wanita jika memeluk Islam sedangkan suaminya tidak mahu, maka dia boleh menahan diri dan menanti suaminya memeluk Islam. Jika dia memilih untuk kekal menanti, kemudian suaminya memeluk Islam, dia boleh kekal bersamanya sebagaimana yang dilakukan oleh wanita-wanita di zaman nabi s.a.w seperti Zainab, anak Nabi s.a.w dan lain-lain. Namun si suami tidak boleh menyetubuhinya dan tidak hukum berlaku ke atas si suami terhadap isterinya, tiada nafkah atau pembahagian masa. Persoalan ini tertaklu pada budi bicara isteri bukan suami. Si suami dalam keadaan ini bukanlah seorang suami yang memiliki ikatan pernikahan yang mutlak. Jika si suami memeluk Islam, tidak perlu pula untuk membaharui nikah yang memerlukan wali, saksi-saksi, mahar dan akad baru tetapi kemasukannya kepada Islam mengambil tempat *Qabul* (ucap terima) nikah dan penantian si isteri merupakan *Ijab* (terima balas).

Rahsia dalam masalah ini ialah, ikatan nikah dalam tempoh ini menjadi harus bukan wajib dan tidakpula terlarang. Ia tidak memudharatkan si isteri dan tidak pula bercanggah dengan prinsip-prinsip syara'. Namun, jika seorang lelaki memeluk Islam, sedangkan isterinya enggan. Mengekalkan ikatan nikah akan memudharat si isteri dan tidak ada pula maslahat baginya. Jika dia tidak menunaikan hak si isteri, maka dia telah berlaku zalim. Maka sebab itu Allah taala berfirman *"Dan janganlah kamu tetap berpegang pada tali (perkawinan) dengan perempuan-perempuan kafir" (Al-Mumtahanah : 10)*. Dia melarang lelaki-lelaki mengekalkan nikah dengan wanita kafir. Jika dia memeluk Islam, diperintahkan siterinya untuk memeluk Islam. Jia dia tidak memeluk Islam, maka dipisahkan antara keduanya[7].

Antara Dalil-dalil Golongan Yang Menyegerakan Pemisahan

Di antara dalil-dalil golongan yang berpegang pada pendapat bersegera untuk memisahkan suami isteri, jika si isteri memeluk Islam sebelum suaminya yang dinyatakan olej Ibn Qayyim ialah firman Allah taala yang bermaksud

"Hai orang-orang yang beriman, apabila datang berhijrah kepadamu perempuan-perempuan yang beriman, maka hendaklah kamu uji (keimanan) mereka. Allah lebih mengetahui tentang keimanan mereka; maka jika kamu telah mengetahui bahwa mereka (benar-benar) beriman maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada (suami-suami mereka) orang-orang kafir. Mereka tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka. Dan berikanlah kepada (suami-suami) mereka mahar yang telah mereka bayar. Dan tiada dosa atasmu mengawini mereka apabila kamu bayar kepada mereka maharnya. Dan janganlah kamu tetap berpegang pada tali (perkawinan) dengan perempuan-perempuan kafir; dan hendaklah kamu minta mahar yang telah kamu bayar; dan hendaklah mereka meminta mahar yang telah mereka bayar. Demikianlah hukum Allah yang ditetapkan-Nya di antara kamu. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana." (Al-Mumtahanah : 10)

[7] Lihat *Ahkam Ahli Az-Zimmah* oleh Ibn Al-Qayyim, 1/317-326, ditahqiq oleh Dr. Subhi As-Soleh, cetakan Universiti Damsyik.

Golongan ini berkata bahawa ini adalah hukum Allah taala yang tidak boleh bagi sesiapa untuk meninggalkannya. Allah taala telah mengharamkan kembalinya seorang wanita beriman kepada lelaki kafir. Allah taala berterus terang mengenai keharusan bernikah dengan wanita itu, walau pun dia masih terikat dengan suaminya, sehinggala si suami memeluk Islam semasa iddah. Setelah iddah, tidak harus bagi si suami menikahnya. Lebih utama pula, jika si isteri masih beriddah dengan haidh.

Ini adalah dalil yang jelas akan terputusnya ikatan pernikahan dengan penghijrahan si isteri. Firman Allah taala yang bermaksud *"Dan janganlah kamu tetap berpegang pada tali (perkawinan) dengan perempuan-perempuan kafir" (Al-Mumtahanah : 10)* adalah dalil yang jelas bahawa seorang Muslim diperintahkan untuk tidak memegang ikatan pernikahan dengan isteri jika dia tidak memeluk Islam. Oleh itu, sahlah bahawa pada saat memeluk Islam, terputuslah ikatan dengan wanita yang kafir.

Firman Allah taala *"Mereka tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka" (Al-Mumtahanah : 10)* adalah dalil yang jelas mengenai pengharaman salah seorang dari pasangan suami isteri dengan yang lain pada setiap masa.

Ini adalah empat dalil dari ayat-ayat Al-Quran dalam perkara ini. Adapun sekalian riwayat yang berbaga-bagai itu, maka cukuplah apa yang ada di dalam Kitab Allah taala sebagai huraian dan pegangan.

Sanggahan Golongan Lain Ke Atas Mereka

Golongan yang lain berkata "Kami mengalu-alukan Kitab Allah. Kami akan dengar dan patuh dengan kata-kata Tuhan kami. Namun, kamu telah mentafsirkan ayat berkenaan dengan bukan tafsirannya yang betul. Kamu telah meletakkannya bukan ditempatnya. Di dalam ayat berkenaan tiada ketetapan yang menuntut agar bersegera memisahkan keduanya, jika salah seorang dari mereka berdua memeluk Islam lebih dahulu dari yang lain[8]. Tiada seorang pun dari para sahabat Rasulullah s.a.w dan para tabi`in yang memahami Kitab Allah berkenaan seperti sedemikian. Pada asalnya, Kitab Allah taala tidak menunjukkan kepada pendapat yang kamu pegangi.

Adapun firman Allah taala yang bermaksud *"maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada (suami-suami mereka) orang-orang kafir" (Al-Mumtahanah : 10),* ia menunjukkan akan pengharaman mengembalikan wanita-wanita yang berhijrah kepada Allah taala dan RasulNya kepada orang-orang kafir. Di manakah terdapat dalam ayat ini bahawa wanita berkenaan tidak boleh menunggu suaminya sehingga dia menjadi Muslim dan berhijran kepada Allah taala dan RasulNya kemudian dia dikembalikan kepada si suami?

Alangkah jauhnya kefahaman mengenai ayat ini.

Begitulah juga firman Allah taala yang bermaksud *"Mereka tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka" (Al-Mumtahanah : 10),* ia hanya mentsabitkan pengharaman antara orang-orang Muslim dan Kafir, setiap seorang dari mereka tidak halal bagi yang lain. Tidak terdapat di dalamnya bahawa setiap seorang dari mereka setelah memeluk Islam boleh menanti dan menahan diri bagi pasangannya sehingga dia memeluk Islam, setelah itu mereka kembali menjadi halal apabila kedua-duanya telah memeluk Islam.

Adapun firman Allah taala *"Dan tiada dosa atasmu mengawini mereka apabila kamu bayar kepada mereka maharnya" (Al-Mumtahanah : 10),* ia adalah pernyataan untuk orang-orang Muslim. Ia mengangkat kesulitan bagi mereka untuk bernikah dengan wanita-wanita Mukminah

[8] Pada teks asal, di sini terdapat perkataan yang tidak dapat difahami.

yang berhijrah setelah mereka bercerai dari suami-suami mereka. Ini pula berlaku setelah tamat iddah wanita berkenaan dan apabila wanita itu memilih sendiri untuk berpisah.

Tidak ragu-ragu lagi bahawa seorang wanita apabila telah tamat iddahnya, dia diberi pilihan samada berkahwin dengan sesiapa yang dia suka atau menunggu sehingga suaminya memeluk Islam. Kemudian, dia dikembalikan kepada suaminya berdasarkan akad dahulu sebagaimana yang kami pegangi atau dengan akad baru mengikut pendapat mereka yang mengatakan terfasak nikah setelah tamat iddah.

Jika kami katakan bahawa wanita berkenaan kekal terikat dengan suaminya dan kami tidak membolehkannya untuk berkahwin lain setelah tamat iddahnya, samada dia mahu atau tidak, nescaya ayat berkenaan menjadi hujjah yang menyanggahi kami. Namun kami dan yang selain kami dari orang-orang Muslim tidak berpendapat sedemikian. Sesungguhnya wanita itu lebih berhak bagi dirinya. Jika dia mahu, dia berkahwin lain. Jika tidak, dia menahan dirinya.

Adapun firman Allah taala yang bermaksud *“maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada (suami-suami mereka) orang-orang kafir” (Al-Mumtahanah : 10)”,* ia mengandungi larangan dari meneruskan hubungan nikah dengan wanita dalam keadaan dia kekal dengan syirik dan kekufuran. Ia bukan laranag bagi si suami untuk menantinya. Apabila wanita itu memeluk Islam, maka dia kembali berpegang dengan tali pernikahan yang awal.

Jika dikatakan bahawa si suami apabila menantinya, bermakna dia masih berpegang dengan tali pernikahan. Maka (dikatakan, pent.) bahawa wanita itu apabila tamat iddaahnya boleh berpisah dan menikahi dengan yang lain. Jika ikatan pernikahan masih berada di tangan si suami, pasti tidak boleh bagi wanita itu melakukan seperti itu.

Ayat itu juga menjadi dalil bahawa si suami jika memeluk Islam sedangkan isterinya tidak, dia tidak boleh terus memegang isterinya. Dia hendaklah berpisah darinya. Jika si isteri memeluk Islam setelah dia, barulah dia boleh kembali berpegang dengan tali pernikahan bersama isterinya. Dengan itu, dia sebenarnya berpegang dengan tali pernikahan bersama wanita Muslimah bukan kafir. Lagi pula, pengharaman wanita-wanita musyrik bagi lelaki-lelaki Muslim bukan diambil dari ayat ini tetapi ia tsabit dari firman Allah taala yang bermaksud *“Dan janganlah kamu menikahi perempuan-perempuan musyrik sehingga mereka beriman” (Al-Baqarah : 221).*

Sebenarnya ayat (Al-Mumtahanah : 10, pent.) itu menetapkan hukum antara orang-orang Mukmin dengan wanita-wanita murtad yang lari kepada orang-orang kafir dan wanita-wanita yang behrijrah kepada orang-orang Muslim. Hal ini adalah kerana syarat perjanjian (Hudaibiyah, pent.) telah dipersetujui bahawa sesiapa yang ingin masuk kedalam agama Rasulullah s.a.w dan pakatannya, dia boleh masuk. Sesiapa pula yang ingin masuk ke dalam agama orang Quraisy dan pakatannya, dia juga boleh masuk. Lalu beberapa orang wanita memeluk Islam dan beberapa wanita pula menjadi murtad dengan memilih syirik. Maka hukum Allah taala dalam ayat ini adalah sebaik-baik hukum bagi kedua kelompok tadi. Ia melarang orang-orang Islam dari terus memegang tali pernikahan dengan wanita yang memilih syirik dan kekufuran kerana ia akan menghalang wanita itu dari berkahwin dengan sesiapa yang dia suka sedangkan dia masih berada di bawah ikatan nikah dengan seorang Muslim. Perjanjian itu juga menetapkan bahawa sesiapa dari orang-orang Muslim, lelaki atau wanita, yang datang kepada orang kafir, maka dia kekal bersama mereka. Sesiapa pula yang datang dari orang-orang kafir kepada orang-orang Muslim, maka dikembalikan semula kepada orang-orang kafir. Jika seorang wanita kafir lari kepada orang-orang Muslim, maka luputlah ikatan nikahnya dan harus pula bagi orang-orang Muslim untuk menikahinya.

Jika seorang wanita dari orang-orang Muslim lari kepada orang-orang kafir, sekiranya dia kekal dalam ikatan nikah dan suaminya terus memegang tali pernikahan, ini akan memberi kemudharatan kepadanya, jika si suami tidak membolehkannya untuk dikahwini dan juga akan memberi kemudharatan si suami, jika dia membolehkan isterinya berkahwin sedangkan ia maish dalam ikatan nikah dengannya.

Maka hukum Allah taala yang adil menetapkan sesuatu yang tiada yang lebih baik darinya iaitu menyegerakan perpisahan antara si suami dan isteri yang murtad atau yang telah menjadi kafir agar dia boleh berkahiwn lain, sebagaimana wanita Muslimah boleh berkahwin lain, jika dia berhijrah. Inilah ketentuan sebenar ayat (Al-Mumtahanah : 10, pent.). Dia tidak menentukan bahawa seorang wanita jika memeluk Islam, berlakukan pemisahan antaranya dengan suaminya sejurus setelah memeluk Islam sehingga jika si suami memeluk Islam setelah itu, dia tidak boleh kembali kepada isterinya.

Oleh itu, hendaklah segala nas diberikan haknya dan kepada Sunnah juga diberikan haknya. Tiada percanggahan antara ayat ini (Al-Mumtahanah : 10, pent.) dengan Sunnah dari mana-mana sudut. Setiap satu datang dari sumber yang sama, saling membenarkan yang lain.

Sheikh Islam Ibn Taimiyah berkata “Adapun pendapat yang mengatakan bahawa dengan memeluk Islam oleh salah seorang pasangan suami isteri yang musyrik sahaja berlaku pemisahan antara mereka, samada sebelum atau sesudah bersetubuh, ia adalah satu pendapat yang amat lemah. Ini menyalahi apa yang telah diketahui secara *Mutawatir* dari syariat Islam. Telah diketahui bahawa orang-orang Muslim yang memeluk Islam dahulu saling mendahului yang lain antara satu sama lain dalam mengucap dua kalimah syahadah. Kadangkala seorang lelaki memeluk Islam dan isterinya kekal bersamanya pada tempoh tertentu sehingga dia memeluk Islam kemudian. Sebagaimana juga ramai wanita-wanita Quraisy dan lain-lain yang memeluk Islam sebelum suami-suami mereka sebagaimana yang telah diriwayatkan bahawa Ummu Sulaim, isteri Abu Talhah telah memeluk Islam sebelum Abu Talhah.

Kadangkala, si suami memeluk Islam sebelum isterinya. Kemudian isterinya memeluk Islam setelah berlalu satu tempoh yang dekat atau lama.

Tiada siapa yang patut *berkata “Ini adalah sebelum pengharaman nikah dnegan orang-orang musyrik.”* Hal ini adalah kerana dua sebab;

Pertama ialah, jika diandaikan bahawa apa yang berlaku mendahului hukum pengharaman nikah dengan orang-orang Musyrik, maka dakwaan mereka yang ia telah mansukh memerlukan dalil.

Kedua ialah bahawa orang-ramai telah memeluk Islam dan masuk ke dalam agama Allah taala secara berbondong-bondong setelah turunnya ayat pengharaman wanita-wanita musyrik dan larangan berpegang dengan ikatan nikah dengan wanita kafir. Begitu juga, telah memeluk Islam golongan *Tulaqa’* (penduduk Mekah yang dibebaskan oleh Rasulullah s.a.w) dalam jumlah yang ramai dan telah memeluk Islam penduduk Taif.

Penduduk Taif memeluk Islam setelah Nabi s.a.w mengepung dan menggunakan *Manjaniq (catapult)* ke atas mereka tetapi beliau s.a.w tidak menakluknya. Beliau s.a.w kemudian membahagikan harta rampasan Perang Hunain di Ja’ranah. Beliau s.a.w setelah itu melakukan umrah lalu pulang pula bersama orang-orang Muslim ke Madinah. Setelah itu, barulah datang rombongan penduduk Taif dan memeluk Islam. Sedangkan isteri-isteri mereka di Taif belum memeluk Islam. Mereka kemudian pulang. Hanya setelah itu, isteri-isteri mereka memeluk Islam.

Maka sesiapa yang berpendapat bahawa apabila salah seorang pasangan suami isteri memeluk Islam, maka wajiblah dengan segera memisahkan antara mereka, satnpa kira samada setelah berlaku persetubuhan atau belum, maka pendapatnya itu adalah salah.

Nabi s.a.w tidak bertanya sesiapa pun dari mereka yang memeluk Islam *“Adakah kamu telah bersetubuh dengan isteri kamu atau belum?”* Bahkan, sesiapa yang memeluk Islam lalu isterinya kemudian memeluk Islam pula, maka dia tetap menjadi isterinya tanpa perlu membaharui nikah.

Ramai rombongan Arab telah mendatangi Rasulullah s.a.w. Mereka memeluk Islam kemudia pulang kepada keluarga mereka. Lalu isteri-isteri mereka memeluk Islam di tangan mereka.

Rasulullah s.a.w juga telah mengutus Ali, Mu`az dan Abu Musa r.a ke Yaman. Sejumlah yang tidak terhitung jumlahnya memeluk Islam di tangan mereka dari kalangan orang-orang lelaki dan wanita. Telah dimaklumi bahawa seorang lelaki mendatangi mereka lalu memeluk Islam sebelum isterinya dan wanita juga mendatangai mereka, lalu memeluk Islam sebelum suaminya. Mereka semua tidak berkata kepada sesiapa pun *"Hendaklah lafaz (syahadah, pent.) kamu dan isteri kamu untuk memeluk Islam berlaku pada waktu yang sama agar nikah tidak terfasakh."* Mereka tidak pula memisahkan antara siapa yang telah bersetubuh dengan isterinya dengan siapa yang tidak. Mereka juga tidak menetapkan iddah dengan tiga *Quru'* (haidh / suci), kemudian memfasakhkan mereka jika tamat iddah berkenaan.

Bahkan, Ali r.a telah berhadapan sendiri dengan peristiwa sedemikian bersama Rasulullah s.a.w dan pada ketika Rasulullah s.a.w tidak bersamanya. Ali r.a telah berkata *"Dia (suami) lebih berhak terhadapnya (isteri) selama mana dia (isteri) tidak keluar dari kampungnya."* Dalam satu riwayat yang lain darinya pula, dia berkata *"Selama mana dia (isteri) tidak keluar dari negeri hijrah (yang ia menetap)nya."* Dia tidak menyegerakan pemisahan dan tidak pula menetapkan iddah dengan tiga *Quru'* (haidh / suci)."

Sesugguhnya terdapat dalam kes Zainab, penawar dan pegangan.

Adapun Sunnah Nabi s.a.w ialah beliau menyatukan kedua suami isteri jika salah seorang dari mereka memeluk Islam sebelum yang lain dan keduanya redha untuk kekal dalam nikah. Dia s.a.w tidak memisahkan antara mereka berdua dan tidak ppula menuntut mereak berdua melakukan akad baru.

Jika si isteri memeluk Islam dahulu, maka baginya hak untuk menahan diri bagi menanti suaminya memeluk Islam. Pada bila-bila masa suaminya memeluk Islam, dia menjadi isterinya semula. Jika si suami memeluk Islam, dia tidak berhak untuk menahan isterinya untuk dirinya dengan memegang tali pernikahan dengannya. Dia tidak boleh memaksa si isteri untuk memeluk Islam dan menahannya pula bagi dirinya sahaja. Dia tidak boleh menzaliminya dalam perkara agama dan nikah. Jika si isteri memilih untuk menahan dirinya (dari berkahwin lain, pent) disebabkan Islamnya si suami, dia boleh melakukannya, samada tempoh berkenaan lama atau singkat. Jika si isteri memilih untuk berkahwin dengan orang lain setelah tamat iddah, maka dia berhak melakukannya. Iddah di sini ialah untuk menjaga benih keturunan suami yang pertama. Mana-mana pihak memeluk Islam dalam waktu iddah atau setelah iddah, maka nikah kembali kepada asal.

Jika si suami ingin mentalaqkan isterinya (setelah dia memeluk Islam dan isterinya tidak, pent.), maka hendaklah dia mentalaqkannya sebagaimana Umar r.a mentalaqkan dua isterinya yang musyrik apabila Allah taala menurunkan ayat *"Dan janganlah kamu tetap berpegang pada tali (perkawinan) dengan perempuan-perempuan kafir" (Al-Mumtahanah : 10),* atau jika si isteri memilih untuk berkahwin setelah bersih rahimnya (tamat iddah, pent.), maka dia berhak melakukannya.

Selain itu, pendapat ini (menyegerakan pemisahan) mengandungi sebab yang menjauhkan orang dari Islam. Sesungguhnya seorang isteri atau suami, jika mengetahui bahawa dengan memeluk Islam sahaja akan terputus nikah dan dipisahkan dari orang yang dikasihi dan tiada jalan bagi si suami kembali kepada isterinya kecuali dengan keredhaannya, keredhaan walinya dan mahar yang baru, pasti dia akan lari dari memeluk Islam. Berbeza jika setiap mereka mengetahui bahawa jika apabila salah seorang dari mereka memeluk Islam, maka nikah kekal sedia kala. Tidak perlu berpisah kecuali jika dia memilih untuk berpisah. Yang sedemikian lebih menggalakkan orang kepada Islam dan menjadikan mereka suka kepadanya. Ini akan lebih mendorong mereka untuk masuk ke dalam Islam.

Lagi pula, dengan kekalnya akad nikah menjadi harus bukan wajib, tanpa boleh bersetubuh terdapat kebaikan, maslahat dan tiada pula kemudharatan. Kemudharatan wujud jika sejak mula pernikahan, berlaku penguasaan orang kafir ke atas wanita Muslimah. Yang seperti ini tidak

boleh seperti apabila sejak mula lagi seorang lelaki kafir berkahwin dengan seorang Muslimah, walau pun tidak berlaku persetubuhan antara mereka berdua. Sebagaimana juga tidak boleh bagi orang kafir untuk menguasai wanita Muslimah dengan perhambaan.

Kerosakan juga hanya berlaku dengan persetubuhan setelah si isteri memeluk Islam. Oleh itu, ia tidak harus. Maka mengekalkan nikah adalah harus. Di dalamnya terdapat maslahat yang kuat bagi agama dan dunia kedua suami isteri. Selama mana keadaannya adalah seperti ini, syariat tidak mengharamkannya.[9]"

Komentar Terhadap Imam Ibn Al-Qayyim

Apa yang disebutkan oleh Ibn Al-Qayyim merupakan satu pendedahan bagi masalah ini yang dahulunya kami sangka ia adalah antara masalah yang telah berlaku Ijma'. Bahkan kami menggangapnya bahawa ia secara teori adalah satu Ijma' dari imam-imam mazhab dan diikuti pula dengan amalan berterusan umat Islam. Ijma' apabila disertai pula oleh perbuatan, maka bertambahlah kekuatannya.

Namun, jelas kemudian bahawa Ijma' ini Sahih dan tsabit jika dilihat pada persoalan perkahwinan yang sejak dari awal lagi si lelaki berkenaan bukan seorang Muslim. Yang seperti ini adalah haram secara *qat'ii.* Tiada seorang faqih atau mana-mana imam-imam mazhab yang empat atau di luar mazhab empat dari umat Islam yang berpendapat akan keharusannya. Ia adalah Ijma' secara teori dan amali. Ia tsabit dan hukumnya tetap secara yakin.

Adapun apa yang dinyatakan oleh Ibn Al-Qayyim, di dalamnya terdapat khilaf. Iaitu jika si wanita bukan Muslimah asalnya berkahwin dengan lelaki bukan Muslim. Kemudian Allah taala membuak hatinya untuk memeluk Islam, sehingga dia pun memeluknya tetapi suaminya tidak memeluk Islam bersamanya. Di sinilah berlaku khilaf. Ibn Al-Qayyim menyatakan sembilan pendapat dalam persoalan ini,

Inilah yang telah mendorong saya untuk merujuk balik ke sumber-sumber asas yang darinya Ibn Al-Qayyim mengambil pendapat-pendapat ini. Ia adalah kitab-kitab induk yang menumpu dalam meriwayatkan pendapat-pendapat para sahabat r.a dan para tabi`in serta golongan Salaf dari umat ini. Mereka yanghidup dalam kurun-kurun yang terbaik yang telah diberi kelebihan dengan hadits-hadits Rasulullah s.a.w yang bermaksud

"Sebaik-baik kurun ialah kurunku kemudian yang sesudahnya dan kemudian yang sesudahnya."

Kitab-kitab induk ini ialah seumpama kitab *Musannaf* Abdul Razak As-San`ani (112H), *Musannaf* Ibn Abi Syaibah (235H), karangan-karangan Abu Ja`far At-Tahawi (321H) dan *As-Sunan Al-Kubra* oleh Al-Baihaqi (457H).

Lalu apakah yang dinyatakan oleh sumber-sumber ini?

Kembali Kepada Fatwa-fatwa Para Sahabat Dan Tabi`in Di Luar Mazhab-mazhab Yang Ada

Diriwayatkad dari Ibn Abi Syaibah dalam kitab *Musannaf*nya yang bersanad dari Ali r.a mengenai seorang wanita Yahudi atau Nasrani, jika memeluk Islam, bahawa suaminya lebih berhak terhadapnya, kerana baginya hak perjanjian (seorang bukan Muslim yang ada ikatan perjanjian *zimmi* dengan negara Islam, pent.)[10].

[9] *Ahkam Ahl Az-Zimmah*, oleh Ibn Al-Qayyim (2 / 337 – 344)
[10] *Musannaf* Ibn Abi Syaibah (18301), ditahqiq oleh Mukhtar An-Nadwi, edaran Ad-Dar As-Salafiyah, India, Bombay.

Dalam satu riwayat lain dari Ali r.a di sisi Ibn Syaibah bahawa si suami lebih berhak ke atas isterinya selama mana mereka berada di negara tempat mereka berhijrah, yakni di negara tempat berhijrah si isteri[11].

Abdul Razak meriwayatkan dengan sanadnya dari Ali r.a bahawa beliau telah berkata *"Dia (suami) lebih berhak ke atasnya (isteri), selama mana dia (suami) tidak mengeluarkannya (isteri) dari kampung halamannya.[12]"*

Diriwayatkan dengan sanadya dari Al-Hakam bahawa Hani' b. Qubaisah Asy-Syaibani, seorang Nasrani, yang mempunyai empat orang isteri. Kesemua isterinya lalu memeluk Islam. Umar r.a kemudian menulis bahawa mereka hendaklah kekal sebagai isterinya[13].

Ini jelas bahawa Umar r.a mengharuskan bagi isteri untuk kekal dengan suaminya.

Diriwayatkan juga dengan sanadnya dari Abdullah b. Yazid Al-Khatmi bahawa Umar menulis hendaklah isteri-isteri itu diberi pilihan[14].

Abdul Razak meriwayatkan kisah ini dari Al-Khatmi bahawa dia *berkata "Seorang wanita dari penduduk Al-Hirah telah memeluk Islam tetapi suaminya tidak. Umar lalu menulis mengenainya bahawa hendaklah mereka menyuruh wanita itu memilih, jika dia mahu, dia boleh berpisah dengannya atau kekal bersamanya[15]."*

Ertinya Umar r.a telah menyerahkan perkara ini kepada pilihan si wanita. Jika dia mahu, dia boleh kekal bersama suaminya atau berpisah dengannya.

Ibn Abi Syaibah juga meriwayatkan yang seumpamanya dengan sanadnya dari Al-Hasan bahawa seorang wanita Kristian telah memeluk Islam dalam keadaan dia sebagai isteri bagi lelaki Kristian. Orang ramai ingin memisahkan wanita itu dari suaminya. Mereka lalu merujuk kepada Umar r.a. Umar r.a lalu menyerahkan pilihan kepada wanita itu[16].

Ibn Abi Syaibah juga meriwayatkan dengan sanadnya dari Ibrahim An-Nakha`ii bahawa dia berkata *"Keduanya (suami isteri, pent) kekal atas nikah mereka berdua.[17]"*

Abdul Razak juga meriwayatkan dengan sanadnya. Dia berkata bahawa si suami lebih berhak ke atas isterinya selama mana dia (suami) tidak mengeluarkannya dari negeri tempat dia (isteri) berhijrah[18]. Riwayat ini sama dengan apa yang diriwayatkan dari Ali r.a.

---

[11] Ibid, (18302). At-Tahawi meriwayatkannya dalam kitab *Syarh Ma`ani Al-Atsar* (3/260) *"Dia (suami) lebih berhak ke atasnya (isteri), selama mana si isteri berada di negara tempat dia berhijrah."*

[12] *Musannaf* Abdul Razak, riwayat no (10084), ditahqiq oleh Habib Ar-Rahman Al-A`azami, edaran Al-Maktab Al-Islami, Beirut.

[13] *Musannaf* Ibn Abi Syaibah (18306).

[14] Ibid, (18303).

[15] Riwayat (10083) dari *Musannaf* Abdul Razak.

[16] *Musannaf* Ibn Abi Syaibah, (18307).

[17] Ibid, (18305)

[18] Riwayat (10085), dari *Musannaf* Abdul Razak.

Diriwayatkan dari Asy-Sya'bi bahawa dia berkata si suami lebih berhak ke atasnya (isteri) selama mana dia berada di kampung halamannya[19].

Ini adalah pendapat Ali r.a yang tidak berbeza dengan pendapatnya yang lain bahawa seorang lelaki Ahli Kitab (Yahudi dan Kristian) lebih berhak ke atas isterinya, jika si isteri memeluk Islam, selama mana dia (suami) tidak mengeluarkannya (isteri) dari kampung halamannya atau dari negeri tempat dia berhijrah. Di dalam beberapa riwayat lain dinyatakan *"kerana dia mempunyai hak perjanjian (seorang bukan Muslim yang ada ikatan perjanjian zimmi dengan negara Islam, pent.)",* maksudnya ialah perjanjian sebagai *zimmi.*

Pendapat Ali r.a telah diperkuatkan oleh riwayat yang datang dari Asy-Sya'bi dan Ibrahim dari kalangan imam para tabi`in dan pendapat Umar r.a dalam banyak riwayat bahawa si isteri kekal di sisi suaminya atau diberi pilihan antara kekal atau berpisah dengan suaminya.

Tiada yang menyanggahi kesemua itu kecuali satu riwayat dari Umar mengenai kisah lelaki dari Bani Taghlib yang ditawarkan kepadanya memeluk Islam tetapi dia menolak. Lalu isterinay dipisahkan darinya. Dalam sebahagian riwayat-riwayat lain bahawa lelaki itu berkata kepada Umar *"Aku tidak tinggalkan perkara ini (pilih memeluk Islam) kecuali kerana rasa malu dengan bangsa Arab, jika mereka berkata "Sesungguhnya dia memeluk Islam kerana tunduk dengan isterinya."* Maka Umar r.a pun memisahkan antara keduanya[20].

Mungkin apa yang diriwayatkan dari Umar r.a ini menunjukkan kepada kita bahawa penguasa atau hakim mmepunyai budibicara dalam masalah ini. Dia boleh mengekalkan si isteri bersama suaminya atau memberi si isteri membuat pilihan atau memisahkan antara keduanaya, di mana dia dapati ada maslahat. Khususnya, jika masalah itu dibawa kepadanya, sebagaimana dalam kes ini.

Mungkin apa yang diriwayatkan dari Umar r.a ini menyokong apa yang disebutkan oleh Ibn Al-Qayyim mengenai pendapat Ibn Syihab Az-Zuhri bahawa keduanya kekal dengan nikah mereka berdua, selama mana penguasa tidak memisahkan antara mereka berdua.

Sejenak Bersama Ibn Al-Qayyim

Walau pun Ibn Al-Qayyim, rahimahullah, berjanji untuk menganalisa sumber-sumber pendapat-pendapat ini atau sembilan mazhab yang dinyatakan serta kekuatan dan kelemahan yang terdapat pada pendapat itu semua namun dia tidak menunaikan janjinya itu. Dia tidak membuat analisa kepada kesemuanya. Dia hanya menumpu pada pendapat yang keenam sahaja yang dia sokong dan yang disokong oleh gurunya Sheikh Al-Islam Ibn Taimiyah, iaitu si isteri tinggal bersama suaminya dan menanti keIslamannya tetapi suami tidak boleh menyetubuhinya, walau pun si isteri tinggal bersama suaminya bertahun-tahun. Beliau menyokong pendapat ini dnegan panjang lebar sehingga seolah-olah dia lupa akan tiga pendapat yang lain.

Pilihan Ibn Al-Qayyim dan gurunya mempunyai pertimbangan, kewajaran dan dalil-dalilnya. Namun satu masalah praktikal masih tetap wujud iaitu jika si isteri tinggal bersama suaminya menanati keIslamannya, walau pun bertahun-tahun, sedangkan si suami tidak boleh menggauli isterinya, apakah setiap seorang dari mereka boleh bersabar dalam keadaan seperti ini, untuk hidup di bawah satu bumbung bertahun-tahun, tetapi setiap satu tidak boleh mendekatai yang lain, khususnya jika keduanya masih muda?

Saya suka sekali untuk mengemukakan pendapat Imam Ali r.a kepada Ibn Al-Qayyim yang dia sendiri nyatakan iaitu pendapat mengenai isteri yang memeluk Islam sebelum suaminya bahawa dia (suami) lebih berhak ke atas isterinya, selama mana si isteri kekal di negara tempat hijrahnya.

[19] Musannaf Ibn Abi Syaibah, (18304)

[20] *Syarh Ma`ani Al-Atsar*, At-Tahawi (3/259)

Dalam satu riwayat lain pula, dia (suami) lebih berhak ke atas si isteri, selama mana si isteri tidak keluar dari kampung halamnannya.

Rasulullah s.a.w semasa hidupnya pernah mengutus Ali r.a ke Yaman. Dia juga menjadi khalifah setelah Utsman r.a. Pastinya dia pernah berhadapan sendiri dengan kes ini. Maka pendapatnya dalam persoalan ini mempunyai erti fatwa dan juga keputusan seorang hakim sekali gus.

Saya berasa tedorong untuk memalingkan hukumnya ini kepaad ayat Al-Quran dari surah Al-Mumtahanah. Bahawa Allah taala berfirman yang bermaksud

“Hai orang-orang yang beriman, apabila datang berhijrah kepadamu perempuan-perempuan yang beriman, maka hendaklah kamu uji (keimanan) mereka. Allah lebih mengetahui tentang keimanan mereka; maka jika kamu telah mengetahui bahwa mereka (benar-benar) beriman maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada (suami-suami mereka) orang-orang kafir. Mereka tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka.” (Al-Mumtahanah : 10)

Sejajar dengan ayat ini, orang-orang yang beriman dituntut bahawa jika wanita-wanita yang beriman datang berhijrah, dan mereka tahu akan kebenaran iman wanita-wanita ini, hendaklah orang-orang yang beriman itu tidak mengembalikan mereka kepada orang-orang kafir sehingga mendedahkan mereka dengan fitnah ke atas agama. Namun, jika wanita-wanita itu kekal di negara mereka, tidak lari ke negara Islam dan menetap bersama suaminya, maka mereka kekal sebagai isteri bagi suami-suami mereka. Seolah-olah ini adalah dalil yang menjadi pegangan Ali r.a.

Pada pandangan saya, ini adalah pendapat yang tepat. Keperluan wanita-wanita Muslimah yang baru dan menetap bersama suami-suami mereka di negara-negara mereka bukan Islam menguatkan pendapat bahawa nikah bersama suami-suami mereka tetap kekal. Lebih-lebih lagi, jika mereka melihat harapan akan suami mereka memeluk Islam. Khususnya, jika mereka mempunyai anak-anak yang ditakuti akan bercerai berai dan terabai.

Saya suka menyebutkan di sini bahawa kes yang Ibn Al-Qayyim dan gurunya Ibn Taimiyah berpegang dengannya yang diriwayatkan dari Umar r.a, zahirnya tidak menyokong pendirian mereka. Apa yang Abdullah b. Yazid Al-Khatmi r.a riwayatkan bahawa isteri seorang Kristian telah memeluk Islam. Umar r.a lalu memberi pilihan kepadanya, jika dia mahu, dia boleh berpisah dengannya atau tetap tinggal bersamanya.

Riwayat ini mengajar bahawa harus bagi si isteri untuk tinggal bersama suaminya. Zahirnya ini bermakna harus bagi si suami bergaul dengan isterinya. Ini adalah natijah dari tinggal bersama dengan suami. Tetapi Imam Ibn Al-Qayyim, rahimahullah, mentafsir makna zahir sambil berkata *“Bukan maknanya bahawa si isteri tinggal bersama suaminya, sedangkan dia seorang Kristian, tetapi dia menunggu dan menahan diri...”* Jika seorang mujtahid berpegang sahaja dengan pandangan Umar r.a yang zhair, pasti tidak timbul apa-apa masalah.

Pelbagai riwayat lain telah menyokkong riwayat dari Umar r.a ini. Sebahagiannya mengandungi persetujuan beliau agar si isteri kekal bersama suaminya, sebahagian lain pula mengandungi pilihan bagi si isteri sebagaimana dalam riwayat Al-Khatmi darinya.

Turut menguatkan lagi ialah apa yang Ibn Al-Qayyim nyatakan dari Az-Zuhri, iaitu pendapat kelapan bahawa jika si isteri memeluk Islam dan si suami tidak, maka keduanya kekal dengan nikahnya selama mana penguasa tidak memisahkan antara keduanya.

Sesungguhnya ini merupakan satu kemudahan yang amat besar bagi Muslimah-muslimah yang baru, walau pun ramai ulama merasa sukar untuk menerimanya kerana ia bercanggah dengan apa yang telah mereka tulis dan warisi. Namun satu ketentuan yang telah diketahui ialah dimaafkan sesuatu dalam situasi *Al-Baqa’* (mengekalkan apa yang telah sedia ada, pent.) apa

yang tidak boleh dimaafkan dalam situasi *Al-Ibtida'* (melakukan sesuatu yang belum ada / bermula, pent). Ini adalah kaedah fiqh yang telah diperakui. Ia mempunyai pecahan-pecahan kaedah yang banyak iaitu;

- hendaklah membezakan antara situasi *Al-Ibtida'* (melakukan sesuatu yang belum ada / bermula, pent) dan situasi *Al-Intiha'* (meneruskan sesuatu yang telah ada dan akan berkahir, pent).

- boleh bertolak ansur dengan sesuatu perkara dalam situasi *Al-Baqa'* dan *Al-Intiha'* tetapi tidak boleh bertolak ansur perkara berkenaan dalam situasi *Al-Ibtida'*.

Sebelum pernikahan terjalin (situasi *Al-Ibtida',* pent.), kita dilarang mengahwinkan wanita Muslimah dengan seorang kafir, sebagaimana firman Allah taala yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu menikahi perempuan-perempuan musyrik sehingga mereka beriman, walau pun mereka menarik hati kamu." (Al-Baqarah : 221)

Ini adalah keadaan yang kita tidak boleh meringan-ringankannya. Kita tidak boleh sama sekali berinisiatif untuk mengahwinkan seorang Muslimah dengan lelaki kafir.

Namun dalam situasi yang sedang dibicarakan sekarang ini, kita tidak mengahwinkan mereka. Sebaliknya, kita dapati mereka telah sedia berkahwin sebelum mereka masuk ke dalam agama kita dan syariat kita berlaku ke atas mereka (situasi *Al-Baqa'*, pent.). Di sini, perkara ini menjadi berbeza dalam situasi *Al-Baqa'* dengan situasi *Al-Ibtida'*.

Tiga Pendapat Yang Muktabar

Di sisi kami terdapat tiga pendapat yang muktabar. Mereka yang memberi fatwa boleh bersandarkan dengannya untuk mengatasi masalah ini yang mungkin menjadi penghambat bagi ramai wanita-wanita untuk memeluk Islam.

Pendapat pertama ialah pendapat saidina Ali r.a iaitu si suami lebih berhak ke atas isterinya selama mana dia tidak keluar dari kampung halamannya. Di sini kita dapati si wanita kekal di negari dan kampung halamannya dan tidak berhijrah darinya, tidak kepada negara Islam atau tempat lain. Pendapat Ali r.a ini tsabit datang darinya. Tidak didapati khilaf terhadapnya dalam perkara ini. Dua imam tabi`in telah bersetuju dengannya iaitu Asy-Sya'bi dan Ibrahim.

Pendapat kedua ialah apa yang diriwayatkan dari saidina Umar r.a mengenai persetujuannya terhadap sebahagian wanita-wanita, jika memeluk Islam kekal di sisi suaminya yang bukan Muslim atau meminta mereka membuat pilihan sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh banyak sumber. Tidak wujud khilaf kecuali satu riwayat sahaja yang memepunyai latarbelakang yang khusus. Maka, samada kita menguatkan riwayat yang lebih banyak atau kita katakan bahawa penguasa dan hakim mempunyai budibicara samada untuk mengekalkan mereka atau memberi pilihan bagi si wanita atau memisahkan antara si isteri dari suaminya mengikut maslahat yang dia lihat pada masalah berkenaan. Ini akan berbeza mengikut satu keadaan dengan keadaan yang lain.

Pendapat ketiga ialah pendapat Az-Zuhri bahawa keduanya kekal dengan nikah mereka selama mana penguasa tidak memisahkan antara mereka berdua. Ertinya selama mana tiada keputusan peradilan untuk memisahkan antara mereka berdua.

Keharusan Berfatwa Dengan Pendapat Para Sahabat Dan Tabi`in

Sebahagian ulama di masa-masa dominasi Fiqh Taqlid dan taksub mazhab berpendapat bahawa tidak boleh bagi seorang alim untuk berfatwa dengan pendapat para sahabat r.a dari kalangan para Khulafa' Rasyidin yang mendapat petunjuk seumpama Umar dan Ali r.a dan selain mereka

berdua dari kalangan fuqaha genarasi sahabat seumpama Ibn Mas`ud, Ibn Umar, Ibn Abbas dan lain-lain r.a.

Mereka mendakwa bahawa pendapat para sahabat umumnya bersifat umum *(mutlak)* tidak terikat *(muqayyad)*, ringkas *(mujmal)* tidak terperinci *(mufassal).* Oleh itu tidak harus menjadi sumber bagi fatwa sedangkan kebanyakan yang diriwayatkan dari imam-imam mereka juga bersifat umum dan ringkas.

Imam Ibn Al-Qayyim telah menjadikan bahawa pada asalnya fatwa dengan riwayat-riwayat para sahabat dan tabi`in adalah sah dalam kitabnya *I`ilam Al-Muwaqqi`iin*. Beliau, rahimahullah, telah berkata;

“Mengenai keharusannya, sesungguhnya berfatwa dengan riwayat para salaf dan fatwa para sahabat lebih utama dari mengambil pandangan dan fatwa-fatwa golongan Mutaakhirin (kemudian). Sejauhmana dekatnya sesuatu fatwa kepada kebenaran ia tertakluk kepada dekatnya pemilik fatwa itu dengan zaman Rasulullah s.a.w. Oleh itu, fatwa para sahabat lebih utama untuk diambil dari fatwa-fatwa para tabi`in. Fatwa-fatwa para tabi`in lebih utama diambil dari fatwa-fatwa tabi’ tabi`in dan seterusnya. Setiap kali sesuatu masa itu dekat dengan zaman Rasulullah s.a.w maka berat kebenaran baginya.

Ini adalah hukum dilihat dari sudut jenis fatwa itu bukan dilihat dari sudut setiap masalah secara individu. Sebagaimana juga zaman tabi`in lebih utama dari zaman tabi’ tabi`in. Ia dilihat secara umum bukan dinilai mengikut setiap individu kerana mereka yang lebih baik di zaman awal melebihi dari zaman terkemudian. Dengan itu, kebenaran dalam pendapat-pendapat mereka lebih banyak dari kebenaran dalam pendapat-pendapat golongan setelah mereka.

Sesungguhnya perbezaan antara ilmu-ilmu golongan terdahulu dengan golongan terkemudian sama seperti perbezaan antara mereka dalam kemulian dan agama.

Maka tidak wajar di sisi Allah bagi bagi mufti dan hakim untuk berfatwa dan berhukum dengan pendapat fulan dan fulan dari golongan yang terkemudian yang terdiri dari para muqallid imam-imam. Ia berpegang dengan pendapat itu dan menguatkannya serta meninggalkan pula fatwa dan hukum dari pendapat Al-Bukhari, Ishaq b. Rahawaih, Ali b. Al-Madini, Muhammad b. Nasr Al-Maruzidan yang seumpama mereka. Bahkan mereka juga meninggalkan pendapat Ibn Al-Mubarak, Al-Auza`ii, Sufian b. Uyainah, Hammad b. Zaid, Hammad b. Salamah dan yang seumpama mereka. Mereka tidak menoleh untul melihat kepada pendapat Ibn Abu Ziib, Az-Zuhri, Al-Laits b. Saad dan yang seumpama mereka. Mereka tidak pula mengira pendapat Sa`id b. Al-Musayyib, Al-Hasan Al-Basri, Al-Qasim, Salim, `Ata’, Tawus, Jabir b. Zaid, Syuraih, Abu Wail, Jakfar b. Muhammad dan yang seumpama mereka yang wajar diambil pendapatnya.

Mereka berpendapat lebih baik mengutamakan pendapat golongan terkemudian dari para pengikut imam-imam yang ditaqlid ke atas pendapat Abu Bakar As-Siddik, Umar, Utsman, Ali, Ibn Mas`ud, Ubai b. Ka`ab, Abu Ad-Darda’, Zaid b. Tsabit, Abdullah b. Abbas, Abdullah b. Umar, Abdullah b. Az-Zubair, Ubadah b. As-Samit, Abu Musa Al-Asy`ari dan yang seumpama mereka. Dia tidak tahu apakah alasan yang dikemukan kepada Allah taala esok apabila mereka menyamakan antara pendapat dan fatwa mereka ini (golonga terdahulu) dengan fatwa dan pendapat mereka itu (golongan terkemudian) dan mereka menguatkan yang terkemudian atas yang terdahulu? Bagaimanakah boleh mereka menetapkan agar berpegang dengan pendapat terkemudian bagi fatwa dan hukum dan melarang pula berpegang dengan pendapat para sahabat serta mengharuskan hukuman ke atas sesiapa yang menyalahi golongan yang terkemudian, membid`ahkan dan menyesatkannya, menuduh telah menyalahi ahli-ahli ilmu dan akhir sekali telah berniat jahat terhadap Islam? Demi Allah sesungguhnya mereka telah berpegang dengan simpulan bahasa Arab yang masyhur “Ia telah melontarkanku dengan penyakitnya lalu pergi” (Simpulan bahasa ini digunakan kepada seseorang yang mengaibkan temannya dengan keaiban yang ada pada dirinya sendiri, lalu meninggalkannya, pent.). Ia telah menggelar para waris Rasulullah s.a.w dengan gelaran dirinay sendiri. Ia memakaikan mereka

(golongan terkemudian) dengan pakaian mereka sendiri. Ia juga telah melontarkan mereka dengan keaibannya. Ramai di antara mereka (golongan terkemudian) berteriak dan berkata bahawa wajib ke atas umat ini semuanya untuk berpegang dengan pendapat meraka yang kami mentaqlidkan agama kami kepada mereka dan tidak harus berpegang dengan pendapat Abu Bakar, Umar, Utsman, Ali dan lain-lain dari kalangan para sahabat. Sesiapa yang ingin berpegang dengan pendapat mereka dan bertaqlid dengan mereka, inilah pendapat mereka. Allah telah memalingkan mereka ke arah yang Dia kehendaki dan akan membalas ke atas mereka di hari Kiamat dengan balasan yang memadai. Yang kami berpegang dalam agama Alalh ialah pendapat yang lawan bagi pendapat ini.[21]"

Saya tidak lupa untuk menyerlahkan di sini satu kajian yang mendalam dan panjang (dalam masalah wanita yang berkahwin memeluk Islam sedangkan suaminya tidak, pent.) yang dikemukakan oleh saudara pengkaji Ash-SheikhAbdullah Al-Jadi' bagi Majlis Fatwa dan Kajian Jordan. Dia telah sampai kepada kesimpulan yang sama dengan kesimpulan saya bahkan lebih luas dari itu. Kesimpulannya telah diringkaskan dalam noktah-noktah yang akan saya sebutkan di sini sebagai faedah dan mengambil iktibar. Inilah hasilnya sebagaimana yang ia bentangkan;

1. Tiada nas yang qat'ii dalam masalah ini.

2. Tiada di dalamnya Ijma'.

3. Akad-akad nikah sebelum Islam adalah sah yang diterimapakai setelah Islam. Ia tidak terbatal kecuali dengan sesuatu yang yakin. Perbezaan agama bukan faktor yang membatalkan nikah secara yakin kerana tiada nas dan wujudnya khilaf.

4. Dalil-dalil dari Al-Quran dan Sunnah menunjukkan bahawa tinggalnya si isteri bersama suaminya dalam keadaan berbeza agama yang berlaku setelah berkahwin tidak tercela secara prinsipnya dalam agama dan tidak pula disifatkan hubungan itu sebagai hubungan yang rosak.

5. Pembatalan hubungan antara suami isteri kerana perbezaan agama dengan islamnya salah seorang dari mereka setelah berkahwin tidak berlaku semata-mata kerana memeluk Islam.

6. Begitu ramai orang yang memeluk Islam di zaman Nabi s.a.w tetapi tidak didapati satu Sunnah pun bahawa Nabi s.a.w memisahkan antara isteri dengan suaminya atau suami dengan isterinya kerana salah seorang dari mereka memeluk Islam tanpa yang lain atau sebelum yang lain. Sebagaimana juga tidak didapat dari Rasulullah s.a.w bahawa dia menyuruh seperti itu. Yang Sahih adalah sebaliknya sebagaimana dalam kes anaknya Zainab. Dia kekal dalam ikatan nikah suaminya Abu Al-`As sehingga ia memeluk Islam sejurus sebelum penaklukan Mekah setelah turunnya ayat Al-Mumtahanah. Sedangkan Zainab berhijraha dan meninggalkannya di Mekah setelah Perang Badar. Hijrah tidak sama sekali membatalkan akad nikah anatra mereka berdua.

7. Berpegang dengan ayat Al-Mumtahanah dalam membatalkan hubungan suami isteri disebabkan perbezaan agama tidaklah benar. Ayat berkenaan memutuskan hubungan antara seorang Muslimah dan suaminya dan antara seorang Muslim dan isterinya yang memerangi agamanya yang memerangi agama mereka bukan kepada seorang kafir biasa.

8. Ayat Al-Mumtahanah membolehkan menikahi seorang Mukminah yang behijrah, jika ia mempunyai suami yang kafir *harbi*. Namun tidak wajib yang sedemikian itu sebagaimana yang berlaku dalam kisah Zainab anak Nabi s.a.w. Ini menunjukkan bahawa akad nikah bersama suami yang kafir berubah dari akad yang wajib kepaad akad yang harus. Sebab *(`illah)*nya ialah kerana si isteri tidak lagi boleh kembali kepada suaminya yang

[21] Lihat *I`ilam Al-Muwaqqi`in* (4/95-96), cetakan Dar Al-Hadits di Mesir.

memeranginya serta kesulitan yang menimpanya kerana kehilangan suami.

9. Ayat itu melarang lelaki Muslim mengekalkan isterinya yang kafir yang tidak berhijrah kepadanya dari negara bukan Islam ke negara Islam atau isteri yang lari dari suaminya dalam keadaan murtad kepada orang-orang kafir *harbi*. Maknanya ialah kekalnya hubungan suami isteri itu ditakuti akan menyebabkan rasa condong kepada orang-orang kafir sebagaimana yang berlaku ke atas Hatib b. Abi Balta`ah ketika ia menulis kepada orang-orang Musyrik mengenai rahsia orang-orang Islam. Ini berlaku kerana hubungan silaturahim yang wujud antara dia dan Mekah. Begitu juga dengan mudharat yang berlaku akibat dari si isteri tergantung tanpa suami.

10. Jika salah seorang dari pasangan suami isteri memeluk Islam dan yang kafir itu bukan seorang yang memeranginya, haruslah mereka untuk tinggal bersama. Tidak perlu memisahkan antara keduanya semata-mata disebabkan oleh perbezaan agama sebagaimana yang ditunjukkan oleh amalan berkaitan mereka yang memeluk Islam sebelum hijrah dan mereka yang memeluk Islam semasa penaklukan Mekah. Yang sedemikian itu juga, Umar b. Al-Khattab telah memutuskan semasa pemerintahannya tanpa ada sesiapa yang menyanggahinya. Kemudian Ali b. Abu Talib r.a pula berfatwa dengannya.

11. Perbezaan agama adalah sebab yang mengharuskan bukan mewajibkan terfasakh akad nikah sebagaiman yanag ditunjukkan oleh hukuman Umar dan persetujuan para sahabat.

12. Natijah dari keharusan kekal baga isi suami setelah memeluk Islam bersama isterinya yang kafir tetapi tidak memerangi agamanya, atau kekalnya si isteri setelah memeluk Islam bersama suaminya yang kafir tetapi tidak memerangi agamanya ialah harus perhubungan suami isteri antara mereka kerana apabila dihukumkan kekal akad nikah antara mereka berdua, mewajibkan pergaulan sesama mereka secara yang baik. Persetubuhan adalah termasuk di dalamnya.

Ya Allah! Tunjukkanlah kami kebenaran itu sebagai satu kebenaran dan berikanlah kurniaanMu kepada kami untuk mengikutinya dan tunjukkanlah kebatilan sebagai satu kebatilan dan berikanlah kurniaanMu kepada kami untuk meninggalkannya. Amin.

SEORANG MUSLIM MEWARISI SEORANG BUKAN MUSLIM

Kepada Yang Mulia
Profesor Sheikh Yusuf Al-Qaradhawi

Semoga Allah taala memeliharanya dan menjadikan ilmunya bermanfaat bagi orang-orang Muslim.

Saya adalah seorang lelaki yang Allah taala telah memberi hidaya sejak 10 tahun yang lalu. Keluarga saya adalah satu keluarga Kristian warganegara Britain. Saya telah cuba berdakwah kepada mereka dan menjadikan Islam suatu yang disukai oleh mereka selama beberapa tahun ini tetapi Allah taala belum mebuka hati mereka untuk memeluk Islam. Mereka kekal dengan agama Kristian. Ibu saya telah meninggal dunia sejak beberapa tahun yang lalu. Saya mempunyai sedikit harta warisan darinya tetapi saya menolak untuk menerimanya atas dasar seorang Muslim tidak boleh mewarisi orang bukan Muslim sebagaimana seorang kafir tidak mewarisi seorang Muslim.

Sekarang ini, bapa saya pula meninggal dunia dan meninggalkan harta yang banyak dan peniggalan yang besar. Saya adalah satu-satunya pewaris baginya. Undang-undang yang ada menjadikan harta peninggalan ini atau warisan ini semuanya menjadi milik saya.

Adakah perlu saya menolak harta peninggalan yang besar ini dan meninggalkannya kepada orang-orang bukan Muslim untuk mengambil manfaat darinya sedangakn ia adalah milik dan hak

saya mengikut undang-undang. Saya pula berhajat kepadanya untuk nafkah hidup saya sendiri dan keluarga saya yang bergama Islam; isteri dan anak-anak saya. Dengannya juga saya boleh melapangkan keadaan saudara-saudara saya seagama yang amat memerlukan kepada bantuan. Saya juga boleh menyumbang kepada projek-projek Islam yang banyak dan bermanfaat dan amat memerlukan pembiayaan tetapi tidak mendapatinya?

Selain itu, kebanyakan orang-orang Muslim adalah lemah dari sgei ekonomi. Tuan pasti tahu bahawa harta pada hari ini ialah tunggak kehidupan dan ekonomi adalah perkara yang mempengaruhi politik hari ini. Mengapakah kita biarkan satu peluang yang mana seseorang Muslim boleh memperolehi kekuatan ekonomi darinya. Peluang itu mendatanginya tanpa perlu susah payah dan tanpa menaggung yang haram atau syubhat?

Saya berharap untuk mendapat dari tuan huraian bagi masalaht ini. Ia bukanlah masalah saya seorang sahaja tetapi ia adalah masalah ribuan bahkan puluhan ribu manusia seperti saya yang Allah taala telah membuka hati mereka untuk agama ini. Mereka telah beriman dengan Allah tala sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad sebagai Nabi dan Rasul.

Semoga Allah taala memberi taufik kepada tuan, menjadikan langkah tuan tepat dan dir tuan bermanfaat.

Muslim di Britain

Jawapan

Alhamdulillah.

Kebanyakan fuqaha' berpendapat bahawa seorang Muslim tidak mewarisi orang kafir sebagaimana seorang kafir tidak mewarisi seorang Muslim dan oerbezaan agama merupakan halangan bagi pewarisan. Merek amengambil dalil dari hadits Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud;

"Tidak boleh seorang Muslim mewarisi seorang kafir dan seorang kafir mewarisi seorang Muslim.[22]*"*

Sebuah hadits lain yang bermaksud;

"Tidak boleh penganut dua agama saling mewarisi sesuatu apa pun.[23]*"*

Pendapat ini diriwayatkan dari Khulafa' Rasyidin. Keempat-empat imam mazhab juga berpegang kepadanya. Ia adalah pendapat fuqaha' umumnya. Di atas pendapat ini, di asaskan amalan hukum sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Qudamah.

Diriwayatkan dari Umar, Muaz dan Muawiyah r.a bahawa mereka telah menjadikankan orang Muslim waris bagi orang kafir tetapi tidak menjadikan orang kafir waris bagi orang Muslim. Ini diceritakan dari Muhammad b. Al-Hanafiah, Ali b. Al-Husain, Sa`id b. Al-Musayyib, Masruq, Abdullah b. Mughaffal, Asy-Syabi, Yahya b. Ya`mur dan Ishaq[24].

---

[22] Al-Bukhari meriwayatkannya dalam kitab *Al-Maghazi*, *Al-Faraidh* dari Usamah b. Zaid. Begitu juga Muslim dalam kitab *Al-Faraidh* (1614).

[23] Ahmad meriwayatkannya dalam kitab *Al-Musnad* (2/178, 195), Abu Daud (2911), Ibn Majah (2731). Kesemua mereka meriwayatkan dari Abdullah b. Amr. Disebut dalam kita *Sahih Al-Jami' As-Saghir* (7614). At-Turmuzi meriwayatkannya dan menjadikan hadits Jabir (2109) sebagai *Gharib*.

[24] *Al-Mughni*, 9/154.

Diriwayatkan bahawa dua orang saudara, seorang bergama Yahudi dan seorang beragama Islam, telah bertelingkah mengenai harta warisan peninggalan saudara mereka yang kafir dan merujuk kepada Yahya b. Ya`mar. Beliau telah menjadikan si Muslim mewarisi harta itu. Dia berhujah bagi pendapat yang menjadikan seorang Muslim waris bagi si kafir, dia berkata “Abu Al-Aswad telah menyampaikan kepadanya bahawa seorang ellaki telah menyampaikan kepadanya bahawa Mu`az telah menyampaikan kepadanya bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

“Islam itu menambah dan tidak mengurangkan.[25]*”*

Ertinya ialah Islam merupakan sebab bagi penambahan kebaikan bukan sebab bagi halangan dan pengurangan utuk mendapat kebaikan.

Boleh juga disebutkan di sini hadits yang bermaksud

“Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi darinya.[26]*”*

Begitulah keadaannya kerana kita boleh menikahi wanita-wanita mereka tetapi mereka tidak boleh menikahi wanita-wanita kita. Oleh itu, kita boleh mewarisi mereka dan mereka tidak boleh mewarisi kita.

Saya menguatkan pendapat ini, walau pun kebanyakan ulama tidak berpegang dengannya. Saya berpendapat bahawa Islam tidak akan menjadi penghalang terhadap kebaikan atau manfaat yang datang kepada seorang Muslim. Dengan kebaikan itu, dia mendapat bantuan untuk mentauhidkan Allah taala, mentaatiNya dan membantu agamaNya. Dasar mengenai harta ialah ia hendaklah digunakan untuk mentaati Allah taala bukan untuk melakukan maksiat terhadapNya. Manusia yang lebih utama dalam hal ini ialah orang-orang beriman. Jika badan-badan yang berkuasa membolehkan mereka untuk memilik harta atau warisan, tidak wajarlah bagi kita untuk mengharamkannya dari mereka pula. Lalu kita biarkan harta itu dinikmati oleh orang-orang kafir dalam bentuk yang mungkin diharamkan atau memudharatkan kita.

Adapun hadits yang bermaksud *‘Tidak boleh seorang Muslim mewarisi seorang kafir dan seorang kafir mewarisi seorang Muslim’,* kami mentafsirkannya sebagaimana golongan mazhab Hanafi mentafsirkan hadits yang bermaksud *“Tidak boleh seorang Muslim dibunuh kerana (membunuh) seorang kafir”,* bahawa yang dimaksudkan dengan kafir ialah kafir *harbi*. Oleh itu, seorang Muslim tidak boleh mewarisi seorang kafir *harbi* yang memerangi orang-orang Muslim dengan tindakannya untuk memutuskan hubungan antara mereka berdua.

Tarjih Oleh Sheikh Al-Islam Ibn Taimiyah Dan Ibn Al-Qayyim

Imam Ibn Al-Qayyim telah membentangkan masalah ini – Muslim mewarisi orang kafir – dalam kitabnya *Ahkam Ahl Az-Zimmah*. Beliau telah behujah sehingga menimbulkan kepuasan lalu menguatkannya *(tarjih)* pula. Beliau telah menukil dari gurunya Ibn Taimiyah apa yang memuaskan hati dan menyelesaikan masalah. Beliau, rahimahullah, telah berkata;

---

[25] Ahmad meriwayatkannya dalam kitab *Musnad* (5/230, 236), Abu Daud (2912) dan (2913) dan Al-Hakim mensahihkannya (4/345). Di dalam hadits ini ada Abu Al-Aswad dari Mu`az. Az-Zahabi bersetuju dnegan Al-Hakim. Telah berkata dalam kitab *Al-Fath* bahawa hadits ini telah dikritik sebagai *Munqati’* di antara Abu Al-Aswad dan Mu`az, tetapi di sana ada kemungkinan bahawa Abu Al-Aswad dengar dari Mu`az. (*Al-Faidh* : 3/179).

[26] Ad-Daruqutni meriwayatkannya, Al-Baihaqi, Ar-Royani, Adh-Dhiya’ dari `Aid b. Amr. Ia adalah Hasan dalam *Sahih Al-Jami’ As-Saghir* (2778).

“Adapun menjadikan seorang Muslim waris bagi orang kafir, para salaf telah berbeza pendapat. Ramai dari mereka berpendapat bahawa si Muslim tidak boleh mewarisi sebagaimana seorang kafir tidak boleh mewarisi si Muslim. Ini adalah pendapat yang diketahui umum di sisi imam mazhab yang empat dan para pengikut mereka. Namun, segolongan dari salaf berkata bahawa boleh seorang Muslim mewarisi si kafir, tetapi tidak sebaliknya. Ini adalah pendapat Mu`az b. Jabal, Mu`awiyah b. Abu Sufian, Muhammad b. Al-Hanafiah, Muhammad b. Ali b. Al-Husain (Abu Ja`far Al-Baqir), Sa`id b. Al-Musayyib, Masruq b. Al-Ajda’, Abdullah b. Mughaffal, Yahya b. Ya’mur dan Ishaq b. Rahawaih. Pendapat ini adalah pilihan Sheikh Al-Islam Ibn Taimiyah.

Mereka berkata *“Kami mewarisi mereka tetapi mereka tidak mewarisi kami sebagaimana kami menikahi wanita mereka tetapi mereka tidak menikahi wanita-wanita kami.”*

Mereka yang melarang pewarisan, pegangan mereka ialah hadits riwayat Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud ‘*Tidak boleh seorang Muslim mewarisi seorang kafir dan seorang kafir mewarisi seorang Muslim’.* Ia adalah pegangan bagi larangan pewarisan orang Munafiq yang *zindiq* dan pewarisan orang yang murtad. Guru kami (yakni Ibn Taimiyah) telah berkata “Telah tsabit dengan Sunnah yang mutawatir bahawa Nabi s.a.w dahulunya memberlakukan ke atas orang-orang *zindiq* dan munafiq hukum-hukum zahir yang berlaku ke atas orang-orang Muslim. Apabila Abdullah b. Ubai b. Salul dan yang lain-lain, yang Al-Quran telah menjadi saksi akan sifat munafiq mereka, mati, Rasulullah s.a.w telah dilarang dari melakukan solat ke atas mereka, beristighfar untuk mereka. Beliau s.a.w telah menjadikan waris-waris meraka yang beriman untuk menerima harta warisan mereka sebagaimana dia s.a.w menjadikan anak Abdullah b. Ubai sebagia ahli warisnya. Nabi s.a.w tidak mengambil satu pun dari harta warisan golongan munafiq. Dia s.a.w tidak menjadikan harta berkenaan sebagai harta *fai’* (harta yang diambil untuk Baitul Mal, pent.). Bahkan dia s.a.w memberikan harta itu kepada para waris. Ini adalah satu perkara yang diketahui secara yakin.

Oleh itu dapat diketahui bahawa pewarisan landasannya ialah sifat *nusrah* (menyokong) yang zahir bukan atas dasar hakikat sebenar iman dan wala’ di dalam hati. Orang-orang munafiq zahirnya menyokong Islam ke atas musuh-musuh mereka, walau pun mereka dari segi yang lain melakukan yang sebaliknya. Pewarisan asasnya ialah perkara-perkara yang zahir bukan apa yang ada dalam hati.

Adapun orang yang murtad, maka apa ayang diketahui dari para sahabat seperti Ali dan Ibn Mas`ud bahawa hartanya adalah untuk ahli warisnya dari kalangan orang-orang Muslim juga[27]. Mereka tidak memasukkannya dalam sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud *‘Tidak boleh seorang Muslim mewarisi seorang kafir’.* Inilah yang Sahih.

Adapun orang-orang *zimmi*, mereka yang bersependapat dengan pendapat Mu`az dan Mu`awiyah berkata bahawa sabda Nabi s.a.w *‘Tidak boleh seorang Muslim mewarisi seorang kafir’* bahawa yang dimaksudkan ialah kafir *harbi* bukan munafiq, murtad dan *zimmi*. Walau pun lafaz kafir dalam hadits itu umum meliputi semua orang kafir, tetapi kadangkala lafaz itu bermaksud sebahagian jenis orang-orang kafir seperti firman Allah taala yang bermaksud *“Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan semua orang-orang munafik dan orang-orang kafir di dalam Jahanam” (An-Nisa’ : 140).* Di sini, orang-orang munafiq dalam lafaz orang-orang kafir. Begitu juga seorang yang murtad, para fuqaha’ tidak memasukkannya dalam lafaz kafir secara umum. Oleh sebab itu, mereka berkata *‘Jika seorang kafir memeluk Islam, dia tidak perlu mengqadha solat yang dia telah tinggalkan. Jika seorang yang murtad pula memeluk Islam, maka terdapat dua pendapat’.*

[27] Tetapi bandingkan ini dengan masalah-masalah Ahmad, ms 220, Abu Daud telah meriwayatkan kepada kami, dia berkata *“Aku mendengar Ahmad ditanya mengenai pewarisan orang murtad. Dia berkata ‘Aku dahulu pernah berkata ‘Orang-orang Muslim tidak boleh mewarisinya’ tapi kemudian aku diam mengenainya.”*

Sekelompok ulama telah memaksudkan dari sabda Nabi s.a.w yang bermaksud *"Tidak dihukum bunuh seorang Muslim kerana membunuh seorang kafir[28]"* dengan erti kafir *harbi* bukan *zimmi*. Tidak syak bahawa mengertikan sabda Rasulullah s.a.w *'Tidak boleh seorang Muslim mewarisi seorang kafir'* dengan erti kafir *harbi* lebih utama dan lebih dekat kepada kebenaran. Sesungguhnya mengharuskan pewarisan orang-orang Islam harta kafis *zimmi* menjadi pendorong untuk memeluk Islam bagi bagi orang-orang *zimmi*. Ramai di antara mereka yang terhalang dari memeluk Islam kerana takut jika kerabatnya yang mempunyai harta yang banyak mati, maka mereka tidak dapat mewarisinya. Kami telah dengar dari bukan hanya seorang dari mereka sahaja secara lisan. Jika dia tahu maka keIslamannya tidak akan menggugurkan haknya untuk mewarisi, maka halangan untuk memeluk Islam menjadi lemah dan keinginannya akan menjadi kuat. Ini sahaja cukup untuk mengkhususkan makna kafir dalam hadits berkenaan. Sedangkan ulama telah mengkhususkan banyak perkara umum atas sebab yang lebih rendah dari itu. Iin adalah satu maslahat yang yang nyata yang diperakui oleh syara'dalam banyak urusannya. Mungkin sahaja maslahat dalam masalah ini lebih besar dari maslahat mengharuskan menikahi wanita-wanita mereka. Ini tidak sama sekali menyalahi dasar-dasar syara' kerana orang-orang Islam wajib membela dan mempertahankan orang-orang *zimmi*. Wajib pula untuk menebus orang-orang *zimmi* yang ditawan. Hak pewarisan pula wujud apabila ada hak *nusrah* (pembelaan), maka bolehlah orang-orang Muslim mewarisi mereka tetapi oleh kerana orang-orang *zimmi* tidak wajib membela dan mempertahankan orang-orang Muslim, maka mereka tidak berhak mewarisi orang-orang Muslim. Sesungguhnya dasar pewarisan bukan kerana wala' di hati. Jika tidak, maka pasti orang-orang munafiq juga tidak mewarisi orang-orang Muslim dan sebaliknya sedangkan Sunnah yang lalu telah menyatakan bahawa mereka semua saling mewarisi.

Adapun orang murtad, maka orang-orang Muslim boleh mewarisinya. Jika seorang murtad mempunyai waris Muslim yang mati, lalu dia pula mati, maka dia tidak boleh mewarisi si Muslim itu kerana dia tidak dianggap sebagai pembela (tiada nusrah, pent.) di Muslim. Jika dia kembali kepada Islam sebelum pembahagian harta warisan, maka terdapat khilaf dalam perkara ini. Pendapat yang zahir dalam mazhab Imam Ahmad bahawa seorang kafir yang asli[29] dan seorang yang murtad, jika keduanya memeluk Islam sebelum pembahagian harta warisan, maka layaklah mereka untuk mewarisi. Demikian juga mazhab sekelompok dari para sahabat dan tabi`in. Pendapat ini sesungguhnya menyokong dasar ini, kerana ia menjadi pendorong untuk memeluk Islam.

Guru kami telah berkata bahawa antara perkara yang menyokong pendapat bahawa seorang Muslim mewarisi seorang *zimmi* tetapi dia tidak mewarisi si Muslim ialah pewarisan atas dasar *munasarah* (saling membela, pent.), dan yang menghalangnya pula ialah sifat *muharabah* (saling memerangi, pent.). Oleh sebab itu, ramai fuqaha' berkata bahawa seorang kafir *zimmi* tidak mewarisi seorang kafir *harbi*. Allah taala telah berfirman dalam persoalan *diyah* (denda kerana kesalahan membunuh, pent.) yang bermaksud;

"Jika ia (si terbunuh) dari kaum yang memusuhimu, padahal ia mukmin, maka (hendaklah si pembunuh) memerdekakan hamba-sahaya yang mukmin." (An-Nisa' : 92).

Jika yang dibunuh itu seorang Muslim, maka diyah menjadi milik keluarganya. Jika yang dibunuh itu seorang kafir *zimmi*, maka diyah juga menjadi milik keluarganya. Namun jika yang dibunuh itu dari orang yang memusuhi orang-orang Muslim (kafir *harbi*, pent.), maka tiada diyah baginya kerana keluarganya juga musuh bagi orang-orang Muslim dan bukan orang-orang yang terikat dengan perjanjian. Mak atidak perlu diberi diyahnya. Jika mereka ada mengikat perjanjian, maka hendaklah diberi diyah. Oleh sebba itu, mereka itu tidak mewarisi orang-orang Muslim kerana tiada di antara mereka dan orang-orang Muslim ikatan iman dan keamanan.

28

29 *Ahkam Ahl Az-Zimmah* oleh Ibn Al-Qayyim, ditahqiq oleh Dr Subhi As-Saleh, ms 462-465. Lihat mukasurat sesudahnya hingga ke mukasurat 474, terbitan Universiti Damsyik.

Mereka yang melarang (pewarisan, pent.) berpendapat bahawa kekufuran adalah penghalang bagi saling mewarisi. Maka orang yang memerdekakan hamba tidak mewarsi hambanya yang dimerdekakan (jika berbeza agama, pent.) sebagaimana juga perlakuan membunuh (sebab menghalang pewarisan, pent.).

Mereka yang membenarkan pewarisan pula berpendapat bahawa si pembunuh diharamkan menerima warisan kerana faktor tohmah. Hukuman ke atasnya ialah dengan menghalangnya dari mencapai tujuan pembunuhannya (untuk mendapat warisan, pent.). Maka di sini, *`illah* (sebab) menerima waris ialah ia *in`am* (pemberian untuk menyenangkan). Perbezaan agama bukan *`illah* di sini. Tiga masalah ini merupakan antara keindahan syariat; masalah orang yang memeluk Islam untuk mewarisi harta sebelum ia dibahagikan, masalah orang yang memerdekakan hamba untuk mewarisi hambanya kerana wala' dan masalah seorang Muslim mewarisi keluarga dekatnya yang *zimmi*. Masalah pertama adalah masalah yang terdapat khilaf antara para sahabat dan tabi`in. Adapun dua masalah yang terakhir, tidak diketahui adanya khilaf dari para sahabat bahkan yang diriwayatkan dari mereka ialah harusnya pewarisan.

Guru kami berkata dan harus pewarisan dalam masalah-masalah ini sejajar dengan dasar-dasar syara'. Sesungguhnya orang-orang Muslim mempunyai hak *in`am* (memperolehi pemberian yang menyenangkan) dan hak dari orang-orang *zimmi* kerana kewajiban memelihara darah, berperang, menjaga harta dan menebus orang-orang tawanan mereka. Orang-orang Muslim memberi manfaat, membela dan mempertahankan mereka. Oleh itu mereka lebih utama untuk mewarisi orang-orang *zimmi* dari orang-orang kafir. Golongan yang melarang pewarisan berkata bahawa wala' bukan menjadi dasar pewarisan kerana ia telah terputus antara orang-orang Muslim dan orang-orang kafir. Golongan lain pula menjawab pandangan mereka itu bahawa pewarisan bukan didasari atas sifat wala' dalam hati yang ganjaran pahala diperolehi di akhirat. Telah tsabit pewarisan antara orang-orang Muslim dan musuh-musuh mereka yang paling besar iaiatu orang-orang munafiq yang Allah telah berkata mengenai mereka *"Mereka itu adalah musuh, maka berwaspadalah terhadap mereka." (Al-Munafiqun : 4)* kerana wala' di hati bukanlah sesuatu yang disyaratkan dalam pewarisan. Yang menjadi syarat ialah sifat *tanasur* (pembelaan). Oleh kerana orang-orang Muslim mempertahankan kafir *zimmi*, maka harus bagi dia mewarisinya. Sebaliknya seorang kafir *zimmi* tidak wajib mempertahankan orang-orang Muslim, maka tidak harus baginya untuk mewarisi mereka. *Wallahu A`alam*[30].

Kita boleh menganggap bahawa harta warisan ini (harta warisan yang ditanya oleh si penanya, pent.) ibarat wasiat dari bapa yang mati untuk anaknya. Sesungguhnya wasiat dari seorang kafir kepada seorang Muslim dan dari Muslim kepada orang kafir bukan *harbi* adalah harus tanpa ada masalah apa-apa. Di sisi mereka (orang-orang bukan Muslim, pent.), harus bagi manusia untuk mewasiatkan semua hartanya, sekalipun untuk anjingnya. Oleh itu, untuk anaknya lebih utama.

Jika kit aberpegang pada pendapat kebanyakan ulama yang tidak membenarkan seorang Muslim mewarisi orang bukan Muslim, maka pasti kita wajib mengatakan kepada si Muslim yang telah mati bapanya *"Ambillah harta dari peninggalan bapamu yang undang-undang telah menyerahkan kepadamu tetapi janganlah kau ambil kecuali sekadar apa yang kau perlukan untuk menafkah dirimu dan keluargamu. Tinggalkanlah yang baki untuk kerja-kerja kebaikan yang diperlukan oleh orang-orang Muslim. Alangkah banyaknya kerja-kerja sedemikian dan betapa orang-orang Muslim amat memerlukannya sebagaimana yang kamu katakan dalam suratmu. Janganlah kamu biarkan harta ini kepada pemerintah kerana ia mungkin akan memberinya kepada pertubuhan-pertubuhan misionari dan lain-lain.*

Ini sama seperti yang telah kami fatwakan mengenai harta-harta yang diperolehi secara haram seperti riba' dari bank. Kami dan pelbagai majlis-majlis fiqh telah pun memberi fatwa bahawa tidak harus membiarkannya di bank-bank riba' terutama di negara-negara buakn Islam serta wajib mengambil wang-wang riba' itu bukan untuk dia memanfaatkannya tetapi untuk menyalurkannya ke jalan kebajikan dan maslahat-maslahat orang-orang Muslim."

[30] Ibid

Wabillahit taufiq.

CONTOH-CONTOH PENERAPAN FIQH MINORITI DALAM PERSOALAN MAKANAN DAN MINUMAN

Hukum Cuka Yang Diperbuat Dari Arak

Apakah hukum cuka yang diperbuat dari arak?

Dari Frankfurt, Jerman

Jawapan

Jika arak berubah menjadi cuka dengan sendirinya, hukumnya menjadi halal dan sucu secara Ijma'. Namun para fuqaha' telah berselisih pendapat mengenai hukumnya, jika ia berubah menjadi cuka kerana campur tangan dan tindakan yang sengaja seperti dengan meletakkan garam, roti, bawang, cuka atau bahan kimia yang tertentu. Di antara mereka yang berpendapat bahawa ia suci dan halal mengambil manfaat darinya kerana zatnya telah berubah dan telah hilang sifat yang merosakkan yang ada pada arak. Sebahagian pula berpendapat bahawa ia tidak suci dan tidak boleh mengambil manfaat darinya kerana kita diperintahkan untuk menjauhinya *'hendaklah kamu menjauhinya' (Al-Maidah : 90).* Menghalalkannya bererti mendekati arak. Oleh itu, tidak harus.

Hadits Anas telah meriwayatkan dalam persoalan ini dari Abu Daud bahawa Abu Talhah telah bertanya Rasulullah s.a.w mengenai anak-anak yatim yang mewarisi arak. Beliau bersabda yang bermaksud *"Buanglah ia."* Abu Talhah bertanya *"Adakah boleh kami jadikan dia cuka?"* Rasulullah s.a.w bersabda *"Tidak."*[1]

Ini menunjukkan kepada hukum tidak harus. Jika harus, pasti Rasulullah s.a.w akan menggalakkannya kerana ia memberi kebaikan kepada harta anak-anak yatim. Begitu juga kerana apa yang diriwayatkan dari Umar bahawa dia berkata "*Janganlah kau makan cuka dari arak yang telah dirosakkan (diperlakukan sesuatu) sehingga Allah sendiri memulakan proses perubahannya, pada ketika itu barulah cuka menjadi elok. Tidak mengapa bagi seseorang yang mendapat cuka di tangan Ahli Kitab dan membelinya selama mana dia tidak tahu bahawa mereka sengaja mengubahnya*[2]*".*

Yang dimaksudkan dengan 'Allah sendiri memulakan proses perubahannya' ialah apabila arak berubah dengan sendirinya kepada cuka tanpa campur tangan.

Mengikut pendapat Asy-Syirazi dalam kitab *Al-Muhazzab*, ia tidak harus kerana jika dicampurkan cuka ke dalam arak, maka ia menjadi najis. Jika pun sifat arak itu hilang tapi sifat najis pada cuka kekal. Oleh itu, ia tidak boleh menjadi suci.

Imam An-Nawawi berkata dalam kitab *Al-Majmu'* bahawa jika arak berubah menjadi cuka dengan sendirinya, ia menjadi suci di sisi kebanyakan ulama. Qadhi Abdul Wahab Al-Maliki mengatakan bahawa telah berlaku Ijma' dalam persoalan ini tetapi terdapat pihak lain yang menerima dari Sahnun yang menriwayatkan bahawa ia tidak suci.

Jika arak itu berubah menjadi cuka dengan meletakkan sesuatu, maka mengikut mazhab kami ia tidak menjadi suci. Ini juga pendapat Ahmad dan kebanyakan ulama. Abu Hanifah, Al-Auza`ii dan Al-Laits berpendapat bahawa ia adalah suci.

---

[1] Abu Daud meriwayatkan dalam bab Minuman (3672). An-Nawawi berkata dalam kitab Al-*Majmu'* (2/576) "Hadits ini adalah Sahih." Imam Muslim meriwayatkannya dengan ringkas (1983) dalam bab Minuman.

[2] *Al-Amwal* oleh Abu Ubaid, 153, *Al-Atsar* (288)

Dari malik pula terdapat tiga riwayat. Yang paling sahih dari beliau ialah mengubah arak menjadi cuka adalah haram tetapi jika dia telah berubah menjadi cuka, maka hukumnya suci. Pendapat kedua pula ialah perbuatan itu haram dan benda itu tidak suci. Pendapat ketiga pula ialah perbuatan itu halal dan benda itu suci.

Dalam buku-buku mazhab Maliki, pendapat yang kuat ialah mengubah arak menjadi cuka adalah harus[3].

Imam Al-Khitabi telah menyebut dalam kitab Ma`alim As-Sunan *"Ata' b. Abi Rabah dan Umar b. Abdul Aziz telah memberi rukhsah akan keharusan mengubah arak kepada cuka. Abu Hanifah berpegang dengan pendapat ini. Sufyan dan Ibn Al-Mubarak menghukumkan makruh perbuatan itu[4]."*

Abu Ubaid dalam kitab *Al-Amwal* telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Ata' mengenai seorang lelaki yang mewarisi arak. Ata' berkata *"Hendaklah dia buang arak itu."* Dia ditanya *"Apakah pendapat tuan jika dituangkan air ke dalamnya lalu ia berubah menjadi cuka?".* Ata' berkata "*Jika dia berubah menjadi cuka, hendaklah kamu menjualnya.[5]"*

Abu Ubaid meriwayatkan dengan sanadnya dari Al-Mutsanna b. Sa`id bahawa dia berkata *"Umar b. Abdul Aziz telah menulis kepada Abdul Hamid b. Abdul Rahman, Gabenornya di Kufah. 'Hendaklah kau membawa arak dari .... ke .... Jika kau menemukan arak di kapal-kapal, jadikanlah ia cuka.' Abdul Hamid lalu menulis kepada pegawainya, Muhammad Al-Muntasyir, di Wasit seperti itu. Apabila kapa-kapal tiba, dituangkan air dan garam ke dalam .... sehingga ia menjadi cuka."*

Abu Ubaid berkata *"Dengan melakukan sedemikian, Umar telah mengelak dari membenarkan mereka meminum arak (perjanjian aman membenarkan orang-orang bukan Muslim untuk minum arak) dan menghalang mereka pula dari memperniagakannya (kerana ia tidak termasuk dalam syarat perjanjian). Pada pandangan kami ini adalah sebab perintah Umar untuk mengubah arak menjadi cuka. Jika arak itu milik orang-orang Muslim, tidak harus kecuali membuangnya sahaja ke bumi[6]."*

Tafsiran dari Abu Ubaid terhadap tindakan Umar b. Abdul Aziz ini berbeza dengan apa yang difahami oleh Al-Khitabi bahawa Umar memberi ruksah dalam menghalalkannya dan tindakan mengubahnya secara mutlak (tanpa syarat, pent.), samada untuk Muslim atau bukan Muslim.

Abu Ubaid meriwayatkan dari Al-Mubarak b. Fudhalah dari Al-Hasan, yang berkata mengenai seorang lelaki yang mewarisi arak, adakah boleh dia menjadikannya cuka, bahawa dia menghukumkannya makruh[7]. Ia adalah atas dasar wara' dan menjauhi syubhat sebagaimana yang disebutkan oleh Al-Khitabi dari Sufyan dan Ibn Al-Mubarak.

---

[3] Kitab *Al-Majmu*, 2/578-579. Lihat juga kitab *Bidayah Al-Mujtahid*, 1/461, *Hasyiah Ad-Dusuqi*, 1/52, *Asy-Syarh As-Saghir*, ditahqiq oleh Wasfi, 1/48, *Ar-Raudhah*, 4/72, *Fath Al-Qadir*, 8/166-167, *Hasyiah Ibn `Abidin*, 1/209 dan *Kasyaf Al—Qina'*, 1/187.

[4] Kitab *Ma`alim As-Sunan*, 5/261.

[5] *Al-Amwal*, ditahqiq oleh Muhammad Khalil Al-Hiras, edaran Maktabah Al-Kulliyah Al-Azhariyah, ms 152. Kitab *Al-Atsar* (285).

[6] Ibid, ms 149-150. Kitab *Al-Atsar* (280).

[7] Ibid, ms 151. *Kitab Al-Atsar* (284)

Pandangan yang kuat di sisi saya ialah arak jika menjadi cuka, hukumnya adalah halal dan suci kerana ia telah berubah dari satu benda kepada benda yang lain. Sifatnya telah berubah, maka wajiblah berubah hukumnya juga sebagaimana yang kita katakan mengenai setiap najis-najis yang telah berubah, samada ia berubah sendiri atau dengan perbuatan seseorang.

Arak itu sendiri hakikatnya datang dari benda yang halal seperti anggur dan lain-lain. Apabila ia berubah kepada satu benda yang memabukkan, maka ia menjadi haram. Jika ia berubah lagi dan hilang sifatnya yang memabukkan, hilanglah hukum arak dan kembalilah ia kepada hukum asal.

Tidak munasabah untuk sesuatu kaum itu mengubah arak kepada cuka dengan sengaja kerana arak di sisi mereka adalah satu benda yang penting dan lebih mahal dari cuka. Tidak tergambar bahawa mereka hendak mengubah arak kepada cuka sehingga merugikan diri sendiri. Sedangkan mereka adalam kaum yang sentiasa mengharapkan keuntungan kebendaan.

Logik pendapat mazhab Hanafi dan sesiapa yang bersetuju dengannya adalah kuat kerana mengubah arak kepada cuka dengan sengaja sama seperti ia berubah dengan sendiri. Perubahan itu telah menghilangkan sifatnya yang merosakkan iaitu sifat memabukkan. Ia mengembalikan sifatnya yang baik kerana dalam cuka terdapat kebaikan bagi pemakanan, perubatan dan lain-lain. Hal ini adalah kerana `*illah* (sebab) sifat najis arak ialah wujudnya sifat memabukkan. Oleh kerana ia telah ilang, maka hukum itu berubah mengikut `*illah*nya. Apabila ada `*illah*, maka ada hukum. Jika tiada `*illah*, maka tiada hukum.

Imam At-Tahawi berkata dalam kitab *Syarh Musykil Al-Atsar* menyokong pandangan mazhab Hanafi “Kerana kami berpendapat keadaannya sama dengan jus buah yang halal, jika menjadi arak dengan cara tindakan yang lain. Jus itu menjadi haram kerana `*illah* yang ada padanya. Tiada beza hukum dalam hal ini dari segi samada ia berlaku secara semulajadi atau dari perbuatan manusia ke atasnya. Demikianlah juga arak apabila berubah menjadi cuka. Hukumnya sama, tanpa kira samada ia berubah dengan sendiri atau oleh perbuatan manusia. Wujudnya sifat cuka pada arak itu mewajibkan menghukumkannya sebagai cuka. Ia kembali kepada hukum halal dan hilanglah darinya hukum arak iaitu haram. Yang seumpama itu juga ialah menyamak kulit bangkai. Ia menjadi halal dengan tindakan manusia sebagaimana ia menjadi halal jika ditinggalkan kering di bawah matahari dan ditiup oleh angin yang menjadi sebab kepada hilangnya kotoran bangkai. Keadaan sedemikian telah menjadikan hukumnya sama seperti hukum suci kulit dari binatang sejenisnya yang disembelih[8].

Hal ini juga adalah kerana proses mengubah arak menjadi cuka ialah satu tindakan mengubah benda berkenaan, maka haruslah diqiyaskan dengan perbuatan menyamak kulit yang najis. Telah Sahih sabda Rasulullah s.a.w di dalam sebuah hadits yang bermaksud;

“Jika kulit telah disamak, maka ia menjadi suci.[9]”

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud *“Sebaik-baik lauk ialah cuka[10]”* secara umum menguatkan pula perkara ini. Ia tidak membezakan antara satu jenis cuka dengan yang lain. Ia juga tidak meminta untuk menyelidik asal usul cuka itu, bagaimana keadaannya?

---

[8] Kitab *Syarh Musykil Al-Atsar* (8/408), ditahqiq oleh Syu`aib Al-Arnaut, cetakan Ar-Risalah, Beirut.

[9] Muslim meriwayatkan dari Ibn Abbas dalam bab Haidh (366), Abu Daud dalam bab Pakaian (4133), At-Turmuzi (1728), Ibn Majah (3609) dan juga An-Nasa`ii.

[10] Ahmad, Muslim dan penulis-penulis kitab *As-Sunan* meriwayatkan dari Jabir. Muslim dan At-Turmuzi meriwayatkan pula dari Aisyah. *Sahih Al-Jami’ As-Saghir (*6768).

Abu Ubaid telah meriwayatkan dari Ali bahawa dia makan berlauk cuka dari arak. Dari Ibn `Aun pula bahawa Ibn Sirin dahulu tidak menamaknnya sebagai cuka dari arak tetapi menamakannya cuka dari anggur dan dia memakannya[11].

Di zaman kita hari ini ketika cuka itu dibeli, ia telah dikemukakan kepada makmal-makmal kajian yang menyelidik akan bahan-bahan yang terdapat di dalamnya. Lalu dikeluarkan penilaian terhadapnya bergantung kepada bahan-bahan yang ada tanpa melihat kepada asal-usulnya.

Adapun hadits dari Anas r.a dan soalan Abu Talhah serta sikap tegas Nabi s.a.w, ia dilihat sebagai satu tindakan yang mengetatkan di peringkat awal agar mereka meninggalkan arak sepenuhnya serta tidak mendekatinya walau pun untuk mengubahnya (menjadi cuka, pent.). Yang menunjukkan sedemikian, ialah satu riwayat dari At-Turmuzi dalam hadits Anas yang Imam Asy-Syafi`ii, Ahmad dan mereka yang sependapat berhujah dengannya. Anas telah meriwayatkannya dari Abu Talhah bahawa dia berkata “Wahai Nabi! Aku membeli arak untuk anak-anak yatiim di bawah jagaanku? Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud “Buangkah arak berkenaan dan pecahkan ...nya[12].

Membuang arak sememangnya dituntut agar ia tidak dimanfaatkan tetapi kenapa perlu memecahkan ... iaitu perkakas meminum arak sedangkan ia boleh dibersihkan dengan mencucinya. Tidakkah kesemua perkakas itu merupakan harta yang dilarang dari pembaziran dengan memusnahkannya?

Jawabannya ialah ia teramsuk dalam pencegahan dan sikap tegas ke atas mereka di peringkat awal sehingga mereka tidak memudah-mudah dalam pengharaman arak.

Setelah keadaan mantap, maka yang wajib ialah membuang arak, bukan memecahkan perkakasnya kerana menjaga harta yang merupakan salah satu dari lima perkara penting. Bahkan lebih utama untuk mengambil manfaat dari arak dengan menjadikannya cuka. Dengan itu, harta tidak terbuang dari orang-orang Muslim begitu sahaja.

Imam Al-Qurtubi telah menyatakan pandangan mengenai larangan menjadikan arak sebagai cuka dalam kitab tafsirnya. Dia berkata “Kemungkinan larangan menjadikan arak sebagai cuka berlaku di peringkat awal Islam ketika mula turun hukum pengharamannya. Tujuannya ialah agar tiada arak disimpan lama-lama disebabkan era keharusan minum arak baru sahaja berlalu. Selain itu juga ia bertujuan untuk memutuskan sama sekali kebiasaan meminum arak. Jika memang sedemikian, menjadikan arak sebagai cuka bukanlah satu larangan yang sebenar dan perintah membuangnya bukan satu larangan dari memakannya jika ia dijadikan cuka[13].

Pada pandangan saya apa yang dikatakan oleh Al-Qurtubi, rahimahullah, atas dasar kemungkinan terhadap tafsir larangan menjadikan arak sebagai cuka. Ia adalah pendapat yang saya tarjihkan (perkuatkan). Bahkan saya mempertegaskannya sedemikian, insyaAllah. Ia selari dengan manhaj Islam yang berperingkat-peringkat dalam tarbiyah dan tasyri’.

Mengenai larangan Umar r.a memakan cuka dari arak kecuali yang melalui proses semulajadi, sebahagian ulama mentafsirkannya sebagai satu pendirian yang bersifat wara’. Yang jelas pada perspektif kami ialah ia merupakan satu bentuk dari pendidikan ke atas masyarakat Islam dan hukuman *ta’zir* yang diberlakukan ke atas rakyat seperti membuang susu yang mengandungi penipuan (mengiklankan susu atas gred tertentu tetapi keadaan sebenarnya tidak sedemikian keraan hendak mengelirukan pembeli, pent.), menghukum Ruwaisyid Ats-Tsaqafi dengan

---

[11] Kitab *Al-Amwal*, tahqiq oleh Al-Harras, 155, *Al-Atsaran*, 291-292.

[12] Riwayat At-Turmuzi dalam bab Jual beli (1293). Semua periwayat-periwayat sanadnya adalah tsiqah sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab *Nail Al-Authar*, 5/154.

[13] Ibid, ms 190.

membakat rumahnya kerana Umar r.a menjumpai arak di rumahnya. Ini adalah satu tindakan pencegahan yang keras dari Umar agar orang ramai meninggalkan kemunkaran dan bukan satu kelaziman umum. Ramai para fuqaha' menyalahi Umar r.a dalam perkara berkenaan.

Kami menyokong polisi Umar dalam mencegah pelaku-pelaku kemunkaran demi memelihara umat dari tercebur dalam kekeliruan menjual, membuat, memperniagakan arak dan mendekatkan diri dengannya. Hadits telah pun melaknat sepuluh golongan yang terlibat dalam urusana arak. Namun kadangkala arak yang berada di tangan seorang Muslim bukan atas kehendaknya seperti apabila jus buahan berubah menjadi arak atau dia memperolehinya melalui pewarisan atau lain-lain. Dalam keadaan seperti ini, adalah tidak wajar untuk membuang harta seorang Muslim beitu sahaja, jika kita dapati jalan keluar (dari memusnahkannya, pent.).

Begitu juga mungkin sahaja kita memiliki cuka yang berasal dari arak. Untuk wara', hendaklah ia dijauhi tetapi kita tidak mengatakan bahawa ia adalah haram sebagaimana yang kuat pada pandangan kami dan sebagaimana yang ditunjukkan oleh dalil-dalil. Kepada Allah kita panjatkan pujian.

Adapun hadits Anas, ia adalah bagi satu situasi khusus bukan satu hukum umum. Maka memberlakukan hukum umum lebih utama (dari melakukan hukum atas dasar sitausi khusus, pent.).

Apa yang mereka katakan bahawa garam dan bahan-bahan lain (untuk mengubah arak menjadi cukan, pent.) menjadi najis kerana bercaampur dengan arak yang najis tidak dapat diterima kerana ia adalah bahan yang mengubah sifat arak dan sifat arak itu juga telah berubah secara keseluruhannya. Oleh itu, hukumnya pun berubah.

Ta'lil (Menjadikan apa yang dinyatakan di atas sebagai hukum, pent.) ini juga terbatal jika kita berpegang dengan sebahagian mazhab para Salaf iaitu najisnya arak bersifat maknawi (simbolik) bukan najis zat benda berkenaan seperti hukum najisnya orang Musyrik[14]. Ia adalah satu mazhab yang kuat. Al-Qurtubu telah menukilnya dari Rabi`ah guru Imam Malik, Al-Laits b. Sa`ad, Al-Muzani rakan Imam Asy-Syafi`ii dan sebahagian ulama terkemudian dari Baghdad dan kota Qairawan dalam kitab tafisrnya. Mereka semua berpendapat bahawa ia adalah suci. Yang haram adalah meminumnya. Tidak semestinya sesuatu yang haram itu najis. Tidakkah di sana terdapat pelbagai benda yang haram tetapi tidak najis[15]. Di sana tidak ada satu dali yang benar mengenai najisnya arak. Imam Asy-Syaukani berkata dalam kitab As-Sail Al-Jarrar bahawa di sana tiada dalil yang boleh dipegang mengenai najisnya minuman yang memabukkan. Ia kemudian menyokong pendapatnya dengan pelbagi dalil[16].

HUKUM ENZIM YANG BERASAL DARI BABI

Kami memperolehi senarai nama dan nombor sebahagian enzim pengawet *(preservative)* di dalam bahan-bahan makanan yang menyatkan bahawa ia enzim-enzim berkenaan berasal dari tulang atau lemak babi.

Di antara nombor-nombor ini ialah E422, E153 dan banyak lagi yang lain.

Kami memohon tuan agar memberi manfaat kepada kami mengenai hukum makanan-makanan yang mengandungi enzim-enzim ini.

---

[14] Lihat firman Allah taala yang bermaksud *"Sesungguhnya orang-orang Musyrik itu najis, maka janganlah mereka mendekati Masjidil Haram....." (At-Taubah : 28)*

[15] *Tafsir Al-Qurtubi*, jld 6, ms 188-189, cetakan Dar Al-Kutub Al-Misriyah.

[16] *As-Sail Al-Jarrar*, 1/35-37.

Jawaban

Bukan semua enzim yang berasal dari tulang atau lemak babi haram hukumnya secara *qat`ii*, sebagaimana yang disangka oleh ramai pihak. Di antara yang apa yang telah ditetapkan di sisi jumhur fuqaha ialah najis apabila telah berubah, berubahlah hukumnya sebagaimana aral apabila berubah menjadi cuka dan apabila sesuatu najis terbakar dan berubah menjadi debu, atau berubah kerana garam seperti apabila mati seekor binatang di tempat yang dipenuhi garam, walau pun anjing atau babi. Ia lalu berubah sama sekali oleh garam berkenaan sehingga hilang sifat anjing atau babi dan tidak lagi nampak kewujudannya dan tidak kekal pula kecuali sifat garam. Maka di sini telah berlaku perubahan sifat dan nama, maka berubahlah pula hukum kerana hukum itu berkisar bersama *illah* (sebab)nya. Apabila ada *illah* (sebab) ada hukum dan jika tiada *illah* (sebab) tiada hukum.

Bertolak dari sini, kami katakan bahawa kami tidak menghukum ke atas sesuatu perkara mengikut asal usulnya. Sesungguhnya asal usul arak ialah anggur dan lain-lain benda yang terdiri dari perkara-perkara yang mubah di sisi syara'. Namun apabila ia beribah kepada bahan-bahan yang memabukkan, kami menghukumkannya dengan haram kerana sifat araknya. Jika kemudian ia berubah pula dan menjadi cuka, kami hukumkan pula ia sebagai halal dan suci.

Banyak bahan-bahan yang berasal dari babi tetapi telah berubah. Dengan kata lain, ia berubah melalui perubahan kimia, maka tidak lagi dianggap sebagai najis dan tidak lagi dianggap sebagai hukum babi yang diharamkan seperti bahan membuat agar-agar (jelly) yang diambil dari tulang binatang, yang berkemungkinan darti tulang babi. Para pakar, di antaranya ialah saudara kami Dr. Muhammad Al-Hawari, telah memastikanbahawa bahan-bahan ini telah berubah melalui proses perubahan kimia. Di anta contohnya ialah sebahagian bahan-bahan dari sabun, ubat gigi dan lain-lain yang berasal dari babi yang telah hilang darinya sifat babi.

Atas sebab itu, kami meminta saudara kami para ulama dan pakar seperti Dr. Al-Hawari agar meletakkan senarai bahan-bahan yang telah berubah menjadi halal dan suci bagi orang-orang Muslim di Eropah melalui proses kimia.

CONTOH-CONTOH APLIKASI
DALAM URUSAN DAN PERHUBUNGAN KEMASYARAKATAN

MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA AHLI KITAB TERHADAP HARI KEBESARAN MEREKA

Saya adalah seorang pelajar pasca-sarjana (doktor falsafah) dalam pengajian nuklear di negara Eropah iaitu Jerman. Alhamdulillah, saya seorang yang memelihara agama saya, menunaikan kewajiban terhadap Tuhan, saling membantu saudara-saudara saya di sini untuk nerkhidmat kepada agama saya dan memelihara masyarakat minoriti Muslim yang jumlahnya ramai di sini.

Masalah yang saya ingin kemukakan kepada Tuan ialah apakah yang dihahalkan bagi kami dalam memberi layanan baik kepada sesuatu kaum ketika hari-hari bersempena (perayaan) yang berbeza dan apa yang haram pula ke atas kami? Di antaranya ialah hari-hari bersempena kebangsaan dan hari bersempena keagamaan. Yang paling popular ialah Hari Krismas yang diraikan oleh masyarakat secara besar-besaran.

Saya telah mendengar dari beberapa saudara saya bahawa ia adalah haram (melakukan layanan baik, pent.) bahkan ia adalah dari dosa-dosa besar di sisi Allah kerana di dalam perbuatan itu terdapat pengakuan akan kebatilan dan kekufuran dan persetujuan kepada mereka untuk terus tenggelam di dalamnya serta penyertaan bersama mereka dalam perkara keagamaan mereka.

Saya ketika memberi layanan baik dengan mengucapkan tahniah atau memberi hadiah, tidak sama sekali ada dalam fikiran saya bahawa saya mengakui kebatilan mereka atau bersetuju atas kekufuran mereka tetapi ia hanya merupakan satu tata pergaulan yang baik yang diperintahkan oleh Islam dan kehalusan budi dalam berurusan dengan manusia. Apatah lagi, mereka sentiasa bersegera dalam mengucapkan tahniah pada ketiak hari kebesaran kami. Kadangkala mereka memberi hadiah kepada kami. Saya merasakan bahawa tidak membalas kebaikan ini merupakan tatasusila yang kasar dan kurang beradab yang mana tidak sesuai bagi seorang Muslim untuk membalas perasaan baik ini dari masyarakat dengan wajah yang masam, dahi yang berkerut dan sikap tidak peduli terhadap hari bersempena berkenaan. Yang demikian itu menampilkan seorang Muslim dengan penampilan yang menjauhkan masyarakat dan memberi imej buruk kepada Islam, khususnya pada ketika ini yang mana serangan ke atas Islam amat hebat. Masyarakat mensifatkannya sebagai ganas dan mensifatkan pendakwah-pendakwahnya sebagai teroris. Dengan sifat kasar seperti ini, kami telah memberi mereka hujah atau senjata untuk menyerang agama dan umat Islam.

Kami mengharapkan dari Tuan untuk memberi penerangan mengenai pendirian fiqh Islam yang terkini dalam isu yang sensitif ini mengikut neraca pertimbangan syara' sebagaimana yang telah Tuan membiasakan kami dalam isu-isu yang seperti ini dengan memohon agar Allah taala memanfaatkan umat Islam dengan ilmu Tuan dan memberkata usaha dan jihad Tuan, Amin.

Jawaban

Segala puji bagi Allah. Selawat dan salam ke atas Rasulullah.

Tidak ragu-ragu untuk saya katakan bahawa isu yang ditanya oleh saudara adalah satu isu yang penting dan sensitif, sebagaimana yang dia sendiri nyatakan. Saya telah ditanya mengenainya di pelbagai negera di Eropah dan Amerika oleh saudara-saudara kaum Muslimin dan Muslimat yang hidup di negara berkenaan dan bergaul dengan penduduk-penduduknya yang beragama Kristian. Di antara mereka terikat dengan pelbagai lumrah ikatan kehidupan seperti ikatan kejiranan di tempat tinggal, persahabatan di tempat kerja dan teman di tempat belajar. Kadangkala seorang Muslim merasakan kebaikan seorang bukan Muslim terhadapnya dalam keadaan-keadaan tertentu seperti situasi seorang penyelia bukan Muslim yang membantu pelajar Muslim dengan ikhlas, doktor bukan Muslim yang merawat pesakit Muslim dengan ikhlas dan

lain-lain. Pepatah ada mengatakan bahawa Islam itu adalah tawanan bagi sifat ihsan. Seorang penyair berkata;

Berlaku ihsanlah kepada manusia nescaya kau akan dapat menawani hati manusia,
Selama mana sifat ihsan itu masih menguasai hatinya.

Apakah pendirian seorang Muslim terhadap mereka bukan Muslim yang hidup berdamai dengan dengan mereka, tidak memusuhi kaum Muslimin, tidak memerangi mereka atas dasar agama, tidak pula menghalau mereka dari rumah-rumah mereka atau saling membantu untuk menghalau mereka.

Sesungguhnya Al-Quran Al-Karim telah meletakkan aturan dasar perhubungan antara orang-orang Muslim dan bukan Muslim dalam dua ayat dari kitab Allah taala dalam surah Al-Mumtahanah. Ia telah turun mengenai orang-orang Musyrik penyembah berhala. Allah berfirman yang bermaksud;

"Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu karena agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan barang siapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (Al-Mumtahanah : 8-9)

Dua ayat ini telah membezakan antara golongan yang berdamai dengan orang-orang Muslim dan golongan yang memerangi mereka.

Terhadap golongan pertama (yang berdamai), ayat berkenaan mensyariatkan berlaku baik dan ihsan terhadap mereka. Perkataan *Al-Qist* dalam ayat berkenaan bermaksud adil. Manakala perkataan Al-Bir pula bermaksud ihsan dan pemberian yang baik. Ia merupakan sesautu yang lebih tinggi dari sifat adil.

Adapun adil itu bermakna hendaklah kamu mengambil hak kamu. Sedangkan sifat *bir* bermakna hendaklah kamu melepaskan (menghalalkan) sebahagian hak kamu. *Al-Adl* dan *Al-Qist* bermakna hendaklah kamu memberi seseorang itu haknya tanpa kurang. Manakala *Al-Bir* pula bermakna hendaklah kamu menunaikan haknya lebih dari yang sepatutnya sebagai tanda ihsan.

Adapun golongan lain yang dilarang ber*wala'* terhadap mereka oleh ayat yang lain ialah golongan yang memusuhi orang-orang Muslim, memerangi mereka, mengeluarkan mereka dari negara-negara mereka secara tidak sah hanya semata-mata kerana mereka berkata 'Tuhan kami adalah Allah'. Sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Quraisy dan orang-orang Musyrik Mekah terhadap Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabatnya.

Al-Quran telah memilih perkataan *Al-Bir* untuk menggambarkan muamalah dengan golongan yang berdamai apabila ia berkata 'Hendaklah kamu berlaku baik *(bir)* terhadap mereka'. Ia adalah perkataan yang digunakan bagi menunaikan hak manusia yang paling agung setelah hak Allah taala iaitu berlaku baik *(bir)* kepada orang tua.

Imam Al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan dari Asma' binte Abu Bakar bahawa dia mendatangi Rasulullah s.a.w dan berkata 'Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah datang kepadaku sedangkan dia seorang wanita yang musyrik. Dia suka untuk menjalin hubungan. Apakah boleh aku menjalin hubungan silaturahim dengannya? Rasulullah s.a.w berkata 'Jalinilah hubungan silaturahim dengan ibu kamu.'

Hal ini berlaku sedangkan dia adalah seorang wanita musyrik. Sedangkan telah diketahui bahawa pendirian Islam terhadap Ahli Kitab lebih ringan dari pendiriannya terhadap golongan musyrik penyembah berhala.

Sehingga Al-Quran membenarkan memakan makanan mereka dan bersemenda dengan mereka. Ertinya diharuskan memakan sembelihan mereka dan berkahwin dengan wanita-wanita mereka, sebagaimana firman Allah taala dalam surah Al-Maidah yang bermaksud;

"Pada hari ini dihalalkan bagimu yang baik-baik. Makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Al-Kitab itu halal bagimu, dan makanan kamu halal pula bagi mereka. (Dan dihalalkan mengawini) wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Al-Kitab sebelum kamu...." (Al-Maidah : 5)

Natijah dan hasil dari perkahwinan ini ialah wujudnya rasa kasih antara pasangan suami isteri, sebagaimana firmna Allah taala yang bermaksud;

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu istri-istri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang.." (Ar-Rum : 21)

Bagaimana mungkin seorang suami tidak mencintai isteri, penjaga rumahnya, teman hidupnya dan ibu kepada anak-anaknya? Allah taala telah berfirman dalam menerangkan hubungan suami isteri sesama merekan dalam frimanNya yang bermaksud;

".....mereka itu adalah pakaian bagimu, dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka." (Al-Baqarah : 187)

Natijah dan hasil dari perkahwinan ini juga ialah pensemendaan antara dua buah keluarga. Ia adalah salah satu dari dua ikatan dasar yang semula jadi antara manusia sebagaimana yang ditunjukkan oleh Al-Quran dengan firmanNya yang bermaksud;

" Dan Dia (pula) yang menciptakan manusia dari air, lalu Dia jadikan manusia itu (punya) keturunan dan mushaharah dan adalah Tuhanmu Maha Kuasa." (Al-Furqan : 54)

Natijah dari perkahwinan itu juga ialah wujudnya hubungan keibuan dan segala hak-hak yang timbul dari hubungan itu ke atas si anak dalam Islam. Adakah termasuk dalam sifat berbuat baik *(bir)* dan pergaulan yang baik juga jika hari kebesaran seperti ini menjelang sedangkan si anak tidak menyatakan ucapan selamat kepada ibunya? Apa pula pendiriannya terhadap kaum kerabat di sebelah ibunya seeprti datuk, nenek, pak cik, mak cik, sepupu-sepupu dan mereka yang mempunyai hak hubungan kerabat, sedangkan Allah taala telah berfirman yang bermaksud;

"Orang-orang yang mempunyai hubungan itu sebagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang kerabat) di dalam kitab Allah." (Al-Anfal : 75)

FirmanNya lagi yang bermaksud;

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat..." (An-Nahl : 90)

Jika kita menerima bahawa hak keibuan dan hubungan kerabat mewajibkan seorang Muslim dan Muslimah untuk menjalin silaturahim yang menggambarkan keindahan akhlaq seorang Muslim, keluasan dadanya dan iltizamnya untuk menunaikan kewajiban slaturahim dengan kerabatnya. Sesungguhnya hak-hak lain (terhadap sesama manusia, pent.) mewajibkan ke atas seorang Muslim untuk menonjolkan imej yang sama juga. Rasulullah s.a.w telah berpesan kepada Abu Zar dengan sabdanya yang bermaksud;

"Bertakwalah kamu di mana pun kamu berada. Ikutilah sesautu kejahatan dengan amalan yang baik, nescaya ia akan mengahapuskannya (kejahatan). Bergaullah dengan manusia dengan akhlaq yang baik.[1]"

Demikianlah kata-kata Rasulullah s.a.w *'Bergaullah dengan manusia dengan akhlaq yang baik'.* Dia s.a.w tidak berkata *'Bergaullah dengan orang-orang Muslim dengan akhlaq yang baik'.*

Sebagaimana juga Nabi s.a.w menggesa untuk mengamalkan sifat lemah lembut dalam perhubungan dengan golongan bukan Muslim serta melarang sifat ganas dan kasar dalam perhubungan berkenaan.

Apabila beberapa orang Yahudi berjumpa Rasulullah s.a.w dan melemperkan ucapan salam dengan kata-kata *"As-samu alaika, wahai Muhammad"*, makna *As-Samu* itu pula ialah kehancuran dan mati, lalu didengari oleh Aisyah r.a. Aisyah r.a membalas dengan berkata *"As-samu alaika wal la`nah (mati dan laknat ke atas kamu), wahai musuh-musuh Allah".* Rasulullah s.a.w lalu menegur perbuatan Aisyah r.a itu. Aisyah r.a berkata *"Apakah kau tidak mendengar apa yang mereka ucapkan?, wahai Rasulullah."* Rasulullah s.a.w berkata *"Aku dengar. Dan aku berkata 'Wa alaikum (dan ke atas kamu juga. Ertinya mati berlaku ke atas kamu sebagaimana ia berlakau ke atas saya juga)'. Wahai Aisyah, sesungguhnya Allah mencintai lemah lembut dalam segala perkara.[2]'*

Keharusan mengucapkan tahniah kepada orang-orang bukan Muslim kerana hari-hari perayaan seperti ini menjadi semakin kuat jika mereka, sebagaimana yang disebutkan dalam soalan, bersegera dalam menyampaikan ucapan tahniah kepada orang Muslim sempena hari kebesaran Islam. Sesungguhnya kita telah diperintah untuk membalas kebaikan dengan kebaikan dan membalas ucapan dengan sesuatu yang lebiih baik atau paling kurang dengan sesuatu yang sama sebagaimana firman Allah taala yang bermaksud

"Apabila kamu dihormati dengan suatu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik, atau balaslah (dengan yang serupa)...." (An-Nisa' : 86)

Tidak elok bagi seorang Muslim mempunyai sifat pemurah dan akhlaq mulia yang lebih rendah dari orang lain. Sepatutnya, seorang Muslim ialah seorang yang melimpah dan lebih sempurna dengan sifat-sifat yang mulia, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadits yang bermaksud;

"Mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling elok akhlaqnya.[3]"

Sebagaimana juga sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud;

"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlaq yang mulia.[4]"

Telah diriwayatkan bahawa seorang Majusi telah mengucapkan kepada Ibn Abbas *"Assalamualaikum".* Ibn Abbas berkata *"Walaikumussalam warahmatullah".* Lalu sebahagian sahabat-sahabatnya berkata *"Adakah awak berkata warahmatullah (dan rahmat Allah)?"* Dia menjawab *"Tidakkah dengan rahmat Allah dia hidup."*

Perbuatan seperti menjadi lebih penting jika kita mahu menyeru dan mendekatkan mereka kepada Islam dan menanam rasa kasih kepada umat Islam. Ini pastinya tidak akan tercapai dengan sifat tidak peduli antara kita dengan mereka.

---

[1] Riwayat At-Turmuzi, 1988. At-Turmuzi berkata bahawa ini adalah hadits Hasan, dan begitu juga Ahmad.
[2] Riwayat Al-Bukhari & Muslim dari Aisyah.
[3] Riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibn Hibban dan Al-Hakim.
[4] Riwayat Ibn Sa`ad dan Al-Bukhari dalam kitab *Al-Adab Al-Mufrid*.

Sesungguhnya Nabi s.a.w adalah seorang yang baik akhlaqnya dan elok pergaulannya dengan orang-orang musyrik dari kalangan Quraisy sepanjang hidupnya di Mekah, walaupun mereka sentiasa menyakiti dan mengejek beliau dan sahabat-sahabatnya.Sehinggakan, kerana terlalu percaya terhadap Rasulullah s.a.w, mereka sentiasa mengamanahkan Rasulullah s.a.w untuk menyimpan barang-barang yang mereka bimbangi. Apabila Rasulullah s.a.w hendak berhijrah ke Madinah, beliau s.a.w meninggalkan di belakangnya Ali r.a dan memerintahkannya untuk memulangkan barang-barang berkenaan kepada para pemiliknya.

Oleh itu, tiada halangan bagi seorang Muslim atau mana-mana pusat Islamuntuk mengucapkan tahniah kepada orang-orang bukan Muslim sempena hari kebesaran mereka, samada melalui lisan atau kad yang tidak mengandungi lambang-lambang atau kata-kata keagamaan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam seumpama lambang salib. Islam menolak konsep salib dalam firman Allah taala yang bermaksud

"....padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan 'Isa bagi mereka." (An-Nisa' : 157)

Kata-kata ucapan tahniah yang biasa dalam sempena yang seperti ini tidak mengandungi apa jua pengakuan terhadap agama mereka atau meredhainya. Ia adalah hanyalah ucapan manis yang telaha menjadi kebiasaan manusia.

Tiada halangan pula untuk menerima hadiah dari mereka serta membalas perbuatan mereka itu. Nabi s.a.w telah menerima hadiah dari orang-orang bukan Muslim seperti Muqauqis, ketua orang-orang Qibti di Mesir dan lain-lain, dengan syarat hadiah-hadiah ini bukan dari sesuatu yang diharamkan oleh syara' seperti arak atau daging babi.

Saya tahu bahawa sebahagian fuqaha' seperti Syeikh Islam Ibn Taimiyah amat ketat dalam persoalan hari kebesaran orang-orang musyrik dan Ahli Kitab dan mengikut serta di dalamnya, sebagaiman yang terdapat dalam bukunya *Iqtidha' As-Sirat Al-Mustaqim Wa Mukhalafatu Ahl Al-Jahim.*

Saya bersependapat dengannya dalam menentang perbuatan orang-orang Muslim meraikan bersama hari-hari kebesaran orang-orang musyrik dan Ahli Kitab, sebagaimana yang kita lihat perbuatan sebahagian orang-orang Muslim yang meraikan Krismas, sebagaimana mereka meraikan `Iidul Fitri dan `Iidul Adha, bahkan mungkin lebih dari itu. Ini tidak diharuskan. Kita mempunyai hari kebesaran kita sendiri dan mereka juga mempunyai hari kebesaran mereka. Namun saya berpendapat tidak mengapa untuk mengucapkan tahniah sempena hari kebesaran orang-orang bukan Muslim kepada sesiapa yang mempunyai hubungan silaturahim, kejiranan, persahabatan atau hubungan-hubungan kemasyarakatan yang lain, yang menuntut sifat kasih dan hubungan baik yang diakui oleh adat kebiasaan yang baik.

Sesungguhnya Ibn Taimiyah telah memberi fatwa dalam masalah ini mengikut keadaan zamannya. Jika beliau r.a hidup di zaman kita dan melihat jaringan hubungan antara sesama manusia, dunia yang mengecil seperti sebuah kampung yang kecil dan keperluan umat Islam untuk berhubungan dengan orang-orang bukan Muslim, yang malangnya hari ini menjadi guru-guru bagi umat Islam dalam pelbagai ilmu dan perindustrian, Begitu juga jika beliau melihat akan keperluan dakwah untuk mendekati golongan bukan Muslim, penonjolan imej umat Islam dalam bentuk yang lembut, bukan ganas, memberi berita baik, bukan menjauhkan orang lain dan melihat ucapan tahniah seorang Muslim kepada jiran, sahabat dan gurunya semasa hari kebesaran mereka tidak mengandungi unsur redha terhadap akidah Kristian atau pengiktirafan terhadap kekufurannya sebagaimana yang diyakini oleh seorang Muslim. Bahkan jika ia melihat bahawa seorang Kristian itu sendiri tidak lagi merayakan hari kebesaran ini sebagai perayaan agama untuk mendekatkan diri kepada Tuhan, perayaan berkenaan di sisi umum telah menjadi satu tradisi atau kebiasaan negara dan sosial yang dilakukan oleh manusia untuk menikmati sepena hari kebesaran itu masa cuti, hidangan dan minuman serta saling bertukar hadiah antara keluarga dan sahabat handai.

Jika Ibn Taimiyah hidup di zaman kita dan melihat kesemua ini, ia akan mengubah pendapatnya atau meringankan pandangannya yang ketat. Sesunggunya beliau sentiasa mengambil kira masa, tempat dan keadaan dalam memberi fatwa.

Kesemua ini berkaitan dengan hari-hari kebesaran agama. Adapun hari-hari kebesaran negara seperti hari kemerdekaan atau hari kesatuan atau hari-hari kebesaran sosial seperti Hari Ibu, Hari Kanak-kanak, Hari Pekerja, Hari Belia dan yang seumpamanya, tiada halangan bagi seorang Muslim untuk mengucapkan tahniah dan menyertainya sebagai rakyat atau penduduk di negara-negara berkenaan. Namun hendaklah dia memelihara diri untuk meninggalkan perkara-perkara yang haram yang mungkin berlaku.

Semoga Allah taala memberi taufik.

BERMUAMALAH DENGAN JIRAN BUKAN MUSLIM DI NEGARA BUKAN ISLAM

Saya adalah seorang pelajar tahun empat di Institut Pengajian Islam Eropah di Perancis. Saya sedang membuat kajian bagi tajuk *Bermuamalah Dengan Jiran Bukan Muslim Di Negara Bukan Islam.* Kajian ini akan menjadi syarat kelulusan saya, jika dizinkan oleh Allah taala.

Muncul di fikiran saya satu masalah. Saya pohon dari Tuan bantuan mengenai masalah berkenaan, iaitu;

Jika seorang jiran bukan Muslim mengundang jirannya yang Muslim kepada majlis makan. Dia menghidangkan di atas meja makan arak.

Adakah wajib menyahut undangan berkenaan?
Adakah keadaan ini termausk dalam sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud

"Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat, janganlah ia duduk di meja makan yang dihidangkan di atasnya arak." (Riwayat At-Turmuzi dan Ahmad. Al-Hakim mensahihkannya)

Bolehkah dia duduk bersama dalam majlis seperti ini?
Dalam keadaan dia tidak pasti setelah menerima undangan berkenaan, adakah patut dia bertanya jirannya untuk mendapat kepastian agar dia tidak jatuh dalam kemunkaran atau dia membiarkan keadaan berkenaan sahaja sehingga dia tiba di rumah jirannya?
Adakah di sana terdapat keadaan-keadaan yang mengharuskan duduk dalam majlis berkenaan?
Bolehkan kita jadikan tujuan dakwah sebagai sebab keharusan. Maksud saya ialah, jika seorang Muslim berniat untuk berdakwah dengan jirannya yang bukan Muslim kepada Islam, terdapat kemungkinan dia cenderung kepada Islam, dalam keadaan seperti ini, bolehkah dia duduk bersama jirannya atas niat untuk berdakwah kepada dengan berpegang kepada kaedah harus menanggung kemunkaran yang lebih ringan bagi menghilangkan kemunkaran yang lebih besar iaitu kekufuran jirannya.

Saya berharap agar Tuan dapat memberi faedah kepada kami sebagaimana Allah taala telah memberi faedah kepada Tuan dengan menerangkan dalil-dalil Tuan dalam masalah ini.

Umar Rifi

Jawaban

Anakku Umar Rifi
Semoga Allah taala memelihara dan membimbing segala langkah kamu.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Saya berharap saudara-saudara kamu sekalian dalam keadaan baik dan sejahtera dalam urusan agama dan dunia kamu. Semoga Allah taala menetapkan untuk kamu taufik dan mengurniakan kamu bantuan dari sisiNya.

Dengan taufik dari Allah, saya menjawab soalan kamu seperti berikut.

Yang pertama ialah Islam amat mementingkan hak seorang jiran, samada jiran berkenaan Muslim atau bukan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh firman Allah taala yang bermaksud;

"..... tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh...." (An-Nisa' : 36)

Abdullah b. `Amr telah mewasiatkan pembantunya agar tidak melupakan jirannya yang beragama Yahudi dari apa jua sembelihan yang disembelih olehnya. Dia sentiasa memberi kepentingan akan pesanannya itu sehingga pembantunya brtanya mengenai rahsia kepentingan berkenaan. Dia lalu berkata bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud;

"Jibril sentiasa berpesan kepadaku mengenai jiran, sehingga aku menyangka seolah-olah dia akan menerima warisan."

Yang kedua ialah tidak wajib ke atas seorang Muslim untuk menyahut undangan yang ditujukan kepadanya jka dia tahu bahawa di sana terdapat kemunkaran yang dia tidak mampu mengubahnya. Jika dia tidak mampu untuk menghilangkan kemunkaran, maka hendaklah dia 'menghilangkan' dirinya dari majilis berkenaan.

Ini adalah apa yang dinyatakan oleh para fuqaha mengenai sesiapa yang diundang ke majlis jamuan perkahwinan *(walimah)* dan mengetahui bahawa di dalamnya terdapat beberapa kemunkaran. Hatta di sisi mereka yang berpendapat bahawa menyahut undangan jamuan majlis perkahwinan adalah wajib sekalipun. Sedangkan di sana pula terdapat pendapat yang mengatakan bahawa menjawab undangan berkenaan hanyalah digalakkan, bukan wajib.

Adapun majlis selain jamuan perkahwinan, menyahut undangan berkenaan secara ijma'. Ia hanya digalakkan bagi mengukuhkan hubungan, menyuburkan perasaan-perasaan kasih antara manusia. Khususnya jika terdapat di antara mereka hubungan-hubungan tertentu yang sedia ada seperti hubungan kerabat, jiran dan persahabatan.

Yang ketiga, mungkin soalan yang lebih penting ialah adakah boleh bagi seseorang untuk pergi ke undangan berkenaan, walau pun ia tidak wajib?

Jawabannya ialah asal hukum dalam perkara sedemikian adalah tidak harus berdasarkan hadits yang disebut oleh yang bertanya, iaitu sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud;

"Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat, janganlah ia duduk di meja makan yang dihidangkan di atasnya arak." (Riwayat At-Turmuzi dan Ahmad. Al-Hakim mensahihkannya)

Kerana dari kaedah-kaedah Islam ialah maksiat hendaklah ditangani dari pelbagai sudut sehingga ia tercabut dari akarnya. Maka sebab itu diharamkan segala pekerjaan yang menjurus kepada maksiat atau membantunya. Inilah sebab Rasulullah s.a.w melaknat lima belas jenis manusia yang berkaitan dengan arak yang meliputi sesiapa sahaja yang membantu perbuatan meminum arak melalui apa jua cara. Demikian juga laknat yang dikenakan ke atas pemakan Riba, pemberinya, penulis dan saksi bagi transaksi riba.

Maka hukum bagi seorang Muslim yang menghadiri majlis-majlis yang mempunyai arak adalah berdosa kerana kehadirannya sahaja di majlis berkenaan menguatkan mereka yang melakukannya dan membantu mereka.

Telah diriwayatkan bahawa Umar b. Abdul Aziz telah dibawa kepadanya sekelompok manusia yang minum arak untuk dilaksanakan hukuman hudud ke atas mereka. Mereka lalu berkata *"Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya dalam kumpulan itu terdapat mereka yang tidak minum arak, bahkan mereka berpuasa."* Umar berkata *"Mulakan pelaksanaan hudud dengan mereka dahulu."* Sesungguhnya Allah taala telah berkata yang bermaksud;

"Dan sungguh Allah telah menurunkan kepada kamu di dalam Al Qur'an bahwa apabila kamu mendengar ayat-ayat Allah diingkari dan diperolok-olokkan (oleh orang-orang kafir), maka janganlah kamu duduk beserta mereka, sehingga mereka memasuki pembicaraan yang lain. Karena sesungguhnya (kalau kamu berbuat demikian), tentulah kamu serupa dengan mereka..." (An-Nisa' : 140)

Al-Quran menganggap mereka yang duduk bersama orang-orang kafir yang mempersendakan agama sama seperti mereka, iaitu dalam menerima dosa.

Tidak dimaafkan dari dosa kecuali jika ada rasa takut terhadap mudharat yang akan menimpanya jika seseorang itu menolak undangan berkenaan. Dalam keadaan seperti ini, dia mengahadirinya atas dasar menanggung salah satu dari mudharat yang lebih ringan berdasarkan kaedah yang muktabar – harus menanggung mudharat yang ringan untuk menolak mudharat yang lebih besar.

Hampir kepada kaedah berkenaan ialah jika seseorang itu berharap memperoleh maslahat yang besar dengan menerima undangan seperti harapan pada kemungkinan jirannya akan menerima Islam melalui sangkaannya bahawa si jiran sudah mula condong terhadap agama ini. Dia takut akan hilang peluang ini, jika hati jiran berkenaan terbiar dan dia enggan menyahut undangan berkenaan. Persoalan seperti ini adalah ruang bagi ijtihad seseorang.

Adapun mengenai pertanyaan terhadap pihak yang mengundang samada terdapat arak atau babi atau lain-lain yang diharamkan oleh Islam secara qat'ii, ini adalah satu perbuatan yang lebih baik. Sehingga dengan sedemikian itu seorang buakn Muslim mengetahui bahawa seorang Muslim tidak minum arak dan tidak makan babi dan lain-lain. Inilah yang dilakukan oleh orang-orang Muslim yang hidup di dalam masyarakat bukan Muslim. Mereka memberitahu mereka yang menyampaikan undangan bahawa mereka tidak minum minuman-minuman yang memabukkan dan tidak menyertai hidangan makanan yang menghidangkan minuman berkenaan. Ini menjadikan jiran-jiran dan teman-teman mereka, apabila mengundang mereka, menghormati nilai-nilai dan prinsip-prinsip mereka. Mereka lalu tidak menghidangkan hidangan sedemikian untuk tetamu mereka yang beragama Islam.

Perbuatan seperti ini lebih baik dari meninggalkan undangan berkenaan tanpa pemberitahuan sehingga dia tidak menimbulkan kejutan yang tidak dijangka, apabila dia menyatakan keuzuran untuk hadir setelah pihak yang mengundang bersusah payah dan menjangka kehadirannya.

Semoa Allah taala memberi taufik.

PEMBELIAN RUMAH DI NEGARA MELALUI BANK-BANK

Pertanyaan mengenai pembelian rumah-rumah melalui pinjaman yang mengandungi riba di negara Barat ukan satu perkara yang baru bagi saya. Bahkan ia adalah satu pertanyaan yang lama. Umurnya sekitar suku kurun atau lebih. Saya telah mendengarnya berkali-kali sejak bermulanya lawatan saya terhadap kaum pendatang minoriti Muslim di Amerika. Eropah, Timur Jauh dan lain-lain.

Pertanyaan mengenai pembelian rumah akan terus berulang sebagaimana berulangnya pertanyaan mengenai daging-daging sembelihan orang-orang Barat yang kebanyakannya beragama Kristian dan mengenai makanan-makanan yang mungkin mengandungi daging atau lemak babi.

Yang nyata, berulang-ulang dan banyaknya pertanyaan mengenai pembelian rumah-rumah ialah kerana dua sebab disebaliknya;

Yang pertama ialah kerana keperluan manusia yang amat sangat untuk memiliki rumah sendiri yang memberi keselesaan baginya, anak-anak dan tetamu-tetamunya.

Yang kedua ialah kerana di sana terdapat segelintir kecil para ulama yang memfatwakan keharusan membeli rumah-rumah ini dan berhujah untuk menegakkannya.

Beberapa saudara di Britain telah memberitahu saya bahawa sebahagian ulama India dan Pakistan telah memfatwakan sejak dulu lagi bagi saudara-saudara Muslim berbangsa India dan Pakistan yang menetap di Britain akan keharusan membeli rumah-rumah menggunakan pinjaman berfaedah berdasarkan mazhab Abu Hanifah dan sahabatnya Muhammad. Mereka lalu membeli rumah-rumah di London dan di beberapa bandar yang besar dengan harga yang murah di masa itu. Akibatnya, keadaan berubah dengan cepat dan harga-harga melambung naik. Sehingga rumah-rumah ini yang sebahagiannya terletak di tengah-tengah kota London yang bernilai jutaan, bahkan puluhan juta telah mengubah keadaan ekonomi mereka. Sehingga mereka menjadi antara para pemilik hartanah yang besar di England.

Saya suka berterus terang di sini bahawa pendapat saya dalam isu ini, selama sekitar 20 tahun, ialah melarang, mengharamkan dan ketat dalam perkara ini, serta menolak sesiapa yang cenderung untuk mengharuskannya.

Saya ingin menyebut bahawa pada sekitar tahun 70an di abad kedua puluh, saya bertemu dengan seorang pakar ilmu fiqh iaitu Profesor Mustafa Az-Zarqa, semoga Allah taala merahmatinya. Saya bentangkan kepadanya persoalan ini dalam salah satu pertemuan. Beliu berpendapat bahawa perkara ini adalah harus kerana beramal dengan mazhab Hanafi. Ada pun pendapat yang melarang, ia berdasakan pada pegangan saya terhadap pendapat Jumhur dan berdasarkan makna zahir dari keumuman dalil-dali pengharaman riba', tanpa mengambil kira tentang persoalan *Darul Islam* atau *Darul Harb*.

Namun akal seorang Muslim yang alim bukanlah seperti sepotong besi atau seketul batu (beku dan keras, pent.). Sebaliknya, akalnya terus bergerak. Ia terus mengkaji, membandingkan dan membuat pertimbangan. Diaa tidak membiarkan ilmunya berhenti pada batas-batas tertentu. Dia tidak berkata, pada satu masa"Aku telah mencapai puncak ilmu dan tidak mengharapkan apa-apa peningkatan lagi'.Bahkan seorang Muslim itu sentiasa menuntut ilmu dari buaian hingga ke liang lahad. Seorang itu akan kekal sebagai seorang alim selama mana dia terus menuntut ilmu. Apabila sahaja dia menyangka bahawa dia seorang alim, jadilah dia seorang yang jahil. Allah taala telah berfirman kepada penutup para Rasul dan hambanya yang terbaik yang bermaksud;

"Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan." (Taha : 114)

FirmanNya lagi yang bermaksud

"....dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit." (Al-Isra' : 85)

Selama mana seorang alim terus menuntut ilmunya, maka tidaklah hairan dia mengubah pendapatnya mengikut dalil-dalil syara' yang baru terserlah baginya dan tidak terserlah sebelum itu; yang muncul dari kefahaman terhadap nas-nas, *maqasid syar`iah* dan *waqi'* (realiti) yang telah menyebabkan Imam Asy-Syafi`i juga telaha mengubah banyak dari pendapat-pendapatnya. Sehingga dengan itu, dikenali dalam mazhabnya; Imam Asy-Syafi'i berkata dalam pendapat lamanya *(Qaul Qadim)* dan Imam Asy-Syafi'i berkata dalampendapat barunya *(Qaul Jadid).* Yang demikian itu adalah kerana, apabila dia menyusun pendapatnya yang baru *(Qaul Jadid),* setelah menetap di Mesir, dia melihat apa yang sebelum ini dia tidak melihatnya dan mendengar apa yang sebelum ini dia tidak mendengar, disamping faktor kematangan usia dan pengalaman, lalu berubahlah ijtihadnya.

Faktor sedemikian juga yang menyebabkan sahabat-sahabat Abu Hanifah berbeza pendapat dengan imam mereka dalam lebih dari suku pendapat mazhab Hanafi. Ia juga menjadikan para ulama dari mazhab Hanafi memilih dua orang sahabat Abu Hanifah atau salah seorang darinya untuk fatwa. Kebanyakan perbezaan ini berlaku adalah kerana perbezaan masa mereka berdua dengan masa imam mereka. Oleh sebab itu, mereka berkata 'Jika dia melihat apa yang kami lihat, nescaya dia akan berpendapat yang sama seperti pendapat kami'. Para ulama mazhab Hanafi telah menggamrkan perbezaan seperti ini sebagai perbezaan masa dan zaman, bukan perbezaan hujah dan dalil.

Bolehlah juga dikatakan mengenai perbezaan antara Imam Malik dan sahabat-sahabatnya, Imam Ahmad dan sahabat-sahabatnya juga adalah kerana sebab yang sama. Bahkan mungkin sahaja atas sebab yang sama kedapatan banyak riwayat pendapat yang berbeza dalam satu perkara dari Imam Ahmad, sehingga kadangkala mencapai sepuluh atau lebih pendapat. Hal ini adalah kerana beliau pada setiap ketika menjawab sesuai dengan keadaannya. Kadangkala beliau ketat dan kadangkala beliau bermudah dalam pendapatnya. Kadangkala pula pendapatnya bersifat *mutlaq (*tidak bersyarat) dan kadangkala *muqayyad* (bersyarat).

Jika keadaan para ulama besar kita sedemikian, maka tidaklah pelik jika berubah pendapat seorang yang seperti saya dalam persoalan ini; dari larangan kepada keharusan, dari ketat kepada memudahkan.

Pada satu ketika, saya berkeberatan untuk meumumkan pendapat saya ini. Saya hanya memberi fatwa sedemikian hanya kepada mereka yang bertanya secara khusus kepada saya sahaja. Kemudian saya bependapat untuk mengumumkannya kerana saya telah ditanya mengenai oleh segolongan yang ramai, di pelbagai majlis ceramah dan pertemuan dan setelah itu di saluran-saluran radio dan tv pula. Tidak sesuai untuk saya menyembunyikan pendapat yang telah saya capai dalam masalah ini.

Tidak harus bagi seorang faqih yang Muslim untuk berfatwa dengan sesuatu yang akalnya sendiri tidak meyakininya dan tidak sejajar pula dengan rumusan ijtihad dan ilmunya. Yang seperti itu akan menjadikannya mengkhianati amanah ilmu, bahkan mengkhiatnati Allah taala, Rasulullah s.a.w dan umat Islam.

Jika pendapatnya yang dahulu itu salah, sesungguhnya dia layak mendapat keuzuran sebagaimana yang Allah taala telah ajarkan kita untuk berdoa;

"Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah..." (Al-Baqarah : 286)

Telah diriwayatkan juga dalam sebuah hadits Sahih bahawa Allah taala berkata 'Aku telah lakukan', ertinya Dia telah menerima doa berkenaan.

Begitu jugalah apa yang Nabi s.a.w telah ajar kepada kita dengaan sabdanya yang bermaksud;

"Sesungguhnya Allah telah mengampunkan bagi kita apa yang disebabkan oleh kesilapan, lupa dan yang dipaksakan ke atas kita.[5]*"*

Terdapat sebuah hadits Sahih yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim mengatakan bahawa seorang mujtahid apabila melakukan kesilapan bukan hanya dia dimaafkan, bahkan dia mendapat pahala. `Amr b. Al-`As meriwayatkan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud;

[5] Riwayat Ibn Majah (2045), Al-Baihaqi (7/356), Ad-Darqutni (4/170, 171), Al-Hakim (2/198). Al-Hakim telah mensahihkannya mengikut syarat Al-Bukhari dan Muslim dan dipersetujui oleh Az-Zahabi. Ibn Habban juga meriwayatkannya (7219) dari Ibn Abbas. Syu`aib Al-Arnauut, muhaqqiq kitab Ibn Hibban berkata bahawa sanadnya adalah sahih mengikut syarat Al-Bukhari.

"Jika seorang hakim ingin berhukum, lalu dia berijtihad kemudian betul, baginya dua pahala. Jika dia berhukum, lalu berijtihad kemudian salah, baginya satu pahala.[6]"

Apbila dia betul dalam ijtihad, dia mendapat dua pahala; pahala berijtihad dan pahala betul. Jika dia tersilap, dia mendapat satu pahala iaitu pahala berijtihad. Tidak ragu lagi bahawa perkara ini adalah antara keindahan Islam – seorang mujtahid yang tersilap diberi pahala jika, dan tidak didenda. Apalagi motivasi yang lebih besar dariini untuk seseorang itu berijtihad, walau pun salah?

Sebelum kita menjawab mengenai pertanyaan yang besar ini, eloklah jika kita membuat penerangan mengenai hakikat masalah yang sebenarnya dari para pakar dalam bidang ini sendiri. Merela lebih mengetahui dan segala sudut-sudutnya dari kami yang tidak dapat memberi penerangan sebagaimana seorang pakar itu melakukannya. Dengan ini akan membantu kami untuk mengeluarkan hukum yang setepat mungkin mengikut kemampuan manusia yang tidak sunyi dari kesilapan.

Gambaran Masalah Sebagaimana Yang Dikemukakan Oleh Pakar

Adalah menjadi kewajiban seorang mufti untuk menggambarkan satu masalah dnegan gambaran yang benar. Gambaran yang menerangkan realiti, tanpa mengurang atau melebihkannya sehingga fatwanya dihasilkan berdasarkan kejelasan. Para ulama telah berkata 'Memberi hukum ke atas sesuatu hanyalah cabang dari memahami gambaran perkara berkenaan'.

Inilah apa yang kami katakan sebagai *Fiqh Al-Waqi'*, fiqh memahami realiti. Seringkali kesialpan seseorang faqih itu timbul kerana tidak memahami gambaran sebenar masalah yang dimnta fatwa mengenainya dan bkan kerana tidak memahami nas dan kaedah-kaedah syara'. Dengan itu kami kemukakan di sini penerangan di bawah sebagaimana yang dibentangkan oleh saudara-saudara kita yang arif dan berkecimpung dalam bidang ini di negara Barat.

1. Penetapan kadar faedah pada ansuran-ansuran pertama bagi rumah yang dibeli dari bank riba'.

   Kadar maksimum faedah diambil dari nilai ansuran dan kadar minimum faedah pula menjadi kadar faedah yang dibayar bagi hutang yang sebenar. Kadar ini meningkat secara bertahap-tahap sehingga kadar maksimum faedah menjadi kadar yang dibayar bagi melunaskan hutang di ansuran yang terakhir.

2. Tempoh melangsaikan hutang kadangkala sehingga meliputi tempoh 30 tahun. Faedah akan rendah jika tempoh pembayaran hutang itu pendek dan akan tinggi jika tempohnya panjang. Kadangkala jumlah faedah keseluruhannya menjadi dua kali ganda dari jumlah hutang *(principal amount)* disebabkan tempoh.

3. Ansuran yang dibayar setiap bulan menyamai dengan harga sewa tahunan di pasaran, jika ia disewakan. Kadangkala lebih sedikit dan kadangkala pula kurang.

4. Dalam situasi perjanjian jual beli rumah dari bank melalui pinjaman berfaedah, rumah berkenaan menjadi milik pembeli setelah semua instalmen dibayar. Dalam situasi perjanjian sewa pula, apa yang dibayar oleh si penyewa kepada pemilik rumah dikira hangus. Si penyewa tidak memiliki apa-apa, sebagai imbalan dari wang sewa yang dibayar, kecuali hanya manfaat dari rumah itu sahaja.

[6] Riwayat Al-Bukhari & Muslim sebagaimana yang terdapat dalam kitab Al-Lulu' Wa Al-Marjan oleh Muhammad Fuad Abdul Baqi, hadits no 1118.

5. Dalam situasi perjanjian pinjaman berfaedah, si peminjam mendapat faedah pengecualian cukai sebanyak kadar faedah yang perlu dibayar kepada penjiman bank. Sedangkan dalam perjanjian sewa menyewa, dia membayar cukai sepenuhnya.

6. Dalam situasi perjanjian sewa menyewa, si penyewa tidak membayar kos alat pemanas, bekalan kuasa elektrik, cukai harta, penjagaan kebersihgan dan penyelenggaraan rumah. Kesemua itu adalah tanggungan pemilik rumah. Sebaliknya, dia perlu membayar kesemua ini apabila dia membeli rumah dan memilikinya.

7. Di sana terdapat kemungkinan berlaku mudharat iaitu mengharuskan pembelian tempat tinggal melalui bank berriba secara mutlak, tanpa batas, mungkin akan mengancam perkembangan dan kemajuan syarikat-syarikat Islam yang berusaha dalam bidang ini (kerana orang ramai akan cenderung untuk membeli rumah melalui bank bukan melalui pengusaha syarikat pembangun dan penjual haratanah secara Islam milik orang Muslim, pent.).

8. Umat Islam tidak akan dapat memiliki hartanah di negara-negara ini kecuali dalam tiga keadaan berikut;

    a. Dalam keadaan pembelian tunai atau melalui usaha tolong menolong antara individu Muslim (dan ini adalah satu perkara yang sulit dan jarang sekali berlaku).

    b. Melalui sebahagian syarikat Islam (Dipandang dari segi peruntukan modal, ia tidak memenuhi keperluan kelompok minoriti Muslim disebabkan keadaan modal yang lemah. Selain itu, kadar *murabahah (profit margin)* yang diperolehi dari usaha ini kadangkala mencapai tiga kali ganda dari kadar faedah bank. Tempoh pembayaran hutang pula lebih pendek, tidak melebihi lima tahun. Dengan itu, nilai byaran ansuran tahunan pula menjadi berlipata kali ganda sehingga ramai yang tidak mampu untuk melunaskannya).

    c. Pemilikan haartanah melalui pinjaman bank berriba.

9. Para pemilik rumah di barat umumnya tidak menyewakan rumah kepada keluarga yang mempunyai anak-anak yang ramai. Sedangkan mempunyai anak yang ramai amat berleluasa di kalangan umat islam. Banyak keluarga Muslim yang dihalau keluar dari rumah sewa mereka disebabkan jumlah anak-anak yang ramai atau disebabkan ramai tetamu atau disebabkan banyak pergerakan di unit flat berkenaan atau disebabkan jiran-jiran bukan Muslim yang berasa terganggu. Dalam keadaan seperti ini, amat sulit untuk berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain atas sebab yang sama. Oleh itu, kesulitan banyak timbul.

10. Di bebarapa negara di Eropah dan di beberapa wilayah di Amerika jumlah anak-anak dibataskan bagi rumah sewa. Dalam keadaan seperti ini, kesulitan menjadi lebih berganda khususnya bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang berjumlah empat atau lebih. Golongan seperti ini pula amat ramai.

11. Di sana terdapat pula masalah dari segi kontrak yang diluluskan oleh bank iaitu ia adalah kontrak untuk menjual rumah. Si penerima hutang tidak menerima wang tetapi ia menerima rumah. Masalahnya di sisni ialah sebahagian pihak mendakwa bahawa urusan riba yang berlaku hanyalah dari segi bentuk sahaja. Ia wujud dalam bentuk kontrak tetapi hakikat sebenarnya ialah ia adalah urusan jual beli bertangguh. Harga rumah berkenaan meningkat sebagai imbalan kepada penangguhan tempoh melunaskan hutang.

12. Dalam keadaan tertentu, ramai orang yang membeli rumah dua tingkat melalui bank. Dia tinggal di satu tingkat dan menyewakan tingkat yang lain. Harga sewa tingkat yang satu lagi itu adalah berdasarkan nilai ansuran yang wajib dibayar kepada bank. Setelah hutang berkenaan dilunaskan, kedua-dua tingakt rumah berkenaan menjadi milik si pembeli.

Kelebihan Pemilikan Rumah

Saudara-saudara kita di Barat menegaskan bahawa di sebalik pemilikan rumah bagi tempat tinggal seorang Muslim terdapat sejumlah kelebihan material dan budaya, dengan kata lain ialah kelebihan ekonomi dan bukan ekonomi. Kami nyatakan seperti berikut;

1. Mendapat diskaun bagi faedah yang dibayar dari pendapatan yang dikenakan cukai. Ini membolehan seseorang itu mendapat pengurangan kadar cukai. Selalunya penguranagan cukai itu lebih rendah dari kadar faedah yang dibayar. Sedangkan sewa yang dibayar tidak mendapat pengecualian dari cukai. Dengan itu, penyewa tidak memperolehi apa-apa pengurangan cukai.

2. Sebahagian dari ansuran yang dibayar digunakan untuk melangsaikan modal utama pinjaman *(principal capital of the loan)*. Ia bermula dengan jumlah yang sedikit lalu meningkat mengikut edaran masa kerana kadar instalmen adalah sama. Ini membantu untuk membentuk modal (dalam bentuk aset hartanah, pent.) bagi si pembeli. Sedangkan bayaran sewa hanyalah merupakan perbelanjaan *(expenses)* sahaja.

3. Pembeli mempunyai hak pemilikan. Dialah yang mendapat manfaat dari perbezaan harga belian dan jualan ketika rumah itu dijual. Jika harga rumah berkenaan naik, dia mendapat keuntungan dari keseluruhan baki jualan rumah *(profit margin)* bukan hanya kadar apa yang dia bayar ketika membeli rumah berkenaan. Jika harga rumah jatuh, dia juga menanggung kerugiannya kerana ia berhutang mengikut jumlah pinjamannya yang tidak berkaitan dengan harga pasaran bagi rumah yang dibeli. Namun kebiasaannya ialah harga rumah akan meningkat. Sesuatu yang dijangka oleh orang ramai ketika membeli rumah dan diharapkan ketika memilih lokasi rumahnya. Namun, kemungkinan juga berlaku senaliknya, lalu dia rugi.

4. Bayaran ansuran harga rumah, pada umumnya tetap dan stabil (terdapat skim pinjaman yang berubah kadar faedahnya tetapi kadar hutang tidak berubah kecuali sekadar apa yang perlu dibayar). Dalam jangka panjang, kebiasaan dalam skim pinjaman pembelian rumah, walau pun berlaku peningkatan inflasi tetapi ia adalah perlahan. Situasi ini membolehkan pendapat seseorang meningkat tanpa peningkatan ansuran yang perlu dibayar. Dengan itu juga ratio kadar bayaran ansuran dengan pendapatan menjadi semakin rendah dan berkurangan. Adapun sewa, ia biasanya bertambah bersama dengan kadar inflasi.

5. Pemilikan rumah adalah tanda kestabilan yang menambah keyakinan pemberi hutang yang lain terhadap seseorang. Kewujudan pihak pemberi hutang pada kadar yang besar secara instalmen da;am tempoh yang panjang dianggap sebagai kelebihan yang membantu seseorang untuk mendapat pinjaman-pinjaman lain, kad kredit dan lain-lain keistimewaan kewangan. Manakala sewa tidak amemberi manfaat sedemikian.

6. Pemilikan rumah menggalakkan seseoarng itu untuk melakukan penyelenggaraan yang berterusan terhadap rumah berkenaan kerana ia adalah miliknya. Ini akan meningkatkan nilai rumah berkenaan dibanding rumah yang disewa.

Kelebihan Bukan Kewangan

1. Si pembeli akan memilih tempat yang mempunyai sekolah-sekolah yang baik. Sedangkan penyewa biasanya tidak mempunyai pilihan sedemikian kerana tempat-tempat yang boleh disewa biasanya terdapat di daerah-daerah golongan berpendapatan rendah. Perbezaan sekolah merupakan perbezaan yang amat penting sekali.

2. Si pembeli boleh memilih tempat-tempat yang dekat dengan masjid-masjid dan pusat Islam. Para pemilik Muslim juga boleh tinggal secara berdekatan antara satu sama lain. Ini mempunyai manfaat maknawi yang besar. Sedangkan penyewa tidak mempunyai

kemudahan sedemikian.

3. Semua perkhidmatan terbaik pemerintah terdapat di daerah-daerah perumahan yang dimiliki bukan di daerah perumahan untuk disewa.

4. Tinggal di rumah yang dimiliki memberi rasa mulia dan harga diri dalam diri si pemilik rumah itu lebih dari mereka yang tinggal di flat sewa. Ini memberi kesan kepada persepsi orang lain yang berurusan dengan seseorang itu, bermula dari guru sekolah, mereka yang di berada di tempat kerja hinggala kepada pemandu kenderaan pengutip sampah.

5. Persekitaran umum biasanya lebih baik di daerah perumahan sebandung (landed property) dari daerah perumahan flat. Umumnya, kadar jenayah lebih rendah di perumahan sebandung dari di perumahan flat.

6. Beberapa kelebihan dari segi kebebasan; suara kanak-kanak dan orang dewasa serta para tetamu, kebebasan bergerak bagi kaum wanita di rumah yang membolehkan merek auntuk berehat dan melepaskan hijab, tanpa perlu mendedahkan aurat kepada jiran-jiran. Ini juga meliputi kelebihan untuk bangun bagi solat Subuh dan sahur di bulan Ramadhan, sesi-sesi pengajian dan lain-lain tanpa banyak masalah.

Beberapa Persoalan Yang Memerlukan Kajian dan Penelitian

1. Adakah kontrak yang berlaku bersama bank-bank di Eropah dan Amerika bagi pembelian rumah merupakan kontrak riba semata-mata, atau ia merupakan kontrak di bawah jual beli bertangguh kerana terdapat barang antara bank dan pembeli?

2. Adakah termasuk di dalam keperluan memelihara harta orang-orang Muslim, membeli hartanah dari bank-bank ini?

3. Pada ketika tiada mudharat untuk membeli rumah dari bank riba, adakah boleh berhutang dari bank-bank ini atas tujuan membeli rumah untuk tempat tinggal kerana keperluan terhadapnya. Pada waktu yang sama hukum haram kekal dipandang dari sudut sistem ekonomi hari ini dan kerana kewujudan ekonomi Islam yang dapat menampung keperluan orang-orang Muslim. Atau adakah dharurat itu bersifat khusus dan diambil sekadarnya sahaja?

4. Apakah penyelesaian bagi situasi hari ini dan alternatif yang praktikal yang dapat memenuhi keperluan orang-orang Muslim untuk memperolehi keperluan dharuri bagi tempat tinggal.

Ulama Kontemporari & Isu Ini

Para ulama kontemporari telah membentangkan isu ini – isu bemuamalah dengan muamalah yang melibatkan faedah dari bank dalam masyarakat bukan Muslim, atau di luar *Darul Islam* atau dengan kata lain di dalam *Darul Harbi*. Kebanyakan mereka melarang amalan ini dan sebahagian lain mengharuskannya.

Di antara ulama zaman moden yang paling awal membentangkan masalah ini ialah Syed Muhammad Rashid Ridha, pengarang majalah yang bernama *Al-Manar*. Dia telah menerima pelbagai soalan dari merata dunia. Dia lalu menjawab soalan-soalan berkenaan dalam majalah bulanannya itu. Di antara soalan itu ialah yang bekaitan dengan isu ini. Soalan berkenaan datang dari pulau Jawa, Indonesia. Ia berbunyi;

Apakah pendapat tuan sebagai seorang yang yang cinta untuk melakukan kebaikan bagi umat Islam dan perihatin terhadap hukum-hukum Allah taala terhadap fatwa sebahagian ulama akan halalnya mengambil harta warga *Darul Harbi* yang diperolehi dengan keredhaan mereka

walaupun ia berasal dari sesuatu yang haram seperti riba yang jelas, selain melalui cara mencuri, khianat dan yang seumpamanya.

Tidakkah fatwa ini dan yang seumpamanya merupakan serangan ke atas apa yang diharamkan oleh Allah taala dan pelampauan terhadap batas-batas yang tiada pengecualian bagi pelakunya, baik kerana terpaksa atau uzur sebagaimana juga syirik tanpa paksaan, pembunuhan yang sengaja dan lain-lain.

Syed Rasyid menjawab dengan kata-katanya;

Dasar syariat ialah harta-harta warga *Darul Harbi* adalah mubah bagi sesiapa yang dapat menguasai dan memperolehinya dengan apa cara sekali puin. Namun para fuqaha telah membataskan keumuman hukum ini. Iaitu tidak boleh diperolehi dengan cara khianat kerana syariat Islam amat tegas dalam mengharamkan perbuatan khianat. Para fuqaha telah berkata bahawa sesungguhnya seorang Muslim tidak boleh menjadi pengkhianat dalam apa jua keadaan. Jika dia diamanahkan oleh sesiapa pun, walau pun dia seorang kafir harbi untuk menjaga harta, wajib ke atasnya memelihara harta berkenaan dan diharamkan ke atasnya berkhianat. Pada dasarnya, harta seorang kafir harbi adalah *ghanimah* (harta rampasan perang) bagi sesiapa yang memperolehinya secara kekerasan, tipu helah atau dengan cara-cara lain selain berkhianat, tidakkah ia menjadi lebih halal jika seorang Muslim memperolehinya dengan keredhaan mereka, walau pun dalam bentuk kontrak-kontrak yang batil antara umat Islam dan golongan bukan Muslim yang tunduk dibawah pemerintahan umat Islam dalam sebuah *Darul Islam*,

Saya tidak mendapati satu alasan yang rendah sekalipun untuk mengqiyaskan perbuatan menghalalkan perkara yang telah diharamkan seperti melakukan perbuatan yang kufur, minum arak dan makan bangkai (kesemua ini adalah haram samada di *Darul Islam* dan *Darul Harbi*, dengan harta) dengan pengharusan memakan harta golongan kafir harbi yang sememangnya secara dasar telah diharuskan oleh syara kerana qiyas pada asalnya berlaku pada dua perkara yang sama `*illah* (sebab) hukum bukan yang berlawanan.

Mengikut fahaman saya dari kata-kata si penanya bahawa ”fatwa ini dan yang seumpamanya merupakan serangan ke atas apa yang diharamkan oleh Allah taala” mungkin berpunca dari satu sebuah kitab yang dinyatakan oleh si penanya. Bahawa sebahagian mereka yang cinta terhadap agama ini di Jawa telah menulis kepada kami telah mengingkari fatwa terhadap persoalan yang ditanyakan tadi. Mereka beranggapan bahawa menghalalkan riba di *Darul Harbi* akan menjurus kepada menghalalkan secara mutlak pula maksiat-maksiat lain seperti zina, liwat, membunuh dan lain-lain juga. Ini sesungguhnya satu kefahaman yang buruk kerana fatwa berkenaan tidak menghalalkan riba secara mutlak, Telah jelas bagi sesiapa pun bahawa pengharaman menumpah darah tanpa hak lebih besar dari pengharaman mengambil harta tanpa hak. Adakah boleh mengharuskan pembunuhan seorang yang mengikat perjanjian keselamatan, samada Muslim, *zimmi* atau *mu`ahid* kerana qiyas kepada keharusan membunuh seorang kafir harbi? Tambahan lagi, *Darul Harbi* mempunyai hukum-hukum yang berbeza dengan hukum-hukum *Darul Islam*, di antaranya ialah tidak perlu menjalankan hukuman hudud.

Kami katakan juga kepada mereka dari sudut lain bahawa jika seorang Muslim menetap di negara bukan Islam adakah mereka akan berkata bahawa Allah taala memerintah Muslim berkenaan untuk menyerahkan kepada golongan bukan Muslim harta yang dihukumkan oleh undang-undang pemerintah berkenaan sebagai riba, tiada pilihan, dan haram bagi si Muslim berkenaan untuk mengambil apa yang orang-orang bukan Muslim itu berikan kepadanya secara sukarela dan redha semata-mata kerana undang-undang menetapkan bahawa ia adalah riba? Saya maksudkah adakah mereka berkeyakinan bahawa Allah taala menghendaki kerugian bagi sebarang Muslim sedangkan si bukan Muslim mendapat keuntungan? Atau adakah Allah taala mahu menentukan seorang Muslim itu dizalimi dan rugi[7]?

[7] Lihat fatwa nombor (717), juz 5 dari kitab Fatwa-fatwa Imam Muhammad Rasyid Ridha, ms 1974-1978.

Fatwa Majlis Antarabangsa Fiqh Islam

Keputusan Majlis nombor 23 (3/11) telah menetapkan keputusan sebagai jawaban bagi soalan yang ditanya oleh Institut Antarabangsa Pemikiran Islam seperti berikut;

Soalan ke 28

Apakah hukum membeli rumah sebagai tempat tinggal, kenderaan bagi kegunaan peribadi dan peralatan rumah melalui pinjamna-pinjaman bank dan institusi-institusi yang memberi pinjaman dengan keuntungan yang ditetapkan ke atas pinjaman itu dengan pengetahuan wujudnya alternatif bagi pinjaman sedemikian melalui kontrak sewa yang dibayar secara ansuran bulanan, yang mana juga jumlah instalmen itu pada kebiasaannya lebih besar dari instalmen pembelian yang ditawarkan oleh bank-bank?

Jawaban – Tidak Boleh Mengikut Syara

Pihak Majlis telah mengedarkan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Institut Pemikiran Islam Antarabangsa kepada beberapa ulama. Mereka telah menjawab soalan berkenaan. Namun pihak pentadbir Majlis hanya berpada dengan jawaban yang ringkas ini tanpa membuka persoalan ini kepada perbincangan sebagaimana isu-isu lain yang pada kebanyakannya penuh dengan perbincangan yang memuaskan.

Fatwa Jawatankuasa Am Kuwait

Di sana terdapat fatwa-fatwa yang lebih terkini dari fatwa yang diberikan oleh Sheikh Rashid yang mengharuskan muamalah seperti ini seperti fatwa dari Kuwait. Fatwa ini dikeluarkan oleh Badan Am bagi Fatwa di Kuwait (Jawatankuasa Hal Ehwal Am)[8] sebagai jawaban terhadap soalan yang dikemukakan oleh salah seorang profesor yang bertugas dalam bidang dakwah di Amerika Syarikat. Mengikut sumber fatwa, nama beliau telah ditiadakan ketika fatwa ini dibuka kepada tatapan orang lain. Tarikh fatwa ialah pada 15 Syawal 1405H, bersesuaian pada 2 Julai 1985. Sebahagian dari fatwa ini diperolehi dari pengarah Pejabat Fatwa. Teks fatwa adalah seperti berikut

Teks Fatwa Badan Am Bagi Fatwa Kuwait

Segala puji bagi Allah taala. Selawat dan salam ke atas Rasulullah, ahli keluarganya dan para sahabatnya serta sesiapa yang mengikutnya.

Jawatankuasa Am, Badan Am Bagi Fatwa telah bersidang pada hari Khamis, 25 Ramadhan 1405H, bersesuaian dengan 13 Jun 1985. Permintaan fatwa berikut telah dikemukakan;

"Apakah hukum syara' terhadap pembelian rumah di Amerika melalui pinjaman bank yang mengenakan faedah?

Dalam masalah ini, telah maklum bahawa si pembeli mendapat pengurangan cukai sekadar nilai faedah yang perlu dibayar. Saya memberi satu contoh iaitu saya membeli sebuah rumah pada bulan Jun 1985 dengan harga $280,000 dengan syarat saya perlu membayar sebanyak $45,000 setahun bagi melangsaikan harga rumah dan faedah pinjaman. Saya perlu membayar sebanyak $40,000 bagi cukai persekutuan. Oleh kerana saya membeli rumah dengan pinjaman bank, maka saya hanya berkewajiban untuk membayar sebanyak 5 – 7 ribu dolar sahaja, kerana faedah bank dalam pembayarn ansuran rumah membolehkan pengurangan kepada cukai saya.

[8] Jawatankuasa ini dianggotai antaranya oleh Sheikh Badr Al-Mutawalli Abdul Basit, Dr. Muhammad Sulaiman Al-Asyqar, Dr. Muhammad Fauzi Faidhullah, Dr. Khalid Al-Mazkur dan Dr. Abdul Sattar Abu Ghuddah.

Bolehkah saya membeli rumah dengan pinjaman seperti ini?

Saya juga ingin mengemukakan kepada tuan noktah-noktah berikut;

1. Kebanyakan rumah sewa, dibeli melalui pinjaman bank.

2. Jika si penyewa mempunyai keluarga yang kecil, beliau boleh menyewa satu unit flat. Namun ini tidak memungkinkan, jika dia mempunyai keluarga yang besar. Dia pasti terpaksa membeli rumah melalui pinjaman bank, jika tidak dia dan keluarganya akan tinggal di tepi jalan.

Jawatankuasa berkenaan menjawab bahawa keadaan dan situasi yang melingkungi masalah ini bagi umat Islam di negara berkenaan, pada ketika ketiadaan alternatif syar'ii yang dapat ditawarkan oleh institus-institusi kewangan yang menjual secara instalmen, menjadikan situasi seumpama dharurat. Hal ini seumpama apa yang dinyatakan oleh para fuqaha sebagai satu keperluan umum yang jatuh dalam kedudukan dharurat. Oleh yang demikian, Jawatankuasa ini berpendapat harus dalam situasi seperti ini untuk membeli rumah di Amerika melalui pinjaman bank yang mengenakan faedah disebabkan keperluan umum yang mengambil hukum dharurat sehingga wujud alternatif syar'ii. Menjadi satu kewajiban pula untuk menjayakan projek-projek yang dapat mengemukakan alternatif syar'ii. Wallahu A`alam[9].

Ini adalah fatwa yang dikeluarkan oleh sebuah jawatankuasa ilmu di Kuwait yang dianggotai oleh beberapa ulama yang tidap dapat diragui oleh sesiapa pun akan keilmuan dan keagamaan mereka. Mereka telah mengasaskan fatwa mereka atas kaedah fiqh yang terkenal dan diakui di sisi ahli ilmu dari pelbagai mazhab. As-Suyuti dari mazhab dan Ibn Najim dari mazhab Hanafi telah menyebut kaedah berkenaan dalam buku mereka yang keduanya bertajuk *Al-Asybah Wa An-Nazair*; kaedah yang berbunyi *'Sesuatu yang bertaraf hajat di sisi syara' boleh mengambil hukum sesuatu yang bertaraf dharurat'.* Ia mengambil hukum dharurat dalam mengharuskan apa yang dilarang. Keharusan melakukan sesuatu larangan kerana dharurat adalah perkara yang telah disepakati dan diketahui melalui nas yang jelas dalam lima ayat Al-Quran seperti firman Allah taala yang bermaksud;

"....padahal sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atasmu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya." (Al-An`am : 119)

Para ulama mengaitkan hukum sesuatu yang bertaraf hajat dengan sesuatu yang bertaraf dharurat kerana beberapa hadits yang telah tsabit dari Nabi s.a.w seperti tindakan beliau s.a.w mengharuskan sebahagian sahabat memakai sutera setelah dia mengahramkannya ke atas lelaki kerana sakit yang menimpa mereka. Rasullullah s.a.w mengakui hajat sedemikian dan mengharuskan untuk sahabatnya apa yang dia telah haramkan ke atas yang lain.

Begitu juga larangan beliau ke atas para sahabat dari duduk di tepi jalan. Para sahabat berkata 'Wahai Rasulullah, Itu adalah tempat-tempat kami bertemu. Kami tidak dapat mengelakkannya.' Beliau s.a.w lalu mengakui hajat yang sedemikian dan mengharuskannya dengan syarat-syarat dan peraturan tertentu yang secara ringkasnya ialah dengan memberi hak kepada jalan.

Fatwa Sheikh Mustafa Az-Zarqa

Antara fatwa yang mengharuskan muamalah seperti ini ialah fatwa Sheikh Mustafa Az-Zarqa.

Saya telah mendengar sendiri fatwa beliau secara lisan ketika saya bertemunya di Amerika pada tahun 1970an pada kurun ke 20 yang lalu. Pada ktika itu saya berbeza pendapat dengannya.

[9] Fatwa nombor 23, tahun 1985 (Fatwa Badan Am Bagi Fatwa Kuwait).

Kemuian fatwa itu dirakamkan dalam koleksi fatwa-fatwanya yang saya merasa terhormat untuk membentangkannya pula.

Sheikh Mustafa Az-Zarqa rahimahullah telah mengasaskan fatwanya ini dengan berpegang pada mazhab Hanafi, iaitu pandangan yang dipegang oleh Imam Abu Hanifah dan sahabatnya Muhammad yang berbeza pula dengan pendapat sahabat Imam Abu Hanifah yang satu lagi iaitu Imam Abu Yusuf. Sheikh Mustafa secara sedara dan jujur telah mengatakan bahawa pendapat ini tidak sejajar dengan apa yang dipegang oleh jumhur fuqaha tetapi ia adalah pendapat yang ada dalam satu mazhab yang diakui dan keperluan menuntut untuk berfatwa dengannya.

Sheikh Mustafa telah menangani isu ini dalam lima fatwanya yang disebarkan dalam koleksi fatwa-fatwanya dari mukasurat 614 hingga 626. Beliau menjawab beberapa sahabat yang bertanya mengenai perkara ini iaitu As-Sabuni, Al-Kilani, Ar-Rafi`ii, Rasyad Khalil dan juga orang-orang ramai yang lain yang menetap di Amerika dan Kanada yang dinyatakan namanya.

Kami memilih fatwa yang dikeluarkan pada 4 Jumadal Thani 1418H, bersamaan dengan 5 Oktober 1985. Ia adalah fatwa yang terakhir yang di dalam kitabnya kerana ia adalah fatwa yang paling menyeluruh dalam membentangkan isu ini. Beliau menerangkan selok belok hujah dan dalil bagi hukumnya.

Teks Fatwa Sheikh Az-Zarqa

Banyak soalan dan permintaan fatwa telah dikemukakan dari umat Islam di Amerika Syarikat dan Kanada mengenai hukum berhutang dengan bank-bank riba di sana bagi membeli rumah sebagai tempat tinggal dengan pembayaran kadar hutang berserta faedahnya secara instalmen bagi satu tempoh masa yang panjang seperti sepuluh atau dua puluh tahun? Setelah melangsaikan pembayaran, si peminjam dapat memiliki rumah berkenaan. Dengan ini dapat menyelesaikan masalah perumahan dengan beban yang sedikit dari sekiranya umat Islam menyewa.

Untuk seseorang memiliki rumah bagi tempat tinggalnya di negara-negara berkenaan, samada dia membelinya secara tunai, ini amat jarang berlaku kerana harga rumah yang mahal, atau dia meminjam pinjaman berfaedah dari bank bagi membayar harga rumah. Dia melunaskan hutangnya secara instalmen, sebagaimana yang kami nyatakan dan kemudian memiliki rumah itu setelah selesai pembayaran. Pada kebiasaannya dalam keadaan seperti ini, instalmen pembayaran hutang berserta faedahnya adalah lebih rendah dibanding dengan kos menyewa, di samping itu akhirnya rumah itu dapat dimiliki.

Setelah membuat penelitian dan mengulangkaji nas-nas, saya dapati bahawa mazhab Imam Hanafi dan sahabatnya Muhammad b. Al-Hasan mengenai seorang Muslim jika memasuki sebuah *Darul Harbi*, iaitu negara bukan Islam, dengan memperoleh jaminan keselamatan dari mereka. Keadaan berkenaan mengharuskan bagi seorang Muslim untuk mengambil pinjaman berfaedah untuk membeli rumah sebagai tempat tinggalnya, sekiranya keadaan di sana adalah seperti yang telah digambarkan[10].

Mengikut mazhab Imam Abu Hanifah dan sahabatnya Imam Muhammad bahawa sesiapa yang memasuki *Darul Harbi* dengan jaminan keselamatan atau dengan izin mereka, halal baginya untuk mengambil harta mereka (penduduk *Darul Harbi*) yang dibelanjakan secara redha dan bukan dieprolehi melalui proses berkhianat, walau pun melalui jalan yang diharamkan seperti

[10] Dalam fatwa yang lain, Sheikh Az-Zarqa telah menambah perenggan berikut;

”Ini tidak bermakna bahawa Muslim yang menetap di negara Islam boleh menyimpan harta-hartanya di negara bukan Islam untuk mendapatkan faedah bank. Terutama jika keharusan perbuatan sedemikian menyebabkan pemindahan wang-wang modal umat Islam. Ini adalah satu kemudharatan ekonomi yang besar ke atas umat Islam.”

mengambil riba dari mereka, tetapi bukan memberi riba kerana harta orang-orang bukan Muslim harbi di negara mereka tidak maksum *(tidak terpelihara, no sanctity).* Namun, oleh kerana dia memasuki negara berkenaan dengan jaminan keamanan, dia tidak boleh mengambil harta meraka tanpa keredhaan dari mereka.

Adapun larangan memberi riba kepada penduduk negara bukan Islam berkenaan adalah bagi menyelamatkan harta umat Islam dari mereka. Adapun jika keadaan berubah kepada sebaliknya iaitu dengan mengambil pinjaman berserta faedah dari mereka lebih selamat bagi harta umat Islam, sebagaimana yang digambarkan – pembelian rumah dan memilikinya setelah selesai melunaskan pinjaman – wajiblah hukum berubah kepada yang sebaliknya kerana hukum itu berkisar dengan `*illah* (sebab hukum). Apabila ada *'illah* (sebab hukum), hukum berkenaan ada dan apabila `*illah* (sebab hukum) tiada, maka tiada hukum.

Dalam keadaan ini, pinjaman berserta faedah menjadikan harta umat Islam lebih selamat dan menguntungkan dari menyewa, tanpa keraguan. Yang mana pada akhir proses menyewa, seorang Muslim tidak memiliki apa-apa (wang sewanya menjadi milik si penyewa dan dia juga dia tidak memiliki rumah berkenaan, pent.). Rumah berkenaan pula kekal di tangan si penyewa.

Oleh itu, dalam dua situasi tadi pertimbangannya ialah berdasarkan yang manakah di antara keduanya yang lebih selamat dan menguntungkan harta umat Islam di *Darul Harbi*. Dalam hal ini, memperoleh pinjaman berfaedah dari bank riba lebih selamat dan untung berdasarkan mazhab Abu Hanifah dan `*illah*nya. Oleh itu, ia menjadi harus khususnya bagi siapa yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah dengan harta yang ia ada.

Ini juga dengan tidak melihat pada cukai yang dibayar ketika membuat pinjaman pembelian rumah dengan hartanya dan pada ketika menyewa. Dalam kedua keadaan berkenaan, si pembeli dan penyewa perlu membayar cukai-cukai yang tinggi di negara berkenaan.

Yang dimaksudkan dengan *Darul Harbi* bukanlah sebuah negara yang sedang dalam keadaan berperang dengan umat Islam tetapi ia bermaksud mana-mana negara bukan Islam yang merdeka dan tidak berada di bawah kuasa pemerintahan Islam[11].

Dalam fatwa yang lain, Sheikh Mustafa Az-Zarqa menambah pernyataan berikut;

"Adapun mereka di masa kini yang mengatakan bahawa faedah bank bukanlah riba, ini bukan hanya satu kata-kata kosong dan jahil bahkan sesat dan menyesatkan. Faedah bank adalah riba yang diharamkan, tanpa keraguan.[12]"

Sejenak Bersama Fatwa Sheikh Az-Zarqa

Saya suka membuat komentar terhadap fatwa Sheikh Az-Zarqa, *rahmatullah alaih*, atau dengan kata lain untuk mengambil beberapa noktah penting terhadap fatwa ini.

Kembali Bersetuju Dengan Sheikh Mustafa Az-Zarqa

Noktah pertama ialah saya bersetuju dengan fatwa Sheikh Mustafa Az-Zarqa. Setelah selama suku abad saya tidak bersetuju dengannya, bahkan menjadi pengkritik kuat pendapat beliau, saya menarik balik pendrian berkenaan. Saya berpendirian sedemikian hampir selama 20 tahun dengan memberi fatwa akan pengharaman muamalah ini. Dahulu, saya amat keras dalam persoalan ini berdasarkan apa saya ketahui pada waktu itu.

[11] Fatwa-fatwa Sheikh Mustafa Az-Zarqa', ms 625-626.

[12] Penolakannya terhadap pendapat Dr. Muhammad Rasyad Khalil, Ketua Pertubuhan Masyarakat Islam Amerika, ms 624.

Tiada halangan bagi seorang Muslim untuk mengubah ijtihadnya dan berpindah dari satu pendapat ke pendapat yang lain. Ini merupakan keadaan setiap manusia yang tidak maksum. Kita telaha melihat imam seperti Muhammad b. Idris Asy-Syafi`ii mengubah pendapat dan mazhabnya dalam banyak masalah setelah dia menetap di Mesir, setelah dia melihat dan mendengar apa yang tidak dilihat dan didengarinya sebelum itu. Khususnya, apabila dia mencapai tahap kematangan dalam berfikir dan penguasaan ilmu. Dengan itu, kita dapati dalam mazhabnya; berkata Asy-Syafi`ii dalam pendapat *Qadim* (Lama) dan berkata Asy-Syafi`ii dalam pendapat *Jadid* (Baru), tanpa kita membantahnya.

Sebagaimana juga kita melihat ramai dari kalangan para imam yang diriwayatkan dari mereka beberapa pendapat dalam satu masalah seperti imam Malik dan Ahmad. Khususnya imam Ahmad yang kadangkala diriwayatkan darinya tujuh atau puluhan riwayat dalam satu masalah.

Ini memberi keluasan bagi seorang alim untuk mengubah pendapatnya, jika ijtihadnya berubah. Yang dmeikian hendaklah tidak dilakukan untuk tujuan mengejar dunia atau mencari keredhaan manusia, dengan membelakangkan keredhaan Allah taala serta menjual agamanya dengan dunia. Manusia yang paling rugi ialah yang menubah pendapatnya kerana mengejar dunia. Kita berlindung dengan Allah taala untuk tergolong bersama mereka. Kita berdoa kepada Allah taala untuk mengurniakan niat yang ikhlas pada apa yang kita kata dan lakukan.

Di zaman ini juga, kita melihat beberapa badan-badan fiqh telah mengambil keputusan dan berfatwa dengan satu keputusan, lalu menarik balik keputusan berkenaan lalu berfatwa pula dengan pendapat yang lain, sebagaimana yang berlaku pada badan fiqh bagi *Rabitah Al-Alam Al-Islami*. Pada salah stau pertemuannya ia telah berfatwa akan keharusan untuk menggunakan telur salah satu isteri bagi seorang lelaki untuk diletakkan dalam rahim isteri yang satu lagi, jika yang isteri yang pertama mempunyai halangan untuk hamil tanpa melakuakn sedemikian, samada disebabkan oleh ketiadaan rahim atau sebab-sebab lain.

Namun dalam sidang yang berikut, ia berpatah balik dari fatwa berkenaan dan melarang perbuatan itu kerana fatwa yang lalu, satu isu yang penting telah ketinggalan iaitu isu status keibuan. Adakah status ibu itu diberi kepada si pemilik telur yang membawa baka *(gene)* dan segala unsur-unsur yang menentukan hak pewarisan atau diberi kepada si pemilik rahim yang yang bersusah payah mengandung dan menanggung sakit selama 9 bulan sebagaimana firman Allah taala yang bermaksud *"....ibunya mengandungnya dengan susah payah, dan melahirkannya dengan susah payah (pula)." (Al-Ahqaf : 15)*. Langkah berpatah balik ini diputuskan secara sepakat oleh ahli-ahli majlis berkenaan.

Dalam Majlis Fiqh Islam Antarabangsa, kami dapati ia telah membuat keputusan dalam salah satu persidangannya untuk tidk mengambil kira faktor inflasi dan wajib melangsaikan hutang yang lama dalam bentuk wang kertas dengan nilai dan jumlah yang sama, walau pun nilainya telah jatuh ratusan atau ribuan kali ganda sebagaimana yang berlaku terhadap matawang Lira Lubnan, Dinar Iraq, Paun Sudan dan Lira Turki.

Pejabat majlis berkenaan dan Sekretariat Umumnya telah mengadakan beberapa persidangan khusus bagi mengkaji persoalan ini. Ia juga telah memutuskan agar kajian semula dilakukan dalam persidangan yang ke 12 yang diadakan di Riyadh. Saya rasa kajian mengenainya telah ditangguhkan ke persidangan yang lain.

Jawatankuasa Fatwa Al-Azhar juga telah mengubah fatwanya dalam beberapa isu kerana pelbagai sebab dan faktor.

Oleh itu, tidaklah pelik juka pendapat seorang individu berubah dalam beberapa isu. Saiyidina Umar r.a telah berfatwa dalam beberapa isu kemudian behukum pula dengan hukuman yang berlainan setelah berlalu tempoh tertentu, lalu berkata *"Ini berdasarkan apa yang kami tahu. Itu pula berdasarkan apa yang kami tahu pada ketika itu."*

Dalam surat beliau bepada Abu Musa, dia berkata *"Jangan sekali-kali satu hukum yang telah kau putuskan hari ini menjadi penghalang untuk kau menilainya semula dan melihat kembali kebenaran yang ada di dalamnya setelah kau diberi petunjuk. Sesungguhnya kebenaran itu tetap yang tidak dibatalkan oleh sesuatu perkara apa pun. Kembali kepada kebenaran itu lebih baik dari terus dalam kebatilan*[13]*.*

Saya telah bertanya kepada diri saya *"Mengapa baru hari ini pendapat berkenaan baru menjadi lebih kuat di sisi saya sedangkan ia telah berada di hadapan saya sejak lama dahulu?"*

Saya berkata mungkin kerana manusia ini di umur tuanya lebih berasa kasihan terhadap makhluk Allah taala dan lebih suka pada kemudahan ke atas mereka serta mewujudkan jalan-jalan keluar untuk mereka dari kesulitan hidup.

Mungkin juga kerana seseorang itu pada usia kematangan lebih berani untuk memberi rukhsah dan keringanan, berterus terang mengenainya dan tidak bimbang akan akibatnya setelah dia rasa semakin dekat untuk bertemu dengan Allah taala.

Apa jua sebabnya, inilah pandangan yang saya merasa berpuas hati dengannya dan akhir bagi ijtihad saya. Tidak boleh bagi seorang alim Muslim untuk mengkhianati amanah ilmu dengan memberi fatwa kepada manusia dengan sesautu yang dia sendiri tidak berasa puas terhadapnya. Bahkan yang dituntut oleh syara ialah tidak menyembunyikan perkara itu dari manusia. Jika tidak, dia berdosa, khususnya jika terdapat di dalamnya kemudahan dan menghapuskan kesulitan bagi orang ramai.

Bukan Hanya Abu Hanifah Dan Dua Sahabatnya Sahaja Berpegang Dengan Pendapat Ini

Noktah kedua saya bersama fatwa Sheikh Mustafa Az-Zarqa ialah bahawa Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad tidak bersendirian dalam berpegang dengan pendapat ini. Bahkan kemungkinan pendapat mereka disetujui juga oleh beberapa imam-imam bersar. Kami mengira di antara imam-imam besar itu ialah Ibrahim An-Nakha`ii, salah seorang imam fiqh dari kalangan tabi`iin dan pewaris ajaran Abdullah b. Masud r.a di Kufah, Sufyan Ats-Tsauri, salah seorang imam yang diikuti dalam fiqh dan dikenali sebagai Amirulmukminin dalam hadits serta salah seorang tokoh dalam aspek kewarakan dan zuhud.

Imam Abu Jakfar At-Tahawi telah meriwayatkan dalam kitabnya *Musykil Al-Atsar* dengan sanad kepada Ibrahim. Beliau berkata *'Tiada mengapa bagi (jual beli) dinar dengan dua dinar di Darul Harbi di antara orang Islam dan orang harbi.*[14]*"* Maka Abu Hanifah mempunyai pendahulu *(precedent)* dari kalangan tabi`iin. Telah diriwayatkan juga dari Sufyan yang seperti itu dengan sanadnya[15].

Ahmad Zufar Al-Utsmani yang berasal dari India dan bermazhab Hanafi, pengarang kitab *I'la As-Sunan* telah menulis dalam kitabnya itu dari Amru b. Al`As[16] apa yang menunjukkan bahawa muamalah yang rosak antara sesama orang-orang Islam diharuskan di negara *Darul Harbi* antara orang-orang Muslim dan harbi, bahkan diharuskan juga di negara *Darul Muwada`ah* (negara yang berada dalam keadaan gencatan senjata). Telah dinukil dari As-Sarkhasi bahawa *Darul Muwada`ah* (negara yang berada dalam keadaan gencatan senjata) tidak menjadi *Darul Islam*, bahkan ia kekal sebagai *Darul Harbi* sebagaimana sebelum...

---

[13] Lihat I`ilam Al-Muwaqqi`iin (1/86), cetakan As-Sa`adah, tahqiq Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid.
[14] Syarh *Musykil Al-Atsar* (8/249), cetakan Ar-Risalah. Zufar Al-`Utsmani dalam kitab *I`la As-Sunan* telah berkata bahawa sanadnya adalah Hasan (14/350).
[15] Ibid (8/249). Sanadnya adalah Sahih *(I`la As-Sunan).*
[16] Dinukil dari kitab *Al-Amwal* oleh Abu Ubaid, ms 146. Dia berkata *'Semua periwayatnya adalah tsiqah'*. Lihat juga *I'la As-Sunan*, 14/348.

Telah dinukil dari Imam Al-Laits b. Sa`ad bahawa dia berkata *"Sesungguhnya perdamaian antara kita dan Nubah ialah kita tidak memerangi mereka dan mereka tidak memerangi kita. Mereka memberi kita .... dan kita memberi mereka makanan. Jika mereka menjual anak-anak dan wanita-wanita mereka, tidak mengapa pada pandangan saya untuk orang ramai membelinya."* Al-Laits berkata *"Yahya b. Sa`id dahulu pun berpendapat yang seperti itu tidak mengapa.*[17]*"*

Para fuqaha telah berbeza pendapat dalam persoalan ini. Kebanyakan dari mereka berpendapat bahawa jual beli adalah tidak sah. Mereka yang membolehkannya adalah kerana ia berlaku di negara bukan Islam dan mereka (penduduk negara bukan Islam berkenaan, pent.) telah mengharuskannya sesama mereka (di negara bukan Islam, pent.).

Imam Abu Ubaid telah berkata dalam kitab *Al-Amwal* sebagai komentar kepada pendapat Al-Laits dan Yahya b. Sa`id *"Demikianlah juga pendapat Al-Auza'ii (iaitu di negara yang berlaku gencatan senjata). Dia berkata "Tidak mengapa yang sedemikian itu kerana hukum kita tidak berlaku ke atas mereka. Sufyan dan ahli Iraq tidak suka perbuatan itu. Dia berkata kepada saya "Hal ini adalah kerana gencatan senjata adalah satu amanah. Bagaimana boleh kita menjadikan mereka hamba?*[18]*"*

Pengarang kitab *I`la As-Sunan* telah berkata *"Perbuatan ini diterima,(walau pun, pent.) jika mereka (penduduk negara bukan Islam, pent.) berpendapat tidak harus jual beli seperti ini. Jika meraka berpendapat jual beli seperti itu adalah harus, maka tidaklah boleh membawa kepada penipuan dan pelanggaran janji keamanan."*

Dengan ini kita berpendapat bahawa ada beberapa ulama yang melihat *Darul Harbi*, dan di antaranya ialah *Darul Muwada`ah* (negara gencatan senjata) dengan perspektif yang berbeza dari *Darul Islam*. Mereka mengharuskan beberapa bentuk mu`amalah di dalamnya apa yang tidak diharuskan di dalam *Darul Islam* jika penduduknya redha dengan amalan berkenaan dan mengharuskan sesama mereka. Maka (dalam mengamalkan amalan berkenaan, pent) tidak boleh bagi kita (umat Islam) melakukan penipuan dan pengkhianatan ke atas mereka.

Saya suka untuk menjelaskan di sini saya sama sekalai tidak mengharuskan seseorang itu untuk menjual anak-anaknya, samada di Darul Habi atau di Darul Islam. Dari tukilan pendapat para fuqaha, kami hanya mahu menyampaikan satu dasar iaitu perbezaan hukum (sesuatu perkara, pent) dalam Darul Islam dan bukan Darul Islam, bahawasanya boleh diharuskan sesuatu perkara dalam bukan Darul Islam, apa yang tidak diharuskan dalam Darul Islam.

Tafsiran Sheikh Az-Zarqa Akan Keharusan Pemberian Riba, Bukan Pengambilannya

Noktah ketiga saya terhadap fatwa Sheikh Az-Zarqa ialah berkaitan tafsirannya terhadap mazhab Hanafi yang berpendapat bahawa harus mengambil riba' di luar negara bukan dan tidak mengharuskan memberi riba. Saya menyokong sepenuhnya tafsiran Sheikh Az-Zarqa bahawa pemberian di sisni memenuhi maksud pengharusan yang dibuat oleh mereka kerana pertimbangannya ialah berdasarkan apa yang memenuhi maslahat seorang Muslim.

Noktah saya di sini ialah untuk menyatakan bagi pihak Sheikh Az-Zarqa bahawa para ulama Hanafi yang awal dalam menyatakan hukum bermuamalah dengan riba tidak menyatakan secara jelas mengenai mengambil dan memberi. Mereka terbuka dalam pendapat mereka, bahkan mungkin mereka nyatakan dalam beberapa sumber apa yang sebaliknya (harus mengambil dan tidak harus pula memberi, pent). Yang menghadkan pandangan berkenaan ialah ulama Hanafi yang terkemudian kerana pada keyakinan mereka memberi riba, tidak memberi apa-apa maslahat bagi si pemberi. Sedangkan tujuan sebenar dalam amalan riba ialah untuk mendapat manfaat dengan mengambil riba itu.

[17] Ibid.
[18] Ibid, ms 147.

Dalil terhadap apa yang saya katakan ialah apa yang Imam Muhammad b. Al-Hasan, sahabat Abu Hanifah, nyatakan dalam istidlal terhadap isu ini, yang berlaku terhadap Yahudi Bani Nadhir.

Imam Muhammad telah berhujah dalam kita *As-Sair Al-Kabir* dengan hadits Bani An-Nadhir ketika Rasulullah s.a.w menghalau mereka. Mereka berkata ”Sesungguhnya kami mempunyai hutang-hutang ke atas ramai orang yang belum dilunaskan lagi.” Rasulullah bersabda ”Tinggalkan dan segerakan (penglangsaiannya).”. Berdalilkan dengan hadits ini, harus riba’ di antara seorang Muslim dan bukan Muslim di negara bukan Islam kerana hutang-hutang Bani Nadhir ketika itu ialah ke atas orang-orang Muslim. Imam Muhammad berkata ”Diharuskan yang seperti itu kerana mereka adalah kafir harbi (dan daerah mereka ialah daerah harbi yang mana Rasulullah s.a.w telah mengepung mereka di kubu-kubu mereka). Berdasakan ini, kami tahu bahawa muamalah seperti ini adalah harus antara seorang Muslim dan bukan Muslim, walau pun ia tidak harus bagi sesama Muslim di negara kita.

Kemudian dinyatakan pula satu masalah *furu’* (cabang) iaitu jika seorang Muslim masuk ke daerah bukan Muslim dengan jaminan keamanan. Dia berjualbeli barang-barang secara bertangguh kemudian dia bersetuju pula dengan mereka untuk menyegerakan kiriman barang berkenaan dan membatalkan sebahagian barang yang lain yang ditempah. Yang sedemikian itu juga harus kerana pengharaman seperti ini di negara Islam disebabkan riba’ kerana terdapat di dalamnya pertukaran. Begitulah juga dinyatakan dalam *Syarh As-Sair* (3/227, 229).

Sheikh Zufar Al-Utsmani Berkata

Sebahagian ulama menyanggah ke atas pendapat Ibn Al-Hammam dalam kitab *Al-Fath* ”....mereka yang mengkaji telah menetapkan bahawa maksud mereka akan halalnya riba dan judi, jika keuntungan itu bagi pihak Muslim kerana memandangkan kepada ’illah (sebab hukum), walau pun umumnya jawaban bagi persoalan sedemikian ialah yang sebaliknya (tidak halal).” Seteleh menukil pernyataan dari kitab *Syarh As-Sair* yang dinyatakan, dia berkata ”Lihat bagaimana dia mengharuskan muamalah ini dalam keadaan keuntungan bagi pihak bukan Muslim dan ’illah-’illah (sebab hukum) keharusan riba antara bukan Muslim dan seorang Muslim. Jelas sekali bahawa pendapat mereka akan harusnya muamalah ini tanpa syarat keuntungan bagi pihak si Muslim, bahkan ia adalah umum.”

Sheikh Zufar Ahmad Al-Utsmani memberi komentar terhadap perkara ini dalam kitabnya *I’ila’ As-Sunan* ”Saya tidak menerima pendapat bahawa keuntungan dalam masalah ini ialah bagi pihak bukan Muslim kerana jual beli yang disegerakan itu lebih baik dari yang ditangguh.” Untuk menunjukkan sedemikian, dia berkata ”Di dalam jual beli itu terdapat pertukaran antara tempoh dengan wang (ia adalah riba). Keuntungan di sini bukan bagi bukan Muslim tetapi bagi si Muslim, atau keuntungan sama bagi keduanya. Ya, dalam pernyataan ini terdapat dalil akan harusnya muamalah yang rosak *(fasid)* di daerah bukan Islam antara seorang Muslim dan bukan Muslim. Ini berbeza dengan apa yang didakwa oleh sebahagian ulama akan haramnya melakukan akad seperti ini bagi seorang Muslim. [Mengenai] Halalnya harta [itu] baginya (Muslim), pendapatnya ialah ’Ia adalah harus’. Katanya lagi ’Muamalah ini adalah harus’ jelas menunjukkan akan harusnya melakukan akad ini. Di dalam kitab *Al-Mabsut,* telah dinyatakan pendapatnya ’Sama masalahnya jika seorang Muslim mengambil dua dirham sebagai tukaran dari beberapa dirham atau satu dirham sebagai tukaran dari dua dirham kerana dia menggembirakan si bukan Muslim itu dengan apa yang dia beri, samada sedikit atau banyak. Dia mengambil hartanya dengan cara yang harus, sebagaimana yang kami tetapkan (14/59). Sebahagian ulama menyanggah Ibn Al-Hammam atas masalah itu, bukan dengan pernyataan dalam kitab Syarh As-Sirah yang dinyatakan. Bukan maksud dari kitab *Al-Mabsut* bahawa harus bagi sorang Muslim untuk memberi seorang bukan Muslim sesuatu yang banyak sebagia tukaran bagi sesuatu yang sedikit secara mutlak, walau pun atas niat kebaikan atau ihsan tetapi makasudnya ialah mengambil satu dirham yang baik dengan tukaran dua dirham yang buruk atau yang seumpamanya kerana isu dalam persoalan ini ialah jual beli atas dasar tawar menawar bukan atas dasar berlebih kurang. Maka keharusan pertukaran sesuatu yang banyak dengan yang sedikit dalam jual beli bukan atas

dasar ihsan sebagaimana yang disangka oleh sebahagian ulama. Beliau lalu membawakan dengan panjang lebar dalam perkarea ini pelbagai pendapat[19].

Mazhab Hanafi Mazhab Yang Muktabar Di Sisi Umat Islam

Saya suka ingin menambah di sini satu perkara yang penting, yang telah dimaklumi dan diterima tanpa ragu-ragu, iaitu mazhab Hanafi adalah satu mazhab yang muktabar di sisi umat Islam. Ia adalah salah satu mazhab yang besar dan diikuti. Bahkan ia adalah mazhab yang paling luar tersebar di kalangan umat Islam, khususnya di sisi masyarakat bukan Arab di India, Pakistan, Bangaldesh, Afghanistan, negara-negara Islam di Asia Tengah, Turki, Bosnia, Kosovo, Albania dan lain-lain.

Dua pemerintahan Islam yang terbesar yang pernah memerintah umat Islam dahulu telah memerintah dengan mazhab ini iaitu kerajaan Bani Abbas (Abbasiyah) dan kerajaan Bani Utsman (Utsmaniyah).

Telah dikanunkan fiqh mazhab Hanafi sebagai undang-undang sivil dalam kitab *Majallah Al-Ahkam Al-`Adliyyah* yang sehingga kini masih berlaku di beberapa negara Arab dan Islam.

Sesiapa yang ingin mengambil ijtihad dari mazhab ini kerana mentarjihkan pandangannya dan merasa puas dengannya dan dia tidak dapati pilihan yang sama, ini adalah haknya bahkan menjadi kewajibannya (melakukan sedemikian), maka tidak mengapa baginya.

Bagi sesiapa yang mengharuskan taqlid secara mutlak, sebagaimana pendapat kebanyakan ulama tekemudian, ini (mazhab Hanafi) adalah dari mazhab-mazhab yang wajar ditaqlid. Ramai para ulama telah berkhidmat untuknya di pelusuk daerah.

Kita tidak mempunyai ruang untuk memperincikan dalil-dalil pegangan mazhab Hanafi dan pendirian pengkritiknya pula.

Kita telah nyatakan bahawa Abu Hanifah dan sahabatnya Muhammad tidak bersendirian dengan pendapat mereka dalam persoalan ini. Bahkan ramai ulama besar berkongsi pandangan dengan mereka. Cukuplah bagi kami di sini untuk menyatakan sebahagian dari mereka iaitu Imam Ibrahim An-Nakha`ii dan Sufyan Ats-Tsauri.

Maulana Zufar Ahmad Al-Utsmani telah berkata dalam kitab *I`ila As-Sunan* :

”Kesimpulannya, pendapat Abu Hanifah dan Muhammad b Al-Hasan dalam bab ini lebih kuat dari segi riwayat dan hujah. Ia bukan diasaskan atas asas *masalih mursalah* (pertimbangan maslahat) semata-mata, sebagaimana yang disangka oleh kebanyakan ulama dan penulis. Bahkan dalam persoalan ini, ia mempunyai beberapa dalil yang kuat, yang jelas menunjukkan kebebenaran apa yang ia katakan. Ia juga mempunyai sokongan pendapat para Salaf seperti Ibrahim An-Nakha`ii dalam keharusan riba di negara bukan Islam dan seperti Ibn Abbas r.a dalam keharusan riba antara hamba dan tuannya. Sufyah Ats-Tsauri pula bersetuju denganya dalam semua perkara itu. Jika tidak tsabit segala riwayat-riwayat dan pendapat para sahabat dan tabi`ii, pasti Sufyan tidak akan bersetuju dengannya dalam perkara ini selama-lamanya.[20]”

Fatwa Majlis Fatwa & Kajian Eropah

Di antara fatwa (yang mengharuskan) ialah fatwa kolektif yang dikeluarkan oleh Maflis Fatwa dan Kajian Eropah dalam sidangnyanya yang keeempat di Dublin, Republik Ireland di bulan Rajab, 1420H bersamaan dengan Oktober 1999. Berikut ini dinyatakan teksnya:

---

[19] Lihat *I`ila As-Sunan* bagi Maulana Zufar Ahmad Al-Utsmani (15/407-408), ditahqiq oleh Hazim Al-Qadhi, Dal Al-Kutub Al-Ilmiyah, Beirut.
[20] Lihat *I`ila As-Sunan* (14/414), Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.

Majlis ini telah melihat kepada satu isu yang telah berleluasa di Eropah dan di negara Barat semuanya iaitu isu rumah-rumah yang dibeli dengan pinjaman beriba melalui bank-bank.

Majlis ini telah mengemukakan beberapa kertas dalam persoalan ini yang mengandungi sokongan dan sanggahan terhadap amalan ini. Kertas-kertas ini telah dibentangkan kepada majlis ini. Kesemua ahli-ahlinya telah membincangkan kertas berkenaan. Ia berakhir dengan majoriti ahli-ahlinya berketetapan seperti berikut

1. Majlis ini mempertegaskan apa yang telah disepakati oleh umat ini mengenai pengharaman riba. Bahawa riba adalah salah satu dari tujuh kebinasaan dan dari dosa-dosa besar yang telah diisytiharkan perang oleh Allah taala dan RasulNya. Ia juga mempetegaskan apa yang telah ditetapkan oleh pelbagai majlis-majlis fiqh Islam bahawa faedah-faedah bank adalah riba yang diharamkan.

2. Majlis ini menyeru masyarakat Islam di Barat agar berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan alternatif-alternatif syara' yang tiada syubhat di dalamnya semampu mungkin seperti mengadakan jual beli *murabahah (profit sharing)* yang digunakan oleh bank-bank Islam dan seperti mewujudkan syarikat-syarikat Islam yang membina rumah-rumah ini dengan syarat-syarat yang mudah dan memampukan masyarakat Islam dan tindakan-tindakan lain.

3. Majlis ini juga menyeru pelbagai organisasi Islam di Eropah agar melakukan negosiasi dengan bank-bank Eropah untuk mengubah muamalah ini kepada bentuk yang diterima oleh syara' seperti jual belia ansuran yang meningkatkan harga sebagai balasan bagi penangguhan masa. Ini akan membolehkan mereka menarik jumlah masyarakat Islam yang ramai untuk berurusan dengan mereka melalui cara ini. Inilah amalan yang sedang berjalan di sebahagian negara-negara Eropah. Kita telah melihat beberapa bank besar Eropah telah membuka cawangan-cawangannya di negara-negara Arab dan berurusan sejajar dengan syariat Islam seperti di Bahrain dan yang selain darinya.

   Majlis ini boleh membantu dalam perkara ini untuk mengemukakan seruan kepada bank-bank ini agar membaiki urusannya dengan masyarakat Islam.

4. Jika yang sedemikian tidak membolehkan di waktu sekarang ini, maka majlis ini, dengan petunjuk dalil-dalil, kaedah-kaedah dan pertimbangan syariat, berpendapat tidak menjadi kesalahan untuk menggunakan instrumen ini iaitu pinjaman riba bagi membeli rumah-rumah yang diperlukan oleh seorang Muslim untuk tempat tinggalnya dan keluarganya dengan syarat dia tidak mempunyai wang atau harta yang membolehkannya untuk tidak menggunakan instrumen ini. Dalam mengeluarkan fatwa ini, majlis berpegang pada dua asas berikut:

Asas Pertama

Kaedah *'Dharurat mengharuskan sesuatu larangan'*. Ia adalah satu kaedah yang telah disepakati dan diambl dari nas-nas Al-Quran di lima tempat. Antaranya ialah firman Allah taala yang bermaksud

".....padahal sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atasmu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya." (Al-An`am : 119)

Dan firman Allah taala dalam surah yang sama setelah menyatakan makanan-makanan yang haram, yang bermaksud:

”Barang siapa yang dalam keadaan terpaksa sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” (Al-An`am : 145)

Ia juga didasarkan oleh apa yang telah ditetapkan oleh para fuqaha bahawa sesuatu perkara yang bertaraf hajat boleh mengambil hukum dharurat, samada perkara itu khusus atau umum.

Sesuatu perkara yang bertaraf hajat ialah perkara yang jika tidak dicapai akan menjadikan seorang Muslim itu berada dalam kesulitan, walau pun dia masih boleh terus hidup. Ini berbeza dengan perkara dharurat yang mana seorang Muslim tidak boleh hidup tanpanya. Allah taala berhasrat untuk menghilangkan kesulitan dari umat ini dengan nas-nas Al-Quran, sebagaimana firmanNya dalam surah Al-Haj yang bermaksud:

”...dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.” (Al-Haj : 78)

Begitu juga firman Allah taala yang bermaksud

”Allah tidak hendak menyulitkan kamu...” (Al-Maidah : 6)

Tempat tinggal yang menghilangkan kesulitan dari seorang Muslim ialah tempat tinggal yang munasabah baginya dari segi kedudukan, keluasan dan kemudahannya, sehingga ia benar-benar layak dinamakan tempat tinggal.

Walau pun majlis ini telah berpegang dengan kaedah dharurat atau hajat mengambil hukum dharurat, namun ia tidak lupa akan satu kaedah lain yang menyempurnakannya iaitu apa yang dibolehkan kerana dharurat, ia diambil mengikut kadar keperluannya. Maka tidak harus, dalam hal ini, memiliki rumah atas tujuan perniagaan dan lain-lain.

Tidak ragu lagi bahawa tempat tinggal adalah satu perkara yang penting bagi seorang Muslim dan keluarganya. Allah taala berhasrat untuk memberi anugerah kepada hambaNya apabila dia berfirman yang bermaksud:

”Dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumahmu sebagai tempat tinggal...” (An-Nahl : 80)

Nabi s.a.w pula telah menjadikan tenpat tinggal yang luas sebagai satu unsur dari empat atau tiga unsur-unsur kebahagiaan. Rumah sewa tidak memenuhi keperluan seorang Muslim sepenuhnya. Dia tidak merasakan kesejahteraan. Walau pun seorang Muslim telaha membayar sewa yang besar kepada tuan rumah bukan Muslim selama bertahun-tahun, namun dia tetap tidak memliki walau seketul batu pun dari rumah itu. Selain itu, dia sentiasa menghadapi risiko untuk dikeluarkan dari rumah berkenaan, jika ahli keluarga atau tetamunya ramai. Begitu juga jika dia telah tua, kurang atau terputus pendapatannya, dia terdedah kepada risiko dicampak ke tepi jalan,

Memiliki sebuah tempat tinggal menghilangkan dari seorang Muslim kebimbangan ini. Dia juga dapat memilih rumah yang berdekatan dengan masjid, pusat Islam dan sekolah Islam. Ini menyediakan peluang bagi sekumpulan orang-orang Muslim untuk tinggal berdekatan sehingga dapat mewujudkan satu masyarakat Islam yang kecil di dalam sebuah masyarakat yang besar. Dengan suasana seperti itu, anak-anak mereka dapat saling mengenali, menguatkan pula silaturahmi dan dapat pula saling tolong menolong dalam kehidupan sejajar dengan fahaman Islam dan nilai-nilainya yang tinggi.

Ini juga membolehkan seorang Muslim untuk menyedia dan mengurus rumahnya sejajar dengan keperluan agama dan sosialnya, selama mana dia memiliki rumah itu.

Sebagai tambahan bagi sudut keperluan individu Muslim, ialah keperluan umum bagi masyarakat Islam yang hidup sebagai kelompok minoriti di luar negara Islam. Hajat ini berkaitan dengan

usaha untuk membaiki keadaan kehidupan sehingga taraf mereka dapat dipertingkatkan dan layak untuk disifatkan dengan sifat *khairu ummah* (umat yang terbaik) yang dikeluarkan untuk umat manusia. Dengan ini dapat memancarkan gambaran yang baik bagi Islam di hadapan golongan bukan Muslim.

Hajat ini juga berkaitan dengan usaha untuk membebaskan umat islam dari tekanan-tekanan ekonomi ke atas mereka agar dengan itu mereka dapat menunaikan kewajiban dakwah dan menyumbang dalam pembinaan masyarakat umum. Ini tentunya memerlukan seorang Muslim tidak berterusan sepanjang hidupnya terbeban dengan usaha untuk membayar harga sewa rumah dan nafkah keluarganya, sehingga dia tidak ada peluang untuk berkhidmat bagi masyarakat atau menyebarkan dakwah.

Asas Kedua (Sebagai Penyempurna Bagi Asas Pertama)

Ia adalah mengikut apa yang dipegang oleh Imam Abu Hanifah dan sahabatnya Muhammad b. Al-Hasan Asy-Syaibani, ahli fatwa dalam mazhab Hanafi. Begitu juga dengan pandangan Sufyan Ats-Tsauri dan Ibrahim An-Nakha`ii, mengikut riwayat dari Ahmad b. Hanbal dan ditarjihkan oleh Ibn Taimiyah, sebagaimana yang dinyatakan oleh sebahagian ulama Hanbali, akan keharusan bermuamalah dnegan riba dan akad-akad lain yang fasid (rosak / tidak memenuhi syarat) di antara Muslim dan bukan Muslim dan lain-lain di negara bukan Islam.

Ditarjihkan berpegang dengan mazhab ini di sini atas beberapa pertimbangan berikut:

1. Seorang Muslim tidak dibebankan oleh syara' untuk menegakkan hukum-hukum syara' dalam hal ehwal sivil, kewangan dan politik yang berkaitan dengan aturan umum di dalam sebuah masyarakat yang tidak beriman dengan Islam kerana ini bukan dalam bidang kemampuannya. Sesungguhnya Allah taala tidak membebankan satu jiwa kecuali sekadara kemampuannya. Pengaharaman riba adalah di antara hukum-hukum yang berkaitan dengan persoalan kemasyarakatan, falsafah kenegaraan dan arah tuju kemasyarakatan dan ekonomi.

   Seorang Muslim hanya idtuntut untuk menegakkan hukum-hukum yang khusus baginya sebagai individu seperti hukum-hukum beribadat, pemakanan, minuman, pakaian dan yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, rujuk, `iddah, pewarisan dan lain-lain dari unfdang-undang peribadi. Jika perkara-perkara ini menjadi sukar baginya iaitu dia tidak mampu untuk menegakkan agamanya dalam perkara-perkara berkenaan, wajiblah ke atasnya untuk berhijrah ke bumi Allah yang lain yang amat luas jika dia berkemampuan.

2. Jika seorang Muslim tidak bermuamalah dengan akad yang fasid (rosak) ini, antaranya ialah akad riba, di negara masyarakat buakn Muslim, kan menyebabkan iltizamnya kepada agama sebagai satu sebab kelemahan dari segi ekonomi dan kerugian dari segi harta. Sedangkan Islam sepatutnya menguatkan seorang Msulim bukan melemahkannya. Islam menambah bagi seorang Muslim dan tidak mengurangkan. Contoh yang demikian itu ialah hadits yang bermaksud *"Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi darinya"*. Apabila seorang Muslim tidak bermuamalah dengan akad-akad ini yang dipersetujui bersama dengan bukan Muslim, dia akan terpaksa memberi apa yang perlu di beri tanpa mendapan imbalan. Dia melaksanakan undang-undang ini dan akad ini dalam keadaan kerugian baginya bukan keuntungan. Dia sentiasa rugi dan tidak beroleh untung. Dengan ini dia sentiasa dizalimi dalam persoalan harta kerana iltizamnya kepada Islam. Sedangkan Islam tidak bertujuan sama sekali untuk menzalimi seorang Muslim kerana iltizamnya kepada agama. Pada ketika orang bukan Muslim mengambil faedah dari muamalah berkenaan, si Muslim terpaksa meninggalkan muamalah berkenaan di negara bukan Islam kepada bukan Muslim sahaja dan dia diharamkan dari memanfaatkan muamalah dengan bukan Muslim mengikut akad-akad yang ada dan diterimapakai oleh mereka.

Apa yang dikatakan bahawa mazhab Hanafi hanya mengharuskan muamalah dengan riba dalam keadaan seorang Muslim penerima bukan pemberi kerana tiada faedah bagi seorang Muslim dalam memberi riba dan mazhab Hanafi tidak mengharuskan bermuamalah dengan akad yang fasid (rosak) kecuali dengan dua syarat:

1. Hendaklah akad berkenaan mempunyai manfaat bagi seorang Muslim.
2. Hendaklah di dalam akd berkenaan tiada penipuan dan khianat kepada bukan Muslim.

Namun di sini, tiada manfaat yang dicapai bagi seorang Muslim.

Jawaban – Pandangan ini tidak dapat diterima sebagaimana yang ditunjukkan oleh pendapat Muhammad b. Al-Hasan Asy-Syaibani dalam kitab *As-Sair Al-Kabir* dan sifat umum pandangan ulama mazhab terdahulu. Jika diperhatikan, walaupun seorang Muslim membayar faedah bank tetapi dia juga sebenarnya mendaoat manfaat keraan dengan muamalah itu dia dapat memiliki rumah.

Orang-orang Muslim yang hidup langsung di negara-negara ini telah mempertegaskan melalui surat menyurat bahawa ansuran yang perlu dibayar kepada bank seimbal dengan kadar sewa yang dibayar kepada penyewa, bahkan kadangkala lebih rendah. Ini bermakna, jika kita haramkan muamalah riba dengan bank di sini, kita telah mengharamkan pemilikan rumah bagi seorang Muslim dan keluarganya sedangkan ia adalah antara keperluan asasi seorang manusia sebagaimana yang dinyatakan oleh fiqaha. Mungkin sahaja berlalu 20 atau 30 tahun atau lebih, seorang Muslim itu membayar sewa rumah setiap bulan atau tahun sedangkan dia tidak memiliki apa-apa, sedangkan dalam tempoh 20 tahun atau kurang, dia boleh memiliki rumah.

Kalau pun muamalah ini tidak harus di sisi mazhab Hanafi dan mereka yang bersetuju dengannya, ia menjadi harus di sisi semua kerana kadangkala hajat mengambil hukum dharurat dalam mengharuskan sesuatu larangan.

Lebih-lebih lagi, Muslim di sini berfungsi sebagai pemberi makan riba bukan pemakannya, iaitu dia yang memberi bukan menerima. Sedangkan asal pengharaman disandarkan kepada perbuatan memakan riba sebagaimana yang disebutkan oleh ayat Al-Quran. Adapun memberi makan riba diharamkan sebagai penutup pintu kejahatan, sebagaimana diharamkan perbuatan mencatit dan menyaksikannya. Ia termasuk dalam bab pengharaman dari segi wasilah bukan pengharaman dari segi tujuan.

Telah dimaklumi bahawa memakan riba yang diharamkan tidak harus sama sekali. Adapun memberi makan riba dengan erti memberi faedah, ia diharuskan jia ada hajat. Para fuqaha telah menyebutkan yang sedemikian itu dan telah mengharuskan berhutang dengan riba, jika seluruh pintu halal telah tertutup.

Di antara kaedah-kaedah yang masyhur ialah kaedah ’satu benda yang zatnya itu sendiri diharamkan, ia tidak diharuskan kecuali kerana dharurat dan sesuatu yang diharamkan kerana untuk menutup pintu kerosakan, boleh diharuskan kerana hajat. Semoga Allah taala memberi taufiq.

Komentar Sebahagian Ahli Majlis Fatwa & Kajian Eropah

Suratkhabar *Asy-Syarq Al-Awsat* telah menerbitkan komentar dari dua ahli majlis ini. Teks komentar mereka ialah:

Segala puji bagi Allah. Selawat dan salam ke atas nabi Muhammad dan ke atas keluarga, para sahabatnya dan sesiapa yang mengikutinya.

Dua penandatangan di bawah berhasrat untuk menyatakan perbezaan pendapat mengenai keputusan yang berkaitan dengan jual beli rumah melalui pinjaman berriba dari bank yang

diputuskan oleh kebanyakan ahli-ahli majlis. Dua penandatangan di bawah ingin mentsabitkan perbezaan pandangan mereka seperti berikut:

Pertama : Berkaitan Keputusan yang Diambil

Dua ahli majlis yang bertandatangan di bawah berbeza pendapat atas dasar jual beli rumah melalui pinjaman berriba dari bank atau lain-lain adalah haram di sisi syara' dan hujah-hujah yang dibawa untuk mengharuskannya tidak kuat atas dasar-dasar berikut:

1. Keadaan ini tidak sesuai dengan pendapat mazhab Hanafi kerana yang mengharuskan muamalah riba di sisi mereka ialah apabila seorang Muslim itu dia yang menerima riba dan muamalah berlaku dengan orang bukan Muslim di *Dar Al-Harb* secara suka sama suka, sebagaimana yang diperkuatkan oleh ulama Hanafi seperti Kamal b. Al-Hammam dalam kitab *Fath Al-Qadir* dan Ibn `Abidin dalam kitab *Rad Al-Mukhtar*. Kedua syarat yang dinyatakan tadi tidak dipenuhi kerana negara-negara Eropah bukan Dar Al-Harb dan Muslim dalam situas itu sebagai pemberi riba bukan penerima. Oleh itu, `*illah* (sebab hukum) yang menjadi sandaran keputusan itu berbeza, walaupun jka syarat yang kedua tadi cuba diluaskan kepada penerima dan pemberi sekaligus.

   Tambahan lagi, dalil-dalil yang dipegang oleh mazhab Hanafi dalam masalah ini tidak boleh menjadi hujah. Di sini tidak dapat dinyatakan secara meluas pandangan para ulama mengenai dalil-dalil berkenaan. Cukuplah apa yang dinyatakan oleh sebahagian ulama mazhab Hanafi.

   Adapun pendapat yang mengatakan bahawa mazhab Hanafi membahagikan daerah kepada dua, bukan tiga, iaitu samada sebuah daerah itu dikategorikan sebagai *Darul Islam* atau *Darul Harbi*, ia tidak menjejas pendapat kami akan ketidakharusan muamalah ini kerana mazhab Hanafi juga berpendapat bahawa *Darul Kufr* (negara bukan Islam) boleh menjadi *Darul Aman* (negara yang menjalin hubungan keamanan) dan mungkin tidak. Jika daerah berkenaan merupakan *Darul Aman*, tidak halal muamalah ini di dalamnya[21].

2. Sebab kedua mengapa muamalah riba ini tidak harus ialah tidak berlakunya dharurat dari muamalah riba berkenaan, samada ke atas individu atau masyarakat kerana ia tidak memenuhi syarat dharurat yang telah diakui, iaitu:

   a. Hendaklah dharurat itu sesuatu realiti, bukan sesuatu yang dinanti. Dharurat itu samada telah berlaku atau kuat andaian akan wujudnya bahaya yang benar ke atas agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

   b. Hendaklah ia sesuatu yang benar-benar akan menimpa diri sehingga seorang manusia itu berasa takut akan kemusnahan dirinya atau hilang anggota tubuhnya, atau hilang manfaat anngota berkenaan, jika ia tidak melakukan perkara yang dilarang itu.

   c. Orang yang menghadapi dharurat itu tidak mendapati jalan lain kecuali apa yang dilarang[22].

   Keadaan masyarakat Muslim pendatang hari ini, di mana-mana negara Eropap tidak sampai ke tahap sedemikian (dharurat) bahkan tidak juga hampir kepada sedemikian (dharurat). Tambahan lagi kedapatan banyak rumah-rumah di negara-negare ini yang dapat

[21] Kita teleh melihat sebelum ini bahawa mereka menganggap negara berstatus *Dar Al-Muwadaah* (negara yang berada dalam gencatan senajat) sama seeperti *Dar Al-Harb* dalam hukum.

[22] Kedua pengkritik ini menumpu kepada aspek dharurat. Sedangkan majlis menumpukan fatwanya pada aspek hajat yang mengambil hukum dharurat. Apa yang dinyatakan oleh kedua pihak ini tidak berfaedah bagi dakwaan mereka.

menghilangkan dharurat berkenaan.

3. Berdasarkan pengalaman kami tinggal di Eropah, kami tidak berpendapat wujdunya hajat yang penting yang mengambil hukum dharurat sehingga para pendatang Muslim perlu melibatkan diri dalam muamalah riba ini, apatah lagi mengambil pinjaman berriba bagi mempunyai tempat tinggal yang sesuai dari segi keluasan dan kedudukannya sebagaimana yang diputuskan oleh majlis.

4. Kami berpendapat bahawa kelemahan ekonomi para pendatang Muslim yang dinyatakan oleh keputusan majlis bukan kerana tidak bermuamalah dengan muamalah riba ini tetapi disebabkan oleh perpecahan dan kerana tidak menggunakan harta mereka sebaiknya, sebaliknya ia diletakkan di institusi-institusi riba yang hanya menambah kekuatan dan manipulasi atas kekuatan dan manipulasi yang telah sedia ada.

5. Keputusan majlis tidak menyebut akan hukum mengenai jual beli bukan rumah melalui pinjaman berriba. Ini akan menyebabkan ramai individu-individu dari masyarakat pendatang Muslim lebih berani dan condong untuk bermuamalah dengan riba yang nyata di Eropah kerana bersandar dengan fatwa ini.

Kedua : Pendapat Kami Mengenai Fatwa Ini

Dua pihak yang menandatangani perbezaan pendapat ini berpendapat bahawa pembelian rumah melalui pinjaman berriba di Eropah tidak sampai ke tahap dharurat dan tidak didorong oleh hajat yang mengambil hukum dharurat. Mereka berpendapat bahawa cara ini adalah haram di sisi syara'. Tidah boleh menggunakannya kecuali jika seseorang itu tidak ada rumah untuk dia tinggal, walau pun melalui cara menyewa yang munasabah. Dia juga tidak mempunyai harta untuk membeli rumah atau tidak mendapati sesiapa yang boleh memberi pinjaman (tanpa riba) atau dia tidak mendapati jalan lain yang syar'ii yang membantunya untuk membeli rumah seperti kaedah jual beli *murabahah* yang memberi penambahan ke atas harga sebagai imbalan ke atas tambahan tempoh pembayaran. Hendaklah pula rumah yang dibeli (melalui pinjaman riba atas dasar dharurat, pent.) tidak melebihi dari kadar yang diperlukan, seperti rumah yang mempunyai jumlah bilik dan kemudahan yang melebihi dari yang diperlukan atau ia mempunyai kriteria-kriteria yang tinggi yang menuntut jumlah yang melebihi dari hajat.

Selawat dan salam ke atas nabi Muhammad, ahli keluarganya dan sekalian para sahabatnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Dr. Muhammad Al-Barazi, Denmark.
Dr. Suhaib Hasan Abdul Ghaffar, London.

Sanggahan Kami Terhadap Komentar

Kami telah menyanggah komentar ini di akhbar *Asy-Syarq Al-Awsat* sendiri. Akhbar aberkenaan telah menerbitkannya di bawah tajuk "Sheikh Al-Qaradhawi : Penentuan Hajat Orang Ramai Bukan Di Tangan Seorang Faqih (Ahli Fiqh) sahaja".

Akhbar berkenaan melaporkan:

Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi, Ketua Majlis Fatwa & Kajian Eropah, telah menafikan bahawa keputusan majlis berkenaan keharusan membeli rumah-rumah melalui pinjaman berriba di negara-negara bukan Islam tentumpu kepada pandangan mazhab Hanafi. Majlis berkenaan tidak tertumpu hanya pada mazhab Hanafi tetapi menyebutnya sebagai penguat dan penyokong. Dalil yang menjadi tumpuan majlis berkenaan ialah 'hajat' yang mengambil hukum dharurat di sisi golongan minoriti Muslim di negara bukan Islam.

Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi telah berkata kepada *Asy-Syarq Al-Awsat*:-

Sesungguhnya Majlis Fatwa dan Kajian Eropah telah mengeluarkan ketetapannya mengenai pembelian rumah setelah dikemukakan kepadanya beberapa kajian dari sebahagian ahli-ahlinya dan dibentangkan kepada mereka. Isu berkenaan telah dibincangkan secara terbuka dan setiap ahli telah memberi sumbangan perspektif dalam suasana yang penuh kebebasan, tanpa kira samada dia bersetuju atau tidak. Majlis ini kemudian mengambil ketetapan mengikut pandangan majoriti, sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaannya. Ia adalah ketetapan majoriti yang ramai."

Banyak majlis-majlis telah berjalan mengikut aturan ini iaitu membuat ketetapan berdasarkan majoriti. Sebahagian darinya tidak menyatakan mengenai mereka yang bercanggah sama sekali sebagaimana yang berlaku dalam Majlis Fiqh Islam Antarabangsa yang duduk di bawah pertubuhan Muktamar Islam. Sebahagian pula membenarkan ahli yang berkeberatan atau berbeza pandangan untuk menyatakan keberatan dan perbezaan pandangannya di dalam persidangan, sebagaimana yang berlaku dalam Majlis Fiqh Islam yang berada di bawah *Rabitah Al-Alam Al-Islami* yang berpusat di Mekah tetapi ketetapan dikeluarkan atas nama semua. Inilah juga yang berlaku di Majlis Fatwa dan Kajian Eropah iaitu ahli menyatakan keberatannya jika dia mahu. Bahkan ini juga yang berlaku di pelbagai pelbagai institusi antarabangsa di timur dan bara, di majlis menteri-menteri, majlis perwakilan rakyat, majlis fatwa, badan kajian dan lain-lain Kita tidak melihat dalam mana-mana majlis fiqh di dunia Islam mana-mana ahli yang berbeza pendapat keluar dengan pendapatnya dan mengedarkannya di akhbar-akhbar, memburuk-buruk sahabat-sahabatnya yang tidak kurang ilmu dan wara', kalau pun tidak melebihi darinya.

Adapun mengenai penjelasan yang dikeluarkan oleh tiga[23] orang dari ahli Majlis Fatwa dan Kajian Eropah yang menyatakan perbezaan pendapat mereka terhadap ketetapan majlis mengenai keharusan pembelian rumah melalui pinjaman-pinjaman berriba di negara-negara bukan Islam, Sheikh Al-Qaradhawi berkata "Ini bukan tingkah laku yang baik sama sekali dalam kerja berjamaah dan berorganisasi. Apa yang menyedihkan ialah ahli yang mencetus pernyataan yang pelik ini dengan diperhatikan oleh orang-orang lain, tidak amanah dalam kritikan dan perbezaan pendapat yang dinamakan sebagai ilmiah kerana ini menyatakan sesuatu yang bukan tidak terlintas dalam pemikiran majlis ini. Bahkan kesemuanya telah dinyatakan secara jelas, dibincangkan dan disanggah. Kritikannya itu pula penuh dengan kesilapan. Lahaula wala quwwata illa billah. Beliau menumpu pada mazhab Hanafi sedangkan majlis tidak hanya menumpu pada mazhab Hanafi tetapi ia menyebutnya hanya sebagai penguat dan penyokong. Sebahagian ahli telah meminta agar dibuang *istidlal* dengan mazhab Hanafi kerana takut akan disalahguna oleh sebahagian pihak.

Dalil yang menjadi tumpuan majlis ini ialah 'hajat' yang mengambil hukum dharurat dan kami maksudkan ialah hajat kelompok minoriti Muslim di negara-negara mereka berhijrah untuk memiliki rumah. Penentuan hajat ini pula bukanlah di tangan seorang alim dalam fiqh semata-mata. Ia bukan masalah agama. Bahkan ia perlu dirujuk kepada para pakar dan mereka yang arif mengenai masalah orang ramai. Bahkan ia perlu dirujuk kepada orang ramai sendiri."

Bukan menjadi hak seorang alim untuk mendakwa bahawa ia lebih tahu akan hajat keperluan manusia dari teman-temannya yang lain, bahkan mendakwah dia lebih tahu akan hajat keperluan orang ramai dari orang ramai itu sendiri. Seorang alim yang benar adalah seorang yang tawaduk dan menghormati pandangan-pandangan orang lain, khususnya pandangan dari sahabat dan teman-temannya, sebagaimana juga dia menghormati agama mereka dan rasa takut mereka kepada Tuhan. Seorang yang memudahkan bagi orang ramai tidak bermakna lebih rendah pegangan agama dan sifat waraknya dibandingkan orang yang berpandangan ketat.

Pernyataan Persekutuan Ulama Syariah di Amerika

[23] Sebenarnya jumlahnya hanyalah dua orang, sebagaimana yang kita lihat pada tandatangan keduanya.

Ini diperkuatkan lagi oleh pernyataan yang dikeluarkan oleh persidangan ulama syariah di Amerika Utara yang berlaku pada 10 – 13 Syaban 1420 bersamaan dengan 19 – 22 November 1999. Teks pernyataannya ialah:

Para peserta persidangan yang dianjurkan telah dibentangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk di Amerika untuk memperolehi rumah-rumah tempat tinggal berdasarkan amalan yang sedang berlaku iaitu melalui sewa atau pemilikan melalui pinjaman bercagaran. Mereka telah merumuskan seperti berikut:

Pertama

Persidangan ini berpesan kepada umat Islam yang menetap di negara-negara Barat dan institusi-institusi pelaburan di negara-negara Islam agar;

a. Berusaha untuk menawarkan alternatif-alternatif Islam bagi menghuraikan masalah pembiayaan rumah dengan mewujudkan jumlah institusi kewangan Islam dan koperasi rumah (yang diharapkan untuk menjaga keperluan golongan berpendapatan terhad) yang mencukupi agar dapat terkeluar dari suasana rukhsah dan dharurat kepada suasana asal dan bebas dari dharurat.

b. Berusaha untuk menyokong dan menguatkan institusi-institusi Islam yang baru muncul dalam usaha melaksanakan hukum-hukum fiqh muamalah Islam bagi membolehkannya untuk mewujudkan alternatif-alternatif tadi.

c. Mempelajari kontrak-kontrak yang sedang berlaku sekarang di bank-bank ini untuk membiayai pembelian rumah agar dapat mencapai kepada satu bentuk yang tidak bercanggah dengan hukum-hukum syariat Islam dan berusaha untuk meyakinkan bank-bank untuk beramal dengannnya.

Kedua

a. Tempat tinggal adalah salah satu dari hajat asasi yang perlu dipenuhi, samada melalui sewa atau pemilikan.

b. Penyewaan rumah bagi seorang Muslim yang menetap di Amerika tidak terlepas dari banyak kesulitan antaranya ialah berkaitan dengan saiz keluarga dan pilihan tempat yang sesuai untuk tempat tinggal atau manipulas tuan-tuan rumah ke atas para penyewa.

c. Jalan yang ada sekarang ini bagi memiliki rumah ialah melalui kemudahan-kemudahan bank (pinjaman bercagaran) dengan melangsaikan harga kepada si penjual dan si pembeli membayar secara ansuran yang pada asalnya ialah amalan riba. Tidak harus bagi seorang Muslim menggunakannya jika ada alternatif yang dapat memenuhi keperluannya sejajar dengan syariat seperti berkontrak dengan sebuah syarikat mendahulukan pembiayaan atas dasar jual beli bertangguh atau *murabahah* atau perkongsian atau lain-lain.

d. Jika seorang Muslim berhasrat untuk membeli rumah melalui melalui kemudahan bank dan tiada alternatif lain di sisi syara', majoriti peserta muktamar ini berpendaoat bahawa harus memiliki tempat tinggal melalui kemudahan bank *(mortgage)* disebabkan hajat yang mengambil hukum dharurat. Ia hendaklah memenuhi dua syarat: seorang Muslim itu berada di luar negara Islam dan tindakan itu memenuhi hajat bagi penduduk Muslim di negara bukan Islam secara umum, bagi menolak mafsadah (kebinasaan) dari segi sosial, ekonomi, akhlaq dan agama serta bagi memenuhi maslahat yang dapat memelihara agama dan identiti Islam. Rumah yang dibeli hendaklah terhad bagi tujuan tempat tinggal yang diperlukan sahaja dan bukan untuk tujuan perniagaan atau pelaburan.

Ada pihak yang berpendapat penggunaan kemudahan bank seperti ini adalah dilarang, walau pun jika ia memenuhi syarat hajat yang mengambil hukum dharurat. Memadai pula hanya dengan menyewa sebagai alternatif bagi memiliki rumah dengan berpegang kepada pandangan fiqh yang mengharamkan riba' di dalam dan di luiar negara Islam – bahawa riba itu tidak diharuskan kecuali atas dasar dharurat di sisi syara' dan bukan atas dasar hajat sekalipunj jika hajat itu bersifat umum, tanpa benar-benar melihat akan kelebihan khusus yang diketahui akan terlepas dari si penyewa.

Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan oleh para pakar berkaitan kontrak-kontrak yang diamalkan hari ini bagi pembelian rumah telah nyata bahawa sebahagian dari kontrak-kontrak ini amat mirip dengan akad jual beli bertempoh dan bercagar. Kaedah yang dipakai di sini ialah 'Yang menjadi pegangan dalam masalah akad ialah maqasid (tujuan-tujuan) dan ma`ani (erti sesutu perkara) bukan lafaz-lafaz (perkataan) dan mabani (rupa bentuk)', maka pemurnian kontrak ini boleh dilakukan dengan mengubah istilah-istilah yang digunakan di dalamnya.

Semua para peserta telah memppertegaskan akan haramnya pinjaman mengandungi faedah bank kerana ia termasuk dalam riba yang diharamkan. Pendapat akan harusnya memiliki tempat tinggal melalui bank dengan syarat-syarat yang dinyatakan tadi adalah hanya sebagai hukum pengecualian, disebabkan dharurat yang terbatas pada kadar yang diperlukan atau hajat yang mengambil hukum dharurat. Adapun hukum asal kekal sebagai haram.

Persoalan Dan Jawaban

Sebahagian saudara-saudara kita telah bertanya "Adakah tidak boleh menggunakan muamalah secara *murabahah* yang dioperasikan oleh institusi-institusi kewangan Islam sebagai alternatif kepada pembelian rumah melalui bank?"

Jawaban bagi soalan ini ialah tidak terdapat institusi Islam di negara Barat yang mengoperasikan sistem murabahah dan lain-lain.

Dari sudut lain, kami dapati bahawa *murabahah*, sebagaimana yang dioperasikan di bank-bank Islam, tidak menyelesaikan masalah pemilikan rumah di negara Barat hari ini kerana muamalah secara *murabahah* menuntut di awal-awalnya, pembayaran sekitar 30% dari nilai rumah yang hendak dibeli kerana bank-bank Islam tidak menagguhkan tempaoh pembayaran harga rumah lebih dari lima tahun sedangkan bank-bank Barat yang biasa menagguhkan tempoh pembayaran sehingga sekitar 30 tahun. Ini menyenangkan orangbiasa untuk membuat pembayaran kerana tempoh yang panjang dan jumlah pembayaran yang sedikit.

Kajian Dr. Nazih Hammad

Saudara kita Dr. Nazih Hammad, seorang pengkaji yang berilmu dan mulia, telah membuat satu kajian ringkas dan bernilai sekitar hukum bermuamalah dengan riba di *Dar Al-Harb* atau di luar negara Islam. Di dalamnya dia telah mentarjihkan hukum tidak harus dan telaha menolak dalil-dalil pegangan mazhab Hanafi yang mengharuskannya.

Saya menghormati pandangannya. Adalah menjadi hak seorang yang berilmu, bahkan menjadi kewajibannya, untuk mengambil pandangan yang memuaskan akalnya dan berpegang dengan dalil yang dipandang sahih. Tiada sesiapa pun berhak untuk memaksa beliau agar berpaling dari pendapatnya kepada pendapat orang lain.

Apa yang dapat dipuji Dr. Nazih dalam kajiannya ialah ia berusaha untuk menggarap kesemua dalil-dalil mazhab Hanafi lalu menyanggah setiap satu dari dalil berkenaan. Beliau hampir telah menggarap semua dalil-dali itu dan tidak melakukan seperti kebanyakan orang lain yang hanya bersandar kepada satu hujah sahaja iaitu *masalih mursalah* (pertimbangan maslahat). Apabila mereka dapat melemahkan hujah yang satu ini sahaja, mereka menggurkan keseluruhan pandangan mazhab ini.

Saya katakan dia hampir menggarap semua dalil-dalil kerana dia tidak membawa dalil yang dinyatakan oleh Imam Muhammad b. Al-Hasan dalam kitab *As-Sair Al- Kabir* iaitu riwayat yang berkaitan dengan kes Bani Nadhir.

Apa yang dapat saya rumuskan dari kajian saudara saya Dr. Nazih ialah dua perkara:

Pertama : Dia mengambil secara harfiyah (apa yang tersurat, secara literal) dari mazhab Hanafi semata-mata dan tidak mengambil maksud (apa yang tersirat) atau semangat dari mazhab berkenaan. Ini tertonjol dalam pertimbangannya bahawa mazhab Hanafi mengharuskan pengambilan faedah bank, dan bukan pemberiannya.

Jika kita dituntut untuk memahami nas-nas syariat berdasarkan maqasid (tujuan-tujuan)nya dan tidak berhenti setakat pada makna zahirnya, bagaimana boleh kita hanya berhenti setakat pada erti zahir teks-teks para fuqaha' dan tidak menyelami maksud-makusd serta semangatnya?

Berdasarkan pembacaan saya terhadap apa yang ditulis oleh Dr. Hammad dan pertemuan saya dengannya, saya tahu dia bukanlah seorang yang berpegang dengan mazhab Zahiriah moden, bukan pula dari kalangan golongan literalis dan bukan pula dari kalangan yang sempit fikiran Bahkan dia mempunyai pelbagai kajian baru yang baik yang condong kepada memudahkan dan kesederhanaan, walau pun ianya tidak dpopular dan disukai seperti kajian beliau mengenai surat jaminan *(security paper).*

Apakah kaitan dengan persoalan seorang yang literalis dan sempit fikiran?

Maksud di sebalik pandangan mazhab Hanafi ialah mengembangkan harta seorang Muslim dan memeliharanya, serta tidak membiarkan orang lain memanupulasi dan mengambil manfaat di belakangnya, sedangkan dia tidak mendapat apa-apa faedah langsung. Dalam isu kita sekarang ini, seorang Muslim itu mendapat keuntungan dan faedah, walau pun dia membayar faedah bank.

Kita juga telah menerangkan sebelum ini dalam komentar kita terhadap fatwa Sheikh Az-Zarqa bahawa apa yang dia nukil dari mazhab Hanafi dalam perkara berkenaan tidak diteriam di sisi ulama mazhab Hanafi yang awal.

Satu perkara lagi ialah Dr. Nazih telah mentafsirkan erti *Darul Harbi* bukan dengan apa yang ditafsirkan oleh mazhab Hanafi. Di sisi mazhab Hanafi, *Darul Harbi* bermaksud daerah yang bukan negara Islam yang meliputi *Darul `Ahd* (daerah yang mengikat perjanjian keamanan) dan *Darul Muwada`ah* (daerah yang mempunyai perjanjian gencatan senjata) kerana pembahagian daerah di sisi mazhab Hanafi adalah dua sahaja.

Kedua, Dr Nazih telah menidakkan hajat individu-individu Muslim dan hajat masyarakat Muslim di negara Barat, yang mana dia telah tinggal di sana sejak beberapa tahun dahulu, untuk memiliki tempat-tempat tinggal bagi mereka dan keluarga mereka dan terlepas dari kekuasaan golongan yang mampu mengahalu mereka (dari rumah yang disewa) pada bila-bila masa, khususnya jika ramai ahli keluarganya.

Mungkin ini kerana beliau tinggal di Kanada yang mana masyarakat di sini lebih berkeupayaan dari masyarakat lain. Kebanyakan dari hajat keperluan mereka pula telah terpenuhi serta kemudahan bantuan sosial lebih besar dan luas. Lalu dia membina pendapat bahawa semua minoriti Muslim di Barat dan di dunia berada dalam situasi yang kesenangan dan kelapangan yang sama.

Ramai para ulama fiqh hari ini menetapkan kaedah-kaedah fiqh yang amat penting seperti kaedah 'dharurat mengharuskan larangan', 'hajat mengambil hukum dharurat, secara khusus atau umum', 'kesulitan mendatangkan kemudahan', 'jika kedaan menjadi sempit, ia akan

membawa keluasan', 'fatwa berubah dengaan perubahan tempat, masa, adat dan keadaan' dan lain-lain. Namun, mereka tetap susah untuk mengaplikasikan kaedah-kaedah ini pada realiti. Walau bagaimana pun, pada persepsi saya saudara Dr. Nazih bukan dari kalangan mereka yang seperti ini.

Penyelesaian Yang Dicadangkan Oleh Dr. Abdul Sattar Abu Ghuddah

Dr. Abdul Sattar Abu Ghuddah, seorang yang dianggap sebagai salah seorang fuqaha yang terkemuka dalam bidang muamalah di zaman kita hari ini, telah membentangkan satu kertas kerja yang bernilai di muktamar ulama syariah di Amerika (November 1999). Dalam kertas berkenaan, beliau telah mengemukakan beberapa penyelesaian bagi masalah ini yang dimenggambarkan kefahaman fiqh yang teliti dan pandangan yang dalam terhadap syariah dan realiti sekaligus. Beliau berkata:

Kesemua penyelesaian yang dicadangkan adalah berdasarkan pertimbangan bahawa isu pokok ialah pembelian bertangguh.... Yang demikian itu adalah kerana objek muamalah iaitu rumah, menjadi sempurna penerimaannya setelah melunaskan harga. Bukan tujuan utama untuk mengambil pinjaman berriba. Muamalah berkenaan menjadi haram kerana adanya pinjaman berriba (bukan kerana bentuk muamalah itu sendiri adalah haram, pent.).

Secara zahir, di sana sebenarnya terdapat dua muamalah yang berbeza antara satu dengan yang lain, iaitu:

1. Muamalah jual beli bertangguh yang berlaku antara seorang pembeli Muslim dengan penjuan bukan Muslim(pemilik asal rumah berkenaan). Ini adalah jual beli yang dibenarkan syara'.

2. Muamalah penerimaan wang dari bank untuk membayar harga kepada si penjual serta pembayaran ansuran hutang antara pembeli Muslim dan bank. Ini adalah operasi pinjaman berfaedah. Ia adalah satu muamalah yang haram.

Cara yang syar'ii yang mana muamalah menjadi sah ialah adanya muamalah dari satu pihak iaitu si pembeli dan satu pihak lain iaitu penjual bukan Muslim atau bank beririba, jika dia mempunyai hak dalam menyempurnakan jual beli secara langsung atau melalui syarikat yang bernaung di bawahnya ..... hasil dari jual beli itu ialah si penjual mendapat hak harga yang tertangguh melalui hutang berkenaan dan di dalam penangguhan terdapat penambahan ke atas harga. Para fuqaha telah menetapkan bahawa tempoh penangguhan mempunyai bahagian dalam penentuan harga.

Saya akan kemukakan beberapa cadangan penyelesaian yang berdasarkan atas asas penggabungan antara muamalah jual beli dan muamalah pembiayaan dari bank. Ini memerlukan perbincangan dibataskan pada penelitian terhadap kontrak-kontrak yang digunakan bagi muamalah ini. Ia adalah kontrak-kontrak yang rumit sehigga menjadi tidak jela sdari segi bentuk dan kandungannya. Ia memerlukan pemerhatian bersama dari pihak pengamal (practicioner), pakar undang-undang dan pakar syariat.

Penyelesaian yang dicadangkan ini, jika tidak sesuai dengan realiti muamalah, mungkin dapat dicadangkan kepada para penjual rumah-rumah yang bukan Muslim. Mungkin mereka akan menerimanya sebagai satu alternatif, setelah segala urusan yang diperlukan oleh peneylesaian ini disempurnakan dan setelah menghilangkan segala anasir dan syarat-syarat yang tidak sesuai bagi penyelesaian yang dicadangkan. Ini memerlukan usaha dari institusi-institusi yang berkenaan berserta dengan kerjasama dari kalangan umat Islam yang ingin memperolehi tempat tinggal. Kesemua ini agar dapat memuaskan pihak-pihak yang terbabit dengan penyelesaian-penyelesaian ini yang mana si penjual buakn Muslim mendapat apa yang menjadi haknya dan pada waktu yang sama memenuhi segala syarat-syarat yang menenengkan hati seorang Muslim.

Jalan untuk menjadikan penyelesaian-penyelesaian ini sejajar dengan syariat ialah dengan membaiki proses muamalah dari aspek kedua iaitu mendapatkan aliran wang bagi membayar

harga barang dengan tunai kepada penjual dan ansurannya ke atas pembeli pula. Adapun aspek pertama, tidak ragu-ragu lagi bahawa ia adalah jualan bertangguh. Ia tidak berbeza sekiranya seorang Muslim membeli rumah kemudian membayar harganya secara tunai, jika dia mampu. Masalah sebenar terletak pada aspek kedua (aspek pembiayaan).

Jika kita dapat mengubah proses berkenaan melalui ikatan-ikatan yang mengiktanya kepada satu bentuk muamalah syar'ii antara pembelian dan pembayaran harga, iaitu dengan menjadikan pembayaran harga pembelian rumah kepada bank merupakan tindakan menunaikan komitmen bukan menunaikan hutang berriba atau dengan kata lain pembayaran bank kepada adalah atas dasar ia sebagai wakil penerima bagi pihak penjual rumah, atau rakan kongsinya atau pihak yang membeli hutang dari si penjual rumah. Perincian bagi segala yang dinyatakan tadi adalah seperti berikut:

Pembelian Bertempoh Berserta Penjualan Hutang Antara Penjual Bukan Muslim Dan Bank

Cadangan ini yang dikemukakan untuk kajian dan perbincangan ialah untuk melihat sejauh mana pembelian rumah-rumah dari bank berriba boleh dikeluarkan kepada muamalah jual beli bertangguh. Perkara ini telah dinyatakan dalam penerangan yang disediakan mengenai topik ini dan terkandung dalam perkara 11 dari kertas kerja.

Dengan mengambil kira akan penglibatan pihak-pihak bukan Muslim dan aspek-aspek yang tidak sejajar dengan Islam dalam muamalah berriba ini, maka hendaklah dikaji adakah ia merupakan pembelian rumah secara bertangguh? Pada masa yang sama wujud persetujuan dua pihak, antara penjual bukan Muslim dnegan bank berriba untuk menjual hutang bagi penjual kepada bank dengan harga yang lebih rendah dari kadar sebenarnya ertinya si penjual bukan Muslim memindahkan seluruh harga penjualan rumah yang merupakan haknya ke atas pembeli Muslim kepada bank dengan kadar yang lebih rendah. Ertinya si penjual bukan Muslim memindahkan seluruh harga jualan rumah ke atas si pembeli Muslim dengan diskaun. (Dengan ini, pembeli Muslim melunaskan harga pembelian rumah secara bertangguh kepada bank bukan kepada penjual rumah bukan berkenaan, pent.)

Telah diketahui bahawa jual beli rumah menuntut diskaun pada harga bagi pihak bank. Oleh itu, wujud di sana dua muamalah. Yang pertama ialah pembelian bertangguh antara si pembeli dan penjual. Ini adalah harus. Adapun muamalah yang kelain ialah diskaun terhadap hutang dan invois. Ia menjadi komitmen pihak bukan Muslim dan bank berriba tanpa apa-apa kaitan secara langsung dengan si pembeli Muslim. Si pembeli Muslim bukan salah satu pihak dalam muamalah berkenaani. Adapun kedudukannya sebagai pihak yang berkaitan tidak langsung bagi muamalah berkenaan, ia termasuk dalam perkara-perkara *zari`ah* (keburukan) yang tidak dapat dihalang kerana kesulitan untuk menghalang semua *zari`ah* (keburukan). Para fuqaha dan ulama Usul telah menetapkan bahawa di sana terdapat *zari`ah* (keburukan) yang tidak disyriatkan untuk dihalang kerana sebab kesulitan.

Natijah Dari Cadangan Ini

- Menanggapi muamalah ini sebagai pembelian bertangguh.

- Tiada pertanggungjawaban secara langsung terhadap transaksi bukan Muslim yang mempunyai kaitan dengan muamalahnya bersama seorang Muslim.

Dalam hal ini, mensifatkan perbuatan pembeli membayar kepada bank secara bulanan sebagai pembayaran kepada harga jualan bukan pelunasan hutang bukan satu perkara yang ganjil. Gambaran berkenaan wujud atas dua pertimbangan berikut:

Pertama ialah objek muamalah ini ialah penerimaan aset (tempat tinggal). Pertimbangan kedua ialah hubungan yang termetrai antara penjual bukan Muslim dengan bank bagi menyempurnakan

muamalah. Hubungan ini pula terbit dari bentuk disamping memastikan sampainya bayaran terhadap harga rumah secara penuh kepada si penjual:

a. Pemilik asli rumah bersetuju untuk menjual rumah kepada si Muslim secara ansuran.

b. Persetujuan yang berjamin antara si penjual dan bank untuk menyegerakan pembayaran ansuran itu dan menjadikan urusan ini sebagai penjualan hutang si pembeli kepada penjual kepada bank.

Ini menuntut kepada diskaun bagi hutang, sebagaimana yang berlaku dalam diskaun terhadap invois atau cagaran. Kalau pun invois atau cagaran tidak wujud, sesungguhnya komitmen yang telah diperkuatkan dengan jaminan antara si penjual dan pembeli sama kuatnya dengan invois dan cagaran. Dengan itu si penjual mengalihkan pembayaran si pembeli kepada pihak bank.

Yang tinggal sekarang ini ialah masalah cagaran bagi rumah untuk mengukuhkan hutang yang terbit dari muamalah ini. Jika muamalah ini dianggap sebagai penjualan bertangguh (berserta apenjualan hutang dari penjual rumah kepada bank), tiada masalah apa-apa bagi cagaran ini kerana ia bertujuan untuk memperkuatkankat muamalah yang sah. Cagaran di sini mengambil hukum muamalah yang melibatkan cagaran (pergadaian). Maka persoalan penerusan cagaran setelah bank membeli hutang dari penjual rumah jatuh dalam pesoalan perjanjian dengan orang bukan Muslim. Maka hukumny amengikut hukum berkenaan kerana hutang yang sah yang diperkuatkan dengan cagaran, jika pihak yang mendapat faedah dari cagaran itu menjual (tidak semestinya sesuai dengan syariat), tidak pihak yang telah membuat komitmen untuk membatalkan cagaran itu kerana cagaran itu hanya terbatal dengan melangsaikan hutang atau apabila si pemberi hutang menghalalkan hutangnya. Ini adalah antara aplikasi kaedah syara' yang berbunyi 'boleh dimaafkan sesuatu perkara atas dasar ia telah sedia wujud tetapi ia tidak dapat diharuskan atas dasar ia baru hendak diwujudkan'.

Berbeza jika cagaran itu dibuat untuk menjamin hutang si pembeli Muslim kepada bank. Dalam hal ini, cagaran tidak harus kerana ia mengikut hukum haramnya hutang berriba. Keharusannya kekal dalam situasi dharurat sahaja. Jika diperhatikan dengan teliti, cagaran berkenaan merupakan transaksi sampingan dan bukan sebagai transaksi utama yang diharamkan.

Muamalah Pembelian Bertangguh, Manakala Penjual Dan Bank Menjadi Rakan Kongsi Penjualan Rumah

Cadangan yang dibentangkan untuk kajian dan perbincangan ini juga untuk melihat kemungkinan mewujudkan jalan keluar pembelian rumah-rumah dari bank berriba. Bentuk muamalah yang dicadangkan ialah kontrak yang melibatkan secara langsung si penjual bukan Muslim yang mana si penjual bukan Muslim itu melakukan persetujuan yang bercagar dengan bank untuk berkongsi bagi menyempurnakan jual beli.

Dalam hal ini, si penjual dan bank dengan menandatangani kontrak jual beli. Kedua belah pihak kemudian membahagi keuntungan hasil penjualan rumah itu mengikut kadar yang dipersetujui bersama yang dibuat berasaskan muamalah riba' yang diterapkan antara mereka berdua tanpa penglibatan langsung si pembeli Muslim.

Adapun kedudukan si pembeli Muslim sebagai pihak yang tidak secara langsung dalam muamalah berriba ini, ia adalah satu *zari`ah* (keburukan) yang tidak wajib dihalang. Aspek-aspek syariah yang lain yang berkaitan dengan muamalah ini telah diperkatakan dalam cadangan penyelesaian yang pertama.

Muamalah Penjualan Bertangguh, Manakala Bank Berfungsi Sebagai Wakil Penjual Walaupun Secara Berjamin

Cadangan ini juga dikemukakan sebagai bahan kajian dan perbincangan. Ia adalah satu cadangan jalan keluar atas asas muamalah penjualan bertangguh. Yang terlibat secara langsung ialah pihak bank selaku wakil bagi si penjual, ia adalah perwakilan bercagar berdasarkan prinsip muamalah bersama dan kebiasaan umum.

Amalan ini bolehlah dilihat sebagai satu muamalah yang mengandungi penjualan bertangguh antara si penjual bukan Muslim dan si pembeli Muslim. Melalui konsep perwakilan bercagar antara pihak bank dan si penjual bukan Muslim, natijah keuntungan dari penjualan rumah dikongsi bersama oleh kedua pihak ini.

Adapun aspek-aspek syariah yang lain telah pun diperkatakan dalam perbicaraan mengenai cadangan penyelesaian yang pertama.

Semoga Allah taala memberi ganjaran kepaad Dr. Abu Ghuddah. Beliau telah mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian untuk saudara-saudaranya para ulama yang mempunyai keprihatinan dalam isu ini dan pakar dalam bidang ini membincangkan membincangkannya. Moga-moga mereka dapat menerima cadangan-cadangan ini atau sebahagian darinya atau menambah beberapa syarat-syarat yang dapat mengubah bentuk muamalah yang dilarang kepada yang diharuskan.